

Penaungan
dalam Kepimpinan
Politik Melayu

TELAH DISEMAK

SIRI POLITIK MALAYSIA

Siri ini diwujudkan bagi menampung tulisan dan penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang khusus menyorot perkembangan politik tanah air. Judul-judul yang telah diterbitkan menyentuh aspek politik pelbagai kaum dan etnik, politik kepartian, teori politik, dan pilihan raya. Pada masa akan datang lebih banyak judul bakal diterbitkan dalam siri ini yang akan membahaskan isu hubungan kerajaan negeri dan persekutuan, tokoh, konflik politik dan pelbagai teori dalam ilmu sains politik.

Aminuddin Mohd. Yusof & Mohd. Ali Kamaruddin. 1988. *Kepemimpinan Pemuda UMNO*. ISBN 967-942-135-X.

Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development: Their Pattern and Change*. ISBN 967-942-301-8(kk) ISBN 967-942-484-49(K1)

Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya: The Dynamics of British Policy*. ISBN 967-942-505-3

Ghazali Mayudin. 2002. *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*. ISBN 967-942-559-2

Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. 2002. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. ISBN 967-942-562-2.

Kamarulnizam Abdullah. 2002. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. ISBN 967-942-592-4.

Jamaie Hamil. 2003. *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*. ISBN 967-942-643-2

Mohd Ashraf. 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu*. ISBN 967-942-632-7

Jayum A. Jawan. 2004. *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*. ISBN 967-942-679-3.

Mohd Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-90*. ISBN 967-942-646-7

Penaungan
dalam Kepimpinan
Politik Melayu
UMNO
Kelantan
1946-90

Mohd Ali Kamarudin

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2004
<http://www.penerbit.ukm.my>

Cetakan Pertama / First Printing, 2004
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
<http://www.penerbit.ukm.my>

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 198302

Atur huruf oleh / Typeset by
RTS TYPESETTING AND TRADING
No. 23A, Jalan Seri Sarawak 17,
Taman Sri Andalas, 41200 Klang,
Selangor D.E., MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
MALINDO PRINTERS SDN BHD
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,
40000 Shah Alam, Selangor D.E.

25 MAY 2005

NASKAH PEMELIHARAAN

Perpustakaan Negara Malaysia / PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA / *Library-in-Publication Data*

Mohd. Ali Kamarudin

Penaungan dalam kepimpinan politik Melayu UMNO Kelantan 1946-90 / Mohd. Ali Kamarudin.

Mengandungi indeks

Bibliografi : ms. 235

1. UMNO. 2. Patronage, Political--Kelantan. 3. Political parties--Kelantan. 4. Kelantan--Politics and government. I. Judul.

324.2595121

ISBN 967-942-646-7

M
324.2595121

MAK

Kandungan

	<i>Senarai Singkatan . . .</i>	<i>7</i>
	<i>Senarai Jadual . . .</i>	<i>9</i>
	<i>Senarai Plat . . .</i>	<i>10</i>
	<i>Prakata . . .</i>	<i>11</i>
BAB 1	Politik Melayu Kelantan . . .	<i>13</i>
	Kepemimpinan Politik Melayu . . .	<i>19</i>
BAB 2	Penaungan Politik dan Kepemimpinan Bangsawan Melayu Kelantan: Daripada Politik Tradisional kepada Politik Berparti . . .	<i>51</i>
	Penaungan dan Kepimpinan Politik Melayu Tradisional . . .	<i>51</i>
	Penaungan dan Kepimpinan Politik Melayu dalam Era Kolonialisme . . .	<i>63</i>
BAB 3	Penaungan: UMNO Kelantan dan Penerusan Kepemimpinan Bangsawan . . .	<i>75</i>
	Asas dan Penerusan Kepemimpinan Bangsawan . . .	<i>75</i>
	Kejayaan dan Kegagalan Kepemimpinan Bangsawan . . .	<i>81</i>
	Dato' Ismail Mahmud . . .	<i>81</i>
	Tengku Indra Petra . . .	<i>84</i>
	Tunku Abdul Rahman . . .	<i>95</i>
	Dato' Nik Ahmed Kamil . . .	<i>97</i>
BAB 4	Penaungan: UMNO Kelantan dan Pengukuhan Kepemimpinan Bangsawan . . .	<i>104</i>
	Perubahan Sikap UMNO dan Pendekatan Baru Kepimpinan Bangsawan . . .	<i>105</i>
	Kepimpinan Bangsawan, Kemantapan Parti dan Pembinaan Pengaruh . . .	<i>111</i>
	Razak-Razaleigh dan Penaungan Politik . . .	<i>118</i>
	Razak-Razaleigh dan Politik Pembangunan . . .	<i>128</i>

BAB 5	Penaungan: UMNO Kelantan dan Strategi Baru dalam Peningkatan Pengaruh Kepemimpinan Bangsaawan . . .	141
	Gagasan Politik Baru dan Pembinaan Pengaruh . . .	142
	Kepemimpinan Bangsaawan dan Penerusan Pembinaan Pengaruh . . .	152
	Tengku Razaleigh dan Penerusan Politik Pembangunan . . .	162
BAB 6	Penaungan: UMNO Kelantan, Kepemimpinan Bangsaawan dan Krisis Kepemimpinan UMNO Malaysia . . .	180
	Bermula Krisis dan Perpecahan Kepemimpinan UMNO . . .	181
	Kejatuhan Kerajaan UMNO Kelantan . . .	191
BAB 7	Kesimpulan: UMNO Bergantung kepada Kepemimpinan Bangsaawan . . .	211
	Penglibatan Tokoh Bangsaawan . . .	211
	Kepentingan Penaung Politik . . .	213
	Penutup . . .	221
	<i>Rujukan . . .</i>	223
	<i>Indeks . . .</i>	239

Senarai Singkatan

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
Berjasa	-	Barisan Jemaah Islam Se Malaysia
BN	-	Barisan Nasional
DAP	-	Democratic Action Party
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
EXCO	-	Executive Councillor
FELDA	-	Federal Land Development Authority
FAMA	-	Federal Agriculture Marketing Authority
Gerakan	-	Gerakan Rakyat Malaysia
GGPMK	-	Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan
Hamim	-	Hisbul Muslimin
IMP	-	Independence Malayan Party
JMBRAS	-	<i>Journal of Malaya/Malaysia Branch Royal Asiatic Society</i>
JSBRAS	-	<i>Journal of Straits Branch Asiatic Society</i>
KEMAS	-	Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	-	Kelantan Selatan Development Authority (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan)
KADA	-	Kemubu Agriculture Development Authority (Lembaga Kemajuan Kemubu)
MAJLIS	-	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAGERAN	-	Majlis Gerakan Negara
MIC	-	Malaysian Indian Congress
MCA	-	Malaysian Chinese Association
PAS	-	Parti Islam Se Tanah Melayu (Parti Islam SeMalaysia)
PS46	-	Parti Semangat 46 (Parti Melayu Semangat 46)
PESAKA	-	Parti Pesaka Anak Sarawak
PMK	-	Persatuan Melayu Kelantan
PPMK	-	Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan
Petronas	-	Petroleum Nasional Berhad
Pernas	-	Perbadanan Nasional Berhad
PPP	-	People's Progressive Party
RMK	-	Rancangan Malaysia Kedua
RMT	-	Rancangan Malaysia Ketiga

- RME – Rancangan Malaysia Keempat
- SNAP – Sarawak National Party
- SUPP – Sarawak United People's Party
- USNO – United Sabah National Organization
- UMNO – United Malays National Organization (Pertubuhan
Kebangsaan Melayu Bersatu)

Senarai Jadual

- Jadual 3.1 Senarai Jumlah Parti dan Calon yang Bertanding di Peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1959 . . . 89
- Jadual 3.2 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1959 . . . 94
- Jadual 3.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan 1959 dan 1964: Perbandingan Prestasi UMNO dan PAS . . . 101
- Jadual 4.1 Senarai di antara Tokoh-tokoh UMNO yang Muncul Pada Pertengahan Kedua Tahun 1960-an (1967-69) . . . 128
- Jadual 4.2 Tokoh Agama yang Bergerak Cergas di dalam UMNO pada Pertengahan Kedua 1960-an Tahun (1967-69) . . . 130
- Jadual 4.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1964 dan 1969: Bandingan Prestasi di antara UMNO/Perikatan dan PAS . . . 139
- Jadual 4.4 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan: Bandingan Prestasi UMNO/Perikatan dan PAS Dalam Tempoh 10 Tahun (1959-1969) . . . 140
- Jadual 4.5 Keputusan Pilihan Raya Peringkat Parlimen di Negeri Kelantan: Bandingan Prestasi UMNO/Perikatan dan PAS dalam Tempoh 10 Tahun (1959-1969) . . . 141
- Jadual 5.1 Keputusan Pilihanraya Peringkat Parlimen 1969: Bandingan Prestasi di antara Parti Perikatan dan Parti Pembangkang . . . 149
- Jadual 5.2 Pilihanraya Kelantan 1978: Parti Bertanding dan Jumlah Kerusi/Undi . . . 165
- Jadual 5.3 Jumlah Undi Calon UMNO dan PAS di kawasan Parlimen Ulu Kelantan 1959-1978 . . . 173
- Jadual 6.1 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1982: Bandingan Prestasi di antara UMNO/BN dan PAS . . . 201
- Jadual 6.2 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1986: Bandingan Prestasi di antara UMNO/BN dan PAS . . . 208
- Jadual 6.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan 1990: Bandingan Prestasi di antara UMNO/BN dan Angkatan Perpaduan Ummah . . . 215

Senarai Plat

Di antara halaman 80 dan 81

- PLAT 1 Surat kepada Zulkifli Hashim, Setiausaha Agung UMNO Malaya
- PLAT 2 Surat Abdul Majid Tahir kepada yang di-Pertua UMNO Malaya
- PLAT 3 Surat Tunku Abdul Rahman kepada Abdul Majid Tahir
- PLAT 4 Dr. Mahathir Mohamad dan Muhammad Nasir, Menteri Besar Kelantan
- PLAT 5 Tengku Noor Asiah, seorang kerabat diraja Kelantan yang bergiat cergas dalam politik UMNO
- PLAT 6 Asri Muda
- PLAT 7 Tengku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, seorang lagi kerabat Istana Kelantan yang bergiat cergas dalam politik UMNO Kelantan.
- PLAT 8 Muhammad Yaacob dijulang penyokongnya
- PLAT 9 Tengku Razaleigh, putera raja Kelantan yang diterima baik dalam politik negeri itu

Prakata

Bismillahirrahmannirrahim

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku ini dapat juga disiapkan seperti mana yang telah dijadual.

Melalui ruang yang terhad ini ingin saya menyampaikan rasa penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan penyelidikan dan penulisan buku ini.

Kepada Prof. Dr. Hussain Mohamed terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan di atas segala kesabaran yang telah ditunjukkan selama menyelia penulisan ini. Sesungguhnya kesabaran beliau, serta kritiknya yang membina itu memberikan semangat kepada saya untuk terus berusaha bagi menyiapkan penulisan buku yang seringkali tergendala ini.

Kepada Dr. Syed Husin Ali (bekas Profesor Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan Universiti Malaya) terima kasih saya ucapkan kerana kesudian beliau menjadi penyelia utama pada peringkat awal penulisan ini. Walaupun beliau terpaksa meninggalkannya (kerana berhenti daripada perkhidmatan universiti), namun masa yang singkat itu telah memberi peluang kepada saya untuk mengenali aspek penaungan dengan lebih mendalam lagi.

Terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada Dato' Prof. Dr. Zakri Ab. Hamid, bekas Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Latihan) Universiti Kebangsaan Malaysia, *my neighbour*, yang telah memberikan saya peluang mendapatkan cuti sabbatical bagi menulis kembali setelah semua draf pertamanya ditelan komputer.

Kepada rakan-rakan bekas Ketua Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Wan Ab. Rahman Wan Latif, Soleha Haji Hassan Adli, Dr. Sanusi Osman, Dr. Harold Crough dan Ghazali Mayudin terima kasih diucapkan di atas sikap *understanding* anda.

Tidak lupa juga terima kasih ditujukan kepada Dr. Aminudin Yusof, Dr. Ahmad Atori Hussein, Dr. Hanapi Dollah, Dr. Nik Anuar Mahmud dan Dr. P. Rumasamy, serta Morsin Parman yang tidak pernah 'kedekut' masa dan waktu apabila diajak berbincang, sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini berjalan.

Begitu juga kepada rakan-rakan di dalam UMNO, PAS, Parti Melayu Semangat 46, dan Perkhidmatan Tadbir Negeri Kelantan (KnCS) yang telah

memberikan kerjasama dan pertolongan semasa tesis ini berada di peringkat penyelidikan. Terima kasih di atas sumbangan anda.

Kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan BERNAMA, Perpustakaan *New Straits Times* dan Arkib Negara terima kasih diucapkan di atas segala kerjasama yang telah diberikan itu.

Manakala, kepada semua kakitangan am di Jabatan Sains Politik, UKM saya ucapkan ribuan terima kasih di atas pertolongan yang telah dihulurkan. Kepada Mariam dan Faizah (yang tidak pernah bersungut), budi-baik anda berdua tetap saya kenang kerana sudi menaip. Untuk Rahim dan Salmah, tanpa bantuan anda sudah pasti kerja-kerja menulis buku ini menemui kesukaran. Begitu juga kepada Abdul Rashid Mohamed Kutty, bekas pelajar siswazah Jabatan Sains Politik, UKM kerana sedia bersekeang mata untuk menyemak kesemua ejaan yang terkandung di dalam buku ini.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan, serta orang perseorangan yang telah memberikan galakan dan kerjasama (sewaktu penyelidikan dan tulisan ini dilaksanakan), terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Untuk isteri, Khalilah Mohd. Talha dan anak-anak, Wirda dan Fitra sambutlah salam sayang di atas segala kesabaran yang telah ditunjukkan selama penyelidikan dan penulisan buku ini berjalan.

MOHD. ALI KAMARUDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor.

Politik Melayu Kelantan

Pada umumnya, penaungan dan kepimpinan merupakan dua konsep yang saling berkaitan. Penaungan merupakan suatu peranan sosial yang dijangkakan daripada setiap pemimpin yang berkuasa. Oleh itu, semua pemimpin dilihat mempunyai kecenderungan untuk lahir sebagai seorang penaung. Begitu juga sebaliknya, terdapat juga pemimpin yang muncul di tengah-tengah masyarakat berdasarkan kemampuannya berperanan sebagai seorang penaung. Berasaskan kepada kesesuaian kedua-dua konsep ini di dalam kehidupan politik, maka kajian selanjutnya akan cuba memperlihatkan betapa kedua-duanya relevan digunakan sebagai alat analisis bagi memahami jatuh-bangun UMNO Kelantan, sejak dari tarikh penubuhannya pada tahun 1946 hinggalah 1990, apabila parti tersebut hilang kuasa memerintah di negeri berkenaan.

Semenjak penubuhan UMNO pada tahun 1946, UMNO Kelantan tidak pernah berkongsi sejarah yang sama dengan UMNO di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, dan keadaan ini telah berterusan sehinggalah penghujung tahun 1980-an. Justeru, UMNO Kelantan mempunyai sejarah yang tersendiri yang perlu dikaji dalam jangka masa tersebut.

Ditinjau dari segi sejarah, UMNO Kelantan pernah mati tidak berkubur pada tahun 1951, apabila Dato' Onn Jaafar, pemimpin kebangsaannya, meninggalkan parti itu dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (Malaya Independent Party) dan kemudiannya Parti Negara menjelang pilihan raya umum ke arah pembentukan kerajaan sendiri (self government) pada tahun 1995, UMNO Kelantan telah berjaya dihidupkan kembali. Dalam usianya yang masih muda itu, UMNO Kelantan, seperti juga dengan UMNO di negeri-negeri lain telah memperolehi kemenangan yang gilang-gemilang di dalam pilihan raya tersebut. Parti Negara ternyata bukanlah saingannya yang terkuat dalam usaha menubuhkan kerajaan di negeri itu.

Malang bagi UMNO Kelantan, keadaan yang sebaliknya telah berlaku pula apabila pilihan raya pertama (selepas negara mencapai kemerdekaan) diadakan pada 1959, UMNO Kelantan menghadapi perpecahan dalaman serta keterlibatan PAS secara aktif dalam proses politik di negeri tersebut, akhirnya UMNO terpaksa menyerahkan kuasa memerintah Kelantan kepada PAS, saingan terdekatnya. Keadaan yang sama juga turut berlaku pada pilihan raya umum 1964 dan 1969. Keputusan pilihan raya itu masih tidak memberikan UMNO kemenangan untuk kembali memerintah Kelantan. Namun demikian, peningkatan jumlah undi yang diperolehinya berjaya menambat hati pengundi Melayu di negeri Kelantan.

Setelah tahun 1970-an, kedudukan UMNO tidak sahaja bertambah kuat, tetapi parti itu juga telah berpeluang untuk berkongsi kuasa dengan PAS, dan sama-sama pula memerintah Kelantan pada Januari 1973. Penubuhan kerajaan campuran pada tahun tersebut dan diikuti pula dengan kelahiran gagasan Barisan Nasional (yang didukung bersama oleh UMNO dan PAS) pada tahun 1974 telah memperjelaskan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah parti tersebut (Mauzy 1983). Walau bagaimanapun, segala-galanya telah berubah menjelang pilihan raya umum 1978, apabila UMNO dan PAS tidak lagi bersama di dalam Barisan Nasional. Melalui perancangan politik yang licin (*political manoeuvre*), UMNO pada akhirnya berjaya menyingkirkan lawannya itu daripada tampuk pemerintahan negeri Kelantan melalui pilihan raya tersebut. Setelah itu, pilihan raya umum yang diadakan pada tahun-tahun 1982 dan 1986 tetap menjanjikan kemenangan kepada UMNO dan mengekalkan pemerintahannya di negeri Kelantan.

Di sebalik kemenangan itu, UMNO Kelantan juga turut menyaksikan betapa mulai pertengahan tahun 1980-an, pengaruh PAS kembali pulih. Pada masa yang sama, UMNO pula mulai dilanda perpecahan yang melemahkan kekuatannya. Pada penghujung tahun 1980-an keadaan itu sudah tidak dapat dibendung lagi, apabila perpecahan tercetus di kalangan pucuk pimpinan UMNO pada peringkat kebangsaan, ekoran daripada pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987. Akibat daripada pertandingan itu Parti Semangat 46 muncul dan hampir melumpuhkan UMNO di negeri Kelantan. Sedangkan pada ketika yang sama, UMNO juga terpaksa berhadapan dengan PAS iaitu musuh tradisinya. Keadaan menjadi bertambah gawat, apabila UMNO, secara tiba-tiba, bersengketa dengan istana Kelantan, manakala rakyat Kelantan pula tidak dapat menerima tindakan UMNO itu.

Bertambah malang lagi, menjelang pilihan raya umum 1990, PAS dan Parti Semangat 46 telah bergabung tenaga melalui gagasan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sebagai suatu strategi untuk menentang dan menyingkirkan UMNO daripada terus memerintah Kelantan. Akhirnya pada tahun 1990, UMNO Kelantan pada pilihan raya umum 1959 tidak sahaja hilang kuasa kepada gabungan PAS-Semangat 46, tetapi prestasinya juga jauh lebih buruk berbanding pencapaiannya pada tahun 1959. Kesemua calon UMNO telah tewas sama ada di peringkat negeri mahupun Parlimen.

Melalui sejarah kedinamikan yang dilalui oleh UMNO Kelantan ini, maka wujud dua paradigma utama yang boleh dijadikan asas perbincangan dalam mencari jawapan terhadap jatuh bangun UMNO di negeri tersebut. Kedua-dua paradigma yang tersirat itu ialah PAS terlalu kuat untuk disaingi oleh UMNO, sehingga UMNO sukar untuk mengalahkannya, dan krisis dalaman yang dihadapi oleh UMNO menjadi punca kepada kegagalan parti itu untuk mempertahankan kuasanya di Kelantan. Namun demikian, tanpa mengira paradigma mana yang menjadi asas perbincangan, kedua-duanya secara langsung memerlukan kepimpinan politik sebagai suatu faktor atau suatu konsep yang perlu dilihat dan dianalisis dalam mencari jawapan kepada kejayaan dan kegagalan UMNO itu. Kepimpinan politik yang kuat dan berkesan lazimnya mempunyai kekuatan dan daya saing untuk mengekang parti lawan, dan sekali gus meletakkan partinya di dalam keadaan yang stabil. Keadaan yang sebaliknya pula akan wujud, sekiranya UMNO berketuakan pemimpin yang lemah.

Persoalan yang timbul kini ialah: Apakah corak kepimpinan UMNO Kelantan, dan siapakah yang menguasai kepimpinan parti tersebut sejak dari tahun 1946 hingga 1990? Ini kerana, sebagai pemimpin utama parti maka pada bahu mereka terletaknya masa depan UMNO, sama ada dari segi kemandirian organisasi, ataupun dari segi kemampuan parti itu untuk meraih sokongan daripada para pengundi Melayu di Kelantan. Oleh yang demikian, di sinilah letaknya paradigma tersembunyi yang tidak pernah disentuh secara ilmiah, iaitu kepentingan dan sumbangan tokoh-tokoh bangsawan Melayu kepada kepimpinan utama UMNO Kelantan.

Dalam konteks ini, golongan bangsawan tidak sahaja merujuk kepada kaum kerabat diraja Kelantan, tetapi termasuk juga golongan para pembesar Melayu yang mempunyai pertalian yang rapat dengan istana. Ini termasuk juga mereka yang dianugerahkan dengan pelbagai

pingat gelaran dan pingat kebesaran negeri oleh pihak istana Kelantan. Justeru, apabila kepentingan dan sumbangan tokoh-tokoh bangsawan Kelantan ini mahu dijadikan kerangka asas kepada perbincangan mengenai kepimpinan UMNO Kelantan, dan sekali gus pula cuba menghubungkannya dengan perkembangan UMNO di negeri tersebut, maka di sinilah letaknya kepentingan konsep penaungan (*patronage*). Sebagai suatu kajian mengenai kedinamikan proses politik pada peringkat negeri, khususnya mengenai UMNO Kelantan, maka kajian ini cuba menerangkan hubungan simbiotik di antara kepimpinan golongan bangsawan Melayu Kelantan dengan jatuh bangun UMNO di negeri tersebut. Dengan kata lain, kajian ini dapat melihat bagaimana kepimpinan bangsawan memberikan sumbangannya kepada perkembangan UMNO Kelantan dan mengapakah pula UMNO memerlukan ketokohan golongan tersebut untuk menjadi pemimpin utamanya di peringkat negeri.

Apabila memperkatakan tentang golongan bangsawan Melayu, maka nama-nama seperti Dato' Ismail Mahmud, Tunku Abdul Rahman Putera, Tengku Indra Petra, Dato' Nik Ahmed Kamil, Tun Abdul Razak dan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li) merupakan para pemimpin yang tidak dapat dipisahkan daripada persoalan kajian tadi. Munculnya tokoh-tokoh ini di tengah-tengah gelanggang perjuangan UMNO Kelantan tentulah mempunyai agenda atau misi perjuangan yang tersendiri, dan kenapa golongan ini diterima oleh ahli-ahli UMNO, tentu mempunyai muslihat yang tersendiri.

Yang nyata, di antara golongan bangsawan dengan ahli-ahli parti wujud jurang sosial yang agak luas. Ketidakseimbangan di antara kedua-dua belah pihak tidak sahaja wujud dari segi ekonomi dan kewangan, tetapi juga dari segi status, pengaruh dan pengetahuan. Oleh itu, golongan ini sentiasa dipandang tinggi dan dimuliakan oleh anggota masyarakatnya. Dengan demikian, kehadiran golongan bangsawan di tengah-tengah gelanggang politik semacam memberikan suatu kepuasan kepada ahli-ahli parti bahawa mereka telah memperolehi ketua yang berwibawa dan bersedia untuk memperjuangkan matlamat organisasinya. Sebagai ahli-ahli parti adalah menjadi kewajipan mereka untuk memberikan taat setia kepada pemimpin tersebut. Di samping itu, penglibatan para pemimpin bangsawan ini juga diharapkan boleh menjadi daya tarikan kepada para pengundi agar memberikan simpati dan undi kepada UMNO.

Ini merupakan suatu pertukaran psikologi (psychology exchange) yang penting dan memberi keuntungan atau manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Bagi tokoh bangsawan yang terlibat, suasana ini memberi peluang kepada diri masing-masing untuk muncul sebagai pemimpin politik. Manakala, kepada para pengikut atau ahli-ahli parti pula, merasakan tuntutan emosi dan keperluan psikologinya berjaya dipenuhi apabila golongan atasan dalam masyarakat itu bersedia memberikan kepimpinan, dan berjuang bersama-sama dengan mereka. Sungguhpun proses berbalas keuntungan atau manfaat ini (exchange of favour) berlaku dalam bentuk simbolik. Namun ia amat bermakna kepada perjuangan sebuah parti yang mahu mengembangkan pengaruhnya di kalangan masyarakat yang masih lagi dikuasai oleh psikologi feudal, supaya masyarakat memberi tempat yang tinggi kepada golongan bangsawan.

Walaupun hasil yang diperolehi oleh ahli parti bukan merupakan suatu barangan (tangible goods), namun kesediaan memberikan kepimpinan itu merupakan suatu bentuk sumbangan (intangible goods) yang amat bernilai kepada diri mereka dan organisasinya. Justeru, keadaan inilah yang melahirkan perhubungan yang berbentuk penaung-dinaung (patron-client) (Schmidt 1989). Ia tidak sahaja memperlihatkan wujudnya hubungan yang tidak setara, tetapi juga mementingkan prinsip timbal-balik dan saling berbalas-balasan di antara kedua-dua belah pihak.

Kehadiran kepimpinan bangsawan itu menjadi lebih bermakna lagi, sekiranya pemimpin itu mampu menyediakan pelbagai ganjaran ekonomi kepada ahli parti dan orang ramai sebagai balasan kepada kesediaan mereka menerima kemimpinannya ataupun parti yang diketuainya. Oleh itu, sekiranya fenomena ini wujud, maka hubungan penaung-dinaung tidak lagi terhad kepada bentuk simbolik, tetapi juga bersifat substantif. Dengan itu, bagi pemimpin bangsawan yang mampu melaksanakan kedua-dua peranan ini, cengkaman pengaruhnya ke atas parti menjadi lebih kuat lagi.

Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna setiap pemimpin bangsawan itu memberikan impak yang sama kepada UMNO Kelantan. Hanya Tengku Razaleigh sahaja yang mampu muncul sebagai penaung untuk memperkukuhkan kedudukannya di dalam parti. Beliau juga merupakan tokoh bangsawan yang telah berjaya mengembalikan kuasa memerintah Kelantan kepada UMNO, dan beliau jugalah yang kemudiannya bertanggungjawab menamatkan kekuasaan UMNO di negeri itu.

Oleh yang demikian adalah menjadi tujuan kajian ini untuk memperlihatkan: Pertama, Kenapa tokoh-tokoh bangsawan lain, seperti Tengku Indra Petra dan Dato' Nik Ahmed Kamil gagal untuk muncul sebagai pemimpin parti yang berkesan, dan kedua bagaimana serta kenapa pula Tengku Razaleigh berjaya mempertahankan pengaruh dan kuasanya dalam UMNO hampir dua dekad lamanya. Melalui pemerihaln ini, peranan dan sumbangan tokoh-tokoh bangsawan Melayu Kelantan, khususnya Tengku Razaleigh dapat diletakkan di dalam suatu perspektif yang lebih adil baginya.

Namun begitu, kajian ini tidak pula bermakna suatu penulisan biografi politik tokoh-tokoh yang terlibat dengan kepimpinan UMNO Kelantan, khususnya Tengku Razaleigh. Setiap tokoh ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam mewarnai kepimpinan dan perkembangan parti itu. Kerana itu, berbanding dengan para pemimpin UMNO Kelantan yang lain, Tengku Razaleigh mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan parti tersebut, memandangkan keterlibatannya di dalam kepimpinan parti itu melebihi 20 tahun (1962-84) lamanya. Dengan itu adalah tidak luar biasa sekiranya perkembangan UMNO Kelantan itu sinonim dengan perkembangan kepimpinan Tengku Razaleigh sendiri.

Maka perbincangan mengenai jatuh bangun UMNO Kelantan dan hubungannya dengan kepimpinan bangsawan dapat dilihat di dalam pelbagai perspektif, seperti dari sudut kelas dan ekonomi politik. Namun begitu, sejarah perkembangan parti itu memperlihatkan bahawa kemunculan setiap pemimpinnya lebih dipengaruhi oleh faktor sosiologikal dan politik berbanding dengan faktor ekonomi.

Walaupun perspektif ekonomi politik relevan dengan kajian ini dan mungkin dianggap berguna untuk mengkaji politik Kelantan, namun perspektif ini dirasakan tidak begitu mampu untuk menangkap aspek sosial dan politik yang menentukan hubungan pemimpin-pengikut. Ini memandangkan perspektif itu memberikan penekanan yang berlebihan kepada faktor ekonomi dalam menentukan perkembangan kedua-dua aspek tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan konsep penaungan di dalam kajian ini, yang memberikan autonomi kepada aspek sosial dan politik, tidaklah pula sampai mengurangkan kepentingan faktor ekonomi (*economic reduction*).

Begitu juga dengan perspektif elit-massa, walaupun perspektif ini relevan dalam kajian kepimpinan politik di Kelantan, namun ia dirasakan tidak mengambil kira keadaan luar biasa politik Melayu,

khususnya hubungan dengan rakyat jelata. Justeru, konsep penaungan kelihatan lebih bersesuaian untuk memahami kepemimpinan politik di kalangan masyarakat Kelantan, yang sebilangan besar penduduknya terdiri daripada orang Melayu. Konsep ini juga dirasakan begitu sensitif terhadap isu kepemimpinan ini, memandangkan ia cuba memahami persoalan tersebut di dalam konteks masyarakat yang mana ciri (element) dan harapan feudalnya melebihi perhubungan tradisional elit-massa.

Oleh yang demikian, memandangkan penaungan itu suatu peranan yang diharapkan daripada seorang pemimpin, sama ada dalam masyarakat Melayu tradisional ataupun moden, maka adalah wajar sekiranya konsep ini digunakan seiringan dengan konsep kepemimpinan politik. Tambahan pula, fenomena penaungan ini mempunyai kecenderungan untuk melahirkan pemimpin politik yang kuat serta berpengaruh. Keadaan ini juga sekali gus menjadikan organisasi politik yang dipimpinya itu lebih kukuh, dinamik dan mampu pula berperanan sebagai tapak melebarkan pengaruh serta kuasanya.

Kepemimpinan Politik Melayu

Kajian dan tulisan tentang masyarakat Melayu memang banyak dilakukan, tetapi mengenai kepemimpinan politik Melayu amat kurang sekali. Namun begitu, bagi tujuan sorotan ini hanya tulisan-tulisan yang relevan dengan kajian ini sahaja yang akan diperkatakan, manakala yang tidak relevan hanya akan disentuh secara sepintas lalu sahaja.

Pada umumnya, kajian dan tulisan mengenai kepemimpinan politik Melayu lebih banyak diperkatakan oleh ahli antropologi sosial, berbanding dengan mereka yang terdidik di dalam bidang sains politik. Oleh itu, apabila ahli antropologi melihat aspek kepemimpinan politik, maka kepemimpinan yang dibicarakannya itu akan dihuraikan di dalam konteks kehidupan masyarakat tani dan hubungannya dengan proses modenisasi. Akhirnya kepemimpinan yang dikemukakan dan dibicarakan itu merupakan bentuk kepemimpinan yang khusus, yang wujud di paras lokal, dan cuba diterangkan pula di dalam konteks kewujudan elit, sama ada ia tergolong ke dalam elit tradisional (elit lama) atau elit baru. Ini dapat dilihat daripada kajian dan tulisan-tulisan yang telah dikemukakan oleh para sarjana tempatan.

Wan Hashim (1978), melalui kajiannya di Hulu Perak, cuba meninjau kesan yang terpaksa dihadapi oleh komuniti tani di daerah

itu akibat daripada proses modenisasi. Dari segi politik, masyarakat tani telah diperkenalkan dengan sistem politik berparti dan pilihan raya. Namun begitu, kehadiran institusi-institusi politik moden telah melahirkan pula gejala pemisahan dan konflik di kalangan mereka. Aliran politik yang dipegangi oleh anggota masyarakat tani telah menyebabkan mereka berpecah di dalam dua kelompok yang besar, iaitu orang PAS dan orang UMNO, dan masing-masing mempunyai pemimpinnya yang tersendiri. Apabila kelompok ini (terutamanya pemimpin) dikaitkan dengan ekonomi, maka pemimpin UMNO jauh lebih kukuh ekonominya berbanding dengan pemimpin PAS.

Malahan, sebelum Wan Hashim mengemukakan pandangannya ini, Syed Husin juga telah melihat aspek kepemimpinan politik di dalam konteks yang sama (Syed Husin 1978). Pada pengamatan beliau, modenisasi telah mendatangkan kesan yang besar kepada kepemimpinan di peringkat kampung. Pemimpin-pemimpin tradisional telah menjadi semakin lemah, dan tempatnya telah digantikan pula dengan para pemimpin baru, yang di antaranya terdiri daripada aktivis politik tempatan. Dengan kemampuan menggunakan kedudukannya sebagai pemimpin politik, mereka mempunyai peluang yang luas untuk mendapat habuan ekonomi.

Dalam usaha menerangkan kebangkitan pemimpin baru, dan kemerosotan pengaruh pemimpin tradisional ini, Syed Husin telah mengaplikasikan konsep perantara (broker intermediary) yang merupakan unsur penting di dalam model penaung-dinaung (patron-klien). Pada penelitian beliau, jurang yang wujud di antara masyarakat tani dengan struktur politik di luar menyebabkan para pemimpin politik dari kampung ini muncul sebagai perantara yang amat penting. Sebagai pemimpin-broker, mereka berjaya menghubungkan anggota masyarakat tani dengan dunia luar yang merangkumi (encapsulating) kehidupannya. Maka dengan kejayaannya itu pemimpin politik berpeluang menduduki tempat yang penting di dalam masyarakatnya, serta memiliki status yang tinggi. Ikatan dengan institusi tradisional seperti masjid, penghulu dan ketua kampung bukanlah merupakan faktor utama yang membolehkan mereka berada dikedudukan tersebut.

Tradisi yang sama telah dilanjutkan oleh Shamsul Amri (1986). Yang turut membangkitkan isu kepemimpinan politik di dalam kajiannya. Namun begitu, kewujudan kepemimpinan ini masih juga dilihat di dalam konteks komuniti tani dan hubungannya dengan proses modenisasi. Shamsul Amri memperlihatkan bahawa

pembangunan sebagai suatu proses modenisasi yang melanda masyarakat tani telah mendatangkan kesan yang besar kepada politik di kawasan luar bandar.

Pada penelitian Shamsul Amri, semenjak dari zaman penjajahan dan diikuti pula dengan zaman kemerdekaan, sehinggalah kepada era pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1970-90), keuntungan daripada rancangan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar itu masih berpihak kepada golongan elit kampung, iaitu para pemimpin politik tempatan. Proses pembangunan yang berlaku pada setiap zaman ini tidak sahaja memberi peluang kepada golongan itu untuk terus menimba dan menambahkan kekayaan mereka, tetapi pada ketika yang sama, kedudukan mereka dalam struktur kuasa masyarakat tempatan juga turut bertambah kuat. Akibatnya, penindasan di kalangan kaum tani masih berleluasa, dan kehidupan para petani terus dibelenggu kemiskinan.

Kewujudan UMNO dan PAS di dalam kehidupan mereka, pada pengamatan Shamsul Amri, telah melebarkan lagi perpecahan politik di kalangan masyarakat tani. Namun begitu, peranan para pemimpin UMNO (yang juga merupakan golongan elit baru) di dalam proses pembangunan amat terserlah dan tidak boleh diketepikan, terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan. Disebabkan para pemimpin politik ini (khususnya wakil rakyat tempatan) begitu berkuasa dalam mengagihkan pelbagai projek pembangunan, maka pemimpin politik tempatan ini tidak sahaja berperanan sebagai penaung politik, tetapi juga sebagai penaung ekonomi.

Oleh itu, apabila Shamsul Amri menggunakan model penaung-dinaung dalam menerangkan kepemimpinan politik, maka tindakan ini juga merupakan suatu usaha untuk melengkapkan kajiannya tentang kehidupan masyarakat tani di dalam menghadapi arus modenisasi. Seperti kajian antropologi Melayu yang lain, kepemimpinan politik bukanlah merupakan tema utama kajian beliau.

Sikap dan penekanan yang hampir sama juga terdapat dalam kajian ahli antropologi sosial seterusnya. Kajian-kajian Bailey (1996), J. Scott (1969) dan Mohamed Salleh (1992) masih membicarakan kepemimpinan politik Melayu di dalam konteks pengkajian masyarakat tani. Mereka juga tidak ketinggalan menggunakan model penaung-dinaung untuk melihat hubungan yang wujud di antara para petani dengan segolongan kecil individu yang diterimanya sebagai pemimpin. Namun demikian, kepemimpinan politik yang tertonjol masih merupakan pemimpin di paras lokal.

Tradisi yang hampir sama juga wujud di dalam bidang sains politik. Kepemimpinan politik *per se* iaitu dalam erti kata memberikan perhatian kepada hubungan pemimpin-pengikut dalam lengkongan politik (political sphere) masih lagi gagal menjadi tema utama dalam bidang tersebut.¹ Sungguhpun tulisan John Funston, R. S. Milne dan D. K. Mauzy, serta Gordon P. Means ada membicarakan tentang kepemimpinan politik Melayu, tetapi kepemimpinan itu sendiri bukanlah merupakan suatu aspek utama di dalam tulisan mereka (Funston 1980). Isu kepemimpinan politik hanyalah dibicarakan sebagai sebahagian daripada proses politik yang berlaku di Malaysia.

Begitu juga dengan kajian-kajian dan tulisan sains politik yang lain, ia tetap memperlihatkan minat dan kecenderungan untuk mengemukakan tema-tema yang di luar daripada persoalan pemimpin-pengikut. Kecuali ahli sejarah yang sememangnya berminat dengan aspek biografi pemimpin politik tempatan, seperti mana yang ditunjukkan oleh Ramlah Adam melalui tulisannya tentang Dato' Onn Jaafar dan Ahmad Boestamam. Sebagai karya sejarah yang berbentuk biografi, mementingkan aspek kronologi yang dibincangkan secara diskriptif (Ramlah 1993).

Walau bagaimanapun, tulisan Chandra Muzaffar (1992) mengenai pelindung dalam masyarakat Melayu telah berjaya mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh ahli-ahli sains politik. Sebagai suatu kajian politik makro, beliau telah memperlihatkan wujudnya hubungan dinamik di antara pemimpin politik dengan para pengikutnya. Bagi beliau, kesetiaan merupakan unsur utama yang membentuk dan menjadi landasan hubungan di antara golongan pemimpin dan pengikut.

Sebelum merdeka, golongan bangsawan Melayu, merupakan pemimpin utama dalam masyarakat Melayu. Disebabkan raja berada di puncak struktur politik Melayu, penerimaan rakyat terhadap kepemimpinannya adalah mutlak. Sebaliknya, selepas kemerdekaan, raja berubah menjadi pemimpin politik simbolik, manakala para pemimpin UMNO pula diterima sebagai pemimpin politik sebenar oleh orang Melayu. Pada penelitian Chandra Muzaffar, walaupun masyarakat Melayu mengalami perubahan kepemimpinan politik, tetapi kesetiaan masih menjadi asas di dalam membentuk hubungan di antara pemimpin dengan pengikut.

Apabila merujuk kepada kawasan kajian, kekurangan hasil kajian mengenai kepemimpinan politik *per se* turut juga dirasai. Walaupun kedinamikan masyarakat Melayu Kelantan di dalam proses politik

serta sikap mereka yang masih mengekalkan ciri-ciri kehidupan tradisional telah berjaya menarik ramai sarjana tempatan dan luar negeri mengkajinya, tetapi aspek kepemimpinan politik masih menjadi tema utama kajian mereka.

Sungguhpun tulisan Manning Nash dan Clive Kessler telah memberi perhatian kepada pergolakan politik Kelantan, tetapi sebagai ahli antropologi kajian mereka tetap terikat dengan keperluan disiplin antropologi sosial, iaitu melihat aspek kepemimpinan politik sebagai suatu isu dalam suatu kajian yang lebih besar berhubung dengan kehidupan masyarakat tani dan modenisasi. Misalnya, Nash lebih memberikan penekanan kepada aspek perubahan politik sosial, dan bukannya mengenai kepemimpinan politik.

Aspek kepemimpinan yang beliau utarakan itu hanya diungkap dan dijelmakan melalui konsep elit. Modenisasi pada pengamatannya telah melahirkan segolongan elit baru yang kemudiannya bertentangan pula dengan elit tradisional yang tersisih daripada proses tersebut. Permusuhan ini telah terbawa-bawa ke dalam kegiatan politik berparti yang juga merupakan hasil daripada proses modenisasi tadi. Disebabkan PAS mengambil sikap mempertahankan nilai-nilai hidup Melayu, maka parti tersebut telah mendapat sokongan elit tradisional, dan golongan tani yang tidak terlibat dengan kegiatan ekonomi moden. Sebaliknya, bagi elit baru, mereka lebih senang berada di pihak UMNO, dan menjadi pemimpin parti tersebut yang turut juga disokong oleh golongan tani yang terlibat dengan ekonomi moden. Justeru, masyarakat Melayu Kelantan terus mengalami perpecahan atau pemisahan daripada segi politik.

Kessler (1978) juga masih mewarisi perbincangan yang pernah diperkatakan oleh Nash. Kepemimpinan politik yang mahu dibicarakan oleh beliau masih di dalam kerangka kajian masyarakat dan modenisasi. Berbeza dengan Nash, Kessler telah memperlihatkan bahawa proses politik yang berlaku di peringkat lokal banyak dipengaruhi oleh proses politik peringkat negeri.

Pertentangan di antara PAS dan UMNO mempunyai perkaitan dengan proses modenisasi. Pada pengamatan beliau, golongan tani di Kelantan melihat proses modenisasi sebagai ancaman kepada hidup mereka. Oleh itu, golongan ini telah memberikan sokongan kepada PAS, (yang dipimpin oleh golongan bukan bangsawan) kerana parti tersebut menjanjikan perlindungan kepada kehidupan mereka. Sebaliknya, UMNO pula menjadi pilihan golongan bangsawan yang banyak menikmati

faedah daripada proses modenisasi. Maka itu, UMNO dan PAS dipimpin oleh dua golongan pemimpin yang berbeza.

Kessler selanjutnya telah memperlihatkan bahawa pertentangan di antara kedua-dua buah parti politik Melayu itu merupakan jelmaan daripada pertentangan kelas. Disebabkan kelas bangsawan banyak mendapat manfaat daripada modenisasi, maka tindak-tanduk politik mereka telah dilihat lebih didorongi oleh faktor nafsu. Sebaliknya, disebabkan PAS menolak ganjaran material dan duniawi, serta berikrar pula untuk mempertahankan kepentingan Islam, maka tindak-tanduk politiknya telah diandaikan berasas kepada perkiraan akal.

Walau bagaimanapun, Kelantan tetap terhutang budi kepada para sarjana lain (Firth 1966) kerana kejayaannya mengemukakan hasil kajian dan tulisan mengenai kedinamikan masyarakat Melayu Kelantan, sama ada dari segi sejarah, ekonomi ataupun antropologi. Namun begitu, kajian ini juga tidak memberi penekanan kepada aspek kepemimpinan politik, terutamanya yang melibatkan hubungan pemimpin-pengikut. Maka itu, sumbangan Alias Mohamed dalam hal ini tidak dapat diketepikan.

Melalui tulisan-tulisannya itu, Alias Mohamed telah berjaya menonjolkan isu kepemimpinan politik, sekalipun dengan gaya penulisan kewartawanan, dan berorientasikan disiplin sejarah (Alias 1975). Dalam kajian dan tulisan terkininya (1994), mengenai perkembangan dan perubahan yang dilalui oleh PAS, beliau telah berjaya memperlihatkan betapa dasar dan tindakan parti Islam itu banyak dipengaruhi, serta ditentukan oleh para pemimpin utamanya (Alias 1994). Schubungan dengan itu, penerbitan karya ilmiah mengenai UMNO Kelantan juga amat berkurangan. Walaupun Mohd. Zain Saleh telah menulis tentang sejarah UMNO Kelantan, namun sesuai dengan tajuknya, tulisan ini lebih merupakan suatu kajian sejarah yang amat mementingkan aspek kronologi (Mohd. Zain 1985). Isu kepemimpinan yang dibicarakannya hanya merupakan suatu tema kecil daripada keseluruhan perkembangan UMNO Kelantan.

Sementara itu, sumbangan Abdullah Abdul Kadir Munsyi mungkin tidak dapat dianggap sebagai suatu yang ilmiah, tetapi melalui memoir ringkasnya, *Kisah Pelayaran Abdullah*, beliau berjaya memberikan gambaran tentang struktur politik dan masyarakat Melayu Kelantan pada kurun ke-19. Melalui pengamatannya, orang Melayu di negeri itu terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu yang berkuasa dan yang tidak berkuasa.

Bagi yang berkuasa, mereka menguasai segala-galanya, khususnya sumber ekonomi dan nilai-nilai hidup bermasyarakat, dan kumpulan inilah yang dikenali sebagai golongan bangsawan. Manakala rakyat jelata yang tergolong dalam kumpulan yang tidak berkuasa hidupnya bergantung kepada kesetiaan mereka terhadap golongan bangsawan itu. Justeru, mereka tidak mungkin menjadi pemimpin di dalam masyarakatnya, dan kepemimpinan jelas menjadi milik golongan bangsawan. Kehadiran mereka di dalam masyarakat hanyalah untuk menjadi pengikut setia kepada golongan yang berkuasa. Oleh itu, berasaskan kepada hubungan yang tidak ketara ini, rakyat Kelantan yang diperhatikan oleh Abdullah Munsyi itu sentiasa menjadi golongan yang dinaungi. Manakala pemimpinnya pula kekal sebagai penaung. Dari sudut ini, Abdullah Munsyi berjaya memperlihatkan wujudnya fenomena penaung-dinaung di dalam masyarakat tersebut.

Kepemimpinan Politik

Konsep kepemimpinan, sebagaimana konsep-konsep sains sosial yang lain adalah bersifat pelbagai dan berbeza antara satu sama lain. Namun begitu, setiap definisi itu tetap merujuk kepada: Pertama, kepemimpinan itu wujud di dalam sebuah kumpulan, kelompok atau pertubuhan; kedua, kepemimpinan itu mempunyai pertalian yang rapat dengan penggunaan kuasa, pengaruh, arahan, kewibawaan dan pengawalan (Tenenbaum 1972).

Oleh itu, apabila ia dikaitkan dengan kepemimpinan politik, maka ia secara langsung memperkatakan tentang fenomena kuasa. Justeru, dengan mengambil kira kepemimpinan ini merupakan suatu proses yang wujud di dalam konteks sebuah organisasi yang mempunyai pemimpin dan pengikut, dan kuasa merupakan *prima facie*. Maka kepemimpinan politik itu secara langsung merujuk kepada kemampuan seseorang atau individu yang berada di suatu kedudukan yang tinggi untuk mempengaruhi atau mengarahkan orang lain membuat sesuatu sama ada positif atau negatif.

Kedudukan Rasmi

Berasaskan kepada pengertian tersebut, ia secara langsung memperlihatkan bahawa wujud dua unsur utama dalam kepemimpinan politik. Pertama, kepemimpinan politik merupakan suatu bentuk hubungan yang tidak *asymmetrical*, iaitu suatu hubungan yang tidak

berasaskan kepada persamaan atau kedudukan yang setara di antara pemimpin dan pengikut (Edinger 1975, 256). Namun demikian, ini bukan bermakna hubungan yang tidak setara itu gagal melahirkan suatu suasana yang berbentuk *reciprocal* di antara pemimpin dan pengikutnya. Kedua-dua belah pihak masih lagi boleh membahagi-bahagikan faedah di antara mereka.

Walau bagaimanapun, disebabkan para pemimpin itu mempunyai kuasa, maka mereka mempunyai peluang yang lebih besar untuk menikmati keuntungan daripada perhubungan tersebut, berbanding dengan para pengikut yang tidak mempunyai kuasa. Malahan dengan kuasa pemimpin boleh melakukan pelbagai perkara untuk mencapai matlamat organisasi yang diketuainya, ataupun bagi kepentingan dirinya sendiri. Keadaan inilah yang melayakkannya menjadi pemimpin yang benar-benar berkuasa.

Namun demikian, menyentuh tentang kuasa ini, ia pada amalannya berkait rapat pula dengan status dan kedudukan rasmi seseorang individu dalam struktur yang berhierarki, sama ada di dalam organisasi formal ataupun tidak. Dengan itu, berasaskan kepada keadaan ini, aspek kedudukan formal (*formal position*) merupakan unsur kedua yang telah melahirkan gagasan kepemimpinan politik (Edinger 1974, 235).

Bagi mereka yang muncul sebagai pemimpin kerana kedudukan rasmi atau kedudukannya yang tinggi dalam organisasi formal, seperti parti politik, maka kemunculannya itu sebagai pemimpin di mata pengikut dapatlah dianggap sebagai suatu yang diberikan kepadanya. Dengan kata lain, mereka tidak perlu menonjolkan dirinya sebagai pemimpin kerana kepemimpinannya sudah sedia diterima oleh para pengikut yang berada di bawahnya (Edinger 1976, 255).

Keadaan ini tidak sahaja wujud dalam masyarakat tradisional yang menerima kewibawaan tradisinya sebagai asas penggunaan kuasa, tetapi juga di dalam masyarakat moden yang berlandaskan kepada kewibawaan legal-rasional (Weber 1964). Maka itu, dalam konteks kewujudan kepemimpinan politik, kedua-dua bentuk kewibawaan ini mempunyai pertalian yang rapat dengan institusi atau organisasi di mana seseorang individu itu berada. Melalui kedudukan ini individu tersebut mampu mengguna serta mengenakan kekuasaannya ke atas orang lain, sehingga ia dilihat dan diterima sebagai pemimpin yang berkuasa.

Dalam masyarakat tradisional, kewujudan institusi politik atau pemerintahan di dalam masyarakat itu tidak pernah dipersoalkan oleh mana-mana anggota masyarakatnya. Sebagai rakyat, mereka dituntut agar patuh dan taat kepada institusi tersebut. Akibatnya, melalui proses sosiolasi yang berpanjangan, setiap anggota masyarakat menerima nilai-nilai di sebalik kewujudan institusi itu sehinggakan tiada siapa yang berani mencabarnya. Akhirnya, sesiapa sahaja yang dipilih menduduki tempat yang terpenting dalam struktur organisasi itu akan memperoleh penghormatan (respect) yang tinggi daripada anggota masyarakatnya. Ini kemudiannya memberi peluang kepada pemimpin itu untuk menuntut kepatuhan daripada orang ramai terhadap setiap arahan atau kehendaknya (Nordlinger 1977).

Ini bererti bahawa kewibawaan tradisional telah memberikan kuasa yang sah kepada pemimpin tersebut, dan ia diterima umum kerana kepercayaan yang diwarisi sejak turun-temurun (Weber 1964). Kesetiaan yang diberikan oleh para pengikut kepada pemimpin itu bukan kerana dipaksa, tetapi di atas keyakinan bahawa ketuanya itu berhak menerima kesetiannya. Justeru, fenomena kepemimpinan seperti ini merupakan suatu yang natural dalam masyarakat tradisional. Sehubungan dengan itu, Jean Blondel antara lain mengatakan:

... rest on ... automatic acceptance of a set of organizations and relationships that have been existence from time immemorial. The citizens accepts the system because it exist ... they have known no other, and because they "feel" a part of it: the bond has an emotional of affective character (Blondel 1987, 53).

Aspek ini secara langsung memperlihatkan bahawa wujud suatu ikatan yang berbentuk emosi di antara pengikut dan pemimpin (Blondel 1978, 53), dan ini merupakan suatu bentuk pertukaran psikologi di antara kedua-dua belah pihak. Dalam persepsi pengikut, pemimpin itu adalah ketua mereka, dan sebagai balasannya atau pertukarannya, para pengikut tanpa ragu-ragu bersedia memberikan sokongan dan taat setia kepada pemimpinnya itu. Setiap pengikut tidak mengharapkan apa-apa habuan ekonomi atau ganjaran material daripada hubungan yang berasaskan kewibawaan tradisional ini.

Dengan wujudnya ikatan emosi dan keperluan psikologi ini, hubungan kedua-dua belah pihak mampu bertahan dan berkekalan dalam jangka waktu yang panjang. Maka itu, kepemimpinan yang berasaskan kepada kewibawaan tradisional masih kekal hingga ke hari ini. Tambahan pula, kehidupan politik masyarakat moden masih juga

membenarkan kewujudan institusi tradisionalnya (Means 1976). Walaupun kuasa eksekutif pemimpin itu dilucutkan, namun status sosial yang dimilikinya itu telah menyebabkan mereka diterima sebagai pemimpin politik simbolik ataupun *ceremonial*. Justeru, dengan penerimaan ini, mereka terus berperanan sebagai penaung politik simbolik.²

Walaupun bagaimanapun ini tidak pula bermakna bahawa dalam masyarakat tradisional tidak wujud langsung perkiraan ekonomi atau material di dalam hubungan pemimpin-pengikut. Memandangkan kekuasaan dan pengaruh para pemimpin politik tradisional tidak sahaja terhad di bidang sosiopolitik, tetapi meliputi juga sumber-sumber ekonomi seperti tanah, sungai, dan sistem perhubungan yang lain, maka ketergantungan para pengikut atau orang ramai terhadap pemimpinnya begitu besar sekali. Dengan wujudnya penguasaan yang tidak seimbang ke atas sumber sosioekonomi itu, maka para pemimpin politik tradisional tiada mempunyai sebarang halangan untuk berperanan sebagai penaung politik substantif. Sebagai pemimpin-penaung, mereka mampu memberikan pelbagai kemudahan ekonomi dan perlindungan kepada orang ramai. Manakala sebagai pertukarannya, mereka akan menerima balasan yang berbentuk bukan material seperti ketaatsetiaan, dan sumbangan tenaga apabila diperlukan. Ringkasnya, fenomena penaung-dinaung merupakan suatu yang lumrah dalam masyarakat tradisional.

Apa yang menarik, fenomena ini juga wujud dalam sesetengah masyarakat moden pada hari ini. Fenomena ini dikenali sebagai *ascribed patron-client* (Jackson 1990), terdapat para pemimpin politik yang muncul melalui dukungan kewibawaan tradisional, dan dijangka berperanan sebagai penaung kepada para pengikutnya. Namun begitu, kemunculan pemimpin politik dalam masyarakat moden pada hari ini lebih dikaitkan dengan kewibawaan legal-rasional, iaitu kemampuannya menggunakan kuasa berdasarkan kepercayaan di kalangan pengikut ataupun orang ramai bahawa dari segi undang-undang kuasa itu sah digunakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (Weber 1964, 329-332).

Terbit daripada kepercayaan tersebut, maka setiap individu yang berada di kedudukan formal dalam sesebuah institusi, seperti parti politik akan diterima sebagai pemimpin politik, dan berhak menggunakan kuasa ke atas para pengikutnya selagi ia tidak terkeluar daripada peraturan yang telah ditetapkan. Oleh itu, adalah menjadi

tanggungjawab pengikut untuk mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pemimpin tersebut, sekalipun arahan itu sukar diterima mereka. Malahan, dari segi undang-undang, hukuman pula boleh dikenakan ke atas diri para pengikut sekiranya mereka mencabar atau meningkari kuasa pemimpin itu.

Di sini secara jelas memperlihatkan bahawa pemimpin politik pada zaman moden ini tidak terletak pada kekuatan dirinya, tetapi kepada undang-undang dan peraturan yang dianggap rasional yang berada di belakangnya sebagai ketua sesebuah institusi. Maka itu, sekiranya individu berkenaan tidak lagi berada pada kedudukan tersebut, para pengikut tidak mungkin lagi menerimanya sebagai pemimpin mereka. Keadaan ini secara langsung memperlihatkan bahawa kewibawaan legal-rasional tidak melibatkan aspek emosi atau *affective* di dalam hubungan pemimpin-pengikut. Hubungan yang wujud lebih berasaskan faktor undang-undang semata-mata, kerana itu hubungan ini lebih bersifat instrumental dan intelektual (Blondel 1987, 53).

Oleh yang demikian, kedudukan itu hanya suatu alat bagi membolehkan seseorang itu menggunakan kuasa, bagi membantunya menjadi pemimpin politik yang berkesan. Mereka kelihatan berkuasa kerana mereka sememangnya berada di suatu kedudukan yang berkuasa. Dengan itu, dalam masyarakat moden sesiapa sahaja boleh muncul sebagai pemimpin politik asalkan mereka mempunyai ikatan dengan institusi politik, dan persekitarannya berada di dalam suasana stabil. Agak sukar baginya untuk kekal sebagai pemimpin politik jika keadaan sebaliknya wujud.

Bertolak daripada tanggapan begini, maka kemunculan pemimpin politik ini yang berasaskan kepada kedudukan seringkali dipersoalkan. Mereka dilihat tidak ubah sebagai seorang pemegang kuasa. Ini kerana, setiap pemimpin itu sememangnya seorang yang berkuasa, tetapi setiap yang berkuasa itu atau pemegang kuasa tidak semestinya seorang pemimpin. Oleh itu, dari segi konsep, ada yang menganggap pemimpin jenis ini lebih layak dikenali sebagai pengurus sahaja (Blondel 1987, 10).

Walaupun menduduki status sosial yang tinggi, dan kewujudannya dalam masyarakat moden merupakan suatu yang lumrah, namun pemimpin politik yang berasaskan kewibawaan legal-rasional ini dilihat tidak mempunyai impak yang besar ke atas masyarakatnya (Blondel 1987, 60). Pemimpin ini dipercayai tidak mempunyai wawasan, kerana itu mereka tidak berupaya untuk mempengaruhi kewujudan sesuatu

peristiwa atau membuat perubahan (transform) terhadap kehidupan politik masyarakatnya. Kalaupun ada impak kepemimpinannya, ia dianggap kecil, dan tidak seperti mana yang dijangkakan. Justeru, pemimpin itu tidak dianggap sebagai pemimpin sebenar dan hanya agak terserlah kerana terdapatnya faktor pertukaran di antara dirinya dengan orang ramai ataupun para pengikutnya. Melalui proses ini, kedua-dua belah pihak mampu memberi dan menerima pelbagai manfaat, ekoran daripada kedudukan itu. Oleh itu, kepemimpinan ini turut dikenali sebagai pemimpin *transactional*.

Berlandaskan kepada wujudnya suasana pertukaran idea di antara pemimpin dengan pengikutnya ataupun orang ramai, maka para pemimpin ini juga berpeluang untuk berperanan sebagai penaung politik substantif, iaitu suatu peranan yang membolehkannya mengekalkan kuasa di dalam institusi atau masyarakat yang diketuainya. Dengan menguasai pelbagai sumber yang terdapat di dalam institusi tersebut, terutamanya sumber ekonomi, para pemimpin ini boleh menyediakan pelbagai habuan dan material kepada orang ramai. Sebagai balasannya, golongan yang menerima habuan itu tanpa ragu-ragu akan memberikan taat setia mereka, serta bantuan lazimnya yang berkaitan dengan pemberian undi kepada pemimpin politik yang menaungi dirinya itu. Oleh sebab itu, semakin besar penguasaan seseorang pemimpin ke atas sesuatu sumber, maka semakin ramai pengikut atau penyokong yang ingin berinteraksi dengannya, demi untuk memperoleh manfaat daripada sumber tersebut.

Keadaan ini sekali gus memberi peluang kepada pemimpin politik yang terlibat untuk mengekalkan kepemimpinannya dalam institusi yang dipimpnnya itu. Sebagai pemimpin-penaung, mereka tidak mudah untuk dijatuhkan kerana golongan yang dinaunginya itu bersedia untuk jatuh-bangun bersamanya. Fenomena seperti ini tidak sahaja wujud pada peringkat negara, tetapi ia juga pada peringkat negeri dan di paras lokal. Yang berbeza hanya darjah peranan sahaja, kerana peranan itu ditentukan oleh jumlah sumber yang dikuasainya. Dalam hal ini, untuk menghubungkan pemimpin-penaung itu dengan para pengikutnya di bawah, golongan perantara atau broker amat diperlukan.

Walau bagaimanapun, disebabkan kewibawaan legal-rasional tidak melibatkan aspek emosi dalam hubungan pemimpin-pengikut, maka pemimpin tersebut tidak dijangkakan berperanan sebagai penaung politik simbolik. Namun begitu, sekiranya pemimpin politik itu mengubah dirinya menjadi pemimpin yang bersifat *transforming*,

maka peranan simbolik itu bolehlah dijangkakan daripadanya. Perubahan ini selalunya berlaku apabila masyarakat atau institusi yang diketuainya itu berada dalam suasana krisis dan pelaksanaan kewibawaan legal-rasional atau kewibawaan tradisional berada pada tahap yang lemah (Brymon 1992, 54-55).

Perlakuan dan Personaliti

Walaupun, pada zaman moden ini setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi pemimpin, khususnya pemimpin politik, kerana kepemimpinan itu sendiri tidak lagi diasaskan kepada *ascribed status*, namun kelahiran para pemimpin yang berasaskan kepada kedudukan formal masih tidak disenangi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan rasmi merupakan asas yang mudah untuk mengenali pemimpin, tetapi kadangkala terdapat juga individu yang memegang jawatan penting atau mengetuai sesebuah institusi tidak pula diterima oleh masyarakat umum sebagai pemimpin sebenar. Keadaan ini diperburukan lagi sekiranya pemimpin itu gagal mendapat kepatuhan daripada orang bawahannya. Oleh itu, dalam usaha mencari siapa sebenarnya pemimpin politik itu, maka telah wujud pandangan-pandangan yang menyarankan agar kepemimpinan politik itu seharusnya dilihat sebagai suatu konsep yang berkaitan dengan kelakuan ataupun personaliti seseorang individu (Edinger 1964).

Memang diakui bahawa terdapat kesukaran untuk mengenali para pemimpin atau kepemimpinan politik yang berakar umbikan tingkah laku ini. Namun demikian, kepemimpinan politik jenis ini, pada pandangan beberapa orang sarjana masih lagi boleh dikenali (Edinger 1964). Pada umumnya, kepemimpinan yang berteraskan perlakuan seringkali dikaitkan dengan keupayaan individu atau seseorang pemimpin mengubah dan membentuk perilaku atau tindakan orang lain bukan kerana kedudukan rasmi dalam sesuatu struktur yang berhierarki ataupun statusnya semata-mata. Sebaliknya, ia berasaskan kepada persediaan para pengikut menerima atau mengiktiraf individu itu sebagai pemimpin mereka, serta wujudnya proses hubungan interpersonal di antara kedua-dua belah pihak (Edinger 1964).

Dengan kata lain, kepemimpinan yang berakar umbikan tingkah laku juga mempunyai pertalian dengan kuasa, tetapi kuasa itu berpunca daripada personaliti dan pengaruh peribadi tokoh itu sendiri. Lazimnya, kekuatan dan pengaruh peribadi ini dilihat dari segi kemampuannya mengubah perjalanan sesuatu peristiwa (Blondel 1987, 15-17). Justeru,

pemimpin ini dikenali sebagai pemimpin yang bercorak *transforming*, iaitu pemimpin yang mempunyai wawasan dan mampu menimbulkan impak yang besar kepada kehidupan politik masyarakatnya. Kadangkala, pemimpin jenis ini juga dikenali sebagai pemimpin hero (heroic leadership), yang mampu memenuhi keperluan jiwa dan rohani (psychic) para pengikutnya. Jadi, berasaskan kepada sifat-sifat tersebut, pemimpin jenis ini seharusnya diterima sebagai pemimpin politik yang sebenar (Blondel 1987, 15-17).

Dalam konteks ini, kesediaan para pengikut mengubah perilakunya (mengikut kehendak pemimpinnya itu) bukanlah merupakan suatu reaksi yang berlaku secara kebetulan, kebiasaan, ataupun didorongi oleh faktor-faktor lain, tetapi lebih merupakan suatu tindak balas terhadap rangsangan atau dorongan yang dicetuskan oleh perlakuan dan kehendak tokoh yang diterimanya atau diiktiraf sebagai pemimpin (Edinger 1964, 258). Ini sekali gus memperlihatkan bahawa hubungan di antara para pemimpin dengan pengikutnya atau orang ramai bukanlah wujud melalui perantaraan institusi, seperti mana yang dialami oleh para pemimpin yang diasaskan kepada kedudukan formal atau status. Sebaliknya, hubungan ini terbentuk daripada hasil hubungan langsung di antara pemimpin dengan para pengikutnya.

Melalui proses interaksi ini, pemimpin yang terlibat itu dianggap telah berjaya menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin. Manakala di pihak pengikut pula, mereka tanpa ragu-ragu bersedia untuk menerimanya sebagai pemimpin yang telah ditakdirkan (predestinated leader) kepada mereka (Sartori 1984, 171). Oleh yang demikian, kepemimpinan politik yang berasaskan pengaruh peribadi ini boleh muncul sama ada secara tradisional ataupun moden.

Dengan berlandaskan kepada pengaruh peribadi, maka kemunculan pemimpin ini seringkali dikaitkan dengan kewibawaan karismatik iaitu kemampuan untuk mendapatkan kehormatan, ketaatan, serta kehebatan terhadap dirinya sebagai sumber kekuasaan (Weber 1964, 358-59). Maka itu, pemimpin jenis ini juga dikenali sebagai pemimpin berkarisma di mana kekuatan dan kecekapan peribadiannya agak berbeza dan luar biasa berbanding dengan orang lain. Walau bagaimanapun, sifat-sifat luar biasa sahaja tidak memadai bagi membolehkan individu muncul sebagai seorang pemimpin karismatik, tetapi juga perlu diiringi oleh faktor kesahan sosial (social validity) (Weber 1964, 359).

Dalam konteks ini, perjuangan dan pemikiran pemimpin itu hendaklah bersesuaian, bertepatan serta bermakna kepada para pengikut ataupun kumpulan masyarakat yang berada di sekelilingnya. Apabila keadaan ini wujud barulah pemimpin itu mampu mempengaruhi perilaku orang lain bagi tujuan merobah dan mencipta sejarah hidup masyarakatnya. Maka itu, pemimpin berkarisma tidak sahaja perlu memiliki kebolehan serta kepakaran yang bersesuaian dengan alam persekitarannya, tetapi juga berkemampuan mentafsirkan suasana persekitaran tersebut (Tucker 1997, 384-385), sehingga dapat memperlihatkan dia sebagai pemimpin yang hebat dan luar biasa.

Sehubungan dengan ini, pengalaman dan daya fikir merupakan ciri-ciri yang perlu dapat memperlihatkan dia dalam diri setiap pemimpin yang kreatif. Begitupun, dalam setiap tindakannya, para pemimpin ini hendaklah juga dipandu oleh perasaannya. Namun demikian, tidak pula bermakna bahawa pemimpin tersebut harus menjadi seseorang yang baik hati (Tucker 1997, 384-385). Hanya pemimpin kreatif sahaja yang mampu melihat dan memahami kehendak masyarakat di sekitarnya, serta mengerti pula mengapa mereka mengalami kehidupan dan pengalaman yang berbeza, walaupun berada di dalam persekitaran yang sama (Tucker 1997, 386).

Namun begitu, kreativiti yang tinggi itu tidak mudah untuk dicapai kerana asas kemampuan minda seseorang itu adalah kurniaan Allah terhadap dirinya, sama ada secara semula jadi ataupun kombinasi dengan pengalaman hidupnya. Dengan itu, seseorang pemimpin yang mampu mentafsirkan kehendak persekitarannya tentulah juga merupakan tokoh politik yang luar biasa sifatnya, yang mampu meyakinkan masyarakat di sekelilingnya bahawa dia mempunyai program bertindak ataupun penawar yang boleh menyelesaikan masalah menyelamatkan mereka daripada suasana yang tertekan (Tucker 1997, 386).

Dengan kata lain, kepemimpinan dan kewibawaan karismatik tidak akan muncul dalam suasana yang stabil. Sebaliknya, ia akan muncul apabila orang ramai berhadapan dengan suatu krisis sama ada dari sudut material ataupun spiritual. Keadaan ini akan memberi peluang kepada pemimpin tersebut untuk muncul sebagai pemimpin-penyelamat (Blondel 1987, 60). Oleh itu, apabila orang ramai yakin dengan formula yang dikemukakan itu, maka mereka akan mengiktiraf pemimpin-penyelamat tersebut sebagai pemimpinnya, dan ketaatsetiaan

yang tidak berbelah-bahagi diberikan kepada pemimpin berkenaan (Tucker 1997, 388). Justeru, sesiapa sahaja yang diterima sebagai pemimpin, maka perlulah baginya memastikan para pengikut atau orang ramai mendapat manfaat daripada kehadirannya. Jika tidak, kedudukannya sebagai pemimpin akan tergugat (Weber 1964, 362).

Jadi di sinilah letaknya kepentingan pengiktirifan dan kepercayaan orang ramai terhadap kepemimpinannya itu. Adalah menjadi tanggungjawab pemimpin tersebut untuk membuktikan kepada anggota masyarakat atau para pengikutnya bahawa dia sememangnya seorang pemimpin luar biasa (Weber 1964, 359). Dalam hal ini, sama ada seseorang pemimpin itu berkarisma ataupun tidak ia bukanlah terletak pada siapa pemimpin itu, tetapi bagaimana ia ditanggapi oleh orang ramai atau mereka yang berada di bawahnya (Weber 1964, 364). Dengan itu, kepemimpinan yang berasaskan kepada kekuatan peribadi dan personaliti ini pada hakikatnya bukanlah merupakan suatu bentuk kepemimpinan yang stabil (Geertz 1974, 248), sekalipun terdapat tanggapan bahawa mereka adalah pemimpin politik yang sebenar.

Walau bagaimanapun, kesediaan orang ramai atau para pengikut menerima formula pemimpin berkenaan bukanlah terbit daripada keyakinan atau kepercayaan yang membuta-tuli (*blind faith*), ataupun kerana begitu taasub kepada pemimpin tersebut. Sebaliknya ia merupakan hasil daripada tanggapan mereka bahawa formula itu boleh dan mampu menyelesaikan masalah yang sedang mereka hadapi itu (Downtown 1993, 217). Oleh yang demikian, dengan adanya tanggapan yang sebegini, maka hubungan yang wujud di antara pemimpin dan pengikut itu adalah hasil daripada pertukaran psikologi yang terbit daripada suasana ketegangan di dalam diri para pengikut itu sendiri (Downtown 1993, 222).

Ini kerana dari segi psikologi, manusia yang berada dalam keadaan yang tidak tenteram mudah menerima kehadiran seorang pemimpin, asalkan pemimpin tersebut sedia memimpin mereka keluar daripada alam tidak tenteram itu. Manakala dari sudut yang lain pula, karisma merupakan hubungan yang amat berkesan bagi membolehkan kedua-dua belah pihak, khususnya para pengikut bertukar-tukar kepuasan (*intangible goods*) bagi membolehkannya mengurang atau menyelesaikan konflik di dalam diri masing-masing (Downtown 1993, 209). Oleh itu, kepemimpinan jenis ini telah berjaya melahirkan suatu penyelesaian simbolik terhadap konflik atau krisis yang dihadapi oleh

masyarakatnya, sama ada konflik dalaman ataupun luaran (Burn 1979, 244).

Keadaan ini sekali gus memperlihatkan bahawa pemimpin karismatik juga mampu berperanan sebagai penaung politik simbolik untuk memenuhi keperluan dan tuntutan psikologi serta emosi para pengikutnya, sekalipun bukan berbentuk habuan ekonomi. Bahkan selepas zaman krisis berlalu (atau selepas kematian para pemimpin terlibat), mereka yang tergolong di dalam kepemimpinan karismatik ini masih lagi diterima dan dikenang sebagai pemimpin (Tucker 1997, 389). Hal ini semua berlaku kerana wujudnya suatu kepercayaan yang meluas dan keyakinan yang mendalam terhadap diri pemimpin itu, ekoran daripada kemampuannya menyelesaikan ketegangan dalam masyarakat masing-masing (Tucker 1997, 388).

Dengan berasaskan kepada hubungan pemimpin-pengikut ini, secara langsung memperlihatkan bahawa keterlibatan emosi para pengikut terhadap pemimpinnya jauh lebih kental dan mendalam berbanding dengan ikatan emosi yang wujud di antara pemimpin-pengikut yang bernaung di bawah kewibawaan tradisional (Blondel 1987, 56). Sentimen emosi ini wujud adalah disebabkan oleh kesetiaan yang begitu teguh dan mendalam terhadap pemimpin yang diterima dan ditanggapinya sebagai hero, serta memiliki sifat yang luar biasa (Weber 1964, 359-60).

Dari segi psikologi, sifat luar biasa inilah yang mendorong para pengikut ataupun orang ramai bersedia menerima dan mematuhi segala perintah dan kehendak pemimpin itu. Justeru, akibat daripada keterlibatan emosi yang kerelaluan ini, maka perhubungan yang terjalin di antara pemimpin-pengikut itu merupakan suatu ikatan yang tidak rasional (Blondel 1987, 56). Namun begitu, disebabkan kepemimpinan karismatik ini muncul pada ketika masyarakat sedang berhadapan dengan krisis, maka ia merupakan suatu yang natural (Geertz 1974, 246).

Sungguhpun hubungan yang wujud itu lebih berasaskan kepada keperluan psikologi dan emosi, ini tidak pula bermakna tidak wujud langsung perkiraan ekonomi atau pertukaran yang bercorak material dalam hubungan tersebut. Habuan yang berbentuk ekonomi dapat diperolehi oleh para pengikut ataupun orang ramai, sekiranya hubungan pemimpin-pengikut bertukar atau berubah wajah kepada satu hubungan yang lebih stabil (Weber 1964, 363-373). Ini bererti kewibawaan

karismatik itu diinstitusikan sebagai kewibawaan tradisional atau kewibawaan legal-rasional, ataupun kombinasi dengan kedua-dua kewibawaan itu, dan proses pengubahan ini telah dikenali sebagai *routinization*.

Berkaitan dengan perubahan ini, kedua-dua belah pihak, pemimpin-pengikut turut memainkan peranan penting. Dengan menyedari bahawa suasana krisis akan berakhir, dan daya tarikan terhadap pemimpin karismatik juga beransur-ansur kurang, maka kedua-dua belah pihak merasakan perlunya kepemimpinan itu dirasmikan kedudukannya dalam suatu organisasi atau hierarki kuasa. Namun begitu, ini tidak pula bermakna bahawa proses ini telah merubah atau mengurangkan ciri ketidakrasionalan yang sedia wujud dalam hubungan pemimpin-pengikut kepada ciri-ciri yang lebih bersifat intelektual (Blondel 1987, 56).

Bagi para pengikut, khususnya pengikut terdekat mereka mula merasakan bahawa perhubungannya dengan pemimpin yang itu perlu berada di dalam suasana yang stabil (Nordlinger 1977, 13-14). Dengan itu, melalui proses penginstitusian ini, mereka tidak sahaja mempunyai peluang untuk memperkukuhkan hubungannya dengan pemimpin itu, tetapi juga berkesempatan untuk mendapatkan habuan ekonomi, serta kedudukan yang teguh dalam institusi tersebut. Manakala, bagi pemimpin yang terlibat pula, proses itu merupakan suatu peluang untuk mengukuhkan diri, serta meneruskan idealisme perjuangannya.³ Ini sekali gus boleh mengurangkan rasa takut di kalangan para pengikut akan kehilangannya, serta kemungkinan ketiadaan bakal penggantinya.⁴

Di samping itu, pemujaan terhadap dirinya tidak lagi berasaskan kepada karisma semata-mata, tetapi juga kerana status yang dimilikinya dan kedudukan formalnya dalam institusi tersebut. Dalam keadaan begini, hubungan pemimpin-pengikut juga turut berubah, lebih bersifat *depersonalized*, iaitu kepercayaan legitimsasi kuasa seseorang pemimpin itu tidak lagi berasaskan kepada kekuatan peribadinya (Bryman 1982, 26).

Oleh yang demikian, apabila kepemimpinan karismatik telah berubah dan mula bersifat *transactional*, maka aspek hubungan di antara pemimpin dengan orang ramai atau para pengikutnya tidak lagi terhad kepada hubungan psikologi, seperti mana yang berlaku pada peringkat awal kemunculannya. Sebaliknya, pihak pemimpin merasakan bahawa para pengikutnya perlu diberikan pelbagai bentuk habuan ekonomi, agar ketaatsetiaan dan pemujaan mereka terhadap dirinya

terus berkekalan. Manakala, para pengikut pula turut merasakan bahawa mereka juga perlu diberikan ganjaran kerana tindakannya memperkukuhkan ikatan dengan pemimpin itu. Pendek kata, dalam keadaan kewibawaan karismatik yang telah berubah wajah dan mendapat kekuatan legal (sekiranya berubah dalam bentuk kewibawaan legal-rasional), maka peranan pemimpin tidak lagi terhad sebagai penaung politik simbolik semata-mata. Malahan, pemimpin ini juga mampu berperanan sebagai penaung politik substantif, seperti mana pemimpin yang muncul melalui kedudukan formal dalam sesebuah institusi.

Oleh itu, dengan kedudukan sebagai pemimpin karismatik, dan diberikan pula kekuasaan legal, maka pemimpin tersebut mampu mengawal segala sumber yang berada dalam kekuasaannya. Ini sekali gus membolehkannya melaksanakan peranan sebagai penaung yang bersifat substantif, iaitu melalui proses berbalas keuntungan dengan orang ramai ataupun para pengikutnya. Peranan itu menjadi bertambah penting apabila pemimpin karismatik itu berubah pula menjadi pemimpin patrimonial (Weber 1964, 369), iaitu apabila hubungannya dengan para pengikut ataupun orang ramai lebih berasaskan kepada ketaatsetiaan peribadi dan bukan melalui kepatuhan kepada peraturan ataupun undang-undang selepas melalui proses *routinization* (Downtown 1993, 784).

Apabila keadaan ini wujud, dan pemimpin itu mahu memaksimumkan penguasaannya ke atas organisasi yang dikuasainya itu, maka pemimpin patrimonial ini lazimnya bersedia memberikan pelbagai habuan ekonomi kepada orang ramai ataupun para pengikutnya. Tindakan ini sekali gus boleh meningkatkan pengaruh peribadi pemimpin berkenaan. Walaupun pengaruh peribadi ini bukannya kuasa ataupun kewibawaan, namun ia merupakan suatu fenomena yang wujud hasil daripada hubungan langsung di antara pemimpin dengan pengikut. Oleh kerana itu, fenomena ini telah dilihat mampu menguasai perasaan setiap individu agar mematuhi serta mentaati sebarang perintah dan kehendak pemimpin itu (Graziano 1973).

Jadi, apabila pengaruh peribadi pemimpin tersebut telah diterima umum dan mampu pula mempengaruhi perlakuan mereka, maka fenomena yang wujud itu dengan sendirinya berubah menjadi suatu bentuk kewibawaan, yang kemudiannya dikuatkuasakan pula menjadi proses perhubungan secara tidak langsung di antara pemimpin dengan pengikutnya. Disebabkan kewibawaan itu berkait rapat dengan

keperibadian seseorang pemimpin, maka pengaruh peribadi tersebut akan menjadi sebahagian daripada ciri-ciri karisma yang terdapat pada pemimpin berkenaan. Ini secara langsung memperkukuhkan lagi pengamatan dan tanggapan umum terhadap dirinya sebagai pemimpin karismatik.

Keadaan ini juga secara langsung memperlihatkan betapa emosi dan perasaan telah turut terlibat di dalam usaha memperkukuhkan lagi perhubungan yang sedia wujud di antara pemimpin dengan pengikutnya. Dalam keadaan begini, ikatan emosi itu tidak sahaja memberikan peluang kepada pemimpin patrimonial atau pemimpin karismatik untuk meneruskan peranannya sebagai penaung politik substantif, tetapi dalam jangka masa panjang, ia juga menyediakan peluang kepada pemimpin itu untuk berperanan sebagai penaung simbolik, terutamanya selepas tidak lagi berkuasa.

Ini kerana pengaruh peribadi itu sendiri merupakan suatu sifat luar biasa yang hanya terdapat pada diri pemimpin tertentu sahaja. Oleh itu, sekiranya timbul krisis yang baru dalam masyarakatnya, maka peluang tokoh ini kembali semula sebagai pemimpin akan dinafikan, sekalipun sebagai pemimpin tanpa kedudukan formal. Oleh yang demikian, keadaan ini semua jelas menggambarkan betapa ciri-ciri ketidakrasionalan masih lagi wujud dalam diri para pengikut, walaupun mereka turut terlibat di dalam proses *routinization* yang menyerapkan kewibawaan legal-rasional khususnya.

Walaupun bagaimanapun, pada hari ini, kepemimpinan yang berasaskan kepada personaliti dan tingkah laku ini telah memperoleh kekuatan baru hasil daripada perkembangan sains dan teknologi. Melalui penggunaan pelbagai bentuk media massa, kekuatan peribadi seseorang pemimpin itu boleh dibina dan cipta, demi untuk mempertingkatkan lagi imej dan sokongan, serta kepercayaan orang ramai terhadap dirinya sebagai pemimpin luar biasa. Namun begitu, perkembangan ini juga turut memberi peluang kepada kemunculan pemimpin karisma yang sengaja dicipta oleh media massa bagi kepentingan pemimpin tertentu (Bryman 1992, 30-32), sehingga orang ramai sendiri terkeliru dan tidak mampu lagi untuk mengenali serta membezakan di antara pemimpin politik yang benar-benar berkarisma dengan yang palsu. Akhirnya, selaras dengan perkembangan zaman, fenomena ini dianggap sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan lagi.

Dalam hal ini, kemunculan masyarakat birokratik serta kepesatan pertumbuhan bandar-bandar moden telah dilihat sebagai halangan

wujudnya hubungan peribadi secara langsung di antara pemimpin dengan pengikut. Justeru, kepemimpinan yang benar-benar bercorak karismatik dipercayai hanya wujud pada zaman pramoden sahaja (Bryman 1992, 31). Oleh itu adalah wajar hubungan yang hampir sama bentuknya dengan hubungan peribadi (personal contact) ini diwujudkan melalui radio, akhbar dan televisyen, bagi membolehkan munculnya pemimpin berkarismatik. Jadi adalah tidak luar biasa sekiranya *pseudocharism* merupakan suatu yang lumrah pula kepada segelintir pemimpin politik.

Walau bagaimanapun, kemudahan komunikasi ini juga turut memberi peluang kepada pemimpin karisma yang sebenar, (serta para pengikutnya yang terdekat) untuk menggunakan saluran itu bagi mencipta pelbagai metos dan legenda mengenai kekuatan dirinya. Dengan itu, kepemimpinan tersebut mempunyai peluang untuk memperluas serta memperkukuhkan lagi kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap dirinya (Bryman 1992, 62). Di samping itu, pemimpin berkenaan juga berpeluang untuk memaparkan wawasan perjuangannya bagi membolehkan masyarakat umum menilai dan melihat dirinya sebagai seorang yang radikal (Bryman 1992, 63), yakni yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan orang ramai. Oleh itu, apabila kedudukannya sebagai pemimpin politik bertambah teguh, maka bertambah besar jangkauan peranan sosial daripadanya, iaitu sama ada sebagai penaung politik substantif ataupun penaung politik simbolik.

Penaungan

Penaungan (patronage) bukanlah merupakan suatu konsep yang baru dalam disiplin sains sosial. Sebelum ahli-ahli sains politik terdedah kepada konsep tersebut, ahli-ahli antropologi sosial telah pun menggunakannya secara meluas di dalam kajian mereka. Bahkan, pada ketika ahli-ahli sains politik menggunakan konsep ini di dalam penyelidikannya, tanggapan telah pun timbul bahawa perkembangan yang berlaku itu merupakan cetusan daripada pengaruh dan sumbangan antropologi kepada disiplin berkenaan. Walau bagaimanapun, kedua-dua disiplin ini merujuk kepada dua fenomena yang berbeza, sekalipun menggunakan istilah yang sama (Weingrod 1968). Perbezaan ini begitu ketara sekali apabila ia dihubungkan dengan konsep kuasa.

Ketidakseimbangan dalam Hubungan

Bagi ahli-ahli antropologi apabila mereka memperkatakan tentang penaung dan dinaung (client), maka mereka beranggapan bahawa penaungan itu merupakan satu bentuk kuasa (Gellner 1977), sekalipun kuasa yang dirujukkan itu tidak sama dengan bentuk kuasa yang terpusat (well centralised) di dalam tangan ahli birokrat. Sebaliknya, kuasa yang terjelma dalam konsep penaungan ini lebih merupakan kuasa yang lahir daripada hubungan yang tidak seimbang di antara penaung di satu pihak dengan golongan yang dinaungi di pihak yang lain.

Dalam memperkatakan soal ketidakseimbangan ini, ia pada asasnya mempunyai pertalian yang rapat dengan ketidakseimbangan dalam pemilihan kepelbagaian sumber di dalam masyarakat, sama ada yang berbentuk barangan ataupun perkhidmatan. Oleh itu, apabila konsep penaungan digunakan untuk mengkaji proses politik dan masyarakat, maka ia lebih mementingkan aspek ketidakseimbangan tersebut, dan bukan aspek kuasanya (Weingrod 1968). Ketidakseimbangan perlu diberikan perhatian kerana dalam suasana yang negatif itu, setiap anggota masyarakat masih lagi mampu mempertahankan integrasi sosial ataupun kesepaduan sosialnya. Ringkasnya, aspek penaungan ini amat mementingkan hubungan yang bercorak interpersonal (Weingrod 1968).

Melalui hubungan interpersonal (hubungan dyadik) itu, suatu fenomena yang dapat dikesan ialah setiap pihak (penaung dan golongan dinaung) yang diikat oleh kehendak persahabatan dan kepentingan telah berjaya memanipulasikan hubungan tersebut bagi mencapai matlamat masing-masing, walaupun kedua-duanya berada dalam kedudukan yang tidak seimbang. Justeru, James Scott telah mengatakan:

The patron-client relationship-an exchange relationship between roles-may be defined as a special case of dyadic (two person) ties involving large instrumental friendship in which an individual of higher socioeconomic status (patron) uses his own influence resources to provide protection or benefits, or both, for a person of lower status (client) who, for his part, reciprocates by offering general support and assistance, including personal services, to the patron (Scott 1972, 66).

Yang nyata dari pengertian ini, ikatan penaung-dinaung itu wujud di atas satu hubungan yang berbentuk *asymmetrical*. Di satu pihak, penaung muncul sebagai individu yang mempunyai kelebihan daripada segi kekayaan, status dan pengaruh, kerana itu mereka menguasai pelbagai sumber di dalam kehidupan masyarakatnya. Manakala di

pihak yang lain pula, golongan yang dinaungi yang tidak memiliki sumber tersebut. Oleh itu, golongan penaung mempunyai kesempatan untuk menawarkan bantuan ekonomi dan perlindungan kepada golongan yang dinaunginya, dan sebagai balasannya, golongan klien tidak sekadar memberikan perkhidmatan peribadi kepada penaung, tetapi juga ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi (Scott 1969). Namun begitu, dalam apa jua keadaan, pemberian yang diberikan oleh golongan yang dinaungi tetap tidak sama nilainya dengan apa yang telah disumbangkan oleh para penaung kepada mereka. Bahkan, sebagai tambahan, golongan yang dinaungi juga terpaksa memberikan kepada penaungnya kuasa yang lebih dalam menentukan bagaimana kedua-dua belah pihak sepatutnya saling bertindak dan bekerjasama (Lande 1965).

Oleh itu, dalam keadaan sebegini, golongan yang dinaungi itu juga telah menerima penaung tersebut sebagai pemimpinnya, dan mereka sendiri bertindak sebagai pengikut kepada pemimpin tersebut (Lande 1965). Dengan wujudnya gagasan pemimpin-pengikut ini, maka hubungan tidak seimbang di antara penaung-dinaung menjadi bertambah kukuh lagi. Jadi, di sini letaknya kepentingan konsep kuasa kerana sebagai pemimpin, penaung mempunyai peluang yang lebih luas untuk mempengaruhi tingkah laku mereka yang dinaungi atau para pengikutnya.

Ekoran daripada itu, persoalan yang sering kali ditimbulkan ialah: Pertama, sejauh mana golongan yang dinaungi ini terpaksa bergantung hidup kepada para penaung. Kedua, apakah penguasaan para penaung tersebut telah mendatangkan kesan terhadap setiap aspek kehidupan mereka yang dinaungi, ataupun dalam keadaan tertentu sahaja? Dalam menjawab persoalan ini beberapa unsur tertentu perlu diberikan perhatian, antaranya ialah tahap penguasaan (atau kawalan) seseorang penaung terhadap sesuatu sumber, jangka masa dan keyakinan (Waterbury 1977, 330-332).

Dalam konteks pengawalan sumber, penaung yang sebenar (true patron) lazimnya mampu menguasai sesuatu sumber secara monopoli, terutamanya sumber yang terhad kuantitinya, dan menjadi keperluan orang ramai seperti penguasaan ke atas tanah. Di samping itu, penaung ini juga berkuasa untuk menentukan siapa yang seharusnya menikmati, memiliki atau menggunakan sumber yang terhad tadi (Waterbury 1977, 330). Oleh itu, semakin besar sumber yang dikawal oleh seorang penaung, maka semakin besar kuasanya, dan hasilnya semakin ramai orang (client) yang boleh dinaunginya.

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa penaung sebagai elit dalam masyarakatnya adalah seseorang yang berjaya menguasai secara langsung sumber daya utama (first order resources) seperti tanah, pekerjaan, tabung biasiswa, pengetahuan yang khusus atau tertentu dan sebagainya. Manakala, penaungan pula dirujuk kepada penggunaan pelbagai sumber oleh para penaung bagi tujuan membantu dan melindungi golongan yang dinaunginya (iaitu klien), yang secara jelas tidak mempunyai hak kawalan ke atas sumber tersebut (Boissevain 1974, 147-48). Oleh itu, pelbagai jenis penaung boleh wujud dalam masyarakat, iaitu sama ada penaung politik, penaung ekonomi, ataupun penaung budaya. Walau bagaimanapun, kemungkinan seseorang penaung melakukan tindakan lapis peranan adalah tidak mustahil.

Berhubung dengan fenomena kawalan ini, maka wujud pula golongan perantara yang terdiri daripada sekumpulan individu yang berjaya mengawal sumber daya sekunder, yakni mempunyai hubungan yang strategik dengan orang yang mengawal sumber daya utama itu. Sebagai perantara, mereka telah dilihat berjiwa *entrepreneur*. Ini kerana mereka tidak hanya menguasai sumber daya sekunder, tetapi juga memanipulasikan pengawalannya ke atas sumber tersebut bagi tujuan memperolehi keuntungan untuk diri sendiri, sebagaimana para penaung mengharapkan sesuatu keuntungan daripada hubungan yang wujud dengan golongan yang dinaunginya, maka perantara juga mengharapkan keuntungan yang sama.

Peranan perantara ini agak terserlah di kalangan masyarakat desa (di paras lokal) yang sedang berhadapan dengan proses modenisasi dan pembentukan negara moden (Shamsul 1976). Pengenalalan sistem ekonomi yang berasaskan kepada pasaran serta kewujudan sistem birokrasi moden yang berpusat di kawasan bandar menjadikan masyarakat desa dirangkumi oleh satu sistem politik, ekonomi dan pentadbiran yang lebih besar. Dalam keadaan begini, mereka amat memerlukan seseorang perantara yang dapat menghubungkan mereka dengan dunia luar yang merangkuminya (Bailey 1970, 167).

Lazimnya, para penaung tradisional yang sedia wujud dalam masyarakat desa akan menjadi jambatan untuk mendekatkan jurang komunikasi ini. Sebagai golongan yang penting dan berkuasa (notable), para penaung ini juga pada kebiasaannya menjalin hubungan yang rapat dengan mereka yang berkuasa, sama ada di bidang pentadbiran ataupun ekonomi yang berpusat di kawasan bandar (Kenny 1960, 17-18). Oleh itu, apabila penaung tersebut bertindak menjadi perantara

yang menghubungkan anggota masyarakat desa dengan struktur di luar yang terbuka, maka keadaan ini dengan sendirinya menjadikan penaung itu tidak lagi menghadkan perannya sebagai penaung, tetapi juga telah berfungsi sebagai perantara (Powell 1970, 413).

Dalam hal ini, perubahan dan pertambahan peranan itu merupakan suatu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Ini memandangkan kedudukan penaung itu sendiri yang semakin lemah, ekoran daripada perubahan yang dialami oleh anggota masyarakatnya. Keadaan ini berlaku kerana, pada ketika yang sama, masyarakat desa juga turut didatangi oleh golongan perantara baru yang terdiri daripada tokoh ataupun pemimpin parti politik tempatan. Mereka ini juga mahu mencari pengikut, serta membina pengaruh di paras lokal (Banks 1976). Golongan ini lazimnya mempunyai hubungan yang strategik dengan pemimpin politik kebangsaan atau supra-lokal yang juga merupakan golongan yang menguasai sumber daya utama. Akibatnya, bagi penaung tradisional, peranan mereka sebagai perantara jauh lebih penting daripada peranan tradisinya sebagai penaung.

Sungguhpun, semua penaung boleh bertindak sebagai perantara bagi pihak mereka yang dinaunginya, sewaktu berhubung dengan orang-orang tertentu di luar paras lokal, tetapi tidak semua broker ataupun perantara mampu bertindak sebagai penaung. Ini disebabkan oleh ketidakupayaan golongan perantara menguasai sumber daya utama. Justeru, setiap perantara berhasrat untuk menukarkan sumber-sumber yang berada di bawah kawalannya menjadi sumber daya utama (Boiessevain 1974, 380), bagi membolehkannya berperanan sebagai penaung-perantara.

Selain daripada faktor kawalan ke atas sesuatu sumber, faktor jangka masa dan keyakinan juga tidak kurang pentingnya kepada pengekalan hubungan penung-dinaung. Sehubungan dengan itu, suatu yang tidak dapat dinafikan ialah pada ketika ikatan itu mula terjalin, kedua-dua belah pihak sememangnya saling percaya-mempercayai bahawa mereka akan memperoleh manfaat daripada perhubungan tersebut. Namun begitu, disebabkan perubahan masa, keperluan yang dikehendaki dan sumber yang dikuasai juga telah berubah. Akhirnya, kedua-dua belah pihak mungkin terdedah kepada suatu keadaan di mana satu pihak yang lain pula mahu terus mengekalkan perhubungan yang sedia terjalin itu.

Walaupun tidak wujud tempoh yang spesifik dalam menentukan ikatan penaung-dinaung, namun faktor jangka masa ini banyak

ditentukan oleh proses berbalas keuntungan, di mana kedua-dua belah pihak saling memperoleh faedah. Oleh yang demikian, dalam usaha mempertahankan ikatan yang sedia terjalin itu, maka nilai prinsip hubungan timbal-balik (norm of reciprocity) merupakan suatu kaedah yang amat penting (Scott 1969). Melalui kaedah non-legal ini, kedua-dua belah pihak sama ada penaung yang kuat ataupun klien yang lemah lazimnya tidak akan mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi bagi tujuan memaksimumkan keuntungan ataupun manfaat. Bahkan, melalui prinsip ini juga, pihak penaung tidak sekali-kali melakukan tindakan yang dapat dianggap sebagai mengambil sesuatu daripada ganjaran si lemah tanpa memberikannya sebarang ganjaran sebagai balasan.

Dalam perhubungan yang berbentuk penaung-dinaung ini, yang nyata, keuntungan atau faedah yang diperolehi itu berbeza-beza dari masa ke semasa. Namun begitu, kepentingan kepada kedua-dua belah pihak bukan terletak kepada apa yang dikehendakinya itu boleh didapati pada masa-masa tertentu sahaja. Sebaliknya, yang lebih penting ialah mereka mampu memperolehinya pada bila-bila masa, sekalipun di dalam suasana yang jarang-jarang berlaku (Lande 1965, xx). Walau bagaimanapun, akibat daripada ketidakseimbangan dalam pemilikan sumber, keadaan yang sama juga berlaku di dalam prinsip hubungan timbal-balik (Scott 1972, 93-95). Dalam apa keadaan sekalipun, pihak penaung biasanya menikmati pulangan ataupun faedah yang lebih berbanding dengan mereka yang dinaung. Maka itu, dalam ikatan yang berbentuk penaung-dinaung ini, pihak penaung selalunya mahukan hubungan itu terus berkekalan.

Dalam hal ini, pihak penaung tidak mengalami kerumitan untuk mempertahankan kehendaknya itu, walaupun pihak yang dinaungi mempunyai peluang untuk memutuskan ikatan, ekoran daripada terdapatnya persaingan (untuk mendapatkan klien) di kalangan para penaung itu sendiri. Pada realitinya, tindakan memutuskan hubungan ini suatu yang mudah dilakukan oleh golongan yang dinaungi. Sungguhpun mereka yang dinaungi boleh bernaung di bawah penaung yang berbeza, tetapi pada kebiasaannya, jarang sekali terdapat seorang klien mempunyai lebih daripada seorang penaung (Scott 1972, xxi). Sehubungan dengan ini, Carl H. Lande, antara lain telah mengatakan:

... the subordinate knows how he cannot in reality withdraw despite the fact that he may have a legal right to do so. The lack of alternative means or livelihood, continous

indebtedness to his superior, or legally enforced contractual relationships make withdrawal impractical (Lande 1965, xxiii).

Tambahan pula, pada ketika yang sama, kedua-dua belah pihak juga telah terikat dengan norma-norma kesetiaan peribadi yang mana nilai-nilai ini juga sama pentingnya dengan nilai-nilai yang wujud di sebalik prinsip timbal-balik saling bahagi-membahagikan faedah sebagai suatu kaedah untuk mempertahankan hubungan yang sedia wujud itu. Melalui prinsip ini, setiap pihak tetap terikat dan bersedia untuk memberikan sebarang pertolongan, sekalipun pihak yang hendak dibantunya itu sudah tidak mampu lagi memenuhi tuntutan prinsip saling membahagikan faedah atau keuntungan (Lande 1965, xvii).

Kekuatan pihak penaung menjadi lebih terserlah sekiranya pada waktu yang sama ia berjaya melibatkan aspek moral dan emosi dalam hubungannya dengan golongan yang dinaung (Waterburry 1977, 331). Ini kerana melalui pembabitan kedua-dua faktor ini, ikatan yang wujud menjadi lebih stabil dan berpanjangan lagi. Keadaan ini juga mengurangkan kemungkinan golongan yang dinaungi terpengaruh dengan godaan pelbagai janji kebendaan daripada penaung lain agar mereka menukarkan penaungnya. Dengan itu, apabila emosi dan moral sudah terlibat, peranan penaung dengan sendirinya tidak lagi terhad kepada aspek ekonomi ataupun substantif, tetapi juga telah melibatkan aspek psikologi atau simbolik.

Kepentingan Organisasi

Daripada perbincangan di atas, ia secara jelas memperlihatkan bahawa konsep penaungan (ataupun ikatan penaung-dinaung) dalam konteks pemikiran ahli-ahli antropologi sosial adalah dirujuk kepada suatu bentuk hubungan jangka panjang yang bersifat interpersonal, serta berasaskan hubungan bersemuka (face-to-face contact) yang terjalin di antara dua individu yang mempunyai kedudukan yang tidak setaraf dari segi pemilikan harta dan kekayaan, status dan juga kuasa. Walaupun perhubungan itu berbentuk menegak, iaitu lebih memberi keuntungan kepada golongan yang dinaungi, tetapi hubungan ini tetap subur di dalam kehidupan mana-mana masyarakat manusia.

Pembentukan negara moden, serta keterbukaan masyarakatnya kepada prose modenisasi langsung tidak menjejaskan perhubungan yang berbentuk penaung-dinaung ini. Oleh yang demikian, fenomena penaungan merupakan suatu warisan yang berterusan daripada

masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Dengan itu, dalam kajian yang berkaitan dengan kehidupan komuniti tani di luar bandar, khususnya mengenai kepemimpinan dan kuasa, fenomena ini merupakan suatu gejala yang sering ditemui.

Walaupun bagaimanapun, apabila ahli-ahli sains politik mengaplikasikan konsep penaungan ini dalam fenomena politik, maka mereka cuba memisahkan di antara penaungan tradisional yang melibatkan golongan yang berpengaruh di dalam sesebuah masyarakat seperti mana yang diperkatakan oleh ahli antropologi sosial dengan kemunculan penaungan bentuk baru yang berasaskan kepada kewujudan sesebuah organisasi, khususnya parti politik. Namun begitu, tindakan ahli-ahli sains politik ini bukanlah merupakan suatu yang luar biasa kerana disiplin sains politik itu sendiri lebih berminat untuk mengkaji fenomena politik di luar kehidupan manusia di paras lokal (Weingrod 1968, 41).

Oleh itu, apabila kewujudan penaungan ini dilihat di peringkat supra-lokal ataupun kebangsaan, tumpuannya adalah lebih terarah kepada mencari jawapan tentang bagaimana sistem penaungan itu wujud, dan bagaimana pula ia berperanan atau menonjolkan dirinya dalam kehidupan masyarakat. Justeru, di sini letaknya perbezaan pendapat di antara ahli sains politik dengan ahli antropologi sosial di dalam melihat fenomena penaungan. Ini kerana, dengan keterlibatan golongan massa secara meluas di dalam kegiatan politik berparti (*massification of politics*), maka ikatan tradisional yang wujud di antara penaung dengan golongan yang dinaung sudah tidak begitu kritikal lagi. Sebaliknya, yang lebih terserlah ialah wujudnya hubungan di antara pemimpin parti politik dengan para penyokong mereka yang kemudiannya telah terjelma dalam ikatan yang berbentuk penaung-dinaung (Graziano 1973, 164).

Pengintegrasian sektor desa dan bandar ke dalam suatu entiti yang dikenali sebagai negara merupakan faktor utama yang telah merobah atau mengurangkan kepentingan ikatan tradisi di antara penaung dengan golongan yang dinaunginya itu. Dengan kedatangan parti politik dan para pemimpinnya ke kawasan-kawasan desa, penaungan tidak lagi menjadi hak milik mereka yang berpengaruh di kawasan tersebut, sebaliknya, para pemimpin parti politik juga berusaha menggunakan kedudukannya sebagai ketua parti ataupun orang kuat parti untuk memainkan peranan sebagai penaung-perantara. Dalam pada itu, kliennya tidak lagi terhad kepada individu tertentu, tetapi

telah bertukar kepada suatu kumpulan sosial atau wilayah tertentu yang mampu memberikan sokongan politik kepada dirinya.

Peranan ini bukanlah merupakan suatu yang sukar untuk dilaksanakan oleh para pemimpin parti politik tersebut. Melalui perhubungan yang erat di antara parti kerajaan, para pemimpin politik itu mempunyai banyak peluang untuk menggunakan institusi awam, serta mengagih-agihkan sumber awam yang berada di bawah kawalannya sebagai alat pertukaran bagi tujuan mendapatkan undi atau sokongan politik daripada orang ramai pada suatu hari nanti.

Fenomena ini kemudiannya dikenali sebagai *political party-directed patronage* (Weingrod 1968, 380-381). Ini dirujuk kepada kemampuan para pemimpin politik menggunakan parti untuk menjadikan dirinya sebagai penaung kepada para penyokongnya, serta menjadikan diri mereka sebagai perantara yang menghubungkan jentera pentadbiran kerajaan yang kompleks dengan masyarakat umum. Oleh itu, dengan wujudnya golongan pesaing yang baru dalam aktiviti politik di paras lokal, maka para penaung tradisi yang sedia wujud itu terpaksa melibatkan dirinya di dalam kegiatan politik berparti.

Sebagai golongan yang berpengaruh di kawasan masing-masing, para penaung ini lazimnya diberikan kedudukan yang penting di dalam parti yang diceburinya itu. Keadaan ini sekali gus memperkuatkan kedudukan dan peranan mereka sebagai penaung di kawasan yang berada di bawah kawalannya. Dalam pada itu, mereka juga turut bertindak sebagai perantara yang mampu memberikan keuntungan politik kepada pemimpin politik yang bergerak cergas di peringkat supra-lokal atau kebangsaan. Menyentuh tentang hal ini, Ergun Ozbodun antara lain mengatakan:

By assuming leadership roles in local party organizations, they gained access to new sources of party patronage and to new channels of mediation, which they could then use to bolster their authority over the client. At the same time, their significance for national party leadership also increased greatly, because of their capability to deliver blocs of votes at election times (Ozobodun 1981, 259).

Di sini secara jelas memperlihatkan betapa pemimpin politik melalui parti mempunyai kesempatan untuk mengawal dan mengagih-agihkan pelbagai sumber awam bagi mempertahankan serta mempertingkatkan kedudukan dan peranannya sebagai penaung. Dengan itu, makin besar sumber yang dikuasainya, maka semakin berkuasa seseorang penaung itu (Weingrod 1968, 42).

Sehubungan dengan ini, Alex Weingrod (1968) berpendapat bahawa pembangunan dan politik pembangunan merupakan aspek utama yang telah memberi peluang kepada para pemimpin politik untuk membina pengaruhnya. Dengan bertambahnya peranan kerajaan atau negara dalam merancang dan menyediakan pembangunan sosioekonomi, maka para pemimpin politik sekali gus mempunyai peluang untuk menawarkan pelbagai kemudahan ekonomi dan perkhidmatan kepada anggota masyarakat yang menjadi sasaran pelaksanaan program pembangunan tersebut. Dengan kata lain, berbanding dengan para penaung tradisional, golongan penaung baru ini mempunyai kemampuan yang lebih di dalam menyediakan pelbagai faedah kepada golongan yang dinaung. Ini kerana mereka mampu mendapatkan sumber yang mendatangkan faedah itu dari pusat kuasa atau negara.

Manakala, bagi masyarakat umum pula, mereka tidak ragu-ragu memberikan sokongan kepada para pemimpin tersebut, serta parti politik yang didukungnya, asalkan mereka memperoleh manfaat dan keuntungan daripada projek pembangunan sosioekonomi itu (Weingrod 1968, 383). Walau bagaimanapun, ditinjau dalam konteks *political party-directed patronage*, Mario Caciagli dan Frank Belloni beranggapan bahawa ikatan yang wujud di antara penaung dengan golongan yang dinaung sebenarnya berada dalam keadaan yang agak longgar ataupun rapuh. Ini kerana kewujudan penaung, serta kewujudan jentera parti adalah bergantung kepada sokongan politik atau undi dan persetujuan mereka yang dinaunginya (Caciagli 1981, 38).

Namun begitu, disebabkan kemunculan penaung ini berkait rapat dengan organisasi politik yang dikuasainya, maka kejayaan mereka sebagai penaung, pada penelitian Mario Caciagli dan Frank Belloni akhirnya lebih banyak ditentukan oleh nasib karier politiknya. Dalam hal ini, ia bergantung pula kepada inisiatif ataupun motivasi yang terdapat dalam diri penaung itu sendiri. Berbeza dengan para penaung tradisional, pemimpin politik yang berperanan sebagai penaung baru pada awalnya tidak memiliki dan menguasai sebarang sumber. Namun begitu, dengan mempunyai inisiatif, serta sedikit bakat dan ditambah pula dengan hubungan yang sedia terjalin di dalam parti, pemimpin politik itu mempunyai peluang yang besar untuk muncul sebagai penaung politik dalam era *political party-directed patronage* ini. Justeru, kehadiran mereka menjadi begitu penting berbanding dengan golongan penaung tradisional yang tidak lagi mampu menyediakan pelbagai sumber bagi memenuhi kehendak masyarakat massa yang

sedang mengalami proses perubahan, ekoran daripada proses pembentukan negara moden dan modenisasi (Ciciagli 1981, 37). Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna bahawa golongan yang dinaung bergantung sepenuhnya kepada belas kasihan para penaungnya (Ciciagli 1981, 41).

Berbeza dengan golongan penaung tradisional yang mempunyai kemampuan menguasai kehidupan mereka yang dinaunginya, keadaan yang sebaliknya pula wujud dalam era *political party-directed patronage* ini. Golongan yang dinaung masih mampu melindungi dirinya daripada cengkaman para penaung mereka, di samping meneruskan tuntutan yang mereka inginkan. Maka itu, golongan yang dinaungi boleh bertindak atas kekuatan dirinya sendiri ataupun sebagai suatu perkumpulan. Akibatnya, mereka cuba mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam suatu komitmen yang berpanjangan dengan para penaungnya. Sehubungan dengan ini, Mario Ciciagli dan Frank Belloni mengatakan:

For the individual the vote is the principal resource. As a mechanism of blackmail it can be used to improve new demands on the patron... The client's method is the threat to withhold his vote (and perhaps those of his family in the event they were included as a part of the original client (exchange) either in the public elections or in the triparty elections, where the competition for power among groups and factions is continual. The loss of client preference votes in the public elections may threaten the patron's reelection; within the party similar loss may weaken the patron's position in the assembly... The threat is more effective, of course, if it appears that the client intends to switch his support to a direct adversary of his patron (Ciciagli 1981, 41-47).

Oleh kerana itu, fenomena penaungan ini begitu terserlah di sepanjang musim pilihan raya (Weingrod 1968, 380).

Namun demikian, bagi tujuan kajian selanjunya, kedua-dua perspektif penaungan yang dikemukakan ini sama ada dari sudut antropologi ataupun sains politik akan digunakan bersama-sama. Sungguhpun perkembangan UMNO Kelantan telah dipengaruhi dan ditentukan oleh penaungan politik yang bersifat *political party-directed patronage*, tetapi pada ketika yang sama, UMNO negeri itu masih juga gagal membebaskan dirinya daripada ikatan penaung-dinaung yang tidak formal ataupun yang bersifat interpersonal (Tarkowski 1981, 174).

Catatan

1. Pada tahun 1985 (setahun selepas Tengku Razaleigh tidak lagi mengetuai UMNO Kelantan), Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, di bawah pimpinan Dato' Muhamad Yaacob, telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Sejarah UMNO Kelantan*. Malangnya, buku ini tidak banyak memperkatakan tentang kepemimpinan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li), sekalipun beliau telah melibatkan diri lebih daripada 20 tahun di dalam kepemimpinan parti tersebut. Akibatnya pada tahun 1987, Ku Li secara terbuka telah meluahkan rasa kecewanya terhadap buku berkenaan kerana tidak sampai empat halaman pun daripada buku itu yang memperkatakan tentang sumbangan beliau kepada kepemimpinan UMNO negeri Kelantan.
2. Lihat sahaja kedudukan raja-raja Melayu pada hari ini, walaupun kuasa eksekutif mereka sudah berkurangan akibat daripada pengenalan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, namun di kalangan orang Melayu, mereka terus diterima sebagai pemimpin. Masyarakat Melayu tidak bersedia untuk memusnahkan institusi beraja ini, sebaliknya institusi itu tetap utuh dan terus berperanan sebagai sebahagian daripada unsur penting budaya politik Melayu.
3. Ghana di bawah kepemimpinan Presiden Kwame Nkrumah dianggap sebagai contoh terbaik di dalam hal ini. Semasa negara tersebut mencapai kemerdekaan, institusi-institusi politik tradisional dan kepemimpinannya berada di dalam keadaan yang begitu kuat sekali, sehingga melemahkan kedudukan institusi legal yang diperkenal dan muncul selepas merdeka. Keadaan ini telah memaksa Nkrumah menggunakan karismanya untuk memperkukuhkan institusi legal-rasional, yakni melalui proses *routinization*, yang mana karisma pemimpin tadi telah dipindah atau berubah atau diserapkan (*diffused*) nilai-nilai legal-rasional (Apter 1972).
4. Dalam situasi yang baru ini, kekuatan pembantu tetap ataupun pengikut terdekat juga turut bertambah kuat. Ini kerana, di dalam struktur organisasi (yang berhierarki) mereka juga akan diberikan kedudukan yang penting oleh ketuanya. Melalui gagasan yang dikenali sebagai *charisma of office*, golongan pengikut ini pula akan menggunakan karisma pemimpin mereka dan organisasi yang dipimpnnya itu untuk memperkukuhkan diri masing-masing sebagai salah seorang pemimpin terpenting di dalam organisasi tersebut. Di samping itu, peluang ini juga digunakan untuk mempersiapkan diri mereka bagi mengambil alih kepemimpinan organisasi itu pada suatu hari nanti, dan seterusnya pula menjadikan diri mereka sebagai pemimpin karismatik yang baru. (Weber 1964, 366)

BAB 2

Penaungan Politik dan Kepemimpinan Bangsawan Melayu Kelantan: Daripada Politik Tradisional kepada Politik Berparti

Berasaskan kepada sejarah perkembangan sosial dan politik masyarakat Melayu Kelantan, fenomena penaungan bukanlah merupakan suatu bentuk baru. Sebagai suatu bentuk perhubungan yang tidak formal yang berbentuk timbal-balik, di antara mereka yang berada dengan yang tidak berada, maka ikatan yang berbentuk penaung-dinaung ini tidak sahaja wujud sebagai suatu sifat masyarakat Melayu tradisional, tetapi sifat ini juga turut diwarisi oleh masyarakat Melayu Kelantan pada kurun ke-20.

Sebagai suatu warisan, fenomena ini telah memberi peluang kepada golongan bangsawan yang merupakan pemimpin politik Melayu tradisional untuk terus memainkan peranan penting di dalam arena politik Kelantan. Sekurang-kurangnya, mereka berpeluang untuk berperanan sebagai penaung politik simbolik di dalam UMNO, parti politik massa Melayu yang mendakwa mewakili kepentingan Melayu dalam pemerintahan negara ini.

Penaungan dan Kepemimpinan Politik Melayu Tradisional

Struktur dan Hubungan Sosial

Sekiranya paradigma barat digunakan untuk memahami proses perkembangan masyarakat Melayu pada zaman silam, maka orang Melayu pada zaman itu sememangnya tergolong di dalam masyarakat Melayu tradisional (Gullick 1978; Emerson 1987). Disebabkan masyarakat ini belum lagi diresapi oleh unsur-unsur moden dan kapitalisme, maka struktur sosialnya telah dilihat bercorak feudal. Ini

bererti wujud dua lapisan anggota masyarakat, iaitu golongan bangsawan Melayu sebagai pemimpin dan golongan rakyat jelata yang dipimpin ataupun diperintah (S. Husin Ali 1979, 69).

Sebagai golongan elit, bangsawan Melayu ini tidak sehalus kecil jumlahnya, tetapi mempunyai kuasa yang besar di dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, mereka sentiasa dimuliakan, serta memperolehi status yang tinggi di dalam masyarakat Melayu tradisional. Golongan bangsawan ini terdiri daripada sultan dan kaum kerabatnya, serta para pembesar tempatan. Orang-orang besar ini terdiri daripada dua kumpulan, iaitu yang berketurunan diraja, dan rakyat kebanyakan (*common people*), tetapi mempunyai perhubungan yang rapat dengan istana (Gullick 1978, 105-128).

Sementara rakyat jelata, mereka tidak sahaja besar jumlahnya, tetapi juga tidak memiliki sebarang kuasa politik dan ekonomi. Keterlibatan mereka di dalam kegiatan ekonomi dan kemasyarakatan tidak hanya terhad kepada mengisi keperluan keluarga, malahan tenaga dan perkhidmatan percuma juga terpaksa mereka berikan kepada baginda sultan ataupun para pembesar lain apabila diperlukan.

Dengan menguasai segala sumber utama, golongan bangsawan Melayu berkemampuan mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan masyarakatnya. Manakala sebagai golongan yang tidak memiliki apa-apa sumber, pergantungan mereka kepada golongan bangsawan bagi meneruskan kehidupan menjadi begitu ketara sekali. Jadi, dalam suasana begini, penindasan dan pemerasan oleh golongan pemerintah terhadap rakyat merupakan suatu fenomena yang biasa di dalam masyarakat Melayu tradisional. Menyentuh tentang hal ini, Abdul Kadir Munsyi semasa lawatannya ke Kelantan pada pertengahan abad ke-19, antara lain telah menulis:

... tiada sahaya sekalian boleh tahan diam di bawah perintah raja Melayu ini, kerana terlalu besar anaiyanya... sehari-hari mengerjakan pekerjaan raja dan makan minum sahaya dan anak bini sahaya, tiada diberinya; di atas sahaya sendiri juga dan lagi baik perahu atau tanam-tanaman dan hidup-hidupan sahaya sekalian, jikalau dikehendaki raja diambilnya sahaja dengan tiada berharga. Dan lagi, kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik-baik, jikalau berkenaan raja, diambilnya juga; tiada boleh ditahankan kehendak raja; dan jikalau ditahankan atau tiada diberi, disuruhnya tikam mati-mati sahaja... Demikianlah hal sahaya semuanya duduk diam dalam negeri Melayu, seperti duduk dalam neraka.

Lebih malang lagi apabila terdapatnya kelemahan di dalam pelaksanaan peraturan dan undang-undang, serta kuasa pusat yang

lemah, gagal berkuasa di peringkat daerah atau jajahan. Walau bagaimanapun, hubungan yang negatif ini tidak menimbulkan pertentangan terbuka di antara rakyat dengan pihak pemerintah. Oleh itu, golongan bangsawan Melayu terus-menerus menikmati kedudukan yang istimewa di dalam struktur masyarakatnya, sekalipun ia telah melahirkan suatu jarak sosial melebar, sama ada dari segi ekonomi, politik, kebudayaan dan undang-undang.

Sungguhpun wujud pertentangan di dalam masyarakat Melayu Kelantan, seperti perang saudara pada pertengahan kurun ke-19, namun ia bukanlah merupakan suatu krisis terbuka di antara rakyat dengan golongan pemerintah. Sebaliknya, ia berlaku di antara golongan bangsawan itu sendiri untuk mendapatkan lebih kuasa politik. Keterlibatan rakyat pula lebih merupakan suatu manifestasi yang terbit daripada ikatan penaung-dinaung di antara mereka dengan para pembesar tertentu. Dalam hal ini, golongan rakyat perlu mengorbankan tenaga untuk mempertahankan penaung yang selama ini telah memberikan perlindungan dan bantuan material kepada mereka. Di sini secara langsung memperlihatkan bahawa kedua-dua belah pihak telah melahirkan suatu bentuk hubungan sosial yang menekankan aspek berbalas keuntungan. Bagi rakyat jelata, golongan bangsawan bukan sahaja diterima sebagai pemimpin, tetapi juga sebagai penaung mereka.

Walaupun sejarah telah memperlihatkan wujud penindasan ke atas rakyat jelata, namun ia bukanlah merupakan asas kepada pembentukan masyarakat dan perhubungan di antara golongan atasan dengan anggota masyarakatnya. Sebaliknya, ia lebih berasaskan kepada gagasan persaudaraan, saling bantu-membantu, dan ketaatsetiaan. Ini terbukti, apabila *Sejarah Melayu* telah merakamkan dialog di antara Demang Lebar Daun selaku wakil rakyat jelata dengan Sang Sapurba selaku sultan dan bangsawan Melayu berhubung dengan hal tersebut. Antara lain dialog tersebut berbunyi:

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Adapun Tuanku segala anak cucu patik akan menjadi hamba Ke Bawah Duli Yang Dipertuan, hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun janganlah difadilatkan, dinista dengan kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itu pun jikalau berlaku pada hukum syarak.

Maka titah Sang Sapurba, "... hamba minta satu janji pada bapa hamba. Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan derhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahlah."

Maka... bersumpah-sumpahan barang siapa mengubah perjanjian itu dibalik Allah bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya dianugerahkan Allah kepada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala hamba Melayu... Syahdan, segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah tiada pernah derhaka dan memaling muka kepada raja-raja... (*Sejarah Melayu* 1992, 19-20).

Dialog ini juga secara langsung menggambarkan bahawa kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi merupakan unsur penting dalam budaya politik masyarakat Melayu tradisional yang berpaksikan sistem pemerintahan beraja yang dimonopoli oleh golongan bangsawan. Dengan itu, sebagai balasannya, sultan sebagai ketua dalam sistem pemerintahan tersebut beserta para pembesar yang menjadi wakil baginda pada peringkat daerah atau jajahan bertanggungjawab memberikan bantuan serta perlindungan kepada rakyat.

Akibatnya, dari sudut psikologi, institusi ini menjadi begitu penting kepada kehidupan politik orang Melayu. Oleh kerana baginda itu tergolong dalam golongan bangsawan, atau mereka yang mempunyai pertalian yang rapat dengannya (atau istana), sama ada secara keturunan ataupun melalui jawatan telah diberikan status yang tinggi serta dimuliakan oleh orang ramai. Ini secara langsung memperlihatkan betapa kuatnya ikatan emosi yang wujud di antara rakyat jelata dengan institusi kesultanan itu.

Kemunculan Institusi Sultan

Dari segi sejarah, negeri Melayu moden telah bermula dengan kemunculan Melaka pada 1402 T.M. Kedatangan Islam ke negeri tersebut pada 1414 T.M., secara perlahan-lahan telah merobah kerajaan Melayu Melaka daripada sebuah kerajaan Hindu kepada kerajaan Islam. Akibatnya, ketua kerajaan atau pemerintah telah menggunakan gelaran sultan tidak lagi raja sebagai panggilan rasminya. Sebagai ketua kerajaan, institusi raja ataupun sultan itu berada di kemuncak struktur masyarakatnya. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menduduki institusi tersebut secara automatik diterima rakyat sebagai pemimpin politik utama mereka. Sejak itu, baginda juga dijangka berperanan menaungi rakyatnya, serta menjaga keamanan dan keutuhan negeri (Gullick 1978, 71-70).

Selain daripada itu, baginda juga berfungsi sebagai lambang perpaduan negeri. Peranan simbolik ini amat diperlukan kerana dalam sistem politik tradisional kekuasaan tidak sahaja terhad kepada sultan yang berkuasa di peringkat negeri, tetapi juga melibatkan pembesar di peringkat daerah atau jajahan (Gullick 1978, 34). Disebabkan golongan pembesar (berdasarkan pengaruh politik dan kedudukan ekonominya) ini seringkali bertelingkah sesama mereka, dan ada juga di antaranya yang berani mencabar kuasa pusat ataupun negeri, maka golongan ini sendiri akhirnya memerlukan institusi sultan. Dengan kehadiran baginda, perang saudara dapat juga dielakkan. Di samping itu, para pembesar juga turut memerlukan penghormatan dan restu daripada sultan untuk mengukuhkan kedudukan di kawasan masing-masing. Maka itu, kekuasaan mereka dapat dipertahankan, sama ada dari ancaman dalaman ataupun kuasa luar.

Manakala di kalangan rakyat jelata, institusi sultan mempunyai pertalian yang rapat dengan psikologi feodal mereka. Bagi orang-orang Melayu, sultan sebagai pemerintah di peringkat negeri adalah manusia yang mulia dan mempunyai pelbagai kelebihan luar biasa, yang dipersepsinya sebagai daulat. Daulat dirujuk kepada pengukuhan mistik untuk sahsiah yang dianugerahkan oleh kerajaan dan kuasa yang tertinggi sekali. Kekudusan yang diserahkan kepadanya dapat dilahirkan dalam satu amal dan kepercayaan adat-istiadat gilang-gemilang yang benar-benar penting, sungguhpun kadangkala ia tidak semestinya disertai dengan tumpuan kekuatan pentadbiran atau kuasa) (Steinberg 1981, 101). Justeru, keistimewaan ini telah menyebabkan masyarakat Melayu percaya bahawa menderhaka kepada raja boleh mendatangkan tulah kepada dirinya, iaitu mereka akan mendapat pembalasan daripada kuasa ghaib akibat daripada kemurkaan raja (Gullick 1978, 77-78). Kepercayaan ini akhirnya telah berkembang menjadi nilai sosial yang kemudiannya secara perlahan-lahan menjadi asas kewibawaan (yang memberi legitimasi) kepada institusi kedirajaan itu (Weber 1964, 341-342).

Bagi mengukuhkan lagi kewibawaan ini, kewujudan institusi tersebut telah ditokok-tambah dengan pelbagai alat kebesaran, peraturan negeri, larangan diraja dan undang-undang yang menggambarkan bahawa baginda sebagai makhluk yang berbeza daripada rakyatnya (Steinberg 1981, 110). Ini semua bagi menandakan ketinggian darjat diri dan keluarganya, di samping memperlihatkan kepada orang ramai bahawa baginda kini memiliki watak yang baru. Oleh itu, di dalam

pemikiran masyarakat Melayu, kepemimpinan adalah hak mutlak raja dan mereka yang mendapat restu daripadanya. Sebagai rakyat, mereka dituntut memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpinnya itu (Chandra Muzaffar 1992, 1-32).

Kekuatan baginda sultan diperkukuhkan pula dengan kepercayaan bahawa kedaulatan baginda ada hubung kait dengan aspek keagamaan. Sebelum kedatangan Islam, keistimewaan institusi raja banyak dipengaruhi oleh tradisi agama Hindu. Melalui konsep jelmaan dewa atau keturunan dewa, ajaran agama Hindu telah menganggap setiap individu yang terpilih menduduki institusi berkenaan sebagai manusia yang suci, mulia dan kudus. Oleh itu, rakyat percaya bahawa raja mereka juga mempunyai pelbagai sifat keistimewaan dan kekuasaan yang sukar ditandingi, kemudian dipercayainya sebagai aura atau daulat.

Apa yang menarik, agama Islam yang datang kemudiannya turut juga menerima, serta mempertahankan institusi raja tersebut. Beralih daripada jelmaan dewa, raja-raja Melayu dikatakan mempunyai pertalian keturunan pula dengan Raja Iskandar Zulkarnain, iaitu seorang raja masyhur pada zaman silam. Raja ini dipercayai juga sebagai Nabi Zulkarnain, seperti mana yang disebut oleh Allah di dalam kitab suci al-Quran (Haron Daud 1993, 90-91). Dengan percampuran tradisi kepercayaan Hindu dan Islam, masyarakat Melayu yakin dan percaya bahawa raja mereka itu adalah khalifah Tuhan, ataupun sebagai wakil Tuhan di dunia ini. Malah ada juga yang mempercayainya sebagai bayang-bayang Allah di dunia (Haron Daud 1993, 89-90). Oleh itu, raja wajib disembah (*bow*). *Sejarah Melayu* telah meletakkan raja-raja Melayu setaraf dengan nabi dan sebagai pengganti Allah di muka bumi ini. Serentak dengan itu, baginda juga telah diterima dan diiktiraf sebagai ketua agama Islam di dalam masyarakatnya.

Sehubungan dengan ini, orang Melayu Kelantan juga mewarisi pemikiran, sikap, dan nilai-nilai sosial dan politik yang diperkatakan itu. Sultan Kelantan, seperti mana raja-raja Melayu yang lain (Chandra Muzaffar 1992) telah muncul sebagai pemimpin politik yang berautoritatif. Baginda juga dikatakan berperanan sebagai penaung dalam masyarakatnya, sama ada dari sudut psikologi ataupun bersifat substantif. Dengan kedudukannya itu dan ditambah pula dengan tanggapan positif rakyat terhadap institusi sultan, baginda berupaya mengawal secara langsung semua sumber utama yang berbentuk *tangible* terdapat dalam masyarakatnya, terutama tanah dan sungai yang merupakan sumber dan asas utama ekonomi (Clifford 1961).

Pada ketika yang sama, baginda juga memperoleh legitimasi dalam tindakannya itu kerana rakyat juga percaya bahawa sebagai khalifah Tuhan baginda telah diamanahkan mentadbir sebarang sumber yang dicipta dan dipunyai Allah. Maka itu, dengan daulat yang dimilikinya itu, rakyat sentiasa bersedia memikul perintah sultan ataupun para wakilnya, asalkan mereka diberi peluang mengguna dan memiliki sumber-sumber yang menjadi milik sultan itu.

Catatan sejarah jelas memperlihatkan bahawa sungai memainkan peranan yang penting di dalam proses politik dan ekonomi masyarakat Melayu Kelantan (Gullick 1978, 43). Penguasaan ke atas muara sungai secara langsung telah membolehkan pihak pemerintah menguasai kehidupan rakyat di hulu sungai dan juga di kawasan pedalaman. Oleh itu, apabila Kelantan muncul sebagai satu unit politik pada pertengahan kedua kurun ke-18, tindakan pertama yang diambil oleh Long Yunus, sultan Kelantan pada waktu ialah mendirikan istananya di tebing muara Sungai Kelantan. Tindakan ini bukan sahaja strategik bagi tujuan pertahanan, tetapi juga dapat menjamin aliran hasil yang boleh dijual dan dikenakan cukai. Ini kerana, kutipan cukai itu merupakan sumber pendapatan utama sultan dan pembesarnya. Cukai dikenakan ke atas setiap kapal yang keluar masuk melalui sungai Kelantan atau anak sungainya. Selain daripada itu, cukai juga dikenakan ke atas emas, bijih dan barang-barang lain yang di bawa keluar dari Kelantan. Barang-barang yang diimport ke Kelantan juga turut dikenakan cukai. Selain daripada cukai di muara sungai, pedagang-pedagang yang berulang alik ke kawasan pedalaman mungkin juga terpaksa membayar cukai tambahan kepada pembesar-pembesar yang mendirikan kota istana di sepanjang sungai atau anak sungai Kelantan itu (Ishak Shari 1988, 78-79).

Justeru, bagi rakyat jelata, membayar cukai merupakan suatu tindakan yang tidak dapat dielak, demi untuk membolehkannya menggunakan sungai. Kemudahan ini boleh ditarik oleh pihak pemerintah pada bila-bila masa sahaja sekiranya mereka engkar berbuat demikian. Kepentingan sungai kepada mereka tidak sekadar untuk keperluan harian, malahan sungai juga penting sebagai kemudahan perhubungan dan bagi tujuan pertanian (Ishak Shari 1988, 78). Bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, sungai merupakan laluan membolehkan mereka bergerak ke hilir. Begitu juga bagi rakyat yang menetap di hilir sungai, terutamanya di kawasan delta Kelantan yang subur itu. Tanpa menggunakan sungai agak sukar bagi mereka

membawa hasil ke pelabuhan, sedangkan pelabuhan tersebut terletak di muara sungai. Oleh itu, dalam konteks inilah ikatan penaung-dinaung, di antara rakyat dengan pihak pemerintah menjadi begitu kuat di dalam sistem politik Melayu tradisional.

Ikatan ini menjadi kian terserlah lagi apabila ia dilihat dalam konteks hak mengguna dan memiliki tanah yang merupakan nadi utama kegiatan ekonomi negeri Kelantan. Mengenai hak penggunaan tanah ini, orang Melayu juga percaya bahawa sumber itu kepunyaan Allah. Namun begitu, mereka juga percaya bahawa raja merupakan khalifah Tuhan yang diamanahkan menjaga serta mentadbir muka bumi ini, dan baginda juga mempunyai kuasa mutlak, maka baginda secara langsung telah dilihat mempunyai hak ke atas tanah tersebut (Ahmad Nazri 1985, 7-13). Oleh itu, apabila rakyat berhasrat menerokai tanah, sama ada bagi tujuan kediaman atau pertanian, maka persetujuan dan restu raja atau para wakilnya perlu diperolehinya terlebih dahulu.

Jadi, seperti yang wujud dalam penggunaan sungai, keadaan yang sama juga berlaku di dalam hak mengguna dan memiliki tanah. Dalam masyarakat tradisional Kelantan, rakyat tidak mempunyai halangan meneroka tanah, asalkan mereka mempunyai taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada pihak pemerintah, iaitu kesediaan membayar cukai daripada hasil tanaman, serta kesediaan memberikan tenaga apabila dikerah¹ untuk mengerjakan tanah raja atau para pembesar jajahan. Berkaitan dengan penerokaan tanah ini, rakyat tidaklah berhubung langsung dengan baginda sultan. Sebaliknya, rakyat jelata perlu mendapatkan kebenaran daripada pembesar jajahan ataupun penghulu (ketua kampung) terlebih dahulu. Selepas bayaran tertentu di buat barulah tanah tersebut boleh dikerjakan. Walau bagaimanapun, kerana pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang lemah, pembayaran itu bukanlah merupakan jaminan bahawa tanah itu boleh mereka gunakan selama-lamanya.

Di Kelantan, keadaan ini berlaku berterusan hinggalah penghujung abad ke-19, apabila satu sistem pemilikan tanah yang lebih teratur diperkenalkan oleh pihak berkuasa. Namun begitu, ini tidak pula bermakna bahawa rakyat mempunyai lebih banyak kebebasan dalam menentukan hak mengguna dan memiliki sumber tersebut. Yang nyata, tindakan ini telah memberi peluang kepada sultan untuk mengetahui jumlah sebenar tanah yang telah dikurniakan kepada rakyat, dan yang masih menjadi hak milik kerajaan negeri.² Ini sekali gus memudahkan baginda memperkenalkan serta mengutip pelbagai cukai pertanian

daripada rakyatnya.³ Di samping itu, tindakan ini turut memberi peluang kepada para pembesar tempatan untuk mengeluarkan surat hak milik tanah kepada diri sendiri, kaum keluarga dan para pengikutnya yang terdekat.

Akibatnya, tanah terus menjadi sumber yang mengikat golongan rakyat dan pemerintah di dalam hubungan yang berbentuk penaung-dinaung, walaupun ia bukan merupakan suatu ikatan yang berkekalan. Tetapi memandangkan pertanian menjadi kegiatan ekonomi utama rakyat Kelantan, khususnya mereka yang tinggal di delta Kelantan yang luas dan subur itu, maka ikatan penaung-dinaung itu terus kekal sebagai suatu bentuk hubungan jangka panjang. Rakyat tetap memerlukan tanah untuk keperluan hidupnya, dan ini sekali gus memberi peluang pula kepada golongan pemerintah untuk terus menikmati faedah yang berlebihan daripada proses tukar-menukar keuntungan tersebut.

Pendek kata, selagi rakyat patuh dan setia kepada sultan, mereka terus-menerus diberikan perlindungan. Sebaliknya, apabila persefahaman ini dicabul oleh rakyat, maka pihak pemerintah mempunyai kuasa untuk merampas tanah yang diusahakannya itu. Sungguhpun rakyat jelata mengetahui wujudnya hubungan yang berat sebelah, namun mereka tidak pula bertindak memutuskannya. Walaupun ada di antara mereka yang berhasrat untuk berpindah ke negeri lain, kebanyakannya tahu risiko yang bakal dihadapi sekiranya tindakan tersebut dilakukan. Lazimnya, hukuman bunuh dan rampasan harta merupakan hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang cuba berhijrah ke negeri-negeri lain (Abdullah Abdul Kadir 1981).

Kemunculan Golongan Pembesar

Sungguhpun sultan berada dipuncak sistem politik dan sosial masyarakat Melayu, namun peranan dan sumbangan para pembesar tetap tidak boleh diketepikan, khususnya yang berkaitan dengan aspek naungan politik. Kemunculannya sebagai golongan yang berkuasa di peringkat daerah atau jajahan amat penting dalam perkembangan politik Kelantan. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada keluarga diraja yang mempunyai hubungan rapat dengan baginda sultan. Walaupun bidang kekuasaan mereka terhad berbanding sultan, namun di peringkat jajahan merekalah sultan (Abdullah Abdul Kadir 1981).

Kemunculan golongan pembesar di dalam politik Kelantan pada kurun ke-18 dan ke-19, pada hakikatnya mempunyai pertalian yang rapat dengan strategi politik baginda sultan sendiri. Memandangkan Kelantan tidak mempunyai sistem penggantian yang jelas dalam sistem kerajaan negeri dan peperangan sering kali menjadi asas kepada penentuan dan pemilihan seseorang sultan, maka perlantikan golongan pembesar (dari kerabat diraja) merupakan sebahagian daripada tindakan sultan untuk mengukuhkan kedudukannya, agar tidak menghadapi tentangan daripada kaum kerabatnya sendiri. Bermula daripada tindakan yang diambil oleh Long Yunus apabila sahaja Kelantan muncul sebagai unit politik pada tahun 1779, seterusnya tindakan yang sama dilakukan oleh pengganti beliau (Rahmat Saripan 1979).

Melalui strategi politik ini, sultan telah menganugerahkan kawasan atau jajahan, serta kuasa mentadbir kawasan tersebut kepada kaum kerabatnya, khususnya mereka yang membantu beliau mendapatkan takhta. Di samping itu, gelaran-gelaran tertentu juga diberikan oleh sultan kepada kerabatnya itu. Melalui tindakan mewujudkan pentadbiran negeri yang bercorak *decentralisation* ini, pihak sultan yakin akan menerima taat setia daripada pembesar tersebut. Implikasinya, golongan pembesar ini kemudiannya muncul sebagai pemimpin politik patrimonial dalam sistem politik yang sedia wujud itu. Justeru, dengan kekuasaan serta kewibawaan yang dianugerahkan oleh sultan, para pembesar ini tidak sahaja menguasai sumber-sumber ekonomi di wilayah berkenaan, tetapi juga turut berpeluang menggunakan tenaga rakyat (secara percuma) melalui sistem kerah.

Memandangkan, para pembesar ini mempunyai kuasa penuh dalam mentadbirkan kawasan masing-masing, maka rakyat di kawasan tersebut terpaksa memberikan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada golongan itu. Sebagai balasannya, mereka pula diberikan keizinan untuk menggunakan sumber-sumber ekonomi yang berada di bawah kawalan pembesar itu, terutama hak menggunakan tanah, hak berdagang dan berjual-beli. Di samping itu, rakyat juga perlu membayar pelbagai cukai yang dikenakan oleh pihak pembesar sebagai tanda kepatuhan kepada pihak pemerintah. Dalam hal ini, sultan memberikan hak kebenaran kepada para pembesar jajahan untuk mengutip cukai-cukai tersebut (Shahriil Talib 1981).

Oleh yang demikian, dalam konteks kepemimpinan politik dan penaungan, pembesar tempatan tidak sekadar bertindak sebagai penaung politik substantif di wilayah masing-masing, tetapi juga turut berperanan

sebagai perantara yang menghubungkan rakyat dengan sultan di peringkat negeri. Peranan ini menjadi begitu terserlah dalam amalan sistem kerah yang membekalkan tenaga kerja dan ketenteraan secara percuma kepada sultan ataupun negeri (Ishak Shari 1988, 95-101). Di samping itu, mereka juga turut terlibat dalam pengutipan cukai bagi membiayai penghantaran bunga emas kepada pihak Siam setiap tiga tahun sebagai tanda terima kasih kerajaan Kelantan terhadap perlindungan yang diberikan oleh negara tersebut.

Walau bagaimanapun, pada pertengahan abad ke-19, golongan pembesar Melayu tidak lagi menjadi hak eksklusif kaum kerabat diraja Kelantan (mereka yang bergelar Long dan Tengku). Sebaliknya, Sultan Muhammad II (yang muncul sebagai pemenang dalam perang saudara) dalam usaha baginda menubuhkan kerajaan pusat yang kuat di Kota Bharu (Rahmat Saripan 1979, v) telah melantik para segelintir rakyat yang berketurunan Nik, Wan dan Che sebagai para pembesar baru dalam struktur pemerintahan kerajaan Kelantan (Kessler 1978, 48-55). Serentak dengan itu, dasar pemusatan kuasa (centralisation) telah diperkenalkan pada pertengahan 1850-an bagi menggantikan sistem pengagihan kuasa (decentralisation) yang diamalkan sebelum itu.

Melalui tindakan ini, para pembesar wilayah tidak lagi dibenarkan tinggal di jajahan masing-masing, sebaliknya mereka dikehendaki tinggal di Kota Bharu dan berulang-alik ke kawasan tersebut hanya bagi tujuan pengutipan cukai sahaja. Justeru, apa yang penting daripada pembaharuan pentadbiran itu, sultan tidak sahaja berjaya mengawal para pembesar sepenuhnya, tetapi juga berjaya menghalang golongan pembesar ini (kaum kerabatnya) bertindak membina pengaruh dan meluaskan kuasa masing-masing. Manakala, kemasukan golongan pembesar baru dalam pentadbiran pula dapat melicinkan lagi perjalanan jentera pentadbiran negeri.

Lanjutan daripada itu, golongan pembesar baru ini secara perlahan-lahan diterima dan diiktiraf sebagai golongan bangsawan oleh anggota masyarakatnya. Status sosialnya yang tinggi, serta hubungannya yang erat dengan institusi istana melayakkan mereka menerima pengiktirafan itu. Ini sekali gus menyebabkan mereka diterima sebagai pemimpin masyarakat Melayu Kelantan. Akibatnya, para pembesar baru ini juga mempunyai peluang untuk berperanan sebagai penaung kepada masyarakatnya. Sebagai anggota bangsawan Melayu baru, mereka tidak sahaja menguasai sumber sekunder ekoran daripada kedudukannya dalam hierarki pentadbiran negeri, tetapi juga berpeluang memiliki

sumber utama hasil daripada hubungannya yang erat dengan sultan dan istana, walaupun mereka tidak menguasai wilayah tertentu, seperti mana golongan pembesar (kerabat diraja) sebelumnya.

Ini terbukti apabila mereka telah menggunakan kedudukan itu bagi mengumpul dan memiliki sejumlah besar tanah, sebaik-baik sahaja urusan pendaftaran tanah dan penubuhan Pejabat Tanah dilakukan oleh sultan (Kessler 1978, 64). Oleh itu dengan menguasai sumber utama ekonomi ini, maka golongan pembesar tersebut dengan sendirinya mempunyai peluang untuk mewujudkan segolongan pengikutnya atau klien yang tersendiri. Ini merupakan suatu hasil daripada kesediaannya memberikan keizinan dan hak mendiami serta menggunakan tanah kepunyaannya itu.

Walaupun bagaimanapun, dalam menjalankan urusan pentadbiran, golongan pembesar negeri dibantu dan disokong pula oleh dua institusi pentadbiran yang lain iaitu Tok Kweng, yang menjadi ketua di peringkat kweng dan Tok Nebeng (ketua kampung) yang menjadi ketua di peringkat kampung atau mukim.⁴ Sama ada Tok Kweng atau Tok Nebeng, kedua-duanya seperti para pembesar Melayu yang lain telah memperolehi kuasa dan kewibawaan secara *derivative* yakni melalui penganugerahan oleh baginda sultan yang bersemayam di Kota Bharu, setelah mendapat sokongan dan pengesahan daripada para pembesar jajahan.

Tugas utama kedua-dua pemimpin kecil ini ialah membantu para pembesar jajahan dalam urusan pengutipan cukai, serta membekalkan tenaga rakyat melalui sistem kerah. Oleh itu, dalam melaksanakan tugasnya ini, Tok Kweng dan Tok Nebeng bertanggungjawab secara langsung kepada para pembesar tersebut. Dalam melaksanakan tugasnya itu, mereka tidak mengalami sebarang masalah memandangkan hubungannya yang erat dengan pembesar jajahan, dan mereka juga dilihat sebagai wakil sultan berdasarkan perlantikannya oleh pihak istana.

Dengan kedudukannya yang strategik ini, Tok Kweng dan Tok Nebeng lebih berfungsi sebagai perantara dalam jaringan hubungan sosial masyarakat Melayu Kelantan. Di peringkat jajahan, mereka bertindak sebagai perantara yang menghubungkan rakyat dengan pembesar jajahan, manakala di peringkat negeri pula, mereka merupakan perantara di antara sultan dengan rakyatnya. Namun begitu, peranan ini tidak pula menghalangnya untuk berfungsi sebagai penaung substantif di kawasan masing-masing.

Sungguhpun penguasaan mereka ke atas sumber utama tidak sebegitu besar berbanding dengan para pembesar, namun sebagai pemimpin yang berstatus di paras lokal, mereka juga mampu memiliki dan menguasai sumber-sumber ekonomi tertentu yang berada di dalam kawasan jajaannya. Lazimnya, mereka ini merupakan tuan tanah yang terkemuka di kawasan kampung, kerana itu kekayaan mereka sering kali dihubungkan dengan jumlah tanah yang mereka miliki (Abdul Rashid 1969, 45). Maka itu, Tok Kweng dan Tok Nebeng juga mampu mewujudkan ikatan yang berbentuk penaung-dinaung dengan para penduduk yang bermastautin di sekelilingnya, seperti yang wujud di antara pembesar dengan rakyat jelata di peringkat jajaan.

Pendek kata, dari perkembangan yang berlaku itu, golongan rakyat sememangnya memerlukan perlindungan dan bantuan ekonomi daripada para pemimpin mereka. Mereka amat memerlukan tanah (yang dipunyai oleh para pembesar itu) untuk dikerjakan, sebagai tukarannya, mereka sedia membayar sewa kepada tuan-tuan tanah tersebut. Malahan, dalam keadaan tertentu, mereka juga sedia memberikan sesuatu yang di luar daripada ikatan yang wujud di antara pemilik dengan penyewa tanah, seperti kesediaan menyumbangkan tenaga untuk membuat sesuatu kerja yang dikehendaki oleh tuan tanah tersebut. Ini merupakan suatu bentuk kesetiaan yang perlu ditonjolkan, demi untuk memastikan mereka boleh bermastautin dan menggunakan tanah tanpa mengalami sebarang gangguan.

Penaungan dan Kepemimpinan Politik Melayu dalam Era Kolonialisme

Kemerosotan dan Penerusan Kepemimpinan Politik Melayu

Menjelang abad ke-20, golongan bangsawan Melayu tidak lagi mampu mempertahankan keistimewaan yang pernah dinikmatinya itu. Keadaan ini bermula sebaik sahaja Kelantan gagal mempertahankan kewujudannya sebagai sebuah entiti politik yang bebas ekoran daripada perluasan kuasa penjajah Siam dan Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Siam yang selama ini menjadi pelindung kepada Kelantan sudah tidak bersedia lagi untuk melaksanakan peranan tradisinya itu. Sebaliknya, dengan sokongan

Inggeris, Kelantan telah berubah menjadi sebahagian wilayah Siam pada 1902. Keadaan ini dengan sendiri memberi kesan kepada politik dan pentadbiran kerajaan Kelantan.

Walaupun Siam melalui penasihat Inggerisnya (Klein 1968, 119-36) tidak menyentuh kedudukan sultan sebagai pemimpin politik Melayu, namun kekuasaan baginda (sebagai pemimpin politik utama) telah terbatas. Malahan, selaras dengan tuntutan pentadbiran moden yang berasaskan kewibawaan legal-rasional, prinsip *inter-alia* yang selama ini menjadi kekuatan baginda dalam menguasai sumber daya utama dalam negerinya telah diketepikan oleh pihak berkuasa Siam. Melalui prinsip pentadbiran moden, harta milik sultan secara perlahan-lahan diasingkan kepada harta atau sumber yang menjadi hak milik kerajaan negeri. Dalam keadaan begini, peranan sultan sebagai penaung substantif kian mengecil, yakni baginda tidak lagi boleh menggunakan sumber kepunyaan kerajaan untuk meraih keuntungan dalam perhubungannya dengan rakyat jelata.

Malahan, tindakan pihak berkuasa Siam ini diperkukuhkan lagi oleh pihak Inggeris yang mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan daripada Siam pada tahun 1909 (Mohamed Nik 1974). Walaupun Inggeris terus mengekal serta memperkukuhkan institusi sultan, selaras dengan tuntutan dasar pemerintahan secara langsung, (Emerson 1987) namun baginda pada hakikatnya telah kehilangan kuasa eksekutif. Sungguhpun baginda masih diterima sebagai pemimpin politik Melayu, namun kehadirannya dalam struktur pentadbiran negeri lebih merupakan suatu simbol sahaja. Segala kuasa membuat keputusan yang berkaitan dengan pentadbiran negeri, kecuali urusan agama Islam terletak di dalam tangan Penasihat Inggeris.

Oleh itu, baginda langsung tidak berpeluang untuk berperanan sebagai penaung substantif. Tambahan pula, pihak Inggeris telah menghapuskan sama sekali unsur yang bercorak *inter-alia* di dalam urusan pentadbiran kerajaan, khususnya yang berkaitan dengan pemilikan dan penyewaan tanah (Roberts 1974, 194-209). Bahkan, golongan bangsawan Melayu juga tertakluk kepada pelbagai bentuk cukai dan peraturan yang dikenakan oleh pihak Inggeris. Sehubungan dengan ini, berbanding dengan sultan, golongan pembesar Melayu menerima nasib yang jauh lebih buruk.

Sungguhpun pihak Siam tidak banyak mengganggu kedudukan dan peranan mereka (Kobkua 1988, 170-72), tetapi Inggeris yang datang kemudiannya telah melucutkan kekuasaan mereka yang hampir

tidak terbatas sebagai pembesar tradisional Melayu, khususnya mereka yang berkuasa di peringkat jajahan ataupun wilayah. Dari seorang pembesar yang mendapat kuasa melalui kewibawaan institusi sultan, mereka telah berubah menjadi kakitangan yang bergaji tetap dan berpencen. Kewibawaan legal-rasional yang menjadi asas pentadbiran moden telah membataskan kekuasaan mereka di dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Ini tidak sahaja terhad kepada mereka yang dilantik sebagai Ketua Jajahan (District Officer), tetapi juga meliputi golongan bangsawan atau pembesar Melayu yang lain, yang dilantik mengetuai jabatan-jabatan tertentu di dalam struktur pentadbiran kerajaan yang berpusat di Kota Bharu.

Dalam konteks ini, walaupun mereka (bangsawan pentadbir) terus dikekalkan sebagai pembesar negeri melalui jawatannya sebagai kakitangan kerajaan, namun kedudukannya itu tidak bertambah kuat berbanding dengan kedudukan sultan yang dilindungi dan dipertahankan oleh pihak Siam dan Inggeris. Begitu juga dalam konteks politik penaungan keupayaan mereka untuk terus mengekalkan peranan tradisinya sebagai penaung politik substantif menjadi kian mengecil. Seperti sultan, golongan bangsawan-pentadbir juga terikat dengan proses pengasingan hak milik di antara kepunyaan peribadi dengan hak kepunyaan kerajaan. Dalam keadaan begini, peranan mereka akhirnya lebih terserlah sebagai perantara yang menghubungkan pihak rakyat dengan kerajaan. Namun begitu, perubahan peranan ini tidak pula sampai merobah status mereka sebagai elit Melayu dalam masyarakatnya.

Walaupun proses peminggiran ini telah banyak mengurangkan kuasa golongan bangsawan-pentadbir dalam pentadbiran negeri, namun ini tidak pula menyebabkan mereka berada jauh dari pusat kuasa. Dasar pemerintahan secara tidak langsung yang diamalkan oleh pihak Inggeris itu akhirnya telah memberi peluang kepada golongan ini untuk terlibat secara aktif di dalam pentadbiran awam negeri. Ini secara langsung memberi peluang kepadanya sebagai elit pentadbir untuk turut serta dalam proses membuat keputusan tersebut (Khasnor 1984). Fenomena ini dengan sendirinya memantapkan lagi peranan mereka sebagai perantara. Ringkasnya, golongan bangsawan-pentadbir ini masih lagi memiliki kuasa, sekalipun dalam ruangan yang terhad, berbanding dengan sultan yang telah kehilangan kuasa, walaupun kedudukan tradisionalnya dikekalkan.

Keadaan yang sama juga turut dialami oleh Tok Kweng dan Tok Nebeng yang berkuasa di paras lokal. Sebagai golongan yang penting di dalam struktur pentadbiran dan politik tradisional Kelantan, mereka juga kehilangan keistimewaan yang pernah dinikmatinya. Namun begitu, pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh pihak penjajah terus mengekalkan mereka sebagai kakitangan kerajaan di kawasan masing-masing (Beaglehole 1976, 13-14). Seperti para pembesar Melayu yang lain, keterbatasan kuasa menghalang mereka untuk terus berperanan sebagai penaung substantif yang berkesan dalam masyarakat Melayu tempatan. Namun begitu, kedudukannya yang baru sebagai kakitangan kerajaan turut menyerlahkan perannya sebagai perantara yang menghubungkan masyarakat desa dengan struktur pentadbiran yang semakin kompleks yang berpusat di bandar (Beaglehole 1976, 14-15). Dengan perannya itu, mereka masih mendapat penghormatan yang tinggi, walaupun tahap kuasa dan peranan tradisinya telah berubah.

Walaupun bagaimanapun, segala perubahan dan krisis kepemimpinan yang berlaku pada era kolonialisme ini tidak langsung merobahkan persepsi dan ikatan emosi yang sedia wujud di kalangan orang Melayu terhadap golongan bangsawan. Kedatangan kuasa penjajah langsung tidak membawa perubahan kepada struktur masyarakat Melayu Kelantan. Ia masih terbahagi kepada dua kelompok, iaitu golongan atasan (sultan dan para pembesar Melayu) dan golongan bawahan yang terdiri daripada rakyat jelata. Hubungan yang wujud tetap kekal di dalam konteks elit-massa. Oleh yang demikian, dengan ketiadaan perubahan ini, struktur politik masyarakat Melayu Kelantan juga tidak berubah. Kepemimpinan politik masih dilihat sebagai milik golongan atasan atau bangsawan Melayu, manakala rakyat menjadi pengikut setia kepemimpinan itu. Justeru, orang Melayu Kelantan tetap yakin bahawa golongan atasan ini masih lagi berfungsi sebagai penaung kepada kehidupan politik mereka, sekalipun pada tahap simbolik.

Keyakinan ini diperkukuhkan lagi dengan sikap pihak penjajah sendiri, khususnya Inggeris yang tidak merubah struktur sistem politik tradisional yang sedia wujud (Zainal Abidin 1971, 92). Walaupun kewibawaan legal-rasional diterapkan dalam pentadbiran awam negeri, namun ia disesuaikan dengan sistem tersebut, di mana golongan elit tradisional Melayu terus diberikan peranan yang penting, sekalipun pada hakikatnya kekuasaan mereka telah jauh berkurangan. Tambahan pula, konsep kerajaan yang dikemukakan oleh pihak Inggeris langsung

tidak membayangkan suatu gagasan yang meluputkan kuasa, kedaulatan dan kewibawaan sultan dan para pembesarnya.

Penasihat Inggeris diperlihatkan sebagai sebahagian daripada jentera kerajaan dengan tugas utamanya ialah memberi nasihat dan membantu sultan dalam urusan pentadbiran negeri. Majlis Negeri (Zainal Abidin 1971, 84-85) yang berkuasa membuat peraturan dan undang-undang, dipengerusikan oleh sultan, tetap dipertahankan oleh kuasa Barat itu. Ini seolah-olah membayangkan bahawa baginda dan para pembesar Melayu terlibat dengan proses undang-undang negeri, walhal mereka sebenarnya berada di bawah telunjuk Penasihat Inggeris. Namun begitu, kewujudan fenomena ini telah memperteguhkan persepsi serta keyakinan orang Melayu Kelantan terhadap kekuasaan para pemimpinnya itu, dan ini sekali gus telah memperkukuhkan status sosialnya sebagai bangsawan Melayu dan pemimpin politik Melayu.

Malayan Union, Bangsawan Melayu dan UMNO

Sungguhpun orang Melayu Kelantan dan para pemimpinnya mendapat layanan yang baik daripada pihak Inggeris (melalui dasar penyesuaian mengikut keadaan tempatan), namun layanan ini bukanlah merupakan suatu yang berkekalan. Semuanya berubah selepas Perang Dunia Kedua, apabila Inggeris yang kembali semula ke negeri-negeri Melayu pada tahun 1946 telah membawa bersamanya gagasan *Malayan Union*. Bagi orang Melayu seluruhnya, gagasan politik baru itu yang bertujuan menyatukan seluruh negeri Melayu, dan menjadikannya tanah jajahan Inggeris bukanlah merupakan suatu idea, serta tindakan politik yang menggembirakan mereka. Sebaliknya, gagasan tersebut dilihat sebagai suatu ancaman kepada budaya politikinya (Means 1976, 20-23).

Malayan Union tidak sahaja meletakkan negeri-negeri Melayu di bawah kawalan Gabenor Inggeris, tetapi juga turut menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu yang selama ini merupakan unsur penting dalam kehidupan politik orang Melayu. Bagi masyarakat Melayu, institusi kesultanan telah memberikan kepemimpinan dan perlindungan kepada mereka, serta agama Islam yang dianutinya. Dari segi psikologi, tindakan menghilangkan kuasa raja merupakan suatu perkara yang asing dalam kehidupan mereka, apatah lagi proses ini telah dilakukan dengan secara paksa dan tipu helah oleh pihak Inggeris sewaktu wakilnya mendapatkan persetujuan raja-raja Melayu terhadap penubuhan gagasan tersebut (Zainal Abidin 1971, 21).

Dalam pada itu, masyarakat Melayu juga tidak dapat menerima sikap liberalisasi Inggeris dalam memberikan hak kerakyatan terhadap orang bukan Melayu untuk menjadi warganegara di negeri-negeri Melayu gagasan *Malayan Union* ini. Pemberian hak kerakyatan yang longgar melalui prinsip *jus soli* telah dilihat oleh orang Melayu sebagai ancaman terhadap masa depan mereka. Justeru, penubuhan *Malayan Union* ini telah dianggap sebagai suatu usaha untuk menghapuskan kedaulatan orang Melayu di tanah airnya sendiri, serta menjajah negerinya secara langsung.⁵

Oleh itu, apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (yang kemudiannya dikenali sebagai UMNO) ditubuhkan pada Mei 1946 sebagai reaksi dan tentangan kepada gagasan tersebut, maka ia segera mendapat sokongan daripada orang Melayu (Mohammad Yunus 1961). Ini termasuklah juga mereka yang menetap di Kelantan. Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK) dan Persatuan Melayu Kelantan (PMK) dengan segera menggabungkan dirinya ke dalam pertubuhan kebangsaan Melayu ini. Melalui kedua-dua pertubuhan elit Melayu itu, golongan massa telah berjaya dimobilisasikan bagi tujuan memerlihatkan tentangan orang Melayu Kelantan terhadap sikap Inggeris yang mahu menghapuskan kedaulatan raja dan orang Melayu di tanah airnya sendiri (Alias Mohamed 1975, 78-80).

Fenomena ini sekali gus telah memberi peluang kepada golongan bangsawan-pentadbir Melayu untuk kembali aktif sebagai pemimpin politik Melayu setelah tidak dibenarkan berbuat demikian oleh pihak Inggeris, kerana kedudukan mereka sebagai pegawai kerajaan. Sungguhpun sebelum itu, mereka telah terlibat dengan penubuhan PPMK dan PMK, tetapi kegiatan politiknya tidak begitu terserlah akibat daripada halangan tersebut. Bagi golongan bangsawan-pentadbir Melayu, gagasan *Malayan Union* tidak sahaja mengancam kedaulatan raja, tetapi ia juga memberi kesan langsung kepada diri mereka, khususnya kedudukan mereka di dalam struktur pentadbiran negeri.

Ini kerana, seperti yang telah dinyatakan, gagasan politik Inggeris itu telah menjanjikan hak kewarganegaraan yang longgar kepada orang bukan Melayu. Maka itu, dengan memperolehi taraf kerakyatan ini, orang bukan Melayu juga secara automatik mempunyai peluang untuk menikmati pelbagai kemudahan serta keuntungan politik, ekonomi dan sosial yang disediakan. Ini termasuklah peluang melibatkan diri di dalam sistem pentadbiran negara. Oleh itu, dalam keadaan masyarakat Melayu tidak lagi menikmati keistimewaan di dalam aspek politik dan

pentadbiran seperti yang dinikmati hingga Perang Dunia Kedua, keadaan ini amat membimbangkan golongan bangsawan-pentadbir Melayu yang berada di dalam hierarki pentadbiran di negeri Kelantan. Mereka tidak mahu autonomi yang pernah dinikmati itu dicabar oleh rakyat bukan Melayu.

Adalah dikhuatiri dengan kedudukan yang tidak seimbang daripada segi ekonomi dan pelajaran, mereka mungkin akan tersisih dari pusat kuasa. Oleh yang demikian, dengan kedudukan mereka sebagai pemimpin UMNO, maka isu kewarganegaraan orang bukan Melayu, serta kehilangan kedaulatan raja-raja Melayu telah dibangkitkan dengan begitu hebat bagi tujuan membangkitkan semangat golongan massa Melayu supaya bersama-sama mereka menentang gagasan *Malayan Union* ini (Nik Mohamed 1974). Isu-isu tersebut ternyata telah berjaya membangkitkan semangat rakyat Kelantan. Sebagaimana orang Melayu di negeri-negeri lain, kedua-dua fenomena ini telah menimbulkan rasa ketajutan dan kemarahan mereka (Nik Mohamed 1974).

Golongan massa Melayu juga yakin bahawa dengan mewarisi kelemahan dan kemunduran di bidang ekonomi, pendidikan dan politik, mereka lambat-laun akan tenggelam di dalam keagresifan masyarakat bukan Melayu yang sedia maju akibat daripada sikap Inggeris yang mendedahkan golongan ini kepada aktiviti ekonomi moden. Maka itu, rakyat massa Melayu bersedia untuk dimobilisasikan oleh golongan elit atau bangsawan Melayu dalam menghadapi ancaman daripada gagasan *Malayan Union* ini (Nik Mohamed 1974, 93-100). Dengan itu, pelbagai slogan yang dapat ditafsirkan sebagai berhasrat untuk mempertahankan hak kepentingan golongan bangsawan-pentadbir Melayu telah ditonjolkan pada setiap perhimpunan menentang *Malayan Union* yang diadakan di seluruh negeri Kelantan.

Dalam hal ini, kejayaan golongan bangsawan Melayu memberikan kepemimpinan, serta bertindak sebagai penaung politik kepada masyarakatnya juga mempunyai pertalian yang rapat dengan kedudukan raja Melayu sendiri pada ketika itu. Walaupun institusi raja Melayu dikekalkan di dalam struktur negara *Malayan Union*, namun kekuasaan baginda hanya terbatas di bidang keagamaan sahaja. Dalam keadaan begini, orang Melayu mulai sedar bahawa mereka tidak boleh lagi mengharapkan rajanya berperanan sebagai penaung politik yang dapat melindungi mereka, seperti yang dijangkakan sebelum itu. Jadi, dalam suasana kekosongan kepemimpinan dan penaungan politik ini, golongan bangsawan-penyadbir Melayu merupakan kelompok sosial yang paling

tepat untuk mengisi kekosongan tersebut (Chandra Muzaffar 1972, 64-87).

Walaupun raja-raja Melayu kemudiannya telah kembali berkuasa melalui gagasan negara Persekutuan Tanah Melayu yang diperkenalkan pada tahun 1948 (Zainal Abidin 1971, 130), namun kedudukannya sebagai pemimpin politik utama masyarakat Melayu telah terjejas. Dalam struktur pemerintahan yang baru ini, baginda terus dikekalkan sebagai pemimpin simbolik sahaja yakni sebagai lambang kekuasaan Melayu. Justeru, peranan baginda sebagai penaung politik simbolik tetap kekal di dalam psikologi dan emosi orang Melayu. Sebaliknya, gagasan negara baru ini telah memberi peluang pula kepada golongan bangsawan, pentadbir untuk terlibat secara langsung dalam pentadbiran negeri melalui Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (Abdullah Ayob 1978, 117-119). Walaupun penubuhan kedua-dua buah institusi ini dikatakan bagi tujuan membantu sultan menjalankan pentadbiran negeri, namun pada hakikatnya ia berada di bawah pengaruh golongan bangsawan-pentadbir yang juga merupakan tokoh UMNO tempatan.

Perkembangan ini jelas memperlihatkan bahawa kepemimpinan politik Melayu yang sebenar telah berpindah dari tangan sultan ke tangan pembesar negeri. Pada era ini, Kelantan menyaksikan kemunculan Nik Ahmed Kamil sebagai pemimpin politik utamanya. Sebagai Menteri Besar Kelantan, beliau merupakan tokoh terkemuka daripada golongan elit neo-tradisional, dan apabila beliau melepaskan jawatan tersebut pada awal tahun 1950-an, tempatnya telah diambil pula oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang juga merupakan tokoh bangsawan-pentadbir Melayu yang terkemuka.

Apa yang menarik, perubahan politik ini tidak menjejaskan sokongan dan penerimaan masyarakat Melayu terhadap rajanya. Di samping menerima UMNO dan kepemimpinan bangsawan-pentadbir, orang Melayu masih juga menerima sultan sebagai pemimpinnya, walaupun kedudukan baginda telah jauh berubah daripada apa yang pernah dialaminya sebelum ini. Kewibawaan tradisional yang terdapat pada institusi kesultanan itu telah menyelamatkan baginda daripada terus tersingkir ekoran daripada perubahan politik tadi. Sejak itu, sultan terus kekal berperanan sebagai penaung politik simbolik kepada orang Melayu, manakala penaung politik yang sebenar menjadi peranan seperti dijangkakan adalah daripada golongan pembesar negeri dan UMNO.

Kemerdekaan negara pada tahun 1957, dan kewujudan perlembagaan baru sedikitpun tidak membawa perubahan kepada struktur kepemimpinan politik yang sedia wujud. Kewibawaan tradisional yang terdapat pada institusi kesultanan Melayu tetap diterima dan dipertahankan oleh perlembagaan tersebut. Maka itu, melalui konsep Raja Berperlembagaan, sultan Kelantan seperti raja-raja Melayu yang lain terus kekal sebagai pemimpin politik simbolik dalam struktur pemerintahan negerinya. Ini sekali gus mengekalkan peranan baginda sebagai penaung politik simbolik masyarakat Melayu. Justeru, dengan kekuatan institusi tersebut, mereka yang mempunyai ikatan dan perhubungan yang rapat dengannya terus menerima penghormatan yang tinggi daripada orang Melayu Kelantan khususnya (Abdul Kahar 1973, 137-149).

Bagi golongan bangsawan-pentadbir Melayu pula, kewujudan perlembagaan baru negara tetap tidak menjejaskan kepemimpinan mereka dalam struktur pentadbiran negeri. Mereka masih merupakan golongan terpenting dalam pentadbiran awam negeri, dan ini memberi peluang kepadanya untuk muncul sebagai pemimpin politik utama masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Namun begitu, salurannya bukanlah melalui jawatan dalam perkhidmatan awam negeri, tetapi melalui jawatan-jawatan politik yang diwujudkan, sama ada di dalam ataupun di luar UMNO, selaras dengan kemunculan dan peranan parti politik sebagai alat untuk mendapatkan kuasa dan membentuk kerajaan. Sebagai pemimpin UMNO negeri, mereka mempunyai kesempatan untuk muncul sebagai pemimpin politik Melayu yang sebenar, dan sekali gus berperanan sebagai penaung kepada orang Melayu di negeri itu.

Malangnya, UMNO telah gagal meneruskan peranannya sebagai satu-satunya parti politik yang mampu menaungi masyarakat Melayu. Sebaliknya, Parti Negara dan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) telah muncul sebagai saingan utama UMNO dalam memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu. Walaupun pada awal penubuhannya, golongan massa dan bangsawan Melayu bersatu di bawah UMNO, khususnya di Kelantan, namun pada awal tahun 1950-an keadaan berubah, ekoran daripada perkembangan politik berparti di kalangan masyarakat Melayu. Perpecahan yang berlaku itu turut memberi kesan kepada kepemimpinan UMNO Kelantan. Golongan bangsawan-pentadbir Melayu tidak lagi sepakat dalam proses mendapatkan kuasa, dan menubuhkan kerajaan di negeri Kelantan. UMNO tidak lagi menjadi saluran tunggal kepada

mereka untuk membolehkannya mencapai matlamat politik itu. Jadi, keadaan ini telah melemahkan kedudukan UMNO sendiri di dalam arena politik negeri itu, sedangkan parti tersebut amat memerlukan kepemimpinan bangsawan sebagai suatu usaha untuk mengekang pengaruh parti lawan, serta meraih sokongan daripada rakyat jelata.

Sejak itu, persoalan kepemimpinan bangsawan sentiasa menjadi agenda utama UMNO Kelantan. Kepentingannya amat ketara apabila dilihat dalam konteks politik penaungan. Ini kerana UMNO Kelantan mahu menjadikan kepemimpinan bangsawan sebagai suatu simbol yang boleh menarik minat dan simpati orang Melayu terhadap parti tersebut. Walaupun penaungan itu terhad kepada aspek simbolik sahaja, namun matlamat akhirnya ialah mewujudkan pertukaran psikologi yang boleh mendorong golongan massa Melayu menerima UMNO dan kepemimpinannya sebagai pelindung kepentingan mereka. Oleh sebab itu, dengan mewujudkan strategi seperti ini, UMNO Kelantan sebenarnya mewujudkan fenomena penaung-dinaung dalam tindakan politiknya, demi untuk mengekalkan kehadirannya di dalam arena politik Kelantan yang bermajoritikan orang Melayu.

Catatan

1. Kerah merupakan suatu tugas yang perlu dilaksanakan apabila pihak sultan dan para pembesar memerlukannya. Walaupun kerah bukan suatu bentuk cukai, namun rakyat terpaksa menyumbangkan tenaganya secara percuma, apabila mereka dikerah oleh pihak yang berkuasa untuk melakukan suatu pekerjaan. Sumbangan tenaga ini tidak hanya terhad sewaktu negeri berada dalam suasana peperangan, malahan ketika suasana aman pun mereka boleh dikerahkan untuk melakukan kerja-kerja golongan pemerintah ini.
2. Sistem pendaftaran dan pemilikan tanah yang lebih teratur telah diperkenalkan pada tahun 1881 oleh Sultan Muhammad II. Walaupun pelbagai andaian telah dibuat dengan tindakan baginda itu, namun dari segi politik dan ekonomi, tindakan ini telah dilihat sebagai suatu usaha untuk meletakkan kawasan Delta Kelantan yang subur itu berada di bawah kawalannya secara langsung. Ini tidak sahaja memperkukuhkan kerajaannya yang berpusat di Kota Bharu, tetapi juga untuk menjamin pengeluaran hasil pertanian yang berterusan, agar perdagangan Kelantan dengan dunia luar tidak terjejas.
3. Selepas Sultan Mansor menubuhkan Pejabat Tanah pada tahun 1898, suatu bentuk cukai pertanian yang lebih jelas telah diperkenalkan. Hanya padi, kelapa dan durian sahaja yang telah dikenakan cukai, manakala yang lain telah dikenakan cukai, manakala yang lain telah dikecualikan. Pada tahun 1900, apabila Kelantan diperintah oleh Sultan Mahmud IV, cukai padi ialah sebanyak 5% daripada jumlah yang dituai.

4. Institusi Kweng diwujudkan pada tahun 1860, semasa pemerintahan Sultan Muhammad II. Untuk melicinkan pentadbiran di peringkat jajahan, maka beberapa buah Kweng telah ditubuhkan dengan diketuai oleh seorang Tok Kweng. Pada umumnya, Tok Kweng ini dilantik oleh sultan dari kalangan mereka yang berharta dan dihormati oleh masyarakat di Kwengnya. Penggunaan istilah Kweng ini secara langsung memperlihatkan pihak Siam telah cuba dan berjaya membawa satu perubahan dalam struktur pentadbiran di peringkat lokal di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, perkataan Kweng dan Tok Kweng ini telah digugurkan oleh pihak Inggeris pada tahun 1916. Kweng telah digantikan dengan daerah dan Tok Kweng pula dikenali sebagai Penggawa.

Manakala kampung pula merupakan sebuah unit politik yang terkecil di dalam pentadbiran negeri Kelantan dan ia telah wujud lebih awal daripada Kweng. Semasa pemerintahan Sultan Muhammad I, institusi kampung telah pun wujud sebagai unit-unit politik di dalam setiap jajahan. Ketua kampung merupakan orang yang melaksanakan urusan pentadbiran di kawasan tersebut.

Pada pertengahan tahun 1800, ekoran daripada bertambahnya pengaruh Siam di dalam jentera pentadbiran negeri, gelaran Ketua Kampung telah digantikan dengan panggilan Tok Nebeng. Seperti mana Tok Kweng, mereka yang dilantik sebagai Tok Nebeng juga selalunya dipilih daripada mereka yang kaya di kalangan anggota masyarakat dalam sesebuah kampung, serta datang daripada keluarga orang baik-baik. Perlantikan seseorang individu menjadi Tok Nebeng perlu disokong oleh Tok Kweng terlebih dahulu sebelum ia disahkan oleh pembesar jajahan.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1916, pihak Inggeris telah menukarkan panggilan Tok Nebeng kepada Penghulu. Kuasanya tidak lagi terbatas kepada kampung, tetapi satu unit politik lain yang dikenali sebagai mukim, iaitu gabungan beberapa buah kampung. Semenjak itu, institusi kampung tidak lagi dirujuk sebagai suatu unit politik yang wujud dalam negeri, tetapi ia lebih merupakan suatu unit sosial, di mana ahli-ahlinya mempunyai perasaan setia kawan dan seringkali pula diikat oleh pertalian kekeluargaan, serta memiliki semangat kekitaan.

5. Sebelum Perang Dunia Kedua, negeri-negeri Melayu di Semenanjung telah terbahagi kepada tiga kumpulan, iaitu i) Negeri-negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura), ii) Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang), dan iii) Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor).

Gagasan *Malayan Union* antara lain telah mencadangkan agar kesemua negeri-negeri Melayu ini (Bersekutu dan Tidak Bersekutu) berserta Negeri-negeri Selat, kecuali Singapura, disatukan di bawah satu pentadbiran yang dikawal terus oleh Gabenor British. Gabenor ini pula akan bertanggungjawab kepada Gabenor-Jeneral British yang berkuasa ke atas *Malayan Union*. Singapura dan tanah jajahan British Borneo.

Manakala raja-raja Melayu pula terus dikekalkan ke jawatan-jawatan masing-masing, tetapi dengan bidang kuasa yang terbatas sekali. Baginda hanya berkuasa di dalam bidang urusan yang berkaitan dengan agama Islam sahaja (tidak termasuk soal-soal yang berhubung dengan pungutan zakat dan percuakaan), itu

pun di bawah kawalan Gabenor British yang juga merupakan pengerusi Majlis Mesyuarat Agama Islam.

Gagasan *Malayan Union* juga menawarkan hak kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli* kepada orang bukan Melayu (Allen 1967).

BAB 3

Penaungan: UMNO Kelantan dan Penerusan Kepemimpinan Bangsawan

Perbincangan sehingga kini jelas menunjukkan bahawa UMNO Kelantan mempunyai hubungan yang erat dengan kepemimpinan bangsawan. Pengalaman yang telah dilalui oleh orang Melayu dan parti itu dalam usaha mereka menghadapi Malayan Union, secara langsung telah mengesahkan hubungan tersebut. Akibatnya, sungguhpun UMNO telah muncul sebagai sebuah organisasi politik moden massa Melayu, namun disebabkan kepemimpinannya dikuasai oleh golongan bangsawan ataupun elit neo-tradisional Melayu,¹ maka parti itu terus kekal dengan imejnya sebagai sebuah parti feodal Melayu.

Kepentingan golongan bangsawan ini menjadi kian terserlah apabila UMNO Kelantan pada tahap awal perkembangannya telah berhadapan dengan situasi yang boleh melemahkan perjuangannya, terutamanya dalam usaha untuk menguasai dan membentuk kerajaan di peringkat negeri. Dalam tempoh tersebut, UMNO tidak sahaja berdepan dengan pengaruh Parti Negara dan PAS, tetapi ia juga mengalami krisis dalaman. Justeru, setiap pihak di dalam parti itu percaya bahawa kepemimpinan bangsawan, melalui peranannya sebagai penaung simbolik, mampu melahirkan suasana perpaduan di dalam parti, serta menarik minat orang Melayu terhadap organisasi tersebut.

Asas dan Penerusan Kepemimpinan Bangsawan

Cabaran dan Perpecahan Awal dalam Kepemimpinan UMNO

Semenjak penubuhannya pada tahun 1946 hingga 1950, UMNO Kelantan telah melalui perkembangannya yang agak memberangsangkan. Bermula dengan kepemimpinan Tengku Panglima Raja, Tengku Ahmad Tengku Abdul Ghafar dan kemudiannya Tengku Mahmud Mahyidin (Mohd,

Zain 1985, 29-30), UMNO dalam jangka masa tersebut telah berkembang ke seluruh jahan di negeri itu. Pada tahun 1948, jumlah keahlian UMNO Kelantan dianggarkan seramai 3,345 orang. Di setiap jajahan, UMNO telah diketuai oleh golongan bangsawan-pentadbir Melayu. Mereka ini lazimnya terdiri daripada Pegawai Daerah (D.O.) ataupun Penolong Pegawai Daerah (A.D.O.). Oleh itu, apabila golongan ini terlibat dengan UMNO, maka kakitangan kerajaan di bawah mereka, seperti penggawa dan penghulu juga turut terlibat.

Jadi dalam jangka masa itu, keaktifan UMNO di setiap jajahan banyak ditentukan oleh darjah penglibatan para pembesar Melayu tersebut. Namun begitu, disebabkan dalam jangka waktu itu UMNO tidak berhadapan dengan sebarang isu atau masalah yang boleh menjejaskan kestabilannya, serta tidak pula memerlukan penglibatan golongan massa, maka perjumpaan-perjumpaan parti yang diadakan dari masa ke masa lebih merupakan pertemuan sosial golongan bangsawan sahaja. Walau bagaimanapun, selepas tahun 1950-an, keadaan ini berubah apabila UMNO tidak lagi menjadi saluran politik utama orang Melayu.

Tindakan Dato' Onn Jaafar (bekas Yang Dipertua UMNO Malaya) meninggalkan parti itu, dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (kemudiannya Parti Negara) telah memberikan kesan yang besar kepada UMNO Kelantan yang selama ini berada di bawah pengaruh kepemimpinan bangsawan. Ekoran daripada tindakan Dato' Onn itu, sebilangan besar golongan bangsawan-pentadbir telah turut meninggalkan UMNO, dan berjuang bersama-sama beliau di dalam parti barunya. Salah seorang tokoh penting UMNO Kelantan yang telah mengikuti jejak langkah Dato' Onn itu ialah Dato' Nik Ahmed Kamil, yang pada ketika itu merupakan Menteri Besar Kelantan yang berpengaruh.

Lanjutan daripada keadaan ini, UMNO Kelantan tidak sekadar kehilangan pemimpinnya, malahan jentera parti itu turut dibawa bersama oleh pemimpin tersebut. Mereka yang selama ini menggerakkan jentera UMNO di pelbagai peringkat, tiba-tiba sahaja telah berubah menjadi tenaga penting Parti Negara di Kelantan. Golongan ini tidak sahaja terdiri daripada para bangsawan-pentadbir, tetapi ia juga meliputi para penggawa dan penghulu. Adalah dipercayai dengan arahan Dato' Nik Ahmed Kamil, para penghulu dan penggawa telah diminta supaya menghasut orang ramai agar memberikan sokongan mereka kepada Parti Negara.

Walaupun ketika itu sudah pun wujud undang-undang yang melarang kakitangan kerajaan bergiat secara aktif dalam politik, tetapi peraturan ini agak longgar kepada para penyokong parti negara. Hal ini dipercayai berkait rapat dengan sikap British sendiri yang menanggap parti tersebut sebagai pro-Inggeris. Tambahan pula, Dato' Nik Ahmed Kamil mempunyai pertalian yang rapat dengan penasihat Inggeris di Kelantan. Akibatnya, UMNO yang wujud di setiap jajahan, daerah dan mukim dengan sendirinya lumpuh, malahan ada yang menganggapnya telah mati.

Melalui kepemimpinan bangsawan, Parti Negara dijangkakan tidak menghadapi sebarang masalah dalam usahanya mendapatkan sokongan orang Melayu Kelantan, serta diterima sebagai penaung mereka yang baru (Vasil 1971, 84). Ini memandangkan golongan bangsawan-pentadbir yang memimpin Parti Negara itu telah pun berada di dalam UMNO dahulu. Tambahan pula, dalam usaha memenangi hati orang Melayu, Parti Negara berjaya memperlihatkan sikap konservatisme kekanannya (Vasil 1971, 83) yang secocok dengan jiwa masyarakat Melayu.

Pemilihan UMNO Kelantan

Perkembangan politik yang berlaku di Kelantan itu telah menimbulkan kebimbangan yang agak ketara di kalangan pucuk pimpinan UMNO di peringkat pusat, khususnya Tunku Abdul Rahman yang baru sahaja mengambil alih kepemimpinan parti daripada Dato' Onn Jaafar. Oleh itu, demi untuk memastikan Kelantan berada di bawah pengaruh UMNO, maka UMNO pusat tidak mempunyai banyak pilihan selain daripada mengambil tindakan untuk memulihkan kembali UMNO Kelantan yang sedang tenat itu. Tekanan menjadi bertambah kuat apabila Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) yang ditubuhkan oleh golongan agama telah bertapak di negeri tersebut (Amaluddin 1977, 26-27).

Dilihat daripada aspek kepemimpinan, UMNO Kelantan pada ketika itu sedang dihimpit oleh dua kuasa yang berpengaruh dalam kehidupan politik dan berorganisasi di kalangan orang Melayu. Dari satu segi, UMNO Kelantan terpaksa berhadapan dengan kepemimpinan bangsawan yang terdapat dalam Parti Negara. Manakala, pada ketika yang sama, UMNO Kelantan juga terpaksa berhadapan dengan kepemimpinan agama yang berada dalam PAS.

Walaupun kedua-dua corak kepemimpinan ini diwakili oleh mereka yang berbeza dari segi personaliti dan latar belakang pendidikan, namun asas sosialnya tetap sama, iaitu status mereka dalam masyarakat. Ini merupakan faktor yang telah melayakkan mereka mendapat penghormatan tinggi daripada orang Melayu. Oleh yang demikian, berasaskan kepada corak kepemimpinan yang wujud itu, maka tugas memulih dan mengaktifkan kembali UMNO sekitar tahun-tahun 1953-54 mempunyai pertalian yang rapat dengan corak kepemimpinan yang bakal diambil oleh parti itu sendiri.

Bagi mereka yang setia dengan UMNO Kelantan pada ketika itu, kepemimpinan yang hendak diwujudkan itu mestilah mampu menarik minat dan sokongan orang Melayu terhadap parti tersebut. Maka itu, dalam memenuhi tuntutan ini, pihak UMNO Kelantan telah berhadapan dengan dua alternatif, iaitu sama ada ia mengambil bentuk kepemimpinan PAS, ataupun memilih dan meneruskan kepemimpinan bangsawan seperti yang terdapat di dalam Parti Negara.

Agak sukar bagi UMNO Kelantan untuk memilih bentuk kepemimpinan parti Islam, walaupun kepemimpinan agama ini dirasakan mempunyai tarikan politik yang kuat, dan mampu untuk menarik minat rakyat Kelantan agar mendekatinya. Kepemimpinan jenis ini tetap dilihat tidak selari dengan UMNO yang diasaskan kepada faham kebangsaan Melayu. Sementara faktor kebangsawanan pula menjadi sebahagian daripada unsur yang penting. Justeru, jalan terbuka yang ada pada UMNO ialah dengan memilih corak kepemimpinan seperti yang terdapat di dalam Parti Negara.

Walau bagaimanapun, melaksanakan keinginan untuk menggerakkan kembali UMNO Kelantan melalui pengisian kepemimpinan bangsawan bukanlah suatu tugas yang mudah. Ini kerana, seperti yang telah dinyatakan, sebilangan besar golongan bangsawan Melayu pada ketika itu sudah pun berada di dalam Parti Negara. Malahan, jentera UMNO sendiri yang dikuasainya itu telah turut juga dibawa bersamasamanya ke dalam parti tersebut. Oleh yang demikian, pada peringkat awal pemulihan UMNO ini, kepemimpinan UMNO pusat yang terlibat dalam tindakan itu terpaksa melupakan buat sementara waktu hasrat mereka untuk membolehkan UMNO Kelantan diterajui oleh golongan bangsawan.

Sebaliknya, tumpuan mereka harus diberikan kepada usaha untuk mewujudkan dan menggerak jentera UMNO Kelantan terlebih dahulu, agar parti tersebut berpeluang menyertai (serta memenangi) pilihan raya

1955, di samping berusaha menubuhkan sebuah kerajaan sendiri pada peringkat Persekutuan. Ini dianggap lebih penting memandangkan negara sedang menuju ke arah kemerdekaan. Maka itu, bagi memenuhi hasrat ini, Tunku Abdul Rahman Putera selaku Yang Dipertua UMNO Malaya telah mengambil tindakan untuk mendekati golongan terpelajar Melayu yang berpusat di bandar Kota Bharu, yang merupakan golongan menengah Melayu² pada ketika itu supaya menghidupkan kembali UMNO Kelantan. Bagi memenuhi hasrat tersebut, beliau telah menghantar dua aktivis UMNO yang terkemuka, iaitu Syed Jaafar Albar dan Sardon Jubir menemui para pemimpin Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan (GPPMK), serta memujuk mereka agar membubarkan pertubuhan yang didukunginya itu, dan digantikan dengan UMNO.

Tindakan ini secara langsung kelihatan bertentangan dengan hasrat sekumpulan ahli UMNO Kelantan sendiri, khususnya dari bahagian Kota Bharu. Kumpulan ini lebih merasakan bahawa organisasi dan jentera UMNO Kelantan boleh diaktif dan dihidupkan kembali melalui pertubuhan Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK). Dengan menggunakan jentera PPMK itu, kumpulan ini yakin bahawa UMNO boleh digerakkan semula, serta mampu mendapat sokongan daripada orang Melayu di negeri tu. Manakala dari segi kepemimpinan pula, mereka merasakan kepemimpinan bangsawan dapat diteruskan kembali melalui perlantikan Dato' Nik Ahmed Kamil yang telah pun keluar dari UMNO, sekiranya beliau dapat dipujuk agar menyertai UMNO, serta menerima jawatan ketua parti itu (Lihat Plat 1).

Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat ini tidak pula sampai menjejaskan hasrat untuk menghidupkan kembali UMNO Kelantan. Melalui pendekatan kepimpinan UMNO peringkat pusat, kepimpinan PPMK nampaknya telah bersetuju dengan idea yang dikemukakan oleh tokoh UMNO yang datang menemui mereka. Hasilnya, UMNO Kelantan telah berjaya dipulihkan semula pada tahun 1953. Disebabkan UMNO yang baru dipulihkan itu berpusat di bandar Kota Bharu, maka UMNO Kelantan lebih dikenali sebagai UMNO Kota Bharu. Di antara tokoh-tokoh penting PPMK yang bergerak cergas di dalam UMNO pada ketika itu ialah Nik Hassan Nik Yahya, Nik Mohd Amin Ali, Majid Tahir, Hamzah Ghani, Yusoff Zaki Yaacob, Abu Bakar Al-Ahmadi, dan Rahman Akib (Alias 1975, 85). Kepimpinan mereka ini ternyata telah diterima masyarakat Melayu di bandar Kota Bharu. Melalui pilihan raya Majlis Perbandaran Kota Bharu yang

telah diadakan pada Julai 1953, enam daripada sembilan kerusi yang dipertandingkan itu telah dimenangi oleh tokoh-tokoh PPMK tadi (Alias 1975, 37-38) (Lihat Plat 2 dan Plat 3).

Namun begitu, perubahan kepemimpinan yang berlaku sewaktu UMNO berada di tahap pemulihan ini gagal bertahan lama. Tiada seorang pun tokoh-tokoh PMKK ini yang bersedia untuk memimpin dan mengetuai perjuangan UMNO Kelantan dalam jangka masa yang panjang. Mereka telah kehilangan keyakinan diri bila berbicara tentang siapa yang seharusnya mengetuai kepemimpinan parti itu. Sungguhpun mereka ini merupakan golongan terpelajar Melayu, namun pemikiran politikinya masih terikat dengan sindrom kebangsawanan, yakni mereka masih gagal untuk membebaskan diri masing-masing daripada psikologi feodal. Bagi mereka, kepemimpinan seharusnya datang dari golongan bangsawan. Hanya melalui kepemimpinan ini sahaja, UMNO mampu menarik simpati dan sokongan orang Melayu terhadapnya, terutamanya daripada kalangan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Setiap orang merasakan diri masing-masing tidak mempunyai sebarang kemampuan dan keupayaan untuk memimpin parti itu pada peringkat negeri. Walaupun mereka merupakan golongan terpelajar, namun masing-masing menyedari bahawa mereka berasal daripada rakyat bawahan. Pendidikan yang diperolehinya itu hanya mampu memberikan mereka peluang pekerjaan sebagai kerani sahaja dalam jentera pentadbiran awam negeri ataupun sebagai peniaga kecil di bandar Kota Bharu. Adalah jelas perasaan rendah diri itu telah menghambat cita-cita politik mereka, berbanding dengan golongan bangsawan yang telah pun bertapak kukuh di dalam pentadbiran awam negeri Kelantan.

Dengan berasaskan kepada kekurangan yang berbentuk psikologi ini, golongan terpelajar Melayu itu beranggapan bahawa mereka tidak memiliki sebarang sumber daya utama, khususnya yang berbentuk *intangible* yang boleh dijadikan aset bagi mengukuhkan kedudukan UMNO Kelantan. Jadi, apa yang tersirat di sebalik tuntutan psikologi feodal golongan terpelajar Melayu ini ialah UMNO tidak sekadar mahu berketuakan golongan bangsawan Melayu, tetapi UMNO juga memerlukan seorang tokoh pemimpin yang mampu berperanan sebagai penaung politik simbolik. Bagi mereka, pemimpin berkenaan haruslah mampu menjadi suatu simbol yang dapat menarik sokongan orang Melayu kepada parti itu.

Kota Bharu, Kelantan
3 July, 1952

Inche Zulkifli Hashim,
Setiausaha Agung UMNO Malaya
131, Jalan Ibrahim
Johore Bahru

Tuan,

Bil: (22) dlm. UMNO/Sg-86/50

Surat saya bertarikh 15 June 1952 berhubung dengan surat tuan bilangan seperti yang tersebut di atas adakah selamat tuan terima. Saya dengan penuh harapan menunggu akan jawapan tuan berkenaan dengan fasal 4 surat saya itu.

2. Nik Hassan bin Nik Yahya, unofficial member of Council of State, Kelantan, suka hendak menjadi ahli UMNO berdaftar terus seperti saya, harap kiriman form. Nik ini ialah orang kuat (Pemuda) di Kelantan. Saya akui dia ini sangat besar pengaruhnya dikalangan pemuda di-Kota Bharu khasnya. Yaani dikalangan pemuda yang bersemangat kebangsaan atau siasah, bukannya dilapangan permainan.

3. Berkenaan dengan berita yang tersiar didalam Utusan Melayu bertarikh 2.7.52, cuttingnya ada saya kembalikan bersama ini. Saya berterus terang berkata saya tidak perchaya kepada beliau itu. Atas fikiran saya beliau itu tidak akan berjaya menghidupkan UMNO Kota Bharu dengan sebenarnya yaani mendapat sokongan orang ramai (orang bawah). Dan lagi beliau itu bekas pegawai Malayan Security Servicenya, adeknya sekarang bekerja menjadi pegawai Special Branch, oleh sebab itu orang ramai sangat churiga akan gerak langkahnya dan takut menghampirinya.

4. Jikalau sekiranya yang dipertua UMNO, Tunku Abdul Rahman, sanggup datang ka-Kelantan membubarkan atau menutup UMNO Bahagian Kota Bharu sechara rasmi, saya

mendapat tahu Persetian Melayu Kelantan sanggup bergabung dengan UMNO dan sesiapa yang handak menjadi ahli UMNO bolehlah memasoki Persetian yang akan menjadi atau menggantikan UMNO Bahagian Kota Bharu yang tidak bernyawa sekarang. Nik Kamil, Menteri Besar Kelantan tetap menjadi penasihat. Harap beri jawapan dengan segera supaya surat rasmi dari pertubohan yang berkenaan akan dikirirkan.

5. Jikalau Ibu Pejabat UMNO atau Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan chadangan saya (para 4), saya sabelum mengambil apa2 keputusan atau tindakan terhadap UMNO Bahagian Kota Bharu hendaklah diambil fikiran Dato Nik Kamil, Mentri Besar Kelantan. Harap Ibu Pejabat atau Tengku Abdul Rahman bersabar dahulu menanti beliau balek dari Amerika. Beliau itu sahaja yang nampak yang boleh menghidupkan balek UMNO Kota Bharu, dan beliau itulah yang bertanggung jawab menubuhkan UMNO Kota Bharu yang ada sekarang ini dan beliau itulah yang diakui menjadi penganjor sebenarnya di Kelantan.

MERDEKA!

c.c. Yang Dipertua UMNO,
P.O. Box No. 22,
Butterworth.

PLAT 1 Surat kepada Zulkifli Hashim, Setiausaha Agong UMNO Malaya

Abdul Majid Tahir
Telecom Department,
kota Bharu, Kelantan
25 May, 1953.

Yang Di-Pertua UMNO Malaya,
131, Jalan Ibrahim,
Johore Bahru

Tuan,

Bilangan: (1) dlm. UMNO/SG-60/53

Perkara: Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kota Bharu

Berhubung dengan surat tuan berkenaan dengan beberapa hal yang disebut di-atas maka dengan ini saya maalumkan iaitu setelah saya bertukar2 fikiran dengan ahli-ahli UMNO yang boleh diharap menjadi chalon dalam pilihan raya, saya bahagi UMNO Bahagian Kota Bharu oleh sebab2 seperti berikut akan menchalon-kan sesiapa atas nama UMNO tetapi ahli2 UMNO boleh-lah menchalon diri masing-masing sebagai chalon bebas (Independent):

(a) UMNO Bahagian Kota Bharu belum function lagi yang mempunyai body dan working committe. Chuma baharu hendak bergerak hendak di-hidup-kan semula. Jawatankuasa yang ada chuma mempunyai kuasa untuk mengada-kan meshuwarat agong tahunan sahaja. Sila lihat jawapan saya kepada surat Ibu Pejabat bilangan (33) dlm. UMNO/Sg-86/50, yang mana hingga hari ini belum terjawab lagi.

(b) Surat tuan telah terlewat datang-nya . Saya telah terima surat tuan itu pada petang 23.5.53. Jadi suntok sangat bagi saya hendak bergerak dan bertindak, pada hal ahli2 UMNO telah membuat ketentuan dalam menchalon-kan diri mereka sebagai chalon bebas. Hari mengangkat chalon ialah pada 27 May 1953 tidak beberapa hari lagi.

(c) Jikalau UMNO hendak masuk dalam pilihan raya ini sudah tentu pihak MCA tidak boleh di-ketepi-kan, pada hal masa tidak ada untuk membuat rundingan. Kalau

pun sanggup berpadu dengan MCA masa tidak menizin-kan dengan kedudukan UMNO Bahagian Kota Bharu sekarang. Tambahan pula polisi UMNO-MCA alliance boleh di-jadi-kan momok oleh provocateur dan musuh2 UMNO kerana di-Kelantan rakyat sangat churiga pada bangsa China.

(d) Kalau pun UMNO masuk jua dalam pilihan raya ini saya tidak dapat hendak menentukan calon2 yang layak bagi pihak UMNO. Ada yang layak mereka ini tidak mahu di-calon-kan atas nama UMNO kerana sebab2 mengenai diri mereka. Begitu juga banyak ahli2 UMNO hendak menjadi calon dan kalau tidak di-ambil mereka semua harus menimbul-kan perselisihan boleh jadi oleh sebab ini mendatang-kan kerumitan atau halangan untuk menghidup-kan semula UMNO Bahagian Kota Bharu.

2. Saya perchaya ahli2 UMNO yang berjaya dalam pilihan raya ini tentu akan bersetuju yang mereka itu di-akui nanti sebagai wakil atau mewakili UMNO. Saya akan beritahu Ibu Pejabat ahli2 UMNO yang berjaya dalam pilihan raya ini. Polling Day ia-lah pada 4 July 1953.

3. Yang mustahak sekali sekarang ia-lah UMNO Kota Bharu hendak di-hidup-kan semula dengan seberapa segera. Harap Tuan Jaafar Albar akan datang ka-Kota Bharu sachepat mungkin untuk membangun-kan UMNO Kota Bharu semula sebagai wakil Ibu Pejabat untuk menyiasat kedudukannya "on the spot investigation".

MERDEKA

PLAT 2 Surat Abdul Majid Tahir kepada yang di-Pertua UMNO Malaya

Tunku Abdul Rahman
Dewan Negara,
Kuala Lumpur,
MALAYA.

Pertemuan di Malacca
Kuala Lumpur, 23-10-1954

Berikut ini adalah beberapa perkara yang telah dibincang di dalam mesyuarat Dewan Negara pada 15.10.1954, dan telah diputuskan bahawa Dewan Negara telah memutuskan bahawa ia hendaklah mengadakan mesyuarat di Malacca pada 15.10.1954. Keputusan ini telah diumumkan kepada umum pada 16.10.1954 dan telah disebarkan kepada semua Ahli Dewan Negara. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954.

Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954.

Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954.

Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954.

D. M. T.

151-100- 274000-10000

Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954. Keputusan ini telah disahkan oleh Dewan Negara pada 17.10.1954.


151-100- 274000-10000

D. M. T.

PLAT 3 Surat Tunku Abdul Rahman kepada Abdul Majid Tahir



PLAT 4 Dr. Mahathir Mohamad dan Muhammad Nasir, Menteri Besar Kelantan



PLAT 5 Tengku Noor Asiah, seorang kerabat diraja Kelantan yang bergiat cergas dalam politik UMNO




PLAT 6 Asri Muda



PLAT 7 Tengku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, seorang lagi kerabat Istana Kelantan yang bergiat cergas dalam politik UMNO Kelantan.



PLAT 8 Muhammad Yaacob dijulang penyokongnya



PLAT 9 Tengku Razaleigh, putera raja Kelantan yang diterima baik dalam politik negeri itu

Dalam memenuhi tuntutan ini, kredibiliti, keupayaan dan kemampuan sebenar seorang tokoh bangsaawan itu (sebagai pemimpin politik) bukanlah merupakan suatu kriteria utama yang harus diambil kira di dalam proses perlantikannya sebagai pemimpin utama UMNO Kelantan. Sebaliknya, golongan terpelajar Melayu itu hanya melihat, serta mengharapkan kewibawaan tradisional, dan kewibawaan legal-rasional yang dimiliki oleh golongan bangsaawan (hasil daripada kedudukan penting mereka di dalam struktur masyarakat dan pentadbiran awam negeri) dapat melahirkan suatu bentuk pertukaran psikologi terhadap majoriti orang Melayu pada peringkat bawahan.

Pada tanggapan golongan terpelajar Melayu ini, apabila seseorang tokoh diterima sebagai penaung sekalipun pada peringkat emosi dan psikologi sahaja, maka dia juga turut diterima sebagai pemimpin. Justeru, golongan ini percaya bahawa UMNO sebagai sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu juga akan diterima sebagai penaung (kepada kepentingan Melayu) sekiranya ia dipimpin oleh golongan bangsaawan Melayu. Dengan itu, berasaskan kepada keyakinan ini, golongan terpelajar Melayu yang menguasai UMNO pada ketika itu tidak mengambil kesempatan untuk menonjolkan diri masing-masing sebagai pemimpin utama UMNO Kelantan. Bagi mereka pertukaran psikologi, seperti yang difikirkannya itu, merupakan suatu kriteria yang penting dalam menjamin kelangsungan hidup UMNO Kelantan. Maka itu, golongan terpelajar ini tidak melihat perubahan kepemimpinan sebagai suatu keperluan dalam usaha pemulihan UMNO di negeri itu.

Kejayaan dan Kegagalan Kepemimpinan Bangsaawan

Dato' Ismail Mahmud

Ekoran daripada beberapa perkiraan yang disebutkan itu, dan ditambah pula dengan sikap pihak kepemimpinan UMNO pusat yang tidak menunjukkan minat untuk campur tangan dalam soal pemilihan dan perlantikan Ketua UMNO Kelantan, maka kepemimpinan UMNO di negeri itu telah dibentuk seperti yang telah dirancang oleh golongan terpelajar Melayu tersebut. Dalam kemelut mencari seorang pemimpin bangsaawan untuk menerajui kepemimpinan parti itu, maka Che Ismail Mahmud, bekas Penolong Pegawai Jajahan I (1st Assistant District Officer) Pasir Putih, yang pada ketika itu menjadi Setiausaha Sulit

kepada Tengku Mahkota Kelantan telah dipilih untuk mengetuai UMNO Kelantan.

Melalui kepemimpinan beliau (yang kemudiannya dilantik sebagai Ketua Jajahan Kota Bharu), serta ketokohnya sebagai seorang bangsawan-pentadbir yang berasal daripada golongan elit-tradisional, UMNO diharapkan mampu berhadapan dengan parti-parti politik Melayu yang menjadi saingannya. Pihak UMNO Kelantan menaruh harapan yang tinggi kepada beliau (yang kemudiannya bergelar Dato') agar parti itu berpeluang membentuk kerajaan pada peringkat negeri melalui pilihan raya 1955, di samping membantu UMNO Pusat menubuhkan kerajaan yang kuat pada peringkat Persekutuan. Dalam hal ini, isu kemerdekaan yang menjadi bahan kempen utama pada ketika itu diharapkan dapat membantu kepemimpinan Dato' Ismail Mahmud untuk mencapai matlamat UMNO itu.

Ketokohan Dato' Ismail Mahmud ini telah dilihat oleh golongan terpelajar Melayu tadi setanding dengan ketokohan Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan). Kedua-duanya merupakan saudara sepupu, dan masing-masing berasal daripada kawasan Atas Banggol yang terkenal dengan perkampungan elit-tradisional Melayu.³ Selain berada di suatu kedudukan yang penting di dalam pentadbiran awam negeri, kedua-dua tokoh ini turut berada di hierarki yang utama di dalam struktur pembesar Melayu negeri. Kedua-duanya merupakan Dato' bergelar, iaitu Dato' Sri Setia Raja menjadi milik Dato' Nik Ahmed Kamil, manakala Dato' Ismail Mahmud pula lebih dikenali sebagai Dato' Bentara Kiri.

Melalui penganugerahan diraja ini, ia dengan jelas menggambarkan kekananan mereka di dalam struktur pentadbiran negeri yang berada di bawah kawalan Sultan Kelantan. Ini sekali gus memperlihatkan kepada masyarakat umum betapa kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat dengan institusi istana dan baginda sultan sendiri. Oleh itu, bagi masyarakat Melayu pramerdeka yang masih lagi tebal dengan psikologi feodal, maka pemilik gelaran tersebut sentiasa dilihat sebagai orang raja. Ini sekali gus pula telah menimbulkan persepsi di kalangan mereka bahawa para pembesar negeri merupakan mereka yang memiliki kewibawaan tradisional. Maka itu, pembesar-pembesar tersebut perlulah dihormati, dimuliakan, serta diberikan penghormatan tinggi.

Apa yang tersirat daripada persamaan kedua-dua tokoh yang terlibat ini, ia secara jelas memperlihatkan bahawa golongan terpelajar Melayu dalam UMNO begitu yakin bahawa status sosial serta

kewibawaan tradisional yang ada pada diri Dato' Ismail Mahmud itu merupakan suatu sumber utama yang berbentuk *intangible goods* yang mampu menyaingi ketokohan Dato' Nik Ahmed Kamil dan Parti Negara yang menjadi saingan terdekat kepada UMNO Kelantan pada ketika itu. Selain itu, golongan terpelajar Melayu juga berharap penglibatan Dato' Ismail Mahmud ini dapat menggambarkan kepada masyarakat Melayu Kelantan bahawa UMNO yang baru aktif itu juga turut diterima oleh golongan bangsawan Kelantan, dan tidak semua pembesar Melayu menyokong Parti Negara.

Walaupun pada zahirnya Parti Negara kelihatan kuat dan berpengaruh, namun disebabkan UMNO Kelantan berjaya menonjolkan imej kepemimpinannya setanding dengan kepemimpinan Parti Negara, maka pihak UMNO berharap masyarakat Melayu Kelantan masih bersedia untuk terus bernaung di bawah kepemimpinan UMNO. Akibatnya, Parti Negara Kelantan yang dipimpin oleh Dato' Nik Ahmed Kamil berada dalam keadaan yang cukup tertekan, walaupun jenteranya kelihatan jauh lebih kuat dan berpengaruh daripada jentera UMNO. Tambahan pula menjelang pilihan raya 1955, UMNO telah berjaya memanipulasikan isu kemerdekaan negara (dalam kempen pilihan raya) sebagai suatu usaha untuk mendapat sokongan para pengundi.

Berbeza dengan UMNO, kepemimpinan Parti Negara Kelantan tidak sahaja didukung para bangsawan-pentadbir negeri, tetapi juga turut disokong oleh hampir kesemua jentera kerajaan. Di kawasan-kawasan luar bandar, institusi penggawa dan penghulu merupakan agen politik yang paling aktif menyebarkan pengaruh parti itu. Sebagai perantara yang menghubungkan masyarakat desa dengan pentadbiran kerajaan di bandar, golongan ini mempunyai peluang yang lebih untuk mendekati orang Melayu dengan Parti Negara (Zulkifli 1980, 96-97). Oleh itu, bagi memastikan sokongan masyarakat Melayu Kelantan berpihak kepada UMNO, Dato' Ismail Mahmud telah berusaha menonjolkan UMNO yang dipimpinnya itu sebagai wadah politik terbaik bagi orang Melayu untuk mempertahankan kesucian dan kemuliaan agama, bangsa dan negara.

Malangnya, belum pun sempat tindakannya itu disempurnakan, beliau terpaksa pula meletakkan jawatan sebagai ketua UMNO, dan ini sekali gus telah menamatkan peranan yang dijangkakan daripadanya sebagai penaung politik simbolik. Hal ini disebabkan oleh undang-undang negara yang tidak membenarkan beliau, sebagai pegawai

kerajaan bergerak aktif di dalam politik berparti (Mohd. Zain 1985, 47). Walau bagaimanapun, menjelang Pilihan raya 1955, UMNO di bawah kepemimpinannya telah berkembang pesat di Kota Bharu, Pasir Putih dan Tumpat. Malahan, UMNO juga telah pun bersedia untuk menghadapi kemaraan Parti Negara di mana para pemimpinnya dikecualikan undang-undang berpolitik tadi.

Tengku Indra Petra

Pengunduran Dato' Ismail Mahmud tidak pula bermakna berakhirnya pengaruh golongan bangsawan ke atas UMNO Kelantan. Walaupun kekosongan yang ditinggalkan oleh beliau boleh dipenuhi oleh mana-mana tokoh pemuda dari kalangan golongan terpelajar Melayu yang berkuasa ke atas jentera parti, namun tiada seorang pun daripada mereka yang telah menunjukkan minat untuk mengisi jawatan tersebut. Mereka masih lagi mengharapkan seorang tokoh daripada kalangan elit neo-tradisional Melayu akan muncul, serta bersedia untuk mengetuai UMNO di peringkat negeri, dan seterusnya melaksanakan peranan sosial yang dijangkakan daripadanya, iaitu sebagai penaung politik simbolik.

Dalam keadaan terumbang-ambing ini, UMNO Kelantan agak bernasib baik kerana Tengku Indra Petra (Tengku Besar Indra),² telah menunjukkan minatnya untuk berkecimpung di dalam bidang politik, serta bersedia pula untuk memimpin UMNO Kelantan. Sungguhpun kemampuannya sebagai seorang pemimpin diragui, dan keperibadiannya pula mungkin menjejaskan nama baik UMNO, namun kehadiran Tengku Indra Petra telah diterima dengan penuh kegembiraan oleh golongan terpelajar Melayu tadi. Sehubungan dengan ini, kewibawaan tradisional dan status sosial yang ada pada dirinya merupakan dua unsur utama yang telah melayakkan beliau memimpin UMNO Kelantan pada ketika itu. Sebelum terlibat secara aktif di dalam politik, beliau merupakan pewaris takhta kerajaan Kelantan, melalui jawatannya sebagai Raja Muda (Mohd. Hussin 1970, 170).

Dengan kehadiran Tengku Indra Petra ini, ia telah memudahkan golongan terpelajar Melayu mendekati UMNO dengan masyarakat luar bandar, dan seterusnya menyaingi pengaruh Parti Negara dan kepimpinan Dato' Nik Ahmed Kamil. Ini kerana ke mana-mana sahaja mereka pergi untuk menerangkan perjuangan UMNO, nama Tengku Indra Petra, bekas Raja Muda Kelantan itu yang kemudiannya bergelar

Tengku Besar Indra telah ditonjolkan sebagai satu daya tarikan, agar rakyat memberikan sokongannya kepada UMNO. Sikap rendah diri dan perasaan malu mata terhadap golongan bangsawan lazimnya boleh mendorong mereka menyokong parti tersebut. Bilangan yang menghadiri majlis penerangan UMNO juga lazimnya bertambah bila Tengku Indra Petra mencemarkan duli menghadiri perjumpaan yang diadakan itu. Maka itu, manfaat psikologi inilah yang diharapkan oleh golongan terpelajar Melayu melalui kepemimpinan Tengku Indra Petra, di mana tugas ini tidak sempat dilaksanakan sepenuhnya oleh Dato' Ismail Mahmud.

Akhirnya, menjelang pilihan raya umum 1955, semua bahagian UMNO yang wujud di setiap jajahan telah dapat diaktifkan kembali (Fail UMNO SG 86/50). Malahan, beberapa kawasan baru juga telah muncul hasil daripada pembahagian semula bahagian pilihan raya yang sedia ada. Pada awal tahun 1960-an, sepuluh bahagian UMNO telah wujud di seluruh negeri Kelantan. Dalam masa yang sama, UMNO Kelantan juga turut menyaksikan pertambahan ahli yang amat membanggakan. Pada tahun 1955, jumlah ahlinya dipercayai seramai 2,253 orang, dan pada tahun 1961 pula, keahliannya telah meningkat kepada 11,453 orang. Namun begitu, terdapat juga dakwaan bahawa ahli-ahli UMNO Kelantan pada tahun 1956 sudah pun mencecah 70,000 orang (Ranjit 1987, 52). Dengan perkembangan yang memberangsangkan ini dapat dirumuskan bahawa kemajuan telah dicapai oleh UMNO pada peringkat awal pemulihannya, serta pada pertengahan tahun 1950-an tidak dapat dipisahkan daripada kepemimpinan bangsawan, khususnya Tengku Indra Petra.

Sehubungan dengan ini, faktor utama yang berbentuk *intangible goods* telah memberi peluang kepada beliau untuk berperanan sebagai seorang penaung politik simbolik. Beliau tidak sahaja mampu bertindak sebagai penaung yang berkemampuan menambahkan keahlian parti, tetapi secara simbolik juga, UMNO berjaya ditonjolkannya sebagai sebuah parti yang turut mendapat restu dan kepercayaan daripada golongan bangsawan, termasuk pihak Istana Kelantan sendiri. Dengan itu, apabila UMNO, Parti Negara dan PAS bertemu di dalam pilihan raya umum 1955, sama ada di peringkat Parlimen ataupun Negeri, UMNO sebenarnya berada di suatu kedudukan yang cukup selesa.

Pada peringkat Parlimen, UMNO Kelantan telah meletakkan calonnya di kesemua lima buah kawasan yang dipertandingkan. Selain daripada Tengku Indra Petra, kesemua calon UMNO adalah terdiri

daripada golongan terpelajar Melayu, yang juga merupakan orang kuat PPMK. Manakala, Parti Negara pula telah bertanding di empat kawasan, dan kesemua calonnya itu berasal daripada kalangan bangsawan-pentadbir. Ini termasuklah Dato' Nik Ahmed Kamil⁶ yang juga Menteri Besar Kelantan pada ketika itu. PAS pula, sebagai sebuah parti yang baru menapak di negeri Kelantan hanya bertanding di tiga kawasan sahaja (Smith 1955, 75-76).

Hasilnya, UMNO telah menang di semua kawasan yang ditandinginya. Di kawasan Parlimen Kelantan Utara, Tengku Indra Petra telah menang dengan majoriti yang cukup besar. Ini secara langsung memperlihatkan bahawa UMNO dan kepemimpinan bangsawannya telah berjaya menawan semula hati orang Melayu, selepas gagal aktif selama beberapa tahun. Dalam pada itu, kemenangan ini juga turut membuktikan bahawa kepemimpinan bangsawan di dalam Parti Negara telah ditolak oleh para pengundi Melayu Kelantan. Ini dapat dilihat daripada kegagalan Dato' Nik Ahmed Kamil, calon *favourite* pada ketika itu, memenangi kerusi Parlimen Kelantan Selatan (Smith 1955, 75). Begitu juga dengan kekalahan golongan bangsawan-pentadbir yang lain di tangan golongan terpelajar Melayu yang mewakili UMNO.

Sungguhpun pertandingan di antara UMNO dan Parti Negara ini telah memperlihatkan wujudnya perpecahan di kalangan bangsawan Melayu Kelantan, namun ini tidak pula bermakna bahawa kepemimpinan tersebut menjadi semakin lemah atau merosot. Sebaliknya, reaksi dan sambutan para pengundi itu lebih merupakan suatu isyarat bahawa mereka lebih tertarik dengan kepemimpinan bangsawan dalam UMNO, berbanding dengan kepemimpinan yang wujud di dalam Parti Negara. Melalui slogan kemerdekaan yang diperjuangkannya, masyarakat Melayu di negeri itu yakin bahawa UMNO mampu melaksanakan peranan sebagai penaung politik kepada bangsa Melayu. Oleh yang demikian, berasaskan kepada kejayaan cemerlang UMNO ini, Parti Negara tidak lagi menjadi ancaman kepada UMNO Kelantan apabila pilihan raya negeri diadakan dua bulan kemudian (pada September 1955) (*Malaya Merdeka*, Julai 1955). PAS sahaja yang kelihatan mampu menyaingi kekuatan UMNO, tetapi itu pun hanya terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Keputusannya, daripada enam belas kawasan yang dipertandingkan, UMNO menang tanpa bertanding di lapan kawasan. Manakala di lapan kawasan lagi, calon UMNO (termasuk seorang calon MCA) ditentang

oleh calon bebas dan PAS. parti Negara hanya bertanding di satu kawasan sahaja iaitu di kawasan Machang.

Keputusan penuh menunjukkan bahawa kesemua kawasan yang dipertandingkan itu telah dimenangi oleh calon-calon UMNO/Perikatan (termasuk satu kawasan yang dimenangi oleh tokoh MCA). Dengan kejayaan memperoleh undi sebanyak 80.02%, UMNO telah berpeluang menubuhkan Kerajaan Kelantan ada tahun 1955. Ini dengan sendirinya membuktikan bahawa ia merupakan sebuah parti yang kuat. Pengaruh UMNO di bawah kepemimpinan Tengku Indra Petra itu hampir berjaya melenyapkan pengaruh Parti Negara di Kelantan. Oleh itu, pemilihan golongan terpelajar ke atas diri beliau bukanlah merupakan suatu tindakan politik yang silap, sekalipun kemampuannya untuk memimpin sebuah pertubuhan politik seringkali diragui.

Penerusan Cabaran Parti Negara

Kemenangan cemerlang UMNO pada pilihan raya 1955 itu tidaklah pula bererti bahawa kepemimpinan bangsawan berada di dalam keadaan yang cukup mantap. Sebaliknya, kejayaan cemerlang itu telah membawa pelbagai cabaran kepada kepemimpinan Tengku Indra Petra, walaupun peranannya sebagai penaung politik simbolik tidak pernah dipersoalkan oleh mana-mana pihak di dalam UMNO Kelantan. Manakala bagi Parti Negara pula, kekalahan yang dialaminya itu tidaklah bererti bahawa cabarannya terhadap UMNO sudah berakhir. Sebaliknya, di luar proses pilihan raya parti itu masih lagi berupaya untuk menggugat serta

JADUAL 3.1 Senarai Jumlah Parti dan Calon yang Bertanding Pada Peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan Pada Tahun 1959

Parti	calon
UMNO/Perikatan	16
PAS	3
Parti Negara	1
Calon Bebas	6
Jumlah	26

Sumber: Angka-angka rajah di atas diambil dari T.E. Smith *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*. Government Press, K.L., 1955, hal. 75-76. Juga dari *Malaya Merdeka*, 29 September, 1955, hal. 5 dan 1, 29 September, 1955, hal. 15.

mencabar kredibiliti UMNO. Dalam hal ini, Majlis Mesyuarat Negeri (Dewan Undangan Negeri), dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) merupakan dua medan yang sering digunakan oleh parti tersebut untuk mengganggu-gugat kekuasaan UMNO.

Sungguhpun di peringkat Majlis Mesyuarat Negeri, majoriti ahlinya terdiri daripada wakil UMNO (dan juga seorang daripada MCA), namun dalam majlis itu juga terdapat ahli-ahli rasmi ataupun tidak rasmi yang dilantik oleh sultan. Kebanyakan daripada mereka ini terdiri daripada para pegawai kanan kerajaan, yakni golongan bangsawan-pentadbir yang lebih bersimpati dan memihak kepada Parti Negara. Walaupun kecil bilangannya, namun kehadiran golongan ini ia mampu menyusahkan pihak UMNO untuk melaksanakan sesuatu peraturan ataupun polisi yang boleh memberikan keuntungan politik kepada parti tersebut.

Keadaan ini menjadi lebih tertekan lagi di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco). Walaupun kerajaan yang ditubuhkan itu berasaskan kepada pencapaian sesebuah parti di dalam pilihan raya, namun UMNO yang telah diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan di negeri Kelantan tidak pula mempunyai suara majoriti di dalam majlis tersebut. Peraturan pada ketika itu hanya membenarkan UMNO menghantar empat orang wakil sahaja sebagai Exco, manakala enam orang lagi merupakan ahli tidak rasmi yang dilantik dari kalangan para pegawai kanan kerajaan. Malahan, Menteri Besar juga terdiri daripada tokoh bangsawan-pentadbir. Oleh itu, banyak program pembangunan yang dirancang oleh pihak UMNO ditolak ataupun dihalang pelaksanaannya oleh golongan yang menguasai jentera Kerajaan Kelantan ini (Fail UMNO/SUA 62/56).

Akibatnya, sepanjang tempoh 1955-59, UMNO telah gagal melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat Kelantan, sehingga melayakkan dirinya dianggap sebagai penaung politik sebenar atau substantif. Keadaan ini telah diperburukkan lagi dengan kegagalan Tengku Indra Petra, Ketua UMNO Kelantan, melakukan sesuatu tindakan yang boleh melemahkan kedudukan golongan yang bersimpati dengan Parti Negara ini. Sebagai pemimpin yang disokong oleh Kerajaan Persekutuan serta mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, beliau dipercayai boleh menyediakan pelbagai rasuah politik ataupun habuan ekonomi yang boleh menarik minat golongan bangsawan-pentadbir Melayu terhadap UMNO. Malahan, Tunku Abdul Rahman sendiri yang juga dikenali sebagai Tunku Perdana Menteri

dalam menghadapi pengaruh Parti Negara telah menggunakan kuasanya untuk mewujudkan pelbagai jawatan kepada tokoh parti lawan agar mereka mengalihkan sokongannya kepada UMNO.⁵

Walau bagaimanapun, kegagalan Tengku Indra Petra membina pengaruh peribadi (sewaktu kerajaan yang didukung UMNO menghadapi krisis), sehingga melayakkan dirinya dianggap sebagai pemimpin berkarismatik di mata para ahli UMNO khususnya bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Beliau dikatakan tidak berhasrat lagi untuk memperkukuhkan kedudukannya di dalam parti kerana kecewa dengan tindakan Tunku Perdana Menteri tidak melantiknya menganggotai kabinet Persekutuan, sedangkan di peringkat negeri, karier politik beliau amat terbatas sekali. Tidak mungkin baginya untuk memegang jawatan Menteri Besar Kelantan memandangkan beliau pernah berkrisis dengan ayahandanya, sehingga menyebabkan kehilangan jawatan Raja Muda yang melayakkannya menjadi sultan (Penyata Tahunan UMNO 1961).

Selain daripada itu, Tengku Indra Petra juga dikatakan amat kecewa dengan sikap UMNO pusat yang tidak berusaha (secara sulit) untuknya mendapatkan kembali hak ke atas takhta Kerajaan Kelantan, walhal Tunku Perdana Menteri dipercayai mempunyai hubungan yang erat dengan ayahandanya. Bagi Tengku Indra Petra, beliau merasakan dirinya telah pun memberikan sumbangan yang besar kepada usaha UMNO untuk memperkuatkan kedudukannya di Kelantan. Sebagai tukarannya, pada tanggapan beliau, UMNO pusat seharusnya berusaha mendapatkan kembali haknya yang telah terlucut itu.

Cabaran PAS dan Krisis Dalaman

Pada ketika Kerajaan Kelantan yang didukung oleh UMNO sedang berhadapan dengan krisis keberkesanan (effectiveness), pihak PAS pula, dengan begitu agresif, telah menggerakkan jenteranya ke kawasan luar bandar. Bagi mendapatkan sokongan rakyat, PAS telah membangkitkan isu kegagalan UMNO membawa pelbagai projek pembangunan ke Kelantan, seperti yang dijanjikan di dalam kempen politik menjelang pilihan raya 1955 sebagai modal politik utamanya. Selain dari itu, PAS juga menyakinkan rakyat Kelantan bahawa UMNO dan kepemimpinan bangsawannya tidak boleh diharapkan untuk bertindak sebagai penauang kepada orang Melayu. Ini kerana sebagai komponen utama Parti Perikatan, UMNO dalam banyak hal telah memperlihatkan sikapnya

yang sering kali mengalah kepada tekanan rakan-rakan bukan Melayunya (MCA dan MIC) di dalam parti itu, khususnya yang berkaitan dengan bahasa dan pelajaran Melayu, kesucian agama Islam dan pembangunan ekonomi orang Melayu sendiri (Asian Survey 1967, 5).

Dalam usaha meraih sokongan, serta memisahkan orang Melayu Kelantan daripada UMNO, pihak PAS juga telah menggunakan agama sebagai isu politik. Alim-ulamanya dengan berani dan tegas mengeluarkan fatwa bahawa kerjasama UMNO dengan parti politik bukan Melayu adalah haram hukumnya, dan boleh melemahkan ketuanan Melayu-Islam. Di samping itu, UMNO juga dianggap kafir kerana ia merupakan sebuah parti politik yang berfaham sekular, dan tidak bersedia menjadikan negara ini sebagai negara Islam.⁶ Di Kelantan, sentimen seperti ini merupakan isu yang cukup mudah untuk difahami oleh rakyat jelata. Tafsiran-tafsiran yang diberikan oleh guru-guru agama PAS, terutamanya tok guru pondok sudah pun memadai untuk meyakinkan mereka betapa UMNO telah gagal di dalam usahanya mempertahankan kepentingan Melayu dan Islam. Akibatnya, dalam tempoh yang singkat sahaja PAS telah berjaya meluaskan pengaruhnya di negeri Kelantan.

Jurang pemisahan di antara UMNO dan masyarakat Kelantan akhirnya menjadi kian bertambah lebar lagi apabila terdapat segelintir wakil rakyat UMNO telah mewujudkan suatu sub-budaya (sub-cultural), yang tanpa disedarinya boleh menjauhkan mereka dengan rakyat jelata.⁷ Akibat daripada sikap yang ditunjukkan oleh wakil rakyat tersebut, maka ia telah memberi imej yang buruk kepada UMNO Kelantan. Malang bagi UMNO, tindakan segelintir wakil rakyatnya ini tidak pula diberikan perhatian serius oleh kepemimpinan bangsawan di dalam parti tersebut. Bahkan, Tengku Indra Petra sendiri masih lagi dengan gaya hidup ataupun perangai zaman mudanya, yang tanpa disadari beliau boleh juga memberikan imej yang tidak baik kepada UMNO (Fail UMNO/SUA 62/56). Dengan itu keadaan ini semua telah memberi peluang kepada pihak PAS untuk mengeksploitasikannya bagi kepentingan parti itu.

Serentak dengan itu, memandangkan Tengku Indra Petra tidak melakukan sesuatu tindakan yang boleh memperkukuhkan kedudukannya di dalam parti, maka suasana ini telah memberi dorongan kepada golongan terpelajar Melayu, terutamanya mereka yang mengetuai jentera parti di peringkat bahagian untuk memperkuatkan diri masing-masing di dalam parti itu. Akibatnya, gejala *warlord* telah muncul di

dalam UMNO Kelantan. Setiap tokoh mahu memiliki wilayah kekuasaan masing-masing bagi membuktikan kepada UMNO Kelantan dan juga UMNO pusat bahawa mereka mempunyai pengaruh dan kekuatan tersendiri. Oleh itu, mereka seharusnya dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan sekiranya UMNO/Perikatan berjaya membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum 1959 (*Utusan Melayu*, 3 dan 25 November 1957). Akhirnya keadaan ini mengundang perpecahan di kalangan mereka sendiri.

Sejak itu tindakan menyebarkan fitnah dan saling jatuh-menjatuh sesama mereka sudah menjadi suatu yang lumrah di dalam UMNO Kelantan, sedangkan matlamat utama parti itu ialah mempertahankan kerajaannya melalui pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 1959. Malangnya, kepemimpinan bangsaawan telah terseret sama dalam kemelut yang dihadapi oleh UMNO Kelantan ini. Tengku Indra Petra yang sepatutnya berkecuali dan menjauhkan diri daripada pertelingkahan itu telah termakan dengan pelbagai fitnah yang disebar. Kemuncaknya, beliau telah berselisih faham dengan timbalannya sendiri, Nik Hassan Nik Yahya, ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan juga dikatakan turut berminat dengan jawatan Menteri Besar Kelantan. Pertelingkahan ini pada akhirnya membawa kepada pemecatan Nik Hassan daripada UMNO.

Keadaan ini telah meletakkan UMNO dalam suasana perpecahan yang amat membimbangkan, kerana Nik Hassan mempunyai pengaruh yang kuat di dalam parti. Walaupun keadaan ini segera diselamatkan oleh Tunku Perdana Menteri, namun ini telah memperjelaskan lagi kelemahan daya kepemimpinan Tengku Indra Petra. Jadi, dalam suasana yang tertekan inilah UMNO Kelantan berhadapan dengan PAS dan Parti Negara di dalam pilihan raya umum 1959. Meskipun pada zahirnya UMNO kelihatan kuat, namun pada hakikatnya PAS jauh lebih mantap dan bersedia daripada parti itu. Tidak seperti pilihan raya 1955, UMNO (termasuk calon tunggal dari MCA) terpaksa berhadapan dengan calon PAS di kesemua 30 kawasan yang dipertandingkan di peringkat negeri. Manakala Parti Negara yang mengalami kemerosotan sokongan hanya bertanding di 21 kawasan sahaja (Election Commission 1959, 15). Keputusannya, UMNO/Perikatan telah gagal mempertahankan kuasanya di negeri Kelantan.

Berbanding dengan pencapaian dalam pilihan raya 1955 di peringkat negeri, UMNO/Perikatan Kelantan telah mengalami kemerosotan yang begitu ketara sekali pada tahun 1959. Dari segi

JADUAL 3.2 Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1959

Parti	Jumlah Undi
UMNO/Perikatan	48,059 (26.9%)
PAS	114,858 (63.8%)
Parti Negara	9,371 (5.2%)
Socialist Front	4,071 (2.3%)
Bebas	3,256 (1.8%)

Sumber: The Election Comission, *Report on the Parliamentary and State Elections 1959*, Government Press, Kuala Lumpur, hal. 15.

peratusan undi, jumlah yang dipungut oleh parti tersebut (termasuk daripada wakil tunggal MCA) hanyalah sebanyak 26.9% sahaja, berbanding dengan 80.02% yang dipungutnya pada tahun 1955 (Mohd. Zain 1985, 222-23). Begitu juga dengan jumlah kerusi yang telah dimenangnya. Daripada 29 kawasan yang ditandingi, calon UMNO hanya mampu mempertahankan satu kawasan sahaja iaitu Hulu Kelantan Timur yang pernah dimenangnya pada tahun 1955. Manakala, di satu kawasan lagi iaitu Bandar Hilir yang terletak di jajahan Kota Bharu, calon daripada MCA telah berjaya memenangi kawasan tersebut. Sebaliknya, di dua puluh lapan kawasan yang lain, kesemua calon telah tumpas di tangan PAS. Ini termasuklah mereka daripada golongan terpelajar Melayu yang berminat dengan jawatan Menteri Besar Kelantan.

Keadaan yang sama berlaku pada peringkat Parlimen. Daripada sepuluh buah kawasan yang dipertandingkan, PAS telah memenangi sembilan kawasan, manakala UMNO pula hanya mampu bertahan di kawasan Ulu Kelantan sahaja, iaitu melalui calonnya Tengku Indra Petra. Kejayaan itu pun diperolehi dengan kemenangan yang agak tipis, iaitu dengan majoriti sebanyak 464 undi sahaja (Election Commission 1959, 52). Dengan kekalahan teruk yang dialami oleh calon-calon UMNO ini, akhirnya para pendukung parti tersebut, terutamanya golongan terpelajar Melayu terpaksa menerima hakikat bahawa kekalahan itu merupakan suatu manifestasi daripada percakaran dan perpecahan yang meletus di antara mereka sendiri menjelang pilihan raya umum 1959 (Ranjit 1987, 47). Di samping itu, bosan dengan sikap keegoan tidak bertempat para wakil rakyat UMNO, serta kegagalan Kerajaan UMNO (1955-59) di dalam memenuhi janji pilihan

raya kepada rakyat di negeri tersebut, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan.

Walau bagaimanapun, bagi UMNO Kelantan, keputusan pilihan raya umum 1959 itu tiada kaitan langsung dengan kekuatan PAS. Oleh itu, sekiranya masalah dalaman parti dapat diatasi dan diselesaikan dengan segera, pihak UMNO percaya bahawa peratusan undi yang bakal diperolehi oleh UMNO melalui pilihan raya umum 1964 akan berubah dan lebih berpihak kepadanya. Malahan, golongan terpelajar yang menguasai UMNO itu juga tidak pernah melihat kekalahan ini sebagai suatu kekalahan kepemimpinan bangsawan dalam menghadapi kebangkitan golongan agama yang menyekutukan dirinya dengan PAS.

Berasaskan kepada keyakinan ini, kepimpinan Tengku Indra Petra tidak dipersoalkan oleh mana-mana pihak dalam UMNO Kelantan. Tambahan pula, beliau satu-satunya calon UMNO yang berjaya melayakkan diri, serta boleh meneruskan perkhidmatannya sebagai Ahli Parlimen yang mewakili UMNO Kelantan. Dengan itu, dari sudut kepimpinan dan penaungan politik, masalah pertukaran pucuk pimpinan langsung tidak difikirkan pada peringkat awal kekalahan ini. Namun begitu, keputusan pilihan raya umum 1959 itu telah memberi kesan yang mendalam kepada Tengku Indra Petra. Selaku ketua parti, beliau merasakan bahawa kekuatan UMNO Kelantan sukar dipulihkan selagi golongan terpelajar Melayu yang muncul pada awal 1950-an, terus mengetuai jentera parti, dan kemudiannya bersengketa sesama sendiri untuk mendapatkan tempat tertinggi dalam kerajaan (sekiranya UMNO berjaya memerintah Kelantan) seperti yang berlaku menjelang pilihan raya umum 1959. Pada beliau, masalah ini perlu diberikan penyelesaian segera kerana ini merupakan faktor utama, (dan bukannya kekuatan PAS) yang telah menyebabkan tumbangannya kerajaan UMNO di Kelantan. Pandangan ini juga telah dikongsi bersama oleh kepimpinan utama UMNO pada peringkat pusat, khususnya Tunku Perdana Menteri dan Timbalannya Dato' Abdul Razak Hussien (*Berita Harian*, 13 April 1961).

Berasaskan kepada keyakinan ini, Tengku Indra Petra telah mengambil tindakan drastik untuk menyingkirkan tokoh-tokoh utama dari kalangan golongan terpelajar Melayu itu. Serentak dengan itu, pada penghujung 1962, Tengku Indra Petra telah mengemukakan cadangan kepada UMNO pusat agar Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri dihapuskan dan diganti pula dengan Sistem Jawatankuasa Kabinet sebagai badan utama untuk mentadbir dan menggerakkan

seluruh jentera UMNO Kelantan. Melalui jawatankuasa yang baru ini (*Straits Times*, 26 September 1962), beliau berharap beberapa orang tenaga baru dapat disuntik ke dalam jentera UMNO pada peringkat negeri bagi tujuan memperkukuhkan parti tersebut. Cadangan beliau itu diterima baik oleh pucuk pimpinan parti pada peringkat pusat, tetapi reaksi yang sama tidak pula diperolehinya pada peringkat negeri.

Cadangan ini sebaliknya telah menimbulkan krisis terbuka di antara Tengku Indra Petra dengan golongan terpelajar Melayu yang mengetuai sepuluh buah bahagian UMNO Kelantan, selepas sahaja pihak UMNO pusat meminta pandangan mereka mengenai Sistem Jawatankuasa Kabinet ini. Majoriti ketua bahagian UMNO Kelantan telah menolak cadangan itu, dan menganggap sebagai suatu usaha untuk menjahanamkan masa depan politik mereka (*Straits Times*, 26 September 1962). Semenjak itu, Tengku Indra Petra telah terdedah kepada kritikan-kritikan tajam daripada golongan terpelajar Melayu yang selama ini menyokong kepemimpinan beliau. Implikasinya, UMNO Kelantan berpecah kepada dua kumpulan, iaitu yang menyokong dan yang menentang kepemimpinan Tengku Indra Petra.

Tengku Indra Petra melihat kumpulan-kumpulan ini sebagai penyebab kepada kekalahan UMNO Kelantan. Selepas isu Sistem Jawatankuasa Kabinet ini diperkenalkan, golongan terpelajar Melayu dengan berani telah menyalahkan pula daya kepemimpinan beliau yang lemah sebagai punca kekalahan parti tersebut di tangan PAS (*Straits Times*, 5 Mei 1963). Walaupun mereka mengakui bahawa anak raja itu merupakan aset kepada UMNO Kelantan, khususnya dari segi politik penaungan, namun apabila kedudukan mereka dalam parti tercabar, maka pertentangan terbuka dengan ketuanya itu sudah tidak dapat dielakkan lagi.

Konflik ini pada akhirnya telah menyebabkan Tengku Indra Petra mengambil keputusan meletakkan jawatan, meskipun pihak UMNO Kelantan memujuk beliau supaya menarik balik hasratnya itu (*Utusan Melayu*, 9 Mei 1963). Namun demikian, tindakan beliau ini tidak pula bererti bahawa kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan turut berakhir. Kekosongan yang ditinggalkannya secara rasmi pada pertengahan 1963 itu segera diisi oleh Tunku Perdana Menteri. Sungguhpun tindakan Tunku itu berbentuk sementara, namun kedatangan beliau masih dalam konteks memenuhi tuntutan, serta keperluan kepemimpinan bangsawan dan politik penaungan UMNO Kelantan.

Tunku Abdul Rahman

Melalui kepemimpinan Tunku Perdana Menteri, UMNO Kelantan yakin bahawa ia mampu menghindari dirinya daripada terus mengalami krisis dalaman. Malahan Tunku juga dianggap sebagai aset utama yang boleh menarik minat orang Melayu Kelantan kepada parti itu. Dalam hal ini, UMNO Kelantan percaya bahawa kewibawaan dan status yang dimilikinya itu (sebagai Perdana Menteri, Bapa Kemerdekaan Negara dan anak raja) merupakan sumber daya utama yang membolehkan beliau menjadi penaung simbolik yang berkesan kepada parti tersebut. Walaupun PAS Kelantan berusaha memprojeikkan UMNO sebagai sebuah parti yang gagal melindungi dan mempertahankan kepentingan Melayu ekoran politik komprominya (Ratnam 1982), namun dengan kepemimpinan Tunku Perdana Menteri, UMNO Kelantan percaya prasangka buruk ini dapat dihapuskan. Adalah tidak mungkin bagi seorang tokoh bangsawan Melayu dan UMNO yang dipimpinnya bertindak mengkhianati masa depan orang Melayu sendiri.

Begitu juga dengan krisis dalaman yang sedang melanda UMNO Kelantan pada ketika itu. Pihak UMNO percaya bahawa dengan penghormatan yang tinggi, serta sikap malu-mata terhadap Tunku Perdana Menteri yang menyebabkan semua pihak yang terlibat dalam krisis itu akur dengan kewibawaan dan kepemimpinannya. Oleh itu, masing-masing dijangka akan memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh kepada usaha UMNO memenangi pilihan raya umum 1964. Namun begitu, ini tidak pula bermakna bahawa kebimbangan mengenai perebutan jawatan Menteri Besar, seperti yang berlaku pada pilihan raya umum 1959 sudah berakhir. Meskipun UMNO Kelantan menaruh harapan tinggi kepada kewibawaan Tunku Perdana Menteri, parti itu juga khuatir tentang kemungkinan setiap pihak yang mahukan jawatan itu akan terjebak semula ke dalam krisis yang baru. Ini memandangkan negara berada di ambang pilihan raya umum 1964, kerana itu mereka mungkin berlumba-lumba mahu mendekati diri dengan Tunku dan cuba meyakinkan beliau bahawa diri masing-masing layak memenuhi jawatan tersebut (*Utusan Melayu*, 24 Mei 1963).

Walau bagaimanapun, berbeza dengan kepemimpinan bangsawan terdahulu, Tunku Perdana Menteri tidak menghadkan dirinya berperanan sebagai penaung politik simbolik semata-mata. Sebaliknya, beliau juga sempat menonjolkan dirinya sebagai penaung substantif; peranan ini tidaklah suatu yang sukar dilakukannya. Sebagai ketua kerajaan pada peringkat persekutuan, Tunku mempunyai pelbagai sumber yang

boleh digunakan untuk memenuhi tuntutan peranan tersebut. Maka itu, beliau telah mewujudkan pelbagai jawatan politik untuk tokoh-tokoh UMNO yang tewas pada pilihan raya umum 1959.

Dengan adanya jawatan-jawatan ini, beliau telah memberi peluang kepada bekas-bekas wakil rakyat UMNO itu untuk mendapat kembali habuan ekonomi yang telah hilang. Sungguhpun keterlibatan mereka di dalam politik berparti dan pilihan raya pada asasnya lebih didorong oleh kesetiaan mengabdikan diri kepada kehendak parti yang mahukan mereka bertanding bagi menghadapi kemaraan Parti Negara dan PAS, namun kegagalan UMNO mempertahankan kuasanya di negeri Kelantan pada tahun 1959 benar-benar membingungkan mereka, khususnya apabila kehilangan punca pendapatan.

Meskipun isu yang berkaitan dengan ganjaran ini tidak begitu terserlah sebagai suatu faktor yang telah mencetuskan krisis dalam UMNO Kelantan, namun ia telah menimbulkan kegelisahan di kalangan mereka yang terlibat, sehingga mencetuskan pula suasana tidak tenteram di dalam parti. Tambahan pula, kekalahan mereka dalam pilihan raya umum 1959 itu, secara langsung ataupun tidak, telah merendahkan status sosial yang pernah dinikmati sebelumnya. Kepada bekas wakil rakyat UMNO, pengalaman ini merupakan suatu kejutan budaya yang sukar diterima oleh mereka. Tiada seorang pun yang menduga bahawa keputusan pilihan raya umum 1959 itu boleh memburukkan masa depan politik dan ekonomi masing-masing, memandangkan PAS bukan saingan yang berpengaruh kepada UMNO di Kelantan.

Dengan tindakan Tunku Perdana Menteri ini, sekurang-kurangnya dua masalah utama telah dapat diselesaikan oleh UMNO Kelantan, iaitu memberi peluang pekerjaan kepada ahli-ahli UMNO yang kehilangan punca pendapatan, dan merupakan suatu strategi terbaik untuk mengendurkan ketegangan dalam parti, serta mengurangkan daya keaktifan golongan menengah Melayu di dalam UMNO Kelantan. Ini kerana melalui jawatan politik yang baru diwujudkan itu ada di antara mereka yang terpaksa berpindah keluar daripada Kelantan, terutamanya yang bertugas sebagai Pegawai Penerangan Khas ataupun Pegawai Penerangan UMNO.

Manakala yang menetap di Kelantan pula, mereka ini lazimnya sebagai Pegawai Kelas Dewasa yang kemudiannya dikenali sebagai Pegawai KEMAS. Bagi mereka yang tidak berpeluang memegang sebarang jawatan politik, golongan ini juga mempunyai kesempatan untuk memperolehi ganjaran ekonomi. Misalnya, ada yang telah

diberikan permit teksi dan lori, lesen perniagaan, serta kemudahan-kemudahan ekonomi yang seumpamanya, sebagai suatu usaha untuk memantapkan pendapatan mereka. Oleh itu, dengan tugas yang baru ini, perhatian mereka kepada politik dalaman parti dapat dikurangkan.

Dato' Nik Ahmed Kamil

Dengan berkurangnya ketegangan dalam UMNO Kelantan, maka keadaan itu telah memberi peluang kepada Tunku Perdana Menteri untuk mengundurkan diri, serta menyerahkan kepemimpinan UMNO negeri kepada tokoh bangsawan yang lain. Menjelang pilihan raya umum 1964, dengan persetujuan dan kehendak UMNO Kelantan, Dato' Nik Ahmed Kamil yang kembali ke pangkuan UMNO pada Disember 1963 telah dilantik mengetuai dan meneruskan kepemimpinan bangsawan di dalam parti itu (Kessler 1978, 174). Tunku Perdana Menteri yakin Dato' Nik Ahmed Kamil sebagai bangsawan Kelantan yang terkemuka, mampu berperanan sebagai penaung politik simbolik yang merupakan peranan tradisi kepemimpinan bangsawan di dalam parti tersebut.

Bagi UMNO Kelantan, khususnya golongan menengah Melayu yang terlibat dengan proses pemulihan parti itu, kepemimpinan Dato' Nik Ahmed Kamil, memanglah merupakan suatu yang diharapkan sejak dari dahulu lagi. Ini kerana, beliau merupakan satu-satunya pemimpin politik daripada golongan elit neo-tradisional Melayu yang masih berpengaruh serta dihormati ramai di negeri Kelantan. Walaupun pada tahun 1950-an beliau telah meninggalkan UMNO dan menyertai Parti Negara, UMNO Kelantan tetap yakin dengan daya kepemimpinannya.⁸

Sebagai seorang bangsawan yang rapat dengan Istana Kelantan, serta pernah pula menduduki pelbagai jawatan penting dalam perkhidmatan kerajaan, Dato' Nik Ahmed Kamil dilihat memiliki kewibawaan dan status sosial yang amat berharga kepada perjuangan dan masa hadapan UMNO. Setidak-tidaknya, beliau mampu membendung UMNO Kelantan daripada terus-menerus berhadapan dengan krisis dalaman. Selain dari itu, Dato' Nik Ahmed Kamil juga dijangkakan mampu menjadi daya penarik untuk mendorong lebih ramai lagi orang Melayu Kelantan menyokong UMNO. Justeru, dengan penerusan kepemimpinan bangsawan ini, pihak UMNO Kelantan yakin bahawa pilihan raya umum 1964 akan mengembalikan semula Kerajaan Kelantan ke pangkuannya.

Sehubungan dengan ini, kegagalan beliau sewaktu memimpin Parti Negara dalam pilihan raya umum 1955 tidak pernah dilihat sebagai *liability* kepada UMNO Kelantan. Sebaliknya semasa mengulas kehadiran semula Dato' Nik Ahmed Kamil, Pejabat Perhubungan UMNO Kelantan antara lain mengatakan:

Dato' Nik Ahmed Kamil memang seorang tokoh besar politik. Kita amat mengalu-alukan kemasukan semula beliau dalam UMNO yang pernah beliau dalangi (turut bersama) dahulu. Beliau sesungguhnya layak memperjuangkan nasib bangsa Melayu yang masih menderita (*Berita Harian*, 9 Disember 1963).

Maka itu, dengan kemasukan semula Dato' Nik Ahmed Kamil, banyak cawangan Parti Negara di negeri Kelantan, khususnya di kawasan luar bandar telah dibubar dan digantikan dengan cawangan UMNO. Sungguhpun selepas pilihan raya umum 1955, Dato' Nik Ahmed Kamil tidak lagi aktif dalam politik berparti, hubungan beliau dengan ahli-ahli Parti Negara tetap terjalin erat. Oleh itu, dengan perkembangan yang berlaku ini, ramai bekas-bekas penggawa dan penghulu yang dahulunya menjadi anggota penting Parti Negara telah kembali cergas berpolitik.

Walaupun mereka ini tidak lagi terlibat dengan pentadbiran negeri selepas PAS mengambil alih pemerinthan pada tahun 1959, namun hubungan mereka dengan masyarakat kampung tidak pernah terputus. Sebagai bekas pemimpin masyarakat tempatan, golongan ini masih lagi menerima penghormatan daripada masyarakat kampung yang pernah dipimpinnya dahulu. Justeru, keadaan ini telah memudahkan Dato' Nik Ahmed Kamil dan penyokong setianya itu menggerakkan jentera UMNO di paras tempatan yang merupakan kubu kuat PAS.

Keadaan yang sama juga turut berlaku kepada golongan aristokrat Melayu, terutamanya di kalangan bangsawan-pentadbir. Selepas mendiamkan diri, ekor dari kekalahan dalam pilihan raya umum 1955, mereka juga telah menyertai semula UMNO bersama-sama dengan Dato' Nik Ahmed Kamil. Walaupun mereka tidak memainkan peranan aktif, memandangkan jentera UMNO masih lagi dikuasai oleh golongan terpelajar Melayu sebelum perang, kehadiran golongan ini tetap memberi impak kepada UMNO Kelantan (Kessler 1978, 187). Justeru, dengan kemasukan golongan bangsawan ini ke dalam UMNO, maka UMNO Kelantan berpeluang memberitahu rakyat negeri itu bahawa parti tersebut telah mendapat sokongan daripada golongan pentadbir

negeri yang pernah menjadi musuh UMNO pada suatu ketika dahulu. Maka itu, sebuah kerajaan negeri yang kuat akan dapat ditubuhkan sekiranya UMNO diberi peluang memerintah Kelantan pada tahun 1964.

Dengan perkembangan ini, Dato' Nik Ahmed Kamil berpeluang memberikan perhatian yang serius kepada usaha-usaha mengemas dan memperkuat jentera parti di setiap peringkat, sebagai persediaan menghadapi PAS pada pilihan raya umum 1964 (*Berita Harian*, 11 Januari, 1964). Pelbagai program gerak-gempur telah juga dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan kempen-kempen PAS yang sedang giat mengkafirkan ahli-ahli UMNO (kerana berkongsi kuasa dengan orang bukan Melayu/Islam), serta mempengaruhi rakyat jelata agar menolak UMNO sebagai sebuah pertubuhan kebangsaan yang menaungi kepentingan Melayu dan Islam (Ratnam 1987, 110-198).

Ternyata, hasil keputusan pilihan raya umum 1964, (lihat Jadual 3.3) telah memperlihatkan bahawa prestasi yang dicapai oleh UMNO Kelantan jauh lebih baik berbanding pencapaiannya pada tahun 1959. Walaupun UMNO/Perikatan masih gagal membentuk kerajaan di negeri itu, namun kepemimpinan bangsaawan, melalui Dato' Nik Ahmed Kamil telah berjaya menambahkan wakil rakyatnya di Dewan Undangan Negeri Kelantan daripada dua kepada sembilan orang. Ini sekali gus memperlihatkan meningkatnya sokongan rakyat negeri itu kepada UMNO. Malahan, beliau sendiri telah memenangi kerusi Parlimen Kota Bharu Hilir (*Suruhanjaya Pilihan Raya 1965*, 149) yang sebelum ini dimiliki oleh calonnya yang berasal dari Pulau Pinang.

JADUAL 3.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan 1959 & 1964: Perbandingan Prestasi UMNO & PAS

Parti	Dewan Parlimen			Dewan Undangan Negeri		
	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kawasan Dimenangi	Peratusan Undi	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kawasan Dimenangi	Peratusan Undi
UMNO/ Perikatan	30	1 (1959) 2 (1964)	31.4 (1959) 42.9 (1964)	30	2 (1959) 9 (1964)	26.9 (1959) 43.0 (1964)
PAS	30	9 (1959) 8 (1964)	68.3 (1959) 56.9 (1964)	30	28 (1959) 21 (1964)	63.8 (1959) 57.0 (1964)

Berasaskan jumlah undi yang telah diperolehi UMNO itu, ia secara langsung mengesahkan bahawa tindakan Tunku Perdana Menteri itu dan UMNO Kelantan meneruskan kepemimpinan bangsawan dengan membawa pulang Dato' Nik Ahmed Kamil bukanlah merupakan suatu strategi yang silap. Tanpa kehadiran beliau dalam pucuk pimpinan parti, UMNO berkemungkinan tidak mendapat sokongan yang kuat daripada bekas ahli-ahli parti yang lain. Dengan keputusan ini, ia sekurang-kurangnya memperlihatkan bahawa krisis dalaman telah berjaya dibendung oleh Dato' Nik Ahmed Kamil. Walaupun krisis ini tidak terhapus sama sekali, namun ia tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada UMNO Kelantan, seperti yang pernah dialaminya sewaktu pilihan raya umum 1959.

Walaupun bagaimanapun, seperti Tengku Indra Petra sebelumnya, Dato' Nik Ahmed Kamil juga tidak menggunakan kedudukan serta kejayaannya itu untuk memperkukuhkan kepemimpinannya di dalam UMNO Kelantan. Sepanjang penglibatannya dalam parti itu, beliau tidak pernah melakukan sesuatu tindakan yang dapat ditafsirkan sebagai suatu usaha bagi menjadikan dirinya sebagai penaung politik substantif. Malahan, banyak tugas dan urusan pentadbiran parti diserahkan kepada Tengku Razaleigh Hamzah, Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan pada ketika itu.

Beliau, sebaliknya, menghabiskan banyak masa dengan urusan perniagaan di Kuala Lumpur, sehingga dilihat sebagai tokoh politik yang lebih mementingkan ekonomi daripada politik. Keadaan ini begitu ketara sekali selepas pilihan raya umum 1964. Sungguhpun Dato' Nik Ahmed Kamil mempunyai pengaruh dan kedudukan yang kuat dalam bidang ekonomi, beliau tidak pula menggunakan kekayaannya itu bagi mewujudkan struktur hubungan penaung-dinaung yang bersifat substantif dengan tokoh bawahan, atau ahli-ahli UMNO Kelantan. Kalaupun beliau menggunakan kekuasaan ekonominya, ia lebih terhad kepada lingkungan saudara-maranya sahaja. Akibatnya, hubungan beliau dengan ahli-ahli parti di Kelantan agak kurang mesra. Namun begitu, keadaan ini tidak pula sampai menjejaskan peranan beliau sebagai penaung politik simbolik. Sumbangannya kepada UMNO Kelantan tetap tidak dinafikan oleh mana-mana pihak di dalam parti itu.

Dalam hal ini, ketidaksediaan Dato' Nik Ahmed Kamil mengembangkan peranannya kepada penaung politik substantif sememangnya membayangkan latar belakang dirinya sendiri. Walaupun

memperluaskan peranan sosial ini memperkuat kedudukannya sebagai pemimpin, namun sebagai bekas kakitangan peringkat tertinggi kerajaan (Boestaman 1984, 36-145). Beliau nampaknya tidak mempunyai sebarang motivasi atau kepentingan terhadap politik Kelantan. Jawatan Menteri Besar Kelantan bukanlah matlamat terakhir penglibatannya di dalam UMNO, sekalipun kedudukannya sebagai Ketua UMNO Kelantan memungkinkan beliau menjadi Ketua Eksekutif Kerajaan Kelantan sekiranya UMNO/Perikatan membentuk kerajaan di negeri itu. Maka itu, beliau telah memilih untuk bertanding di peringkat Parlimen dan bukannya di peringkat negeri. Namun demikian, ini tidak pula bermakna bahawa beliau mempunyai cita-cita untuk mendapatkan jawatan tinggi di dalam Kerajaan Persekutuan. Kesediannya memimpin UMNO Kelantan lebih didorong oleh hasrat untuk memenuhi permintaan Tunku Perdana Menteri, serta UMNO Kelantan sendiri yang masih menaruh harapan tinggi kepada kepemimpinan bangsawan.

Dalam keadaan Dato' Nik Ahmed Kamil tidak berminat membina pengaruh peribadi, serta tidak memberikan perhatian sepenuhnya kepada aktiviti parti selepas pilihan raya umum 1964, maka suasana ini telah melanjutkan krisis dalam parti, meskipun berada di tahap minimum dan terkawal. Dengan itu, tokoh-tokoh UMNO tempatan sentiasa bersaing untuk memperkukuhkan diri masing-masing, dengan harapan berpeluang menduduki tempat yang penting dalam kerajaan, khususnya di peringkat negeri, sekiranya parti itu membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum 1969. Akibatnya, gejala-gejala terdahulu seperti kegiatan fitnah-memfitnah, jatuh-menjatuh sesama mereka terus-menerus wujud di dalam UMNO Kelantan.

Malang kepada UMNO Kelantan, dalam keghairahan tokoh-tokoh UMNO ini membina kekuatan peribadi, serta melobi kepemimpinan UMNO di Kuala Lumpur, terdapat juga di antara mereka yang berindak menyinggung perasaan dan kredibiliti Dato' Nik Ahmed Kamil, sehingga memperlihatkan kawalan beliau ke atas UMNO Kelantan begitu lemah sekali. Akhirnya, dengan didorongi oleh ketiadaan minat dan motivasi untuk bersama-sama UMNO Kelantan, Dato' Nik Ahmed Kamil, pada tahun 1967, mengambil keputusan meninggalkan parti tersebut. Dengan tindakannya itu, UMNO Kelantan sekali lagi berhadapan dengan kekosongan jawatan Ketua UMNO Negeri. Keadaan ini memaksa parti itu mencari pemimpinnya yang baru daripada kalangan bangsawan Melayu bagi meneruskan politik penaungannya.

Catatan

1. Dalam perbincangan seterusnya, pemimpin politik tradisional (atau neo-tradisional) dirujuk kepada para pemimpin yang muncul dan memainkan peranan penting dalam kepemimpinan politik Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Mereka ini lahir daripada sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh pihak British pada pertengahan abad ke-20. Golongan ini lazimnya menduduki tempat yang penting dalam struktur pemerintahan dan politik pada zaman tersebut.
2. Dari segi latar belakang, mereka ini kebanyakannya berasal dari kalangan rakyat jelata, dan telah mendapat pendidikan di sekolah-sekolah Melayu atau Inggeris yang ditubuhkan oleh pihak MAJLIS. Disebabkan mereka berjaya memperolehi kelulusan dari institusi pendidikan formal, maka golongan ini mempunyai peluang untuk memasuki Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan. Namun begitu, peluang tersebut hanya terhad di dalam sektor perkeranian sahaja. Ada juga di kalangan mereka ini yang berjaya di bidang perniagaan.

Disebabkan latar belakang dan pendidikan dan kerjaya itu, maka taraf sosio-ekonomi golongan terpelajar Melayu jauh lebih baik daripada orang kebanyakan. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira suasana kehidupan sosioekonomi pada tahun 1950-an, golongan terpelajar ini dapatlah dikategorikan sebagai golongan menengah Melayu pada zaman tersebut.

3. Golongan pembesar Melayu yang bukan keturunan raja terdiri daripada mereka yang berketurunan Nik, Wan dan Che. Pada lazimnya, dari sudut demografi, mereka yang berketurunan Nik berkampung di kawasan Atas Banggol-Kubang Pasu (yang terletaknya sebatu dari Kota Bharu). Golongan Wan pula lebih menunjukkan minatnya untuk tinggal di kawasan Banggol (empat batu dari Kota Bharu). Manakala golongan Che pula telah menetap di sekitar Kampung Penambang (dua batu dari Kota Bharu) dan Kampung Laut yang terletak di jajahan Tumpat. Kedua-dua kawasan adalah bertentangan, tetapi telah dipisahkan oleh Sungai Kelantan.
4. Sebelum dilantik mengetuai UMNO Kelantan, Tengku Indra Petra adalah ahli UMNO Bahagian Tumpat. Temubual dengan Haji Othman Mohd. Udin, di Wakaf Baru, Tumpat, pada 11 April 1988.
5. Dato' Nik Ahmed Kamil merupakan salah seorang tokoh yang terperangkap dengan tindakan politik Tunku Perdana Menteri. Sebaik-baik sahaja tewas pada pilihan raya 1955, beliau telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Perdagangan Malaya ke Australia. Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, beliau dilantik pula menjadi seorang diplomat. Bermula dengan jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaya ke United Kingdom, Dato' Nik Ahmed Kamil, pada tahun 1959, telah dilantik pula menjadi Duta ke Amerika Syarikat, merangkap Wakil Tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Beliau hanya kembali ke tanah air dan menamatkan tugas diplomatnya pada tahun 1962. Sejak kepulangannya itu, beliau tidak lagi bersama Parti Negara, tetapi telah bergerak cergas di dalam UMNO yang dipimpin oleh Tunku Perdana Menteri.

6. Hal ini telah didedahkan kepada penulis oleh veteran UMNO Kelantan yang sempat ditemui semasa penyelidikan dijalankan. Malahan, Dato' Muhamad Asri, selaku Persuruhjaya PAS Kelantan pada waktu itu, tidak menolak kemungkinan terdapatnya alim-ulama PAS yang bertindak sedemikian, sekalipun beliau menafikan yang PAS telah mengkafirkan ahli-ahli UMNO.

Dalam hal ini, Tuan Guru Haji Omar Haji Daud, dari Pasir Mas Kelantan dipercayai ulama PAS yang pertama mengeluarkan fatwa kafir secara terbuka terhadap ahli UMNO, (walaupun fatwa itu tidak direstui oleh pucuk pimpinan PAS). Akibat daripada tindakannya itu, beliau telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau kemudiannya telah menyertai UMNO selepas sahaja dibebaskan daripada tahanan tersebut. Temubual dengan Dato' Muhamad Asri Haji Muda, di Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 Julai 1991.

7. Pernah terjadi suatu peristiwa, seorang Ahli Parlimen UMNO (bekas guru) telah merotan murid sekolah (public canning) kerana kesalahan melanggar disiplin, sedangkan tugas tersebut merupakan bidang kuasa guru besar, dan bukannya tanggungjawab wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.

Di samping itu terdapat juga wakil rakyat UMNO yang bertindak sebagai raja dan polis di jalan raya. Ada di kalangan mereka yang telah menghukum pemandu kenderaan lain yang memotong kereta yang dipanduinya. Pada tanggapan wakil rakyat tersebut, disebabkan mereka berstatus wakil rakyat, dan kereta mereka pula dilengkapi dengan lambang (crest) Ahli Parlimen, ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri, maka masing-masing telah merasakan bahawa kereta yang mereka pandu itu tidak boleh dipotong oleh kenderaan lain. Adalah menjadi kesalahan pula kepada pemandu-pemandu kenderaan berkenaan sekiranya mereka melakukan tindakan tersebut.

Wujudnya keegoan ini kerana wakil rakyat itu merasakan status mereka begitu tinggi sekali. Tambahan pula, ini merupakan kali pertama dalam sejarah negara jawatan wakil rakyat itu telah diwujudkan melalui proses pilihan raya. Di samping itu, mereka juga turut diberi penghormatan dengan gelaran Yang Berhormat (YB). Keadaan ini telah menyebabkan ada di antara mereka yang lupa diri dan memandang rendah terhadap orang ramai. Hal ini telah dimaklumkan kepada penulis oleh veteran UMNO yang telah sempat ditemui sewaktu penyelidikan ini dijalankan.

8. Sebaik-baik sahaja Dato' Nik Ahmed Kamil menyertai semula UMNO pada 1963, Tunku Perdana Menteri telah memberikannya mandat (secara tidak rasmi) untuk mengetuai UMNO Kelantan dalam usahanya menghadapi pengaruh PAS. Hal ini telah disahkan oleh veteran UMNO yang penulis temui semasa kajian ini dijalankan.

BAB 4

Penaungan: UMNO Kelantan dan Penguatan Kepemimpinan Bangsawan

Sejak pertengahan tahun 1960-an suatu perubahan yang menarik berlaku dalam kepemimpinan UMNO Kelantan, di mana ia semakin memperteguhkan struktur kepemimpinan yang sedia wujud di dalam parti itu. Di samping kedudukan kepemimpinan bangsawan terus bertambah kuat, peranannya sebagai penaung politik juga turut bertambah. Kepemimpinan bangsawan tidak lagi menghadkan dirinya sebagai penaung politik simbolik, tetapi juga bertindak sebagai penaung politik substantif. Akibatnya, perubahan ini telah memberikan impak yang cukup besar kepada perkembangan politik Kelantan.

Proses perubahan itu telah menyebabkan munculnya fenomena *political party-directed patronage*, yakni dalam erti kata pemimpin utama parti mampu menggunakan jawatan politiknya, serta sumber-sumber yang ada dalam kawalannya termasuk juga sumber awam bagi mendapatkan kesetiaan dan sokongan, khususnya undi daripada orang ramai. Serentak dengan itu, parti yang dipimpinnya iaitu UMNO juga telah berubah dan menjadi parti yang bersifat penaungan (*political party patronage*).

Justeru, situasi ini telah membuka banyak peluang dan manfaat kepemimpinan bangsawan untuk terus memperkuatkan pengaruhnya, sama ada di dalam parti ataupun di kalangan anggota masyarakat. Dalam hal ini, pembangunan sosioekonomi dan politik pembangunan menjadi agenda parti, serta jambatan yang menghubungkan UMNO Kelantan dan kepemimpinan bangsawannya dengan rakyat jelata, khususnya di kawasan luar bandar. Melalui politik pembangunan, kepemimpinan bangsawan berharap ia mampu meyakinkan para pengundi Melayu bahawa UMNO sebenarnya serius untuk membangun Kelantan yang didakwa mengalami krisis pembangunan, ekoran daripada kegagalan kerajaan PAS di negeri itu membawa kemajuan kepada rakyatnya.

Perubahan Sikap UMNO dan Pendekatan Baru Kepemimpinan Bangsaawan

Keputusan pilihan raya umum 1964 ternyata amat mengecewakan UMNO Kelantan. Walaupun di kebanyakan negeri, isu konfrontasi Indonesia-Malaysia merupakan bahan kempen yang telah berjaya menarik para pengundi Melayu dan bukan Melayu memberikan undi mereka kepada UMNO dan Perikatan sebagai tanda taat setianya kepada negara serta kerajaan. (Brackman 1966, 233-34), namun keadaan ini tidak pula berlaku di negeri Kelantan. Hasrat UMNO dan Perikatan untuk menguasai semula pemerintahan negeri tersebut masih belum tercapai.

Walau bagaimanapun, keputusan pilihan raya itu telah menyedarkan kepemimpinan bangsaawan di dalam parti itu, khususnya Tengku Razaleigh Hamzah (yang beransur-ansur mengambil alih peranan ketua parti daripada Dato' Nik Ahmed Kamil) bahawa usaha untuk merampas kembali kerajaan Kelantan daripada tangan PAS bukanlah merupakan suatu tugas yang mudah. Namun begitu, mengingatkan terdapatnya pertambahan undi yang diperolehi oleh UMNO (termasuk seorang calon daripada MCA) dalam pilihan raya umum 1964, berbanding dengan prestasinya dalam pilihan raya umum 1959, (Jadual 4.3) maka UMNO Kelantan tetap yakin bahawa parti itu masih lagi mempunyai peluang untuk mencapai kemenangan yang lebih besar dalam pilihan raya umum yang akan diadakan pada tahun 1969.

Kalau selama ini perpecahan dalaman yang berpunca daripada perebutan jawatan Menteri Besar dilihat sebagai faktor utama yang menyebabkan UMNO hilang kuasanya di Kelantan pada tahun 1959, tetapi alasan dan pemikiran seperti ini tidak lagi dominan, selepas pilihan raya umum 1964. Sebaliknya, kekalahan kali kedua ini telah menyebabkan UMNO menerima kenyataan bahawa kegagalannya itu juga berpunca daripada kekuatan PAS, yang selama ini kurang diberi perhatian oleh UMNO. Pendek kata, UMNO Kelantan terpaksa menerima hakikat bahawa kekalahannya pada tahun 1959 dan 1964 adalah disebabkan oleh gabungan di antara faktor krisis dalaman dengan faktor luaran, iaitu kebangkitan dan kekuatan PAS Kelantan.

Pihak UMNO terpaksa menerima kenyataan bahawa sementara para pemimpinnya di pelbagai peringkat berkrisis sesama sendiri, PAS pula pada waktu yang sama telah berjaya mengeksploitasikan isu-isu keagamaan dan nasionalisme Melayu bagi memenuhi cita-cita

politiknya. Melalui ceramah politiknya terutama di kawasan luar bandar, PAS berjaya meyakinkan orang Melayu bahawa UMNO gagal mempertahankan hak kepentingan Melayu, ekoran daripada keterikatannya dengan formula politik kompromi yang menjadi asas perhubungan dengan rakan-rakan bukan Melayunya dalam Parti Perikatan dan Kerajaan. Di samping itu, UMNO juga terus-menerus disifatkan sebagai sebuah parti kafir kerana tindakannya itu, serta ketidaksediaannya menerima Islam sebagai ideologi perjuangannya.

Akibatnya, di mata masyarakat Melayu Kelantan, PAS telah dilihat sebagai sebuah parti Islam, dan parti Melayu yang jauh lebih Melayu daripada UMNO, sedangkan kedua-dua imej itu merupakan ciri dan asas pengenalan UMNO (*Perlembagaan UMNO 1995*, 2). Maka itu, dalam usaha menyekat pengaruh PAS ini, pihak kepemimpinan bangsawan di dalam parti itu berusaha untuk menonjolkan UMNO sebagai sebuah parti yang peka kepada kemajuan dan pembangunan orang Melayu dan agama Islam. Untuk mencapai matlamat ini, kepemimpinan utama UMNO Kelantan telah melihat pembangunan merupakan isu yang perlu dipolitikkan secara serius.

Pendekatan ini dianggap bersesuaian kerana pihak PAS, semenjak mengambil alih pemerintahan Kelantan dari tangan UMNO dan Perikatan pada tahun 1959, tidak pernah sependapat dengan UMNO berhubung dengan pelaksanaan program pembangunan di negeri itu. Akibatnya, banyak projek pembangunan yang dirancangan oleh pihak pusat gagal dibawa ke Kelantan. Justeru, UMNO Kelantan dan kepemimpinan bangsawannya mahu menunjukkan kemajuan hidupnya (serta syiar Islam), selagi PAS memerintah Kelantan.

Sungguhpun di peringkat kerajaan, pihak PAS Kelantan pada dasarnya bersedia menerima rancangan pembangunan sosioekonomi yang dirancangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri itu, tetapi dari 1959 hingga pertengahan kedua tahun 1960-an, kedua-dua belah pihak masih gagal mencapai persetujuan di dalam pelaksanaan pelbagai projek pembangunan ini. Pertentangan dan perbezaan pendapat seringkali wujud apabila ia menyangkut soal yang berkaitan dengan, pertama, penempatan sesuatu projek dan kedua, atas nama kerajaan mana projek yang hendak dilaksanakan itu patut dimaklumkan kepada rakyat (S. Husin 1978, 78).

Disebabkan masalah yang timbul itu, pihak kerajaan PAS Kelantan merasakan lebih baik sekiranya Kerajaan Persekutuan hanya terlibat pada peringkat perancangan sahaja, dan tidak melibatkan diri di

peringkat pelaksanaan (*Penyata Pertama Belanjawan Kelantan, 1960*). Sikap seperti ini pastinya tidak dapat diterima oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan UMNO Kelantan, memandangkan Kerajaan Persekutuan adalah pembiaya terbesar rancangan pembangunan sosioekonomi di negeri itu. Melalui Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Kelantan telah diperuntukkan sebanyak RM143 juta, dan daripada jumlah tersebut, kerajaan Kelantan hanya menyumbang sebanyak 10% sahaja (lihat teks ucapan DYMM Sultan pada Belanjawan 1966).

Sehubungan dengan ini, kegagalan membawa pelbagai projek pembangunan ke Kelantan selalunya mempunyai pertalian yang rapat dengan isu tanah. Ini kerana, selain daripada air, penguasaan ke atas tanah merupakan bidang kuasa penting kerajaan negeri. Oleh yang demikian, bagi mengekalkan kewibawaan PAS di mata rakyat Kelantan, maka penggunaan sumber tersebut oleh kuasa luar, khususnya Kerajaan Persekutuan yang dikuasai oleh UMNO/Perikatan perlulah dibatasi, dan diterima dengan penuh berhati-hati. Tambahan pula, pada ketika yang sama, pihak PAS Kelantan telah terikat dengan janji pilihan raya kepada rakyat tempatan.

Dalam setiap kempen pilihan raya, PAS sentiasa berikrar untuk mempertahankan setiap inci bumi Kelantan daripada jatuh ke tangan orang bukan Melayu. Masyarakat Melayu Kelantan sering kali diingatkan bahawa keistimewaan menguasai dan memiliki tanah ini tidak akan berkekalan sekiranya UMNO/Perikatan memerintah negeri itu. Hal ini disebabkan oleh sikap politik UMNO yang mahu berkongsi kuasa dengan rakan-rakan bukan Melayunya di dalam gagasan Parti Perikatan. Justeru, selaras dengan prinsip perkongsian ini, pemilikan dan penguasaan tanah di negeri itu juga turut terbuka kepada orang bukan Melayu. Lanjutan daripada itu, orang Melayu Kelantan akan kehilangan kuasa mutlak dalam pentadbiran dan pemilikan tanah di negeri mereka sendiri (Ranjit 1987, 55-58).

Di samping itu, pihak PAS juga sering kali mengingatkan orang Melayu Kelantan bahawa program pembangunan yang dirancangkan oleh UMNO dan Kerajaan Persekutuan itu (khususnya pembangunan fizikal dan proses urbanisasi) tidak banyak memberikan keuntungan kepada mereka, walaupun rancangan itu melibatkan tanah kepunyaan orang Melayu. Pihak PAS tetap beranggapan bahawa proses pembandaran dan pembangunan sosioekonomi yang dirancangkan itu lebih banyak memberikan keuntungan kepada masyarakat bukan

Melayu, khususnya kaum Cina, sekalipun ia merupakan petunjuk kepada kemajuan negeri Kelantan.

Selain dari itu, PAS juga turut mendakwa bahawa pendekatan yang diambil oleh UMNO dan Kerajaan Persekutuan dalam merancang program pembangunan merupakan suatu pendekatan yang tidak diredai Tuhan. Ini kerana ia lebih mementingkan aspek kebendaan semata-mata, sehingga melupai aspek kerohanian (*Manifesto PAS Kelantan* 1986). Sebagai alternatifnya, pihak PAS Kelantan mengajak orang Melayu di negeri itu agar menerima konsep pembangunannya yang didakwa lebih berteraskan kepada usaha-usaha yang berbentuk pembedulan akidah, serta mendidik, melatih dan membekalkan individu dengan fahaman yang syumul. Walhal pada ketika itu, pihak PAS Kelantan sendiri belum mampu menyediakan suatu program berindak di dalam memenuhi tuntutan konsep pembangunan tersebut.

Walau bagaimanapun, aliran pemikiran dan pandangan politik ini tentunya sukar diterima oleh pihak kepemimpinan UMNO Kelantan. Walau apa pun alasan yang diberikan oleh PAS Kelantan, pihak UMNO menyedari bahawa kewangan yang terhad merupakan punca utama mengapa kerajaan PAS Kelantan gagal menyediakan pelbagai projek pembangunan untuk rakyat di negeri itu. Malahan, Kerajaan PAS Kelantan sendiri mengakui bahawa masalah kewangan adalah halangan utama yang banyak membantut pelaksanaan rancangan pembangunan yang dirancangkan olehnya (Lihat teks ucapan DYMM Belanjawan 1966).

Semenjak PAS memerintah Kelantan, hasil negeri tidak banyak mengalami pertambahan. Purata hasil yang diperolehi ialah sekitar RM4.0 juta setahun. Oleh itu defisit dalam belanjawan merupakan suatu perkara yang lumrah. Dari tahun 1960 hingga 1966, Kelantan telah mengalami defisit di antara RM2.5 juta hingga RM3.5 juta setiap tahun. Akibatnya, ia perlu ditampung melalui sumbangan dari Kerajaan Persekutuan yang jumlahnya melebihi RM5.0 juta setahun. Dari tahun 1962 hingga 1966, Kerajaan PAS Kelantan hanya mampu menyediakan peruntukan sebanyak RM16 juta sahaja untuk pelbagai projek pembangunan di negeri itu.

Oleh yang demikian, pada tanggapan UMNO Kelantan ketidaksediaan pihak PAS menerima dan memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek pembangunan di negeri itu lebih merupakan suatu usaha menjaga maruah politiknya. Untuk itu, UMNO Kelantan melihat Kerajaan PAS bersedia mengetepikan pelbagai

projek yang dirancang (terutamanya projek pembangunan luar bandar) bagi mempertingkatkan taraf sosioekonomi rakyat Kelantan. Akibatnya, pada tahun 1965, pihak PAS Kelantan hanya bersedia menerima projek pembangunan kecil luar bandar yang bernilai sebanyak RM1.3 juta sahaja, iaitu RM600 ribu untuk menyediakan infrastruktur, dan RM700 ribu untuk pembangunan agama Islam (*Penyata Rasmi Belanjawan ke-4*, 1966). Manakala pada tahun 1966, sejumlah projek pembangunan yang bernilai sebanyak RM1.4 juta telah gagal disalurkan melalui Kerajaan Negeri.

Begitu juga dengan isu penggunaan tanah, pihak kepemimpinan UMNO Kelantan tetap melihat ia mempunyai pertalian yang rapat dengan usaha PAS untuk mempertahankan kuasanya di negeri itu. Ini kerana, bagi PAS Kelantan pembangunan tanah seharusnya memberi manfaat kepada para penyokongnya. Apa jua bentuk program pembukaan tanah baru, keutamaan memiliki tanah itu hendaklah diberikan terlebih dahulu kepada ahli-ahli PAS yang tidak bertanah (Rokiah Talib, 1994). Maka itu, pihak PAS Kelantan tidak berkompromi di dalam politik tanah ini, bahkan ia bersedia menolak kedatangan FELDA (agensi pusat yang terlibat dengan pembukaan tanah baru) ke Kelantan, sekalipun persetujuan telah pun dicapai di antara para pegawai Kerajaan Kelantan dengan pihak FELDA untuk membuka tanah seluas 150.000 ekar di negeri itu (Berita Bernama, 6 Mei 1969).

Ketidaksediaan PAS bertolak-ansur dalam urusan tanah ini juga jelas terbukti apabila kerajaan PAS Kelantan mengambil alih ataupun memiliknegerikan Rancangan Tanah Air Lanas yang diusahakan oleh Kerajaan UMNO dan Perikatan (melalui FELDA) pada tahun 1959. Lanjutan daripada tindakan ini, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTNK) telah ditubuhkan bagi menguruskan pembukaan tanah di negeri itu, walaupun Kerajaan Negeri menghadapi masalah kewangan yang serius (Sharifuddin 1987, 342-343).

Namun begitu, dalam beberapa hal tertentu, pihak PAS Kelantan terpaksa juga berlembut dengan isu tanah ini, sekalipun itu telah memberi keuntungan politik, serta meningkatkan kedudukan UMNO di mata rakyat. Keperluan kepada beberapa projek mega yang boleh membuahkan hasil pendapatan negeri, seperti Projek Pengairan Air Kemubu dan Projek Tali Air Sungai Lemal yang menelan belanja melebihi RM85 juta telah menyebabkan pihak PAS memberikan kerjasamanya kepada Kerajaan Persekutuan yang merancang projek pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi UMNO Kelantan

perubahan sikap dan tindakan PAS ini merupakan suatu tindakan yang tidak dapat dielakkan. Ini memandangkan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan PAS Kelantan ketika itu.

Oleh yang demikian, berasaskan senario pembangunan yang wujud di Kelantan pada pertengahan tahun 1960-an ini, maka kepemimpinan UMNO Kelantan mahu mengenengahkan serta meyakinkan rakyat Kelantan bahawa mereka sebenarnya sedang menghadapi krisis pembangunan yang memerlukan penyelesaian segera. Kemunduran dan kemiskinan yang sedang mereka hadapi pada ketika itu (Ishak 1979, 185-248) tidak dapat diatasi dengan hanya bergantung kepada keupayaan PAS semata-mata, dan mengetepikan sumbangan dan peranan Kerajaan Persekutuan yang dikuasai oleh UMNO (*Straits Times*, 8 November 1968). Justeru, bagi mencapai matlamat tersebut, UMNO Kelantan perlu bersedia dan bertindak membawa pelbagai projek pembangunan ke negeri itu, walaupun parti tersebut belum lagi memerintah Kelantan. Ini perlu dilakukan sebagai suatu usaha untuk menunjukkan kepada orang Melayu Kelantan, serta meyakinkan mereka bahawa UMNO benar-benar serius di dalam membangunkan Kelantan dan rakyatnya.

Walau bagaimanapun, pada tahap awal pelaksanaan politik pembangunan ini, penekanan yang lebih diberikan kepada penyediaan pembangunan fizikal dalam usaha mempertingkatkan syiar Islam, berbanding dengan penyediaan projek-projek pembangunan sosioekonomi yang lain. Ini memandangkan tindakan para penyokong PAS khususnya di kawasan-kawasan luar bandar yang terus mengkafirkan UMNO, sedangkan PAS Kelantan sendiri tidak mempunyai sebarang program yang jelas dalam mempertingkatkan syiar Islam di negeri itu.

Melalui cara ini, UMNO berharap ia mampu mencelikkan rakyat Kelantan bahawa PAS hanya tahu bercakap tentang Islam tetapi tidak mampu membuat sesuatu bagi mempertingkatkan kedudukan Islam. Selain dari itu, UMNO juga melihat penekanan pembangunan agama ini selaras dengan budaya politik orang Melayu Kelantan yang mahu terus mengekalkan identitinya sebagai masyarakat Islam. Lagi pun, tindakan ini bukanlah merupakan suatu yang sukar untuk dilaksana memandangkan kawalan Kerajaan Negeri ini terhadap hal ehwal agama Islam tidak begitu kuat berbanding dengan pengaruh institusi Istana dan baginda sultan ke atas perkembangan agama tersebut.¹

Dalam pada itu, bagi tujuan memenuhi pendekatan dan strategi politik pembangunan ini, UMNO Kelantan tanpa ragu-ragu bersedia

menjanjikan peruntukan pembangunan yang lebih besar, sekiranya ia berpeluang memerintah Kelantan selepas pilihan raya umum 1969. Bagi UMNO, janji ini bukanlah suatu yang sukar untuk dilaksana, ini memandangkan kepemimpinan UMNO Kelantan mempunyai hubungan yang erat dengan pucuk pimpinan UMNO pada peringkat pusat. Malahan, para pemimpin tertinggi amat berharap Kelantan akan jatuh ke tangan UMNO melalui pilihan raya umum 1969 (Roff 1974, 304).

Senario politik ini secara langsung memberi impak yang besar kepada kepemimpinan bangsaawan dalam UMNO Kelantan. Kepentingannya sebagai penaung simbolik tetap tidak diketepi dan dipertikaikan. Fungsinya iaitu: Pertama, untuk menarik minat dan sokongan orang Melayu kepada UMNO. Kedua, mengendur atau mengelakkan parti daripada mengalami krisis dalaman dan ketegangan yang berpanjangan. Namun begitu, selaras dengan pendekatan politik yang baru ini, kepemimpinan bangsaawan juga dijangkakan mampu berperanan sebagai penaung substantif yakni yang berkeupayaan menyediakan pelbagai kemudahan ekonomi dan material bagi tujuan melahirkan suasana *reciprocal* di antara rakyat khususnya para pengundi dengan UMNO. Melalui kemudahan yang disediakan itu, sokongan mereka kepada parti itu dapat dipertingkatkan lagi, dan sekali gus melemahkan pemerintahan PAS di negeri Kelantan.

Pendek kata, melalui strategi politik ini, UMNO Kelantan mahu melahirkan suasana yang berupa berbalas keuntungan atau jasa di antara dirinya dengan rakyat Kelantan. Dari suatu segi, UMNO menjanjikan pelbagai projek pembangunan sosioekonomi (termasuk keagamaan) kepada Kelantan, dan sebagai balasannya, rakyat Kelantan memberikan undi kepada parti itu, khususnya dalam pilihan raya umum 1969 bagi membolehkan UMNO/Perikatan menubuhkan kerajaan di negeri tersebut.

Kepemimpinan Bangsaawan, Kemantapan Parti dan Pembinaan Pengaruh

Kemunculan Tun Abdul Razak

Sungguhpun kekuatan PAS diterima sebagai faktor utama yang menyebabkan kekalahan UMNO, namun ini tidak pula bermakna bahawa UMNO Kelantan mengetepikan langsung peranan faktor konflik dalaman yang melanda parti tersebut. Walaupun faktor ini tidak lagi difikirkan

sebagai suatu sebab yang dominan, kepentingannya masih lagi mendapat perhatian pucuk pimpinan parti pada ketika itu. Isu perpaduan sering sahaja dibangkitkan di dalam perjuangan di antara pucuk pimpinan parti dengan ahli-ahli UMNO Kelantan (*Mingguan Kota Bharu*, 20 Mei 1967).

Oleh itu, dalam mengimbangi kepentingan kedua-dua keperluan ini, iaitu melaksanakan politik pembangunan (bagi tujuan melemahkan pengaruh PAS) dan keinginan untuk mewujudkan kestabilan dalam parti, maka UMNO Kelantan pada pertengahan tahun 1960-an ini masih lagi memerlukan kepemimpinan bangsawan. Seperti sebelum-nya, pihak UMNO Kelantan khususnya golongan terpelajar Melayu di dalam parti itu, tetap menaruh keyakinan bahawa kebangsawanan merupakan aset yang penting dalam usahanya menarik sokongan masyarakat Melayu. Di samping itu, kepemimpinan ini juga turut dilihat sebagai suatu tenaga yang mampu mengekang konflik dalaman yang berlaku di dalam parti itu.

Manakala dalam melaksanakan peranan sebagai penaung politik substantif pula, selaras dengan tuntutan politik pembangunan, UMNO Kelantan tidak melihat ia merupakan suatu masalah yang besar kepada kepemimpinan bangsawan. Pihak UMNO negeri percaya, kepemimpinan UMNO di peringkat pusat dan Kerajaan Persekutuan akan memberikan sokongan moral dan material kepada sesiapa sahaja tokoh bangsawan yang mengetuai UMNO Kelantan. Yang penting, tokoh bangsawan itu sendiri hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi untuk memenuhi peranan yang dijangkakan dari dirinya. Malangnya, pada penghujung era kepemimpinan Dato' Nik Ahmed Kamil, parti itu telah berhadapan dengan ketandusan pemimpin dari kalangan bangsawan yang mampu memenuhi kedua-dua tuntutan itu.

Walaupun pada era kepemimpinan Dato' Nik Ahmed Kamil ramai tokoh bangsawan-pentadbir Melayu Kelantan telah kembali ke pangkuan UMNO, namun mengetuai UMNO bukanlah merupakan suatu yang diidami oleh mana-mana tokoh. Hal ini terjadi bukan sahaja disebabkan oleh undang-undang negara yang tidak membenarkan mereka bergiat aktif di dalam politik berparti, tetapi mengetuai UMNO itu juga merupakan suatu bebanan yang penuh dengan risiko. Ini kerana UMNO masih lagi berhadapan dengan masalah ketidakstabilan dalaman. Manakala pada ketika yang sama, proses menyingkirkan PAS melalui pilihan raya merupakan suatu tugas yang belum pasti hasilnya.

Justeru, satu-satunya tokoh yang dianggap mampu melaksanakan kedua-dua peranan yang dijangkakan itu ialah Tengku Razaleigh Hamzah, yang juga merupakan Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri. Walaupun semasa berlaku krisis kepemimpinan ini, beliau berada dalam usia yang masih muda (belum lagi berusia 30 tahun), namun Tengku Razaleigh telah dilihat sebagai seorang tokoh yang sedang dilatih oleh pucuk pimpinan parti di peringkat pusat, khususnya Tunku Perdana Menteri bagi tujuan mengambil alih pucuk pimpinan UMNO Kelantan pada suatu hari nanti.

Sungguhpun Tengku Razaleigh tidak tergolong ke dalam kelompok Melayu neo-tradisional, namun dengan latar belakangnya sebagai anak raja yang mempunyai hubungan yang rapat dengan istana, dan berpendidikan luar negeri pula, maka beliau dirasakan dengan mudah boleh berperanan sebagai penaung politik simbolik kepada UMNO Kelantan. Dengan itu, beliau dilihat tidak begitu sukar untuk mewujudkan kestabilan di dalam parti, dan menarik minat orang Melayu Kelantan, khususnya golongan muda Melayu agar menyokong UMNO.

Ketokohnya dianggap setanding dengan Dato' Muhamad Asri Haji Muda, pemimpin utama PAS Kelantan pada ketika. Walaupun Tengku Razaleigh bukanlah orator sehebat Dato' Muhamad Asri, beliau tetap dilihat oleh ahli-ahli UMNO Kelantan, terutamanya golongan terpelajar Melayu sebagai tokoh yang mampu untuk muncul dan berhujah di mana-mana pentas politik. Sungguhpun, beliau tidak pernah dididik di alam persekolahan Melayu, namun dengan kefasihan berbahasa Melayu, Tengku Razaleigh dirasakan tidak mengalami sebarang masalah untuk memujuk orang Melayu di kawasan luar bandar agar memberikan sokongan kepada UMNO.

Tengku Razaleigh juga tidak mempunyai sebarang masalah untuk memainkan peranan sebagai penaung politik substantif. Ini memandangkan beliau telah pun mendapat sokongan yang kuat daripada UMNO dan Kerajaan Pusat. Meskipun pada ketika itu, beliau belum lagi menganggotai kabinet Kerajaan Persekutuan, tetapi dengan perlantikannya sebagai Pengarah Eksekutif Bank Bumiputera pada tahun 1965 dan diikuti sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan pada tahun 1970, maka tindakan ini juga turut dilihat sebagai tanda sokongan Kuala Lumpur terhadap kepemimpinannya (Brackman 1966). Perlantikan ini juga, secara perlahan-lahan telah membolehkan beliau mengorak langkah dan menyediakan habuan ekonomi, terutama kepada

para pengikutnya bagi membolehkannya muncul sebagai pemimpin dan penaung politik yang berkesan. Walau bagaimanapun, kepelbagaian pendapat dan tafsiran ini tidak pula mendorong beliau untuk terus mewarisi kepemimpinan UMNO daripada Dato' Nik Ahmed Kamil. Sebagai anak muda yang mempunyai cita-cita politik yang tinggi, serta mahu melihat Kelantan jatuh ke tangan UMNO pada suatu hari nanti, Tengku Razaleigh mempunyai strateginya yang tersendiri dalam memantapkan kepemimpinannya.

Bagi tujuan memenuhi tuntutan semasa UMNO Kelantan, kebangsawanan sahaja tidak memadai untuk mencapai matlamat parti. Sebaliknya, kebangsawanan hendaklah disertai dengan kuasa politik dan ekonomi. Malangnya, UMNO Kelantan tidak mempunyai kedua-dua kuasa tersebut. Oleh itu, Tengku Razaleigh merasakan kepemimpinan UMNO pada peringkat pusat perlu diseret dan berada di dalam struktur kepemimpinan UMNO Kelantan. Dengan mengeksploitasi kewibawaan dan kuasa pemimpin itu, beliau yakin kestabilan serta perpaduan dalam UMNO Kelantan dapat diwujudkan, dan kekuasaan PAS pula dapat diruntuhkan. Oleh yang demikian, berasaskan kepada pertimbangan politik itu, Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO telah dilihat oleh Tengku Razaleigh sebagai tokoh yang sesuai untuk membantu beliau dan UMNO Kelantan dalam mencapai matlamat perjuangannya.

Seperti yang dapat diduga, strategi ini tidak sukar dilaksanakan oleh Tengku Razaleigh. Walaupun keterlibatannya di dalam UMNO Kelantan lebih dikaitkan dengan Tunku Perdana Menteri, tetapi keakraban hubungannya dengan Tun Abdul Razak begitu terserlah sekali pada ketika itu. Jadi, apabila Dato' Nik Ahmed Kamil melepaskan jawatan sebagai Ketua UMNO Kelantan pada awal 1967, kekosongan itu segera diisi oleh Tun Abdul Razak (*Berita Harian*, 13 April 1961), sekalipun beliau menyedari bahawa tumpuan sepenuhnya tidak dapat diberikan kepada UMNO Kelantan, memandangkan tugas beratnya di dalam kerajaan. Sebagai tokoh kepercayaan Tunku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak tidak hanya menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi juga mengetuai beberapa kementerian yang lain seperti Kememterian Luar, Pertahanan, serta Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Oleh itu, keadaan ini dengan sendirinya memaksa Tun Abdul Razak mewakili tugasnya di dalam UMNO Kelantan kepada Tengku Razaleigh. Ini terbukti dengan perlantikan tokoh UMNO itu sebagai Timbalan Ketua UMNO Negeri. Dengan tindakan ini, ia secara langsung

memberi peluang kepada Tengku Razaleigh untuk mengemudikan UMNO Kelantan mengikut kehendak dan perancangannya. Sebagai *protege* Tun Abdul Razak, tindakan dan keputusan beliau akan mendapat restu dan sokongan daripada Ketua UMNO Kelantan itu. Akibatnya, mulai saat itu, kata-kata Tengku Razaleigh merupakan kata-kata Tun Abdul Razak, manakala tindakannya pula seringkali ditafsirkan sebagai membayangkan kehendak Tun Abdul Razak. Dengan itu, keadaan ini secara tidak langsung telah menjadikan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin *de facto*. Pendek kata, keterlibatan Tun Abdul Razak dalam struktur kepemimpinan UMNO Kelantan telah memberi peluang kepada Tengku Razaleigh untuk muncul sebagai pemimpin dan penaung politik yang berjaya dan berkesan.

Perkembangan ini dengan sendirinya memperteguhkan kepemimpinan UMNO Kelantan. Ini kemudiannya diperkukuhkan lagi dengan kesediaan Tun Abdul Razak melantik calon Tengku Razaleigh, iaitu Dato' Lela Jasa Abdullah Mahmud sebagai Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan yang baru bagi menggantikan Wan Abdul Kadir Ismail, Setiausaha Penerangan UMNO Malaysia, yang merupakan tokoh pilihan beliau sebelum itu. Sungguhpun Dato' Abdullah Mahmud merupakan pendatang baru dalam politik Kelantan, ketokohnya sebagai bangsawan-pentadbir tidak pernah diragui oleh mana-mana pihak di negeri itu (*Mingguan Kota Bharu*, 28 September 1968). Dengan perlantikan itu, ia secara langsung memperlihatkan betapa beliau merupakan aset dan tenaga yang penting di dalam usaha UMNO merealisasikan cita-cita politiknya. Di samping itu, sebagai orang kepercayaan Tengku Razaleigh, kehadiran beliau juga sekali gus memperkuatkan lagi kedudukan *de facto* anak raja itu di dalam UMNO Kelantan.

Dalam pada itu, kedatangan Tun Abdul Razak tidak mendapat bantahan daripada mana-mana pihak di dalam UMNO Kelantan. Setiap pihak (khususnya golongan terpelajar Melayu) akur dengan kehendak dan strategi Tengku Razaleigh ini. Bagi para pemimpin UMNO tempatan, sekiranya Tengku Razaleigh belum lagi bersedia untuk mengetuai UMNO Kelantan, maka Tun Abdul Razak memanglah merupakan pilihan terbaik. Tambahan pula, latar belakang Tun Abdul Razak sendiri bersesuaian pula dengan cita rasa feudal UMNO negeri itu yang mementingkan kebangsawanan.

Walaupun Tun Abdul Razak bukan putera raja, beliau merupakan bangsawan-pentadbir Melayu yang terkemuka dan berpengaruh di

dalam struktur pentadbiran negeri Pahang. Sebelum terlibat dengan politik nasional, beliau adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Hubungan keluarganya dengan Istana Pahang begitu akrab sekali, sehinggakan beliau mewarisi jawatan Orang Besar Berempat (dari bapanya), yang membawa gelaran Dato' Orang Kaya Indera-Syahbandar (Morais 1969, xvii). Sungguhpun jawatan yang disandanginya itu tidak memberikan sebarang kuasa eksekutif dalam jentera pentadbiran moden, namun kedudukan yang tinggi dan eksklusif itu telah memberikan status sosial yang tinggi kepada dirinya, sehingga beliau dipandang mulia oleh orang Melayu.

Oleh yang demikian, dengan memiliki kewibawaan tradisional ini, dan ditambah pula dengan kedudukannya sebagai orang kedua di dalam UMNO dan kerajaan yang sudah semestinya memiliki kewibawaan *legal-rational*, serta menguasai pelbagai sumber, maka Tun Abdul Razak, pada tanggapan Tengku Razaleigh khususnya, tidak mempunyai sebarang halangan untuk berperanan sebagai penaung di dalam UMNO Kelantan, sama ada yang berbentuk simbolik ataupun substantif. Sungguhpun beliau merupakan tokoh yang diimport dari luar Kelantan, dan mungkin pula dilihat tidak bersesuaian dengan sikap masyarakat Melayu Kelantan yang mementingkan kekelantanan, namun sebagai bangsawan-pentadbir yang dibesarkan di Pahang, beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang lebih peka, serius dan jujur di dalam usaha memperkuatkan UMNO Kelantan, serta membangunkan masyarakat Melayu di negeri itu.

Ini memandangkan masyarakat Melayu Pahang dan Kelantan turut mewarisi nilai-nilai hidup yang sama, iaitu mementingkan ciri-ciri kemelayuan dan keislaman, serta hidup dalam suasana kemiskinan dan kemunduran (Temubual dengan Tengku Razaleigh Hamzah 1989). Oleh itu, bagi UMNO Kelantan dan Tengku Razaleigh khususnya, sikap ini merupakan faktor penting dalam memastikan kejayaan pendekatan politik pembangunan yang dirancangkannya itu. Pandangan ini telah diperkukuhkan pula dengan imej pro-Melayu yang ada pada diri Tun Abdul Razak pada ketika itu. Berbanding dengan Tunku Perdana Menteri (Mahathir 1982), Tun Abdul Razak dilihat oleh orang Melayu sedang berjuang untuk mengisi kemerdekaan negara. Justeru, dalam konteks kepemimpinan UMNO Kelantan, imej ini amat berharga sekali bagi tujuan menghadapi propaganda PAS yang seringkali mendakwa UMNO telah gagal melindungi kepentingan Melayu.

Disebabkan penekanan dan tumpuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang diketuai oleh Tun Abdul Razak adalah kawasan-kawasan luar bandar, maka dengan sendirinya masyarakat Melayu telah dilihat sebagai golongan yang banyak memperolehi nikmat daripada projek pembangunan yang dirancang oleh Timbalan Perdana Menteri itu. Jadi, dalam konteks ini Tun Abdul Razak dilihat sebagai seorang pemimpin politik yang amat bersimpati dengan nasib bangsa Melayu yang dianggap sebagai pro-Melayu.

Apa yang menarik, dalam imej pro-Melayu yang diasosiasikan dengan dirinya itu, Tun Abdul Razak secara tegas mahukan ketidakseimbangan di antara para penduduk di kawasan bandar dengan luar bandar hendaklah segera dihapuskan. Ini kerana, akhirnya pada beliau, *The greatest safeguard of our country's is not only defence, but even more so, development* (Morais 1976).

Berbeza dengan Tunku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dikatakan mempunyai agenda yang tersendiri dalam usahanya membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu. Kesungguhannya dalam membasmi kemunduran orang Melayu jelas terbukti apabila beliau menggunakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sebagai institusi yang membekalkan perkampungan Melayu dengan pelbagai projek pembangunan sosio ekonomi, sehingga melayakkan dirinya diberi gelaran Bapa Pembangunan. Dalam pada itu, Tun Abdul Razak telah memberikan perhatian yang serius kepada FELDA sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah orang Melayu yang tidak bertanah, serta membebaskan mereka daripada gejala kemiskinan. Beliau dikatakan amat kecewa apabila kerajaan PAS menolak kemasukan FELDA ke Kelantan. Sejak itu beliau bertekad untuk membuka tanah secara besar-besaran, dan membawa pelbagai projek pembangunan ke negeri itu, sekiranya rakyat Kelantan memberi peluang kepada UMNO/Perikatan menubuhkan kerajaan selepas pilihan raya umum 1969 (Berita Bernama, 10 April).

Ringkasnya, selain daripada keakraban hubungannya dengan Tengku Razaleigh, persoalan pembangunan juga merupakan salah satu faktor utama yang telah mendorong beliau menerima pelawaan untuk memimpin UMNO Kelantan. Jadi, berasaskan kepada keadaan ini, Tengku Razaleigh mahu memanfaatkan sepenuhnya kewibawaan dan kekuasaan yang ada pada diri Tun Abdul Razak bagi mencapai matlamat perjuangan UMNO Kelantan. Manakala dari sudut yang lain

pula, gabungan di antara kekuatan peribadi Tun Abdul Razak serta kawalannya ke atas *tangible goods* merupakan faktor penting yang telah memudahkan beliau diterima, serta bersesuaian dengan kehendak UMNO Kelantan yang sedang mengalami perubahan dalam pendekatan dan strategi untuk menawan kembali kerajaan Kelantan.

Sehubungan dengan ini, Tengku Razaleigh yakin bahawa melalui kerjasama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, serta peruntukan khas yang disediakan kepada Timbalan Perdana Menteri, maka pelbagai projek pembangunan ini tidak dapat diterima oleh kerajaan PAS, beliau dan UMNO Kelantan sudah pun bersedia untuk menjadi perantara yang bakal menghubungkan rakyat negeri itu dengan Kerajaan Persekutuan di dalam mengagih-agihkan projek pembangunan tersebut.

Dengan wujudnya persefahaman di antara Tengku Razaleigh dengan Tun Abdul Razak berhubung dengan isu pembangunan ini, maka keterlibatan UMNO Kelantan di dalam pengagihan projek pembangunan (walaupun terhad jumlah dan nilainya) sudah merupakan suatu fenomena yang tidak dapat dielakkan lagi. Dari satu segi, UMNO mahu menyediakan pembangunan sosioekonomi sama ada bercorak keagamaan ataupun tidak kepada rakyat Kelantan, manakala dari sudut yang lain, UMNO mahu mempolitikannya bagi tujuan meningkatkan sokongan rakyat kepadanya. Dalam pada itu, persefahaman ini juga merupakan petanda awal kepada pengukuhan kepemimpinan Tengku Razaleigh di dalam politik Kelantan dan juga kepemimpinannya di peringkat kebangsaan.

Razak-Razaleigh dan Penaungan Politik

Peminggiran Veteran Parti

Sungguhpun Tun Razak telah diterima sebagai Ketua UMNO Kelantan, namun seperti yang telah dijelaskan, setiap pihak dalam parti itu tetap menyedari bahawa status *de facto* adalah menjadi milik Tengku Razaleigh. Oleh itu, dengan berselindungan di sebalik imej Tun Abdul Razak, maka beliau telah muncul sebagai pemimpin yang amat berpengaruh di dalam UMNO Kelantan, sehinggakan semua pihak dalam parti itu melihatnya sebagai penaung-perantara yang cukup berwibawa dalam menghubungkan UMNO Kelantan dengan kepemimpinan parti dan kerajaan di peringkat pusat. Justeru, setiap

ahli UMNO percaya bahawa kebangkitan UMNO Kelantan pada ketika itu mempunyai pertalian yang rapat dengan kemampuan dan kedudukan strategik Tengku Razaleigh. Implikasinya, dengan persepsi ini, kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan tidak digugat oleh mana-mana pihak. Malahan, pihak PAS Kelantan sendiri tidak pernah memperkecil-kecilkan peranan dan sumbangan beliau kepada penguatan UMNO di negeri itu.

Namun begitu, fenomena yang wujud ini tidaklah pula sampai menjejaskan matlamat asal kedatangan Tun Abdul Razak dan Tengku Razaleigh berada di kedudukan yang berbeza dalam hierarki kepemimpinan UMNO Kelantan, namun kedua-dua tokoh ini sedar serta akur kepada peranan masing-masing di dalam arena politik di negeri tersebut. Oleh yang demikian, melalui tindakan Tengku Razaleigh meletakkan Tun Abdul Razak di hadapan dalam sebarang percaturan politiknya, ia secara langsung juga telah menonjolkan imej Tun Abdul Razak sebagai Ketua UMNO Kelantan, dan penaung politik yang cukup berkuasa.

Pendek kata, dari awal tahun 1967 hingga menjelang pilihan raya umum 1969 tidak pernah wujud sebarang peristiwa atau tindakan yang boleh menggambarkan bahawa mereka berdua mempunyai perbezaan pendapat. Bahkan tindakan mereka dalam jangka masa tersebut lebih merupakan suatu proses saling lengkap-melengkapi. Ini jelas terpancar daripada usaha Tengku Razaleigh melaksanakan tindakan meminggirkan tokoh lama, serta memulakan rekrutmen politik yang baru.

Walaupun Tengku Razaleigh menolak tanggapan bahawa krisis dalaman merupakan faktor dominan yang telah menyebabkan UMNO Kelantan tewas di tangan PAS dalam pilihan raya umum 1959 hingga 1964, namun beliau tidak menolak bahawa memang terdapat kucar-kacir di dalam UMNO pada ketika itu. Persengketaan, pertentangan dan kegiatan saling jatuh-menjatuh di kalangan para pemimpin tempatan masih lagi wujud di dalam UMNO Kelantan, meskipun, sebahagian daripada pemimpin ini khususnya golongan terpelajar Melayu telah pun dibersarakan oleh Tunku Perdana Menteri sewaktu beliau mengetuai UMNO Kelantan pada awal tahun 1960-an melalui pemberian pelbagai ganjaran ekonomi. Fenomena ini tidak hanya terhad di kalangan para pemimpin, tetapi juga berlaku di kalangan pengikut masing-masing. Oleh itu, fenomena ini dianggap sebagai duri dalam daging kepada parti itu.

Seperti yang telah dinyatakan, tradisi permusuhan ini lazimnya terserlah apabila UMNO berada di ambang pilihan raya. Ini disebabkan setiap tokoh mahu menonjolkan diri masing-masing agar mereka diberi peluang menduduki jawatan yang penting sekiranya UMNO/Perikatan berjaya memerintah Kelantan. Maka itu, Tengku Razaleigh bertekad mahu menyelesaikan konflik dalaman ini melalui kuasa dan kewibawaan Tun Abdul Razak, agar ia tidak terus-menerus menimbulkan suasana ketidakstabilan di dalam parti, serta mencabar kepemimpinannya, sebagaimana yang pernah dialami oleh Tengku Indra Petra dan Dato' Nik Ahmed Kamil sebelumnya.

Kegagalan menyelesaikan krisis tersebut dengan sendirinya bermakna bahawa UMNO Kelantan berhadapan dengan dua masalah yang besar iaitu: Pertama, UMNO berterusan menjadi parti yang lemah, dan PAS pula mengambil kesempatan untuk terus memperkuatkan kedudukannya di dalam arena politik Kelantan. Kedua, UMNO juga tidak mampu melaksanakan strategi politik pembangunan. Implikasinya, keadaan ini sekali gus akan menggagalkan hasrat untuk merampas Kelantan daripada PAS. Walhal, strategi ini telah dilihat sebagai suatu tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai, di samping memper-teguhkan lagi imej UMNO di mata para pengundi Melayu Kelantan.

Apa yang membimbangkan ialah sekiranya kedua-dua masalah ini terus wujud, maka UMNO Kelantan terus-menerus berimejkan parti tidak laku (parti tidak berharga), iaitu sebuah parti yang sentiasa kalah dalam pilihan raya, dan tidak menjadi pilihan utama orang Melayu Kelantan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Sedangkan sebagai sebuah parti kebangsaan Melayu, UMNO tidak seharusnya memiliki imej yang seburuk itu. Jadi, dalam usaha menangani masalah itu, Tengku Razaleigh tidak mempunyai pilihan yang lain kecuali (i) mengambil tindakan meminggirkan golongan veteran (iaitu golongan terpelajar Melayu sebelum merdeka) yang begitu berpengaruh ke atas jentera parti; dan kedua, memulakan suatu program pengrekrutan politik baru, yang secara perlahan-lahan mengurangkan pergantungan UMNO Kelantan kepada tenaga dan kekuatan golongan veteran tersebut.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua proses ini terpaksa dilakukan dalam keadaan yang penuh berhati-hati, khususnya berkaitan dengan golongan veteran kerana dibimbangi ia boleh mendedahkan UMNO Kelantan kepada bahaya perpecahan lagi. Namun begitu, sebagai pemimpin politik yang berwawasan, Tengku Razaleigh tidak bersedia untuk berhadapan dengan suatu krisis kepemimpinan yang baru. Dengan

itu, peminggiran golongan veteran perlu dilakukan dalam suasana yang tidak menjatuhkan maruah mereka. Oleh itu, apabila beliau memulakan proses rekrutmen politik yang baru, maka beliau juga perlu mewujudkan suasana yang boleh melahirkan perasaan dihargai di kalangan mereka yang terlibat dengan proses peminggiran tersebut.

Serentak dengan tindakan Tengku Razaleigh itu, pelbagai ganjaran ekonomi telah ditawarkan dan diberikan kepada golongan veteran. Ini sebagai tanda balasan terhadap kesediaan mereka mengundurkan diri daripada bergerak aktif di dalam parti, serta patuh kepada kehendak pucuk pimpinan. Serentak dengan itu juga, beberapa isyarat awal telah dihantar kepada mereka yang terlibat² bahawa keadaan yang berlaku itu merupakan kehendak Tun Abdul Razak. Justeru, proses peminggiran ini telah berjalan dengan lancar sekali.

Walau bagaimanapun, setiap pihak yang terlibat tahu bahawa Tengku Razaleigh sememangnya berada di sebalik tindakan politik itu, namun mereka juga menyedari bahawa tindakan tersebut turut drestui oleh Tun Abdul Razak, yang merupakan tokoh UMNO yang cukup berkuasa dan berwibawa pada ketika itu. Dalam keadaan begini tidak ada gunanya mereka mengambil sikap antagonistik terhadap kemasukan muka baru di dalam UMNO Kelantan. Tindakan yang boleh menimbulkan kekecohan di dalam parti dilihat sudah tidak relevan lagi. Mereka yang terlibat terpaksa menerima hakikat bahawa zaman keagungan masing-masing di dalam UMNO Kelantan sudah pun berada di penghujung, dan kemasukan muka baru merupakan suatu fenomena yang tidak dapat dielakkan.

Dengan itu tidak hairanlah sekiranya tokoh-tokoh besar UMNO Kelantan, seperti Dato' Nik Hassan Nik Yahya (Ketua Penerangan UMNO Kelantan), isteri beliau, Datin Kamariah Idris (Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kelantan) melepaskan jawatan masing-masing setelah sekian lama berada di suatu kedudukan yang penting dalam kepemimpinan parti. Begitu juga dengan Ishak Hamid (peguam dan bekas Ketua Pemuda UMNO Kelantan), Ghazali Yusoff (orang kuat UMNO Bahagian Pasir Putih) dan Yaacob Awang (Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas Hulu), serta Sharkan Abdul Rahman (Bekas Ketua Pemuda UMNO Kelantan), walaupun terlibat dengan aktiviti UMNO, tetapi ketokohan mereka sudah tidak menonjol lagi. Keadaan yang sama juga berlaku pada tokoh-tokoh veteran yang lain, sama ada mereka mengurangkan keterlibatannya di dalam politik ataupun terus bersara daripada bergiat aktif di dalam UMNO. Melalui sokongan dan

perantaraan Tengku Razaleigh, mereka juga berpeluang memperolehi ganjaran, sebagai pertukaran di atas kesediaannya melakukan tindakan yang bersesuaian dengan kehendak parti. Ringkasnya, setiap pihak akur dengan tuntutan perubahan yang berlaku itu.

Walaupun mereka telah disingkirkan, namun sokongan kepada kepemimpinan bangsawan tidak pernah berubah. Tengku Razaleigh tetap dilihat sebagai pemimpin yang mampu memenuhi kehendak UMNO Kelantan pada ketika itu, apatah lagi pada ketika yang sama, mereka menyedari bahawa Tengku Razaleigh merupakan tokoh yang membolehkan mereka menerima ganjaran ekonomi daripada kerajaan pusat itu. Pendek kata, ganjaran ekonomi yang diperolehi itu cukup untuk menjadikan mereka hidup senang, walaupun peluang untuk menjadikan mereka wakil rakyat UMNO hampir tidak terbuka.

Misalnya Dato' Nik Hassan Nik Yahya, yang walaupun terpinggir, namun dengan persetujuan kepemimpinan UMNO di peringkat pusat khususnya Tun Abdul Razak, beliau akhirnya berjaya muncul sebagai salah seorang Senator yang paling lama berada di dalam Dewan Negara. Perlantikannya yang bermula pada 1959 hanya tamat pada 1978. Malahan, kejayaan beliau dan keluarganya muncul sebagai ahli perniagaan yang berjaya sehingga menjadi orang kuat Dewan Perniagaan Melayu Malaysia juga dipercayai mempunyai pertalian yang rapat dengan ganjaran ekonomi yang diterimanya, ekoran daripada kesetiaan yang ditunjukkan kepada parti dan pucuk pimpinan.

Selain daripada menerima ganjaran ekonomi yang berbentuk material, terdapat juga veteran parti yang memperolehi ganjaran yang bersifat *intangibile*, seperti bintang kebesaran negeri dari pihak istana, yang sekali gus meningkatkan status sosial mereka di kalangan masyarakat umum. Sungguhpun institusi istana pada prinsipnya bebas daripada politik, namun memandangkan wujudnya hubungan yang erat di antara Tengku Razaleigh dengan Istana Kelantan, maka ramai ahli UMNO di negeri itu beranggapan bahawa institusi tersebut telah digunakan untuk memenuhi tuntutan politik penaungan Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan.³

Sehubungan dengan ini, Yaakub Awang, misalnya, telah dilihat sebagai salah seorang tokoh UMNO tempatan yang memperolehi ganjaran yang berupa non-material. Sebagai tokoh lama dan bekas Exco Kerajaan Negeri, beliau dipercayai mempunyai pengaruh yang kuat di dalam UMNO Jajahan Pasir Mas, khususnya bahagian Pasir Mas Hulu. Justeru, untuk memaksa beliau bersara daripada politik

bukanlah merupakan suatu tindakan yang mudah. Oleh itu, dengan menggunakan kekuatan dan pengaruh di dalam UMNO, Tengku Razaleigh dipercayai telah menyokong Setiausaha UMNO bahagian tersebut, Hussein Ahmad agar mencabar kepemimpinan Yaakub Awang, pada pertengahan kedua 1960-an.

Walaupun kemunculan tokoh muda ini tidak pernah diisytiharkan sebagai proksi Tengku Razaleigh, namun disebabkan calon tersebut merupakan orang kanan ketua *de facto* UMNO Kelantan, maka tindakannya itu dilihat oleh ahli-ahli UMNO, khususnya di bahagian Pasir Mas Hulu sebagai isyarat bahawa Yaakub Awang sudah tidak diperlukan lagi di dalam UMNO Kelantan. Akibatnya adalah tidak mengejutkan sekiranya Yaakub Awang gagal mempertahankan jawatannya sebagai Ketua Bahagian yang disandangnya itu. Namun begitu, sebagai mengenang jasanya, beliau dianugerahkan gelaran Dato' Bentara Dalam oleh Istana Kelantan. Melalui kedudukannya sebagai Dato' begelar, beliau kemudian muncul sebagai tokoh yang penting dan berpengaruh di Istana Kelantan, sehinggakan hubungannya dengan baginda sultan begitu erat sekali.

Namun demikian, perlu dijelaskan bahawa tidak semua veteran UMNO terpaksa menghadapi proses peminggiran dalam era kepemimpinan Razak-Razaleigh ini. Sebaliknya, terdapat juga tokoh-tokoh tertentu yang masih diberi peluang untuk bergiat aktif di dalam parti, walaupun Tengku Razaleigh mahukan kedudukan golongan veteran ini digantikan oleh golongan terpelajar Melayu yang baru. Dalam hal ini, Muhamad Idris (tokoh UMNO dari Pasir Putih), Dr. Abdul Aziz Omar, Ariffin Salleh dan Muhamad Haji Ali (tokoh-tokoh UMNO dari Kota Bharu) adalah di antara mereka yang berpeluang untuk terus melibatkan diri secara aktif di dalam UMNO Kelantan. Walau bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, mereka ini merupakan kenalan rapat dan pembantu setia Tengku Razaleigh.⁴

Kemasukan Tokoh Baru

Sehubungan dengan usaha mengrekrutkan tokoh-tokoh baru ke dalam UMNO, tugas ini tidaklah mendatangkan kesukaran kepada Tengku Razaleigh menggunakan nama, kuasa dan kewibawaan Tun Abdul Razak mempelawa golongan terpelajar Melayu baru untuk menyertai parti tersebut. Mereka ini merupakan individu yang muncul sebagai pemimpin, serta memperolehi pendidikan di peringkat menengah ataupun tinggi selepas negara mencapai kemerdekaan ataupun

menjelang tarikh tersebut. Kebanyakan mereka ini merupakan kakitangan kerajaan dan golongan profesional. Strategi yang sama juga digunakan oleh Tengku Razaleigh untuk menarik beberapa alim ulama, walaupun mereka sudahpun berumur agar memberikan sokongan terbuka kepada UMNO Kelantan.

Strategi ini perlu dilaksanakan kerana pilihan raya umum 1969 hampir tiba, dan UMNO pula masih lagi dengan imej parti tidak berharga. Manakala pada ketika yang sama, pihak PAS pula telah menyatakan secara terbuka bahawa parti itu akan meletakkan barisan alim ulama dan golongan cerdik pandai Melayu, khususnya di Kelantan di dalam pilihan raya yang bakal diadakan itu. Jadi, untuk menghapuskan imej yang berunsurkan negatif itu, serta memberikan kekuatan yang baru kepada UMNO Kelantan, maka proses pengrekrutan politik tokoh-tokoh terkemuka kedua-dua golongan itu sudah merupakan suatu agenda yang tidak dapat dielakkan lagi.

Seperti dengan tokoh-tokoh UMNO yang tersingkir akur dengan kehendak pucuk pimpinan parti, mereka daripada golongan terpelajar Melayu baru juga terpaksa tunduk dengan kehendak UMNO Kelantan, yang didalangi oleh Tengku Razaleigh. Mereka tidak sahaja segan-silu apabila didatangi oleh anak raja itu, tetapi juga merasakan begitu sukar untuk menolak permintaan agar bergiat aktif di dalam UMNO, setelah ia dikaitkan dengan kehendak peribadi Tun Abdul Razak.

Dalam konteks ini, mereka merasakan bahawa permintaan Tengku Razaleigh dan Tun Abdul Razak itu bukan sekadar suatu penghormatan bagi diri masing-masing, tetapi ia juga merupakan suatu tanggungjawab yang perlu diterima. Akibatnya, mereka telah terseret ke dalam mainan politik Tengku Razaleigh. Malahan ada di kalangan mereka ini menjadi semakin tertekan, apakala pada ketika yang sama, mereka juga telah diminta bertanding di dalam pilihan raya umum 1969, walhal kesanggupan menjadi calon UMNO pada ketika itu merupakan suatu tindakan yang penuh berisiko, memandangkan pengaruh PAS yang masih kuat di negeri Kelantan.

Justeru, hasrat Tengku Razaleigh untuk menamakan mereka sebagai calon UMNO telah menyebabkan individu yang terlibat itu berada di dalam keadaan yang cukup merumitkannya. Ini kerana ada di antara mereka merupakan kakitangan kerajaan yang tertakluk kepada peraturan perkhidmatan awam yang memerlukan mereka meletakkan jawatan terlebih dahulu sebelum mengisytiharkan dirinya sebagai calon di dalam mana-mana pilihan raya. Maka itu, dilema yang sering timbul ialah sama ada

JADUAL 4.1 Senarai antara Tokoh-tokoh UMNO yang Muncul Pada
Pertengahan Kedua Tahun 1960-an (1967-69)

Nama	Latar Belakang	Kawasan Pilihan Raya 1969
1. Dr. Nik Hussein Wan Abd. Rahman	Doktor Pergigian	-
2. Hussein Ahmad	Guru	DUN Rantau Panjang
3. Tengku Noor Asiah	Usahawan	DUN Kuala Kelantan
4. Raja Mahmud Raja Mamat	Guru	Pasir Puteh Tengah (Pilihan raya Kecil)
5. Hussein Mahmood	Guru Siswazah	-
6. Dusuki Hj. Ahmed	Guru Siswazah	Parlimen Pasir Mas Hulu
7. Mohd Zain Abdullah	Guru	DUN Bachok selatan
8. Tengku Ahmad Rithaudeen	Peguam	Parlimen Kota Bharu Hilir
9. Muhamad Yaacob Mamat	Peguam	Parlimen Tanah Merah
10. Che Lat Kassim	Pegawai Kerajaan	DUN Tumpat Tengah
11. Dato' Abdullah Mahmud	Pegawai Kerajaan	Parlimen Pasir Putih

mereka mahu meneruskan kerjaya masing-masing dengan memperoleh pendapatan tetap dan lumayan, ataupun memperjudikan nasib sebagai calon UMNO yang belum tentu kemenangannya apabila berhadapan dengan calon PAS.

Dalam konteks ini, ia jelas memperlihatkan betapa kedudukan dan peranan Tun Abdul Razak begitu penting kepada strategi pengrekrutan politik yang dilaksanakan oleh Tengku Razaleigh. Melalui kuasa dan kemampuan Tun Abdul Razak menyediakan pelbagai bentuk ganjaran ekonomi, Tengku Razaleigh selaku penaung-perantara dengan sendirinya mampu menjanjikan ganjaran tersebut kepada mereka yang sedia mengorbankan diri untuk UMNO. Dalam memenuhi kehendak politik penaungan ini, proses pertukaran keuntungan atau faedah tidak sahaja terhad kepada mereka yang dijangka mungkin tewas dalam pilihan raya umum 1969, tetapi juga kepada mereka yang mungkin memenangi pilihan raya tersebut.

Ini dapat dilihat misalnya, daripada kemunculan Tengku Ahmad Rithaudeen dan Muhamad Yaacob, (Peguam/bekas Pegawai Perundangan Persekutuan) di dalam barisan kepemimpinan UMNO Kelantan. Keterlibatan mereka secara aktif di dalam politik amat bermakna kepada parti itu yang mahu membersihkan imejnya daripada parti tidak laku. Justeru, sebagai balasan kepada pengorbanan kedua-dua

tokoh itu, Tun Abdul Razak kemudiannya melantik mereka sebagai Timbalan Menteri,⁵ apabila beliau membentuk kabinet pertamanya selepas dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1970.

Keadaan yang hampir sama juga wujud dalam usaha Tengku Razaleigh mendapatkan sokongan para alim ulama yang terkemuka di Kelantan. Seperti dengan golongan muda (yang bukan berpendidikan agama), mereka yang dikenali sebagai ulama juga tidak bersedia untuk melawan arus di dalam politik Kelantan. Jarang sekali terdapat alim-ulama yang memperlihatkan minatnya untuk menjadi calon UMNO. Bahkan sudah menjadi suatu kelaziman dalam politik Kelantan, kebanyakan mereka yang terdidik dalam bidang keagamaan lebih berminat untuk memberikan sokongan dan simpati kepada PAS. Oleh itu, apabila UMNO Kelantan mahu menggunakan tenaga mereka dalam menghadapi pengaruh PAS pada pilihan raya umum 1969, maka UMNO juga terpaksa menyediakan ganjaran ekonomi kepada golongan ini, khususnya kepada mereka yang bersedia menjadi calon UMNO di dalam pilihan raya itu.⁶

Di samping itu, dalam usaha menarik sokongan golongan alim-ulama tersebut, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kewibawaan dan nama Tun Abdul Razak juga digunakan oleh Tengku Razaleigh sebagai daya tarikan, agar mereka menerima UMNO sebagai wadah perjuangan politiknya. Sebagai orang tua yang sentiasa menyanjung tinggi dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Melayu, maka pelawaan Tengku Razaleigh ini merupakan suatu tindakan yang sukar ditolak. Ini memandangkan kesediaan putera raja itu turun menemui mereka, dan seterusnya meminta mereka menjadi calon UMNO di dalam pilihan raya umum 1969. Tambahan pula, pada waktu yang sama, Tun Abdul Razak juga, secara peribadi, dipercayai telah membuat permintaan yang sama.⁷

Akhirnya, melalui pengaruh peribadi Razak-Razaleigh ini, beberapa ulama terkenal telah berjaya dipujuk dan dikemukakan sebagai calon UMNO/Perikatan di dalam pilihan raya tersebut. Seperti yang tercatat pada Jadual 4.2. di bawah, mereka yang terlibat itu ialah dua orang kadi, tiga orang pendakwah bebas dan seorang imam yang terkenal di bandar Kota Bharu, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Tok Kenali, ulama besar pada tahun 1930-an. Walaupun mereka tewas dalam pilihan raya tersebut, namun seperti yang dapat diduga, mereka tidak diketepikan oleh kepemimpinan utama UMNO Kelantan.

JADUAL 4.2 Tokoh Agama yang Bergerak Cergas di dalam UMNO
Pada Pertengahan Kedua Tahun 1960-an (1967-1969)

Nama	Latar Belakang	Kawasan Pilihan raya 1969
1. Haji Mohd Noor Abdullah	Pendakwah Bebas	DUN Tendung
2. Haji Mohd Noor Daud	Imam	DUN Kota Bharu Tengah
3. Haji Mohd Salleh Ibrahim	Pendakwah Bebas	Parlimen Kelantan Hilir
4. Haji Anmad Haji Idris	Kadi	Parlimen Bachok
5. Haji Ali Haji Husin	Kadi	Parlimen Kota Bharu Hulu
6. Haji Muhamad Haji Idris	Pendakwah Bebas	DUN Kota Bharu Pantai

Imbuan yang setimpal diberikan kepada golongan agama ini, sebagai balasan terhadap pengorbanan yang mereka berikan kepada UMNO.

Ringkasnya dengan kesediaan golongan terpelajar Melayu baru, serta tokoh-tokoh agama yang menyertai UMNO, ia secara langsung telah memenuhi impian Tengku Razaleigh yang mahu mengurangkan peranan golongan veteran di dalam parti tersebut, serta sekali gus melenyapkan imej UMNO sebagai parti tidak laku. Sebagai pemimpin yang akan mewarisi kepemimpinan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh amat menyedari bahawa selagi UMNO terus terikat dengan kedua-dua fenomena itu, maka selagi itu UMNO akan ditolak oleh rakyat jelata dan gagal memerintah Kelantan.

Manakala dalam konteks kepemimpinan pula, ia secara langsung telah memperkukuhkan kepemimpinan bangsawan dan Tengku Razaleigh sendiri di dalam UMNO Kelantan. Dengan bermulanya perubahan kepemimpinan di dalam parti itu, dari golongan veteran kepada golongan terpelajar Melayu baru, sama ada di peringkat bahagian ataupun cawangan, maka hubungan Tengku Razaleigh dengan setiap peringkat UMNO menjadi bertambah erat. Disebabkan keterlibatan mereka, termasuk golongan alim-ulama dalam UMNO telah diiringi dengan pelbagai habuan ekonomi melalui keterlibatan dan daya usaha Tengku Razaleigh, maka mereka ini akhirnya muncul sebagai pengikut setia Tengku Razaleigh. Dalam konteks ini, proses pengrekrutan politik ini tidak sahaja mewujudkan hubungan pemimpin-pengikut yang berasaskan kepada ekonomi, tetapi juga melibatkan aspek emosi.

Razak-Razaleigh dan Politik Pembangunan

Seperti yang telah dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini, penyediaan pelbagai projek pembangunan sosioekonomi merupakan matlamat dan agenda utama politik pembangunan UMNO di negeri Kelantan. Namun begitu, bagi disesuaikan dengan keadaan setempat, penumpuan yang lebih telah diberikan kepada usaha menyediakan pelbagai kemudahan yang dapat mempertingkatkan syiar Islam, berbanding dengan kemudahan-kemudahan bercorak keagamaan.

Sehubungan dengan ini, penyediaan projek pembangunan yang berasaskan kepada kepentingan Islam lebih tertumpu kepada usaha-usaha seperti membina dan membaik-pulih masjid, surau, madrasah dan sekolah agama, sama ada di bandar atau di kampung. Manakala, projek pembangunan sosioekonomi yang bukan bercorak keagamaan pula adalah berbentuk penyediaan (termasuk baik-pulih) balai raya, jalan-jalan kampung (termasuk menurap tar ke atas jalan raya yang sedia ada), pusat kesihatan kecil, perhentian bas, kemudahan air bersih dan elektrik, jambatan kampung/kecil, dan pembinaan gelanggang untuk tujuan bersukan.

Berbanding dengan tujuan pembangunan keagamaan, pihak UMNO Kelantan tidak mengalami banyak masalah dalam menyalurkan program pembangunan yang bukan bercorak keagamaan. Dengan peruntukan wang daripada kerajaan pusat, khususnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pihak UMNO Kelantan dapat mengagih-agihkan terus projek-projek kecil tersebut kepada orang ramai melalui setiap bahagian ataupun cawangan UMNO. Sebaliknya, dalam menyediakan dan mengagih-agihkan projek pembangunan yang berbentuk keagamaan, pihak UMNO terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran dan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAJLIS).

Namun begitu, ini bukanlah merupakan suatu tugas yang sukar dilaksanakan oleh pihak UMNO Kelantan khususnya Tengku Razaleigh. Faktor kebangsawanan telah memudahkan pelaksanaan politik pembangunan itu. Melalui hubungan kekeluargaan yang rapat dengan Istana Kelantan dan baginda sultan, keadaan ini telah membolehkan beliau memanipulasikan hubungan tersebut bagi kepentingan politiknya dan UMNO. Ini kerana, seperti yang telah dijelaskan, sebagai Ketua Agama Islam di negeri Kelantan, baginda mempunyai kuasa yang luas melampaui kuasa Kerajaan Negeri terhadap kedudukan dan perjalanan

MAJLIS. Justeru dengan menggunakan kewibawaan dan kuasa baginda ke atas institusi ini, Tengku Razaleigh secara langsung mempunyai peluang untuk menggunakan MAJLIS sebagai saluran bagi membolehkan UMNO Kelantan mengagih-agihkan peruntukan pembangunan (yang bercorak keagamaan) tanpa mendapat tentangan daripada pihak PAS.

Berasaskan kepada suasana yang wujud ini, Tengku Razaleigh telah mengaturkan suatu pertemuan di antara baginda sultan dengan Tun Abdul Razak. Melalui pertemuan itu, sultan telah berjaya diyakinkan bahawa campur tangan baginda dan MAJLIS adalah perlu bagi membolehkan pihak UMNO (dan Kerajaan Persekutuan) menyediakan pelbagai bentuk pembangunan untuk mempertingkatkan syiar Islam kepada negeri Kelantan. Ini memandangkan wujudnya perbezaan politik di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan PAS Kelantan.

Apa yang menarik, pertemuan itu telah menghasilkan suatu perubahan dalam pucuk pimpinan MAJLIS, sehingga memberi impak yang besar kepada perkembangan politik penaungan dan politik pembangunan yang dipelopori oleh kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan. Sebagai tanda sokongan kepada tindakan politik UMNO ini, baginda telah melantik menantunya, Tengku Abdul Aziz Hamzah, yang juga abang kepada Tengku Razaleigh, sebagai Yang Dipertua MAJLIS yang baru. Melalui kuasa eksekutif Yang Dipertua ini, perlantikan tersebut tidak sahaja memperkuatkan cengkaman golongan bangsawan-pentadbir di dalam institusi tersebut, tetapi sekali gus telah mempermudah pula tugas Tengku Razaleigh sebagai penaung-perantara dalam mengagih-agihkan projek pembangunan keagamaan kepada rakyat Kelantan.

Walaupun Tengku Abdul Aziz bukanlah tokoh yang kontroversial dalam pentadbiran politik Kelantan, namun hubungan abang-adik di antara beliau dengan Tengku Razaleigh sudah cukup meyakinkan semua betapa Tengku Razaleigh mahu fenomena *Political Party-Directed Patronage* yang dipeloporinya itu berjalan lancar tanpa gangguan pihak Kerajaan PAS Kelantan. Ini kerana dalam jangka masa panjang, ia tidak sahaja memberi manfaat politik kepada UMNO, tetapi juga kepada dirinya sendiri yang mahu membina pengaruh peribadi di dalam arena politik Kelantan.

Pendek kata, perubahan kepemimpinan yang berlaku di MAJLIS ini dengan sendirinya menjadikan institusi tersebut dan Tengku Abdul Aziz sebahagian daripada jaringan politik penaungan yang sedang berkembang di dalam UMNO dan negeri Kelantan khususnya. Dengan

keterlibatan MAJLIS ini, maka dalam tempoh dua tahun sahaja (1967-69) jutaan ringgit telah dicurahkan ke Kelantan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan program pembangunan syiar Islam, demi untuk mencapai matlamat yang dirancangkannya melalui politik pembangunan.

Dari 1966-68, sebanyak RM1.5 Juta telah pun digunakan bagi tujuan yang dinyatakan itu. Manakala, pada tahun 1969 pula, Tun Abdul Razak (sewaktu melawat Kelantan) telah memaklumkan kesediannya untuk memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM 3.6 juta lagi. Dari jumlah ini, sebanyak RM 1.6 juta telah diperuntukkan kepada pembikinan 33 buah masjid dan sekolah agama, manakala bakinya sebanyak RM 2.0 juta itu telah dikhaskan pula untuk membiayai projek pembangunan kecil yang bercorak keagamaan, khususnya pembinaan jalan-jalan kampung (*Straits Times*, 20 January 1969). Apa yang menarik daripada perangkaan ini, ia secara langsung memperlihatkan bahawa pembiayaan sebanyak RM 3.0 juta bagi projek keagamaan di negeri Kelantan dalam tempoh 2-3 tahun itu adalah menyamai purata jumlah sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap negeri bagi menyediakan projek keagamaan dari sejak merdeka hingga awal 1969.

Berkaitan dengan pembiayaan ini, di samping jumlah peruntukan yang diisytiharkan secara rasmi, terdapat juga sumbangan kewangan yang diberikan dari masa ke semasa tanpa dimaklumkan kepada umum, atas permintaan khas UMNO Kelantan. Dalam hal ini, ia tidak terhad kepada projek pembangunan yang berbentuk keagamaan, tetapi juga bagi membiayai program pembangunan yang bukan keagamaan. Justeru, penyaluran wang tersebut tidak hanya terbatas kepada MAJLIS, sebaliknya turut disalurkan melalui institusi lain. Lazimnya pembiayaan itu disalurkan melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang ketika itu dikenali sebagai Kelas Dewasa, ataupun disalurkan terus kepada UMNO negeri yang kemudiannya menyalurkan pula kepada UMNO bahagian ataupun cawangan.

Sehubungan dengan ini, sumbangan kewangan itu tidak sahaja terhad kepada wang yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tetapi sumber kewangan daripada kementerian lain juga turut digunakan. Peruntukan ataupun pembiayaan ini seringkali diperolehi daripada menteri yang datang melawat Kelantan. Kesempatan daripada lawatan itu, seringkali digunakan oleh pihak UMNO untuk mendapat kelulusan segera bagi

membiaiyai mana-mana projek pembangunan kecil yang bersesuaian dengan kehendak ataupun kepentingan kementerian berkenaan.

Pengagihan Projek Pembangunan

Sungguhpun dalam melaksanakan politik pembangunan ini, peranan dan sumbangan Tun Abdul Razak sebagai penyedia dan pembekal pelbagai projek amat penting kepada UMNO Kelantan, namun perhatian ahli-ahli UMNO Kelantan lebih tertumpu kepada Tengku Razaleigh di dalam mendapatkan projek tersebut. Setiap pemimpin UMNO Kelantan, sama ada di peringkat bahagian ataupun cawangan, menyedari bahawa fungsi Tun Abdul Razak sebagai penaung politik substantif di dalam parti itu adalah tertakluk atas nasihat Tengku Razaleigh. Walaupun Tun Abdul Razak kerap kali berkunjung ke Kelantan, sepanjang tempoh politik pembangunan ini, namun kehadirannya itu lebih bersifat *ceremonial* bagi tujuan merasmikan pelaksanaan sesuatu projek.

Justeru, pada tanggapan mereka, semua program pembangunan yang mahu ditonjolkan kepada orang ramai itu merupakan program yang telah pun disusun dan dirancangkan oleh Tengku Razaleigh. Kalaupun tidak, persetujuan dan restu daripada tokoh berkenaan adalah penting sebelum mereka memperolehi pembiayaan sesuatu projek pembangunan bagi keperluan kawasan masing-masing. Oleh yang demikian, sekiranya setiap pemimpin UMNO itu mahu rakyat di kawasan masing-masing berpeluang menikmati projek-projek pembangunan ini, maka mereka tidak mempunyai pilihan lain, kecuali mendekati dirinya dengan Tengku Razaleigh atau mereka yang mempunyai kedudukan strategik dalam perhubungannya dengan tokoh tersebut.

Dengan persepsi sebegini, Tengku Razaleigh kepada pemimpin UMNO tempatan tidak hanya berperanan sebagai perantara yang menghubungkan mereka dengan kuasa yang lebih besar yang berada di luar UMNO seperti kementerian-kementerian yang terlibat dengan penyediaan pelbagai projek tersebut, tetapi beliau juga merupakan penaung politik sebenar. Dalam konteks ini, Tun Abdul Razak, pada mereka hanyalah suatu simbol penaungan yang berperanan untuk memperkukuhkan tindakan politik Tengku Razaleigh sahaja.

Keyakinan ini menjadi bertambah kukuh bila mana pada amalannya mereka juga yang bertindak sebagai perantara yang menghubungkan Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan dengan rakyat pada peringkat bawahan, apabila sesuatu projek atau sumber kewangan hendak diagih-agihkan kepada masyarakat umum khususnya para penyokong UMNO,

yang berada di bawah pengaruhnya. Sebagai perantara, orang kuat parti ini, terutamanya ketua bahagian dan wakil rakyat UMNO, mempunyai peluang secara langsung untuk mengemukakan kepada Tengku Razaleigh mengenai projek pembangunan yang diperlukan oleh kawasan masing-masing. Lazimnya, permintaan mereka ini jarang sekali ditolak oleh tokoh UMNO itu, apatah lagi sekiranya ia tidak melibatkan perbelanjaan yang begitu besar.

Bagi seorang ketua bahagian atau wakil rakyat UMNO, kejayaan mereka membawa pulang sesuatu projek pembangunan (walaupun kecil nilainya) ke kawasan masing-masing amatlah besar ertinya terhadap masa depan politiknya. Setidak-tidaknya kedatangan projek ini dapat mempertingkatkan lagi imej mereka sebagai pemimpin di kalangan penduduk setempat. Tambahan pula, sekiranya projek yang ditempatkan di kawasannya itu merupakan suatu projek yang tidak pernah diimpikan oleh rakyat tempatan sebelum itu, seperti pembinaan sebuah masjid atau surau yang baru yang diperbuat daripada batu-bata yang bernilai puluhan ribu ringgit. Sedangkan sebelum itu, penduduk tempatan terpaksa beribadat di dalam masjid ataupun surau yang diperbuat daripada kayu yang berada di dalam keadaan yang daif.

Bagi wakil rakyat UMNO khususnya, kejayaan mereka membawa pulang pelbagai projek pembangunan ke kawasan masing-masing amat bermakna memandangkan wakil rakyat PAS sendiri sukar untuk berbuat demikian bagi kawasannya, lantaran masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan PAS Kelantan pada ketika itu.⁸ Namun begitu, dalam pengagihan projek-projek ini, kawasan yang dimenangi oleh calon-calon UMNO selalunya diberi perhatian. Tindakan ini perlu dilakukan kerana pihak UMNO Kelantan sendiri mahu menggunakan kesempatan ini bagi memenuhi janjinya kepada para pengundi di kawasan tersebut, di samping menyatakan rasa terima kasihnya kerana memilih calon UMNO/Perikatan sebagai wakil rakyat mereka.

Walaupun pada lazimnya, pihak cawangan mengemukakan kehendak mereka melalui ketua bahagian, namun terdapat juga ketua-ketua cawangan yang berurusan atau menemui Tengku Razaleigh secara langsung dalam usaha mereka mendapatkan projek pembangunan bagi kawasan masing-masing. Peluang ini selalunya muncul apabila mereka berpeluang menjejakkan kaki di *Palm Manor*,⁹ ataupun ketika Tengku Razaleigh datang melawat ke cawangan masing-masing. Sudah menjadi tradisi, dalam usaha memperkuatkan kedudukan dan pengaruh UMNO di peringkat *grass roots*, Tengku Razaleigh seringkali turun ke

kampung-kampung bagi menemui dan mendengar sendiri rintihan rakyat di peringkat bawahan. Dalam kesempatan yang ada ini, beliau selalunya mengadakan pertemuan dari hati ke hati dengan ketua-ketua cawangan UMNO ataupun pemimpin masyarakat tempatan. Jadi, dalam kesempatan ini juga, mereka mengambil peluang untuk meminta pelbagai projek pembangunan untuk kawasan masing-masing.

Dalam keadaan begini, Tengku Razaleigh jarang sekali mengecewakan mereka, memandangkan kos pembiayaan tidaklah begitu tinggi, dan pihak UMNO Kelantan mampu membiayainya. Kepentingan projek yang diminta ini menjadi semakin terserlah lagi, sekiranya pada waktu yang sama, ia turut mendapat sokongan daripada ketua bahagian atau wakil rakyat UMNO. Dengan itu, tindakan yang berbentuk sokong-menyokong ini akan mempercepatkan lagi proses membawa projek pembangunan tersebut ke kawasan berkenaan. Jadi, melalui cara inilah mereka yang terlibat mendapat manfaat politik daripada pelaksanaan pendekatan politik pembangunan itu.

Implikasi Politik Pembangunan

Berasaskan kepada proses pengagihan projek pembangunan dalam era politik pembangunan ini, maka keadaan yang wujud itu telah memberi kekuatan secara langsung kepada setiap pemimpin yang terlibat untuk terus kekal dan memperkukuhkan kedudukan masing-masing di dalam struktur kepemimpinan parti, serta pada mata rakyat jelata, sama ada pada peringkat cawangan, bahagian ataupun sebagai wakil rakyat. Namun demikian, berbanding dengan para pemimpin lain, manfaat terbesar adalah lebih berpihak kepada Tengku Razaleigh.

Pada mata masyarakat umum, terutamanya di kalangan ahli-ahli UMNO di peringkat *grass root*, malahan di kalangan para pemimpin UMNO sendiri, beliau secara perlahan-lahan, telah dilihat sebagai seorang tokoh politik luar biasa. Ini memandangkan kemampuannya membawa pelbagai projek pembangunan dan bantuan kewangan ke Kelantan, sedangkan pada ketika yang sama, beliau tidak memegang jawatan di dalam hierarki pemerintahan, sama ada di peringkat negeri ataupun Persekutuan.

Kesan psikologi ini menjadi lebih mendalam lagi apabila ia dikaitkan dengan para pemimpin UMNO yang sebelumnya. Ini kerana, pengalaman dan suasana yang mereka alami pada pertengahan kedua tahun 1960-an itu langsung tidak dialami sewaktu UMNO berada di bawah kepemimpinan bangsaawan yang lain. Oleh itu, di atas persepsi

yang sedemikian, Tengku Razaleigh, secara perlahan-lahan, telah juga dilihat sebagai pemimpin yang berkarismatik, apatah lagi perhubungan yang wujud itu berasaskan kepada hubungan emosi-peribadi. Akhirnya, kesan psikologi ini telah memberi kekuatan kepada beliau untuk muncul sebagai pemimpin yang digeruni di dalam UMNO Kelantan. Sejak itu, peranan beliau tidak lagi terhad sebagai pemimpin-penaung yang bersifat simbolik atas kedudukannya sebagai bangsawan, tetapi juga bersifat substantif, seiring dengan peranan yang dijangkakan Tun Abdul Razak yang lebih merupakan pemimpin *de jure* di dalam UMNO Kelantan.

Suasana yang wujud ini telah memberi impak yang besar kepada pihak PAS dalam usahanya mengekalkan populariti dan kekuasaan di negeri Kelantan. Sehubungan dengan ini, PAS sejak awal lagi telah pun menyedari tentang keuntungan politik yang bakal diperolehi oleh UMNO, apabila Tengku Razaleigh melibatkan MAJLIS di dalam pendekatan politik pembangunannya itu. Namun begitu, PAS tidak bersedia untuk mengganggu institusi agama itu, demi untuk menjaga hubungan baiknya dengan Baginda Sultan. Pihak PAS juga menyedari bahawa hubungannya dengan Istana Kelantan lebih bersifat formal dan administratif, berbanding dengan hubungan kekeluargaan yang wujud di antara institusi itu dengan Tengku Razaleigh.

Pendek kata, pendekatan dan strategi politik pembangunan ini telah menyebabkan PAS berada di dalam keadaan yang tertekan. Sekurang-kurangnya dengan kesediaan Baginda Sultan membenarkan MAJLIS menjadi alat politik UMNO, maka ia secara langsung memberi peluang kepada UMNO untuk mengawal pengaruh PAS melalui institusi formal yang berada di dalam jentera Kerajaan Negeri Kelantan sendiri. Natijahnya, sama ada disedari ataupun tidak, Sultan Kelantan secara langsung telah memberi peluang dan kesempatan kepada UMNO untuk berkembang dan meluaskan pengaruhnya melalui institusi agama itu. Ini sekali gus membawa erti Baginda telah memperkukuhkan lagi kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan.

Lebih merumitkan lagi, pada ketika yang sama, pihak PAS juga terpaksa berhadapan dengan para penyokongnya (pengundi tradisi) di kampung-kampung, yang selama ini terpengaruh dengan dakwaan dan keraguan yang ditimbulkan oleh para pemimpin parti itu tentang halal-haram penggunaan wang Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan, terutamanya berkaitan dengan pembinaan institusi keagamaan. Ini kerana di hadapan mata mereka sendiri, wang itu telah

digunakan oleh pihak MAJLIS untuk membiayai pelbagai projek keagamaan, dan direstui pula oleh Baginda Sultan selaku Ketua Agama Islam (Kessler 1978, 294).

Sebaliknya keadaan yang berbeza pula dialami oleh para pemimpinya, seperti yang telah dijelaskan, kewujudan fenomena *political party-directed patronage* ini juga telah memberi peluang kepada parti itu untuk mendekati lagi dirinya dengan rakyat Kelantan, khususnya di kawasan luar bandar yang selama ini penyokong setia PAS. Dengan imej *party patronage*, UMNO Kelantan telah merebut segala peluang yang ada bagi membuktikan dirinya sebagai sebuah parti yang mampu menaungi dan melindungi masyarakat Melayu Kelantan. Justeru, apabila Kelantan dilanda banjir besar pada tahun 1967, melalui sokongan Kerajaan Pusat, UMNO Kelantan telah membelanjakan wang sebanyak RM 3.9 juta bagi membantu mangsa banjir di negeri itu. Ini termaksudlah perbelanjaan memperbaiki segala kerosakan yang berlaku akibat daripada bencana tersebut (UMNO, *Penyata Tahunan 1967*).

Jadi, dengan perlaksanaan pelbagai program politik pembangunan ini, Razak-Razaleigh pada hakikatnya telah berjaya menanam suatu keyakinan baru kepada rakyat Kelantan bahawa UMNO seharusnya diberi peluang untuk memerintah dan bukannya PAS, sekiranya mereka mahukan projek pembangunan tersebut terus dilaksanakan di negeri itu. Justeru, disebabkan terlalu yakin bahawa strategi politik pembangunan ini telah berjaya menemui sasarannya, dan sokongan rakyat Kelantan kepada UMNO kelihatan meningkat, maka Tun Abdul Razak, menjelang pilihan raya umum 1969 tanpa ragu-ragu telah menjanjikan peruntukan sebanyak RM450 juta bagi tujuan membangunkan negeri Kelantan, sekiranya UMNO/Perikatan dipilih untuk membentuk Kerajaan Negeri. Apa yang menarik, beberapa hari kemudiannya, beliau tanpa diduga telah menambahkan lagi peruntukan itu menjadi RM548 juta (*Straits Times*, 11 April 1969).

Daripada jumlah tersebut, Tun Abdul Razak dan UMNO Kelantan menjanjikan RM10 juta untuk menyediakan pelbagai projek pembangunan keagamaan. Manakala, bagi tujuan pembukaan tanah untuk mereka tidak bertanah pula sebanyak RM50 juta telah diperuntukan daripada wang tersebut. Di samping itu, untuk mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan pendidikan, sejumlah RM205 juta telah diperuntukan. Malahan, para imam di seluruh negeri Kelantan juga turut dijanjikan imbuhan sebanyak RM500,000 sekiranya

JADUAL 4.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1964 dan 1969: Bandingan Prestasi di Antara UMNO/Perikatan dan PAS

Parti	Bilangan Kerusi		Jumlah Undi	
	1964	1969	1964	1969
UMNO/Perikatan	9	11	89,379 (43.0%)	112,017 (47.5%)
PAS	21	19	118,498 (57.0%)	123,231 (52.2%)

Sumber: Surohanjaya Pilehanraya, *Penyata Pilehanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, hal. 115 & hal. 117.

hasrat UMNO/Perikatan tercapai. Berikutan janji politik Tun Abdul Razak ini, maka menjelang pilihan raya umum 1969, persoalan pembangunan dan pengagihan peruntukan wang sebanyak RM48 juta itu telah menjadi isu utama dalam kempen politik UMNO Kelantan.

Dengan didorongi oleh keyakinan bahawa pendekatan politik pembangunan itu telah berjaya mendekatkan UMNO dengan para pengundi Melayu Kelantan, Tengku Razaleigh tanpa ragu-ragu telah memaklumkan kepada Tun Abdul Razak bahawa UMNO/Perikatan mampu memenangi 20 daripada 30 buah kerusi yang dipertandingkan di peringkat Dewan Undangan Negeri. Begitu juga dengan para petugas UMNO di bahagian Kelas PAS di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Bilangan kerusinya telah merosot daripada 21 kepada 19 buah kerusi sahaja, manakala kerusi UMNO/Perikatan pula telah bertambah dari 9 kepada 11 kerusi.

Jadual 4.3 di atas juga secara langsung dapat membayangkan bahawa dari segi moral dan politik jangka panjang, ia mampu mencetuskan rasa bimbang di kalangan para penyokong PAS di negeri Kelantan. Bahkan, sesiapa sahaja dapat membuat telahan bahawa UMNO/Perikatan mempunyai masa hadapan yang semakin cerah untuk mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan daripada tangan PAS. Ini kerana dalam sepuluh tahun sahaja, kemerosotan pengaruh serta kekuatan parti begitu ketara sekali.

Dengan merujuk kepada Jadual 4.4, jelas memperlihatkan bahawa dalam jangka masa tersebut (1959-69), hampir separuh daripada jumlah kerusi PAS di dalam Dewan Undangan Negeri dimenangi UMNO. Walhal, dalam pilihan raya umum 1959, UMNO hanya mampu

JADUAL 4.4. Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan: Bandingan Prestasi UMNO/Perikatan dan PAS Dalam Tempoh Sepuluh Tahun (1959-69)

Parti	Bilangan Kerusi			Peratusan Undi		
	1959	1964	1969	1959	1964	1969
UMNO/Perikatan	2	9	11	26.9%	43.0%	47.5%
PAS	28	21	19	63.8%	57.0%	52.2%

Sumber: Election Comission, *Report On The Parliamentary and State Elections 1959*, The Government Press, hal. 15; dan Surohanjaya Pilehanraya, *Penyata Pilehanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, hal. 115, 117 & 119.

memenangi satu kerusi sahaja, dan satu kerusi lagi telah dimenangi oleh rakannya daripada MCA pula telah berjaya menawan 28 daripada 30 buah kerusi yang dipertandingkan. Begitu juga dengan jumlah undi yang telah dipungut oleh pihak PAS. Dalam jangka masa 10 tahun ini, jumlah undinya telah merosot sebanyak 63.8%, tetapi pada tahun 1969, peratusan undinya telah jatuh kepada 52.2%. Sebelum itu, pada pilihan raya umum 1964, PAS hanya mampu memperolehi undi sebanyak 57.0%.

Keadaan yang hampir sama juga berlaku di peringkat Parlimen. Jadual 4.5 seterusnya jelas menggambarkan betapa dalam tempoh sepuluh tahun, peratusan undi yang telah diperolehi oleh UMNO/Perikatan meningkat kepada 31.4% pada tahun 1959 kepada 47.5% pada tahun 1969. Pendek kata, dengan pertambahan undi sebanyak 16.1%, keputusan ini juga turut menambahkan lagi bilangan kerusi yang dimiliki oleh UMNO/Perikatan Kelantan di Dewan rakyat. Dari sebuah kerusi yang dimenanginya pada tahun 1959, jumlah kerusi pada tahun 1969 telah meningkat kepada empat. Sungguhpun sumbangan UMNO/Perikatan Kelantan ini kecil berbanding dengan bilangan kerusi yang dimenangi di negeri-negeri lain di Semenanjung, namun peningkatan ini amat bermakna sekali kepada UMNO/Perikatan pada peringkat kebangsaan dalam usahanya mempertahankan serta mengekalkan majoriti 2/3 di dewan tersebut. Ini memandangkan sejumlah besar kerusi rakan bukan Melayunya dalam Parti Perikatan, terutama MCA telah jatuh ke tangan parti pembangkang iaitu DAP dan Gerakan di dalam pilihan raya umum 1969 itu (Goh Cheng Teik 1971).

JADUAL 4.5 Keputusan Pilihan Raya Peringkat Parlimen di Negeri Kelantan:
 Bandingan Prestasi UMNO/Perikatan dan PAS dalam
 Tempoh Sepuluh Tahun (1959-69)

Parti	Bilangan Kerusi			Peratusan Undi		
	1959	1964	1969	1959	1964	1969
UMNO/Perikatan	1	2	4	31.4%	42.9%	47.5%
PAS	9	8	6	68.3%	56.9%	52.4%

Sumber: Election Commission, *Report On The Parliamentary and State Elections 1959*. The Government Press, hal. 11; dan Surohanjaya Pilihan Raya, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*. Percetakan Negara, Kuala Lumpur, hal. 117 & 119.

Manakala bagi PAS pula, meskipun parti itu telah berjaya menambah kerusinya di Dewan Rakyat daripada sembilan pada tahun 1964 kepada 12, melalui kemampuannya memenangi beberapa buah kerusi di luar Kelantan, namun jumlah kerusi yang dimenangnya di Kelantan tetap berkurangan. Daripada sembilan kerusi pada 1959 (kemudiannya tinggal lapan buah pada 1964), PAS hanya mampu mempertahankan enam buah sahaja pada peringkat Parlimen (daripada sepuluh buah kerusi yang dipertandingkan) pada 1969. Begitu juga dengan peratus undi yang diperoleh PAS jelas memperlihatkan kemerosotan sokongan (lihat Jadual 4.5). Jumlah undi yang mampu dipertahankan pada tahun 1969 hanya sebanyak 52.4% sahaja, sedangkan pada tahun 1964, peratusan undi yang dimilikinya ialah sebanyak 56.9%, dan pada tahun 1959 pula peratusan undinya begitu tinggi sekali iaitu sebanyak 68.3%.

Oleh yang demikian, dengan kemerosotan undi sebanyak 15.9% di dalam tempoh sepuluh tahun pada peringkat Parlimen ini, serta 11.6% di peringkat Dewan Undangan Negeri, ia secara langsung telah memberi keyakinan kepada UMNO Kelantan, khususnya kepada Tengku Razaleigh, yang menjadi arkitek kepada kejayaannya UMNO bahawa PAS sebenarnya berada di dalam keadaan yang rapuh. Oleh itu, peluang UMNO untuk mengambil alih teraju pemerintahan Kelantan bukanlah merupakan suatu perkara yang mustahil, sekalipun pihak kepemimpinan PAS tetap yakin bahawa partinya masih lagi mampu mempertahankan kuasanya di masa hadapan.

Catatan

1. Keterangan lanjut, lihat di dalam bab 1 mengenai penjelasan konsep.
2. Ada di antara mereka telah dipanggil menghadap Tun Abdul Razak di Kuala Lumpur, dan di minta menerima apa sahaja tawaran yang dikemukakan oleh tokoh UMNO itu. Dato' Nik Hassan Nik Yahya, misalnya telah diberitahu supaya menerima perlantikan sebagai duta ke luar negara, sekiranya tawaran itu dikemukakan oleh Tun Abdul Razak kepadanya.

Namun begitu, beliau agak bernasib baik kerana keluar pada saat-saat akhir beliau tidak dicampakkan keluar dari Kelantan (melalui jawatan duta). Sebaliknya beliau dibenarkan berada di Kelantan dan jawatannya sebagai ahli Dewan Negara telah dilanjutkan. Walau bagaimanapun, beliau tidak lagi aktif di dalam UMNO, dan meletakkan jawatannya sebagai Ketua Penerangan UMNO Kelantan, dengan mengemukakan beberapa alasan tertentu.

Pandangan ini telah diberikan oleh beberapa veteran UMNO Kelantan yang telah sempat penulis temui semasa penyelidikan ini dijalankan. Malahan, Dato Nik Hassan sendiri, dalam pertemuannya dengan penulis, mengakui tentang peringatan dan tawaran yang bakal dikemukakan oleh Tun Abdul Razak kepadanya.

3. Walaupun kebenaran fakta ini sukar diperolehi, tetapi itulah tanggapan yang bermain di fikiran tokoh/ahli UMNO Kelantan yang sempat penulis temui, sama ada secara formal ataupun tidak sewaktu penyelidikan ini dilakukan.
4. Dalam pilihan raya umum 1969, Encik Muhammad Idris (rakan persekolahan Tengku Razaleigh) telah dipilih untuk bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Putih Tenggara. Manakala, Dr. Abdul Aziz Omar pula (orang kepercayaan Tunku Perdana Menteri yang berasal dari Pulau Pinang) telah dipilih untuk bertanding di kerusi Parlimen Tumpat.

Sebaliknya, Encik Ariffin Salleh dan Encik Muhammad Haji Ali (sekalipun tidak dipilih untuk bertanding di dalam pilihan raya tersebut) telah diberikan peranan yang penting di dalam pentadbiran parti di Ibu Pejabat UMNO, di Kota Bharu.

Berikutan dengan perlantikan Tengku Razaleigh sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan pada 1971, Encik Muhammad Haji Ali telah dipilih untuk memegang jawatan Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan. Manakala, Encik Ariffin Salleh pula telah dilantik menjadi Pembantu Khas kepada Tengku Razaleigh merangkap berperanan sebagai Setiausaha UMNO Bahagian Ulu Kelantan (sebelum beliau berpindah ke bahagian Pengkalan Chepa), di mana Tengku Razaleigh menjadi ketua bahagiannya.

5. Tengku Ahmad Rithaudeen telah memenangi kawasan Parlimen Kota Bharu Hilir dengan memperoleh majoriti undi sebanyak 155 undi. Manakala Encik Mohamed Yaacob pula telah memenangi kerusi Parlimen Tanah Merah dengan majoriti sebanyak 1007 undi.

Apabila Tun Abdul Razak dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1970, beliau telah melantik Tengku Ahmad Rithaudeen sebagai Timbalan Menteri Pertahanan iaitu portfolio yang dipegang oleh Tun Abdul Razak sendiri. Manakala, Encik Mohamed Yaacob pula telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, iaitu portfolio yang dipegang oleh Tun Dr. Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

6. Di kalangan mereka ini ada di antaranya yang telah diberikan beberapa buah permit lori dan teksi. Malahan, ada juga di antara mereka ini yang telah difantik menjadi ahli lembaga pengarah kepada beberapa buah perbadanan awam ataupun syarikat milik kerajaan. Walau bagaimanapun, kebanyakan tokoh-tokoh UMNO yang ditemui oleh penulis, mereka ini telah enggan untuk mendedahkan lebih lanjut mengenai perkara ini. Bahkan mereka juga tidak membenarkan namanya ditulis sebagai sumber pemberi maklumat mengenai hal tersebut.
7. Dalam kes tertentu, Tengku Razaleigh (melalui panggilan telefon) terpaksa menyamar menjadi Tun Abdul Razak sebagai suatu usaha untuk memujuk tokoh-tokoh agama ini supaya bergiat cergas di dalam UMNO Kelantan. Walhal, sewaktu panggilan telefon itu dibuat, Tengku Razaleigh dan ulama yang terlibat sedang berada di dalam bangunan yang sama, iaitu Bangunan UMNO di Kota Bharu. Temubual dengan Dato' Hassan Haji Yaacob, di Kota Bharu, pada 9 Ogos 1987.
8. Ini berdasarkan pengalaman penulis sendiri. Melalui peruntukan Kerajaan PAS Kelantan pada awal 1960-an, surau yang terletak di kampung penulis (Kampung Penambang) hanya mendapat pembiayaan untuk tujuan membaik-pulih sahaja. Sebaliknya, pada tahun 1969, selepas sahaja cawangan UMNO ditubuhkan di kampung tersebut (menjelang pilihan raya 1969), peruntukan membina masjid yang baru telah diluluskan, tanpa perlu meroboh surau yang lama. Pihak UMNO menghormati kewujudan surau lama itu dengan alasan bagi memelihara kepentingan mereka yang telah membuat amal jariah di dalam membina surau tersebut, sejak tahun 1930-an lagi.
9. *Palm Manor* ialah nama kediaman rasmi Tengku Razaleigh yang terletak di tengah bandar Kota Bharu. Pada hujung minggu, kediaman beliau ini selalunya di penuh oleh para penyokong UMNO yang datang dengan pelbagai tujuan.

BAB 5

Penaungan: UMNO Kelantan dan Strategi Baru dalam Peningkatan Pengaruh Kepemimpinan Bangsawan

Walaupun UMNO gagal menguasai Kelantan melalui pilihan raya umum 1969, ini tidak bermakna bahawa kepemimpinan bangsawan di dalam parti itu telah mengalami kemerosotan. Sebaliknya, kedudukan dan pengaruh kepemimpinan bangsawan terus bertambah kuat dan sukar digugat oleh mana-mana pihak. Berbeza dengan keadaan sebelumnya, perkembangan kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan tidak lagi dipengaruhi oleh suasana politik dalam negeri semata-mata. Sebaliknya, pada tahun 1970-an dan seterusnya, perkembangan parti itu lebih banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik, serta ekonomi yang berlaku di peringkat kebangsaan. Maka itu, kedudukan dan peranan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin politik begitu terserlah di Kelantan dan juga di luar Kelantan.

Dalam hal ini, kemunculan gagasan politik baru (*new politics*) (Means 1991), ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969, serta kemunculan Tun Abdul Razak sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri baru Malaysia serta penggantinya Dato' Hussein Onn merupakan faktor-faktor luaran utama yang telah memperkuatkan dan memperteguhkan kepemimpinan Tengku Razaleigh. Walaupun Tengku Razaleigh tidak berada di dalam Kabinet Persekutuan ketika fenomena baru ini muncul, namun dengan memiliki pelbagai kuasa eksekutif di dalam beberapa perbadanan kerajaan, semua sudah mencukupi baginya untuk berperanan sebagai penaung politik substantif. Walau bagaimanapun, dengan perantukan beliau sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan (1971), dan beberapa jawatan kanan di dalam UMNO Malaysia, serta Menteri Kewangan Malaysia (1976), maka perantukan ini dengan sendirinya telah mempertingkatkan lagi pengaruh dan peranannya sebagai penaung politik substantif. Pendek kata, dalam tempoh kebangkitan Tengku Razaleigh ini, fenomena *political party*

directed patronage merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan lagi di dalam perkembangan UMNO dan politik Kelantan.

Melalui kedudukannya itu, Tengku Razaleigh juga mempunyai kesempatan yang luas untuk membentuk UMNO Kelantan mengikut kehendaknya. Pada tahap ini, ikatannya dengan UMNO Kelantan begitu erat sekali, sehinggakan nama beliau dengan UMNO menjadi sinonim. Justeru, sesiapa yang membicarakan tentang perkembangan UMNO Kelantan, ia sebenarnya memperkatakan tentang perkembangan kepemimpinan Tengku Razaleigh di dalam parti itu.

Gagasan Politik Baru dan Pembinaan Pengaruh

Berbeza dengan keputusan pilihan raya umum sebelumnya, pilihan raya pada 10 Mei 1969 tidak menjanjikan kemenangan yang cemerlang kepada UMNO dan rakan-rakan bukan Melayunya di dalam gagasan Parti Perikatan, sama ada di peringkat negeri ataupun Parlimen. Walaupun UMNO telah berjaya menunjukkan prestasi yang baik di negeri Kelantan, namun di negeri-negeri yang lain, pengaruh UMNO/Perikatan telah merosot dengan teruk sekali (Goh Cheng Teik 1971). Di peringkat Parlimen, UMNO/Perikatan hanya mampu mengaut sebanyak 44.9% undi, manakala di peringkat negeri pula, jumlah undi yang mampu diperolehinya hanya sebanyak 45.7% sahaja (*Penyata Pilihanraya Umum 1969*).

Dengan prestasi yang buruk ini, ia dengan sendirinya telah menjejaskan peluang UMNO/Perikatan untuk mempertahankan majoriti dua pertiganya di dalam Parlimen Malaysia. Dengan kata lain, kerajaan yang ditubuhkannya berada di dalam keadaan yang lemah. Daripada 104 buah kerusi yang dipertandingkan di Semenanjung Malaysia, UMNO/Perikatan hanya mampu mempertahankan sebanyak 67 buah kerusi sahaja. Malahan, sekiranya jumlah kerusi yang diperolehi oleh Parti Perikatan di Sabah dan Sarawak turut diambil kira, maka parti tersebut hanya menguasai sebanyak 93 kerusi sahaja daripada 144 kawasan yang dipertandingkan.

Berbeza dengan UMNO/Perikatan, pihak PAS pula serta parti pembangkang bukan Melayu yang lain telah memperolehi pengalaman yang berbeza. Walaupun keputusan pilihan raya umum 1969 menunjukkan pengaruh PAS di negeri Kelantan telah merosot, sebaliknya pilihan raya itu juga memperlihatkan betapa pengaruh PAS dan parti-parti pembangkang bukan Melayu yang lain telah meningkat di

peringkat Parlimen. Bahkan, di beberapa buah negeri tertentu, pengaruh parti pembangkang ini jauh mengatasi kekuatan UMNO. Kebangkitan PAS begitu terasa sekali di Kedah dan Terengganu, sekalipun UMNO/Perikatan masih mengekalkan kekuasaannya (*Penyata Pilihanraya Umum 1969*).

Jadual 5.1 di sebelah jelas memperlihatkan betapa kuatnya kedudukan parti pembangkang selepas pilihan raya umum 1969. Meskipun mampu memiliki 37 buah kerusi di peringkat Parlimen, namun 44% pengundi berbilang kaum telah berpihak kepadanya. Oleh itu, dengan memperolehi kemenangan yang cemerlang ini, maka adalah tidak mengejutkan sekiranya para penyokong parti pembangkang, khususnya golongan bukan Melayu di sekitar Kuala Lumpur telah mengadakan perarakan kemenangan pada 13 Mei 1969, sehingga menimbulkan pula kemarahan masyarakat Melayu yang kebanyakannya merupakan penyokong setia UMNO (Tunku Abdul Rahman 1969).

Situasi ini akhirnya telah menjerumuskan negara, khususnya bandar Kuala Lumpur ke dalam kancah pertelingkahan dan pertumpahan darah di antara kaum. Akibatnya, pihak kerajaan telah mengisytiharkan Undang-undang Darurat di seluruh negara (Milne 1982, 109-10). Dengan itu segala kegiatan politik termasuk urusan Parlimen telah digantung dan ditangguhkan buat sementara waktu, manakala urusan pemerintahan negara pula diserahkan kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak. Serentak dengan itu, suatu penilaian semula dilakukan terhadap proses politik dan struktur ekonomi negara ini. Hasilnya, selain daripada menerima hakikat bahawa tragedi 13 Mei 1969 itu telah tercetus ekoran daripada kegagalan pihak kerajaan serta UMNO/Perikatan mengatasi gejala politik perkauman, MAGERAN dan Tun Abdul Razak juga sudah tidak dapat lagi menerima struktur ekonomi pasca-merdeka.

Kewujudan dualisme yang membahagikan masyarakat kepada dua bentuk ekonomi yang berbeza turut dilihat sebagai salah satu punca yang menyebabkan kegagalan melahirkan perpaduan bangsa, sehingga melahirkan tragedi tersebut (Faaland 1991, 1-19). Masyarakat Melayu dan bukan Melayu, khususnya orang Cina tidak seharusnya lagi berada di dalam dua sektor ekonomi yang berbeza (Means 1991, 11). Justeru, pengenalan kaum melalui kegiatan ekonomi perlu dihapuskan. Manakala, sumber kekayaan negara pula hendaklah diagihkan kepada semua kaum, khususnya masyarakat Melayu, yang jauh tertinggal di dalam sektor ekonomi moden, yang dikuasai oleh masyarakat bukan

JADUAL 5.1 Keputusan Pilihan Raya Peringkat Parlimen 1969: Bandingan Prestasi di antara Parti Perikatan dan Parti Pembangkang

Parti	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kawasan Dimenangi
Parti Perikatan [Semenanjung]		
UMNO	68	52
MCA	33 104	13 67
MIC	3	2
Parti Perikatan Sarawak		
Bumiputera	11 14	5 7
Sarawak Chinese Association	3	2
Parti Perikatan Sabah		
USNO	13 16	13 16
Sabah Chinese Association	3	3
	134	90
Parti Pembangkang		
PAS	62	12
DAP	24	13
Gerakan	14	8
PPP	6	4
SNAP	23	9
SUPP	19	5
Pesaka	15	2
Bebas	34	1
	197	54

Sumber: Perangkaan di atas disesuaikan dari *Suruhanjaya Pilihanraya: Penyata Pilihanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

Melayu. Ketidakeimbangan ini perlu diatasi dengan seberapa segera bagi mengembalikan keyakinan majoriti masyarakat Melayu kepada UMNO, yang selama ini menganggap parti tersebut sebagai penaung mereka (Milne 1982, 107-108).

Bagi memenuhi tuntutan pembaikan ekonomi ini, penggubalan suatu dasar ekonomi negara yang baru merupakan suatu agenda politik yang tidak dapat dielakkan lagi. Dalam mencapai matlamat ini, MAGERAN melalui Majlis Perunding Negara (Milne 1982; Mauzy 1983, 47) telah mengemukakan suatu rancangan ekonomi jangka panjang negara yang bermatlamatkan kepada: Pertama, menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum. Kedua, penyusunan semula masyarakat

dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonominya. Jangka masa dua puluh tahun telah ditetapkan untuk mencapai matlamat yang digariskan itu. Seiringan dengan itu, Tun Abdul Razak juga menyedari betapa perlunya menstrukturkan semula politik negara bagi memenuhi keperluan politik dan ekonomi pada ketika itu.

Oleh yang demikian, apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman pada 1971, maka suatu formula politik baru perlu dicari bagi membolehkan UMNO terus mengekalkan *hegemony* di dalam pemerintahan negara. Ini memandangkan parti dan kerajaan yang dipimpinnya itu bakal berhadapan dengan pelbagai halangan dalam urusan pentadbiran negara, khususnya berkaitan dengan pindaan Perlembagaan, akibat daripada ketiadaan majoriti dua pertiga di dalam Parlimen. Kepentingan penstrukturkan semula politik ini menjadi semakin bertambah penting memandangkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah pun berada di peringkat pelaksanaan.

Bagi Tun Abdul Razak, usaha membaiki ekonomi masyarakat Melayu sukar dilaksanakan sekiranya pada waktu yang sama orang Melayu dan parti politik yang didukung mereka terus-menerus berpecah-belah mengikut parti politik masing-masing, terutamanya di negeri-negeri yang bermajoritikan penduduk Melayu. Oleh itu, bagi mengelakkan politik yang berterusan ini, terutamanya di antara PAS dan UMNO, maka penubuhan Kerajaan Campuran dilihat sebagai formula politik terbaik bagi mencapai tujuan tersebut. Namun begitu, dalam merumuskan formula politik baru ini, tindakan membentuk Kerajaan Campuran pada akhirnya tidak terhad kepada UMNO/Perikatan-PAS sahaja. Sebaliknya, gagasan ini juga turut dibukakan kepada parti-parti pembangkang bukan Melayu. Ini kerana UMNO/Perikatan juga berharap melalui tindakannya itu, ia sekali gus memberi peluang kepadanya di dalam arena politik negara (Mauzy 1983, 37-38), serta menyelesaikan masalah kekurangan majoriti dua pertiga di Dewan Parlimen.

Ekoran daripada kejayaan menubuhkan Kerajaan Campuran di Sarawak, maka gagasan ini telah berkembang pula ke Pulau Pinang dan Perak kemudiannya. Kemuncaknya, pada Januari 1973, UMNO/Perikatan dan PAS telah bersetuju untuk membentuk Kerajaan Campuran pada peringkat Persekutuan dan Negeri. Berikutan dengan kejayaan ini, kesemua parti yang terlibat dengan pembentukan Kerajaan Campuran itu telah bersedia menggabungkan diri ke dalam satu perikatan politik yang lebih besar, yang dikenali sebagai Barisan

Nasional. Ini telah dilakukan sebagai menghadapi pilihan raya umum 1974 (Mauzy 1983, 37-38).

Dengan wujudnya gagasan politik baru ini yang di dalamnya terkandung formula ekonomi dan politik, maka fenomena ini juga turut merobah proses politik di Kelantan. Perkongsian kuasa di antara dua buah parti dominan Melayu, UMNO dan PAS, sudah merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan lagi. Kedua-duanya kini terpaksa berganding bahu untuk membangunkan negeri tersebut. Setiap pihak akur bahawa mereka perlu bekerjasama dan melipat gandakan usaha, demi untuk mencapai matlamat DEB. Jadi, dalam konteks ini, Kelantan sebagai sebuah negeri Melayu, secara langsung, banyak mendapat nikmat pembangunan daripada pelaksanaan gagasan politik baru itu.

Berbeza dengan keadaan sebelumnya, halangan daripada pihak PAS tidak lagi wujud dalam usaha UMNO/Kerajaan Persekutuan mengagih-agihkan projek pembangunan di negeri itu. Malangnya, suasana yang tenang ini tidak pula wujud dalam tindakan politik kedua-dua parti yang terlibat. Walaupun pada zahirnya, UMNO dan PAS terlibat dengan pembentukan Kerajaan Campuran pada peringkat negeri, namun kedua-dua belah pihak tetap bergerak untuk memperkukuhkan kedudukan masing-masing. Akibatnya, kegiatan politik berparti terus bergelora di Kelantan, walaupun setiap parti yang terlibat berkongsi *vision* politik baru yang sama, iaitu kestabilan dan pembangunan ekonomi.

Dalam hal ini, kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan mempunyai agenda yang tersendiri. Seperti pada masa lalu, dalam usaha memperkukuhkan UMNO dan kepemimpinannya, Tengku Razaleigh memberikan pentafsiran yang baru terhadap persekitarannya. Bagi beliau, gagasan politik baru yang melahirkan kerjasama UMNO-PAS tidak seharusnya menjadi halangan kepada UMNO untuk menawan Kelantan. Akibatnya, sebarang tindak-tanduk Tengku Razaleigh telah dilihat oleh pihak PAS sebagai suatu usaha untuk memenuhi cita-cita politiknya yang tinggi di peringkat kebangsaan, dan Kelantan merupakan pangkalan politik yang terbaik bagi beliau mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, segala kegiatan politik telah diberikan perhatian serius oleh PAS Kelantan.

Protege Politik Baru dan Pembentukan Imej

Dengan penglibatan secara langsung pihak kerajaan dalam melaksanakan DEB, maka fenomena ini dengan sendirinya membayang-

kan bahawa masalah ekonomi orang Melayu dan negara seluruhnya, ketika itu sedang berada dalam keadaan yang serius. Oleh yang demikian, apabila Tun Abdul Razak, selaku Perdana Menteri bertindak memberi peluang kepada tokoh UMNO yang berada di luar kerajaan, seperti Tengku Razaleigh, melibatkan diri di dalam menjayakan dasar ekonomi tersebut, maka tindakan ini telah mendorong orang ramai untuk mempercayai bahawa anak raja dari Kelantan itu merupakan tokoh yang hebat atau luar biasa yang mampu membawa perubahan kepada ekonomi bangsanya.

Tengku Razaleigh, selain daripada dilantik mengetuai Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) pada tahun 1970, beliau juga turut dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) pada tahun 1971.¹ Sebagai institusi milik kerajaan yang terlibat secara langsung dengan program menjadikan orang Melayu sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian, perlantikan itu dengan sendirinya menjadikan beliau aktor penting di dalam menjayakan DEB. Di samping itu, disebabkan perlantikan ke jawatan tersebut telah dibuat pada era pelaksanaan DEB, maka ini merupakan suatu kepercayaan yang amat besar pihak kerajaan, khususnya Perdana Menteri Tun Abdul Razak terhadap diri beliau.

Imej yang sedia wujud itu menjadi semakin meningkat, apabila Tun Abdul Razak melantiknya sebagai Pengerusi Eksekutif pertama Petroleum Nasional Berhad (Petronas). Walaupun jawatan ini berada di luar kabinet, namun Tun Abdul Razak tidak keberatan memberikannya status yang setaraf dengan menteri (*Utusan Malaysia*, 6 September 1974). Dalam hal ini, status dan kekuatan jawatan tersebut semakin terserlah apabila Tun Abdul Razak mengisytiharkannya sewaktu beliau mengumumkan senarai kabinet pertamanya yang dikenali sebagai kabinet berorientasikan tindakan pada tahun 1974.

Apa yang penting di sebalik pelantikan ini, ia secara langsung memperlihatkan betapa tingginya harapan yang diletakkan oleh negara dan kerajaan pada diri Tengku Razaleigh. Ini memandangkan minyak merupakan sumber kekayaan negara yang baru, dan Malaysia pula tidak mempunyai kepakaran di dalam urusan pengendalian bahan galian tersebut. Jadi, pada bahu putera raja ini terletak harapan agar Malaysia memperolehi pembahagian yang adil dari segi keuntungan, apabila perjanjian dibuat dengan syarikat-syarikat asing yang bersedia melaburkan modal dan kepakarannya di dalam industri petroleum negara (Ranjit 1987, 132-145).

Di samping itu, Tengku Razaleigh juga diharapkan mampu mencari suatu formula yang dapat memberikan keadilan kepada Kerajaan Pusat dan Negeri dalam mengagih-agihkan keuntungan hasil minyak negara ini. Sebagai khazanah negara, Kerajaan Persekutuan merasakan hasil minyak seharusnya dinikmati oleh semua rakyat, malangnya ia hanya terdapat di negeri-negeri tertentu sahaja. Namun begitu, Tengku Razaleigh akhirnya telah berjaya menggembirakan semua pihak yang terlibat dengan penghasilan petroleum ini, khususnya Kerajaan Sabah dan Sarawak yang agak sensitif dengan isu tersebut.

Pendek kata, dengan menguasai ketiga-tiga agensi ekonomi negara yang penting ini, Tengku Razaleigh mempunyai peluang yang cukup luas untuk membuktikan dirinya sebagai pemimpin ekonomi yang unggul dan berkebolehan. Kemampuannya tidak sahaja terhad di Petronas tetapi juga di BBMB dan Pernas. Kejayaannya sewaktu memimpin BBMB tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Setidak-tidaknya, beliau telah berjaya memecahkan metos bahawa orang Melayu tidak layak melibatkan diri di dalam sektor perbankan. Melalui usaha beliau, anak-anak Melayu telah dilatih menerokai peluang pekerjaan di sektor tersebut (Aziz 1983, 36-39). Malahan, tidak keterlaluan sekiranya nama beliau dan bank tersebut bertaut begitu erat sekali.

Manakala di Pernas pula, imej beliau sebagai pemimpin ekonomi tetap terserlah. Dalam tempoh beberapa tahun sahaja kejayaan agensi tersebut telah menjangkau harapan dan kepercayaan Tun Abdul Razak terhadap institusi itu. Ini kerana, dalam tempoh yang singkat, Pernas tidak sahaja melahirkan golongan peniaga dan usahawan Melayu, tetapi juga telah muncul sebagai konglemerat yang kuat dan berpengaruh.² Begitu juga dengan kejayaan yang beliau tunjukkan semasa mengetuai Petronas, sehinggakan beliau diberikan imej sebagai Sheikh Ahmed Zaki Yamani Malaysia, sempena nama Menteri Minyak Arab Saudi yang cukup berpengaruh pada ketika itu.

Dari kejayaan yang dicapai itu tidaklah mengejutkan sekiranya beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Oleh itu, apabila dewan tersebut menganugerahkannya gelaran Bapa Ekonomi Malaysia (Ranjit 1987, 83-99) ini secara langsung memperlihatkan bahawa sumbangan Tengku Razaleigh kepada orang Melayu adalah besar sekali. Yang pasti penganugerahan itu membayangkan betapa golongan peniaga dan usahawan Melayu telah mendapat keuntungan ekonomi daripada kedudukannya di ketiga-tiga

institusi ekonomi itu. Maka itu, sebagai balasannya, mereka tidak keberatan memberikan gelaran yang berprestij itu kepada beliau, dan kemudiannya, dari segi politik, menjadi pengikut setia pula kepadanya. Penghormatan ini tidak sahaja terhad di kalangan peniaga Melayu, tetapi sikap yang sama juga telah ditunjukkan oleh komuniti peniaga Cina. Ini terbukti apabila beliau dipilih untuk mengetuai Dewan Kebangsaan dan Perindustrian Malaysia, yang menggabungkan para peniaga Melayu dan bukan Melayu, dari 1973-76.

Meskipun, kejayaan-kejayaan tersebut lebih menonjolkan imej Tengku Razaleigh sebagai pemimpin ekonomi, namun ia tetap memberikan impak yang besar terhadap dirinya sebagai pemimpin politik, serta kemampuannya untuk meneruskan peranan sebagai penaung substantif. Namun begitu, disebabkan imejnya pada era DEB ini lebih memperlihatkan dirinya sebagai pemimpin nasional, maka peranannya tidak lagi terbatas di negeri Kelantan, tetapi juga di luar negeri tersebut. Yang nyata, kemunculan dan keterlibatannya sebagai pemimpin ekonomi pada era DEB ini telah memberikan tiga kesan besar terhadap dirinya iaitu: Pertama dapat memperlihatkan kepada masyarakat umum bahawa beliau merupakan tokoh UMNO yang amat rapat hubungannya dengan Tun Abdul Razak. Kedua, beliau mampu membangunkan ekonomi orang Melayu. Ketiga, kesemua institusi yang berada di bawah kekuasaannya itu merupakan pangkalan yang membolehkannya berperanan sebagai penaung politik substantif dengan lebih agresif lagi.

Menyentuh hubungannya dengan Tun Abdul Razak, Tengku Razaleigh sememangnya orang kesayangan tokoh berkenaan. Tidak ada siapa dapat menafikan bahawa kedua-duanya begitu erat sekali (Aziz 1983, 170). Oleh itu, berasaskan kepada intimnya hubungan mereka berdua, maka kepercayaan Tun Abdul Razak kepada Tengku Razaleigh tidak hanya tertumpu kepada kepemimpinan di bidang ekonomi sahaja, tetapi dalam jangka waktu yang sama, beliau juga diberi peluang untuk muncul sebagai pemimpin politik di peringkat nasional. Ini terbukti, apabila Tun Abdul Razak melantiknya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, dan diikuti pula dengan jawatan Bendahari UMNO Malaysia pada tahun 1971, sebaik-baik sahaja beliau dilantik menjadi Presiden UMNO.³

Bahkan, apa yang lebih menarik lagi, Tun Abdul Razak juga bersedia melanggar protokol di dalam mengisi jawatan Naib Presiden UMNO yang dikosongkan oleh Dato' Hussein Onn, ekoran daripada

perlantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1973. Meskipun Tun Abdul Razak mengakui bahawa jawatan itu sepatutnya disandang oleh Dr. Mahathir Mohamed kerana kemampuannya memperoleh undi terbanyak di dalam pemilihan Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1972, namun beliau juga tidak menolak permintaan daripada para penyokong Tengku Razaleigh (yang berada di sekelilingnya) supaya tokoh UMNO dari Kelantan itu dilantik mengisi jawatan tersebut (Zakry Abadi 1992, 41).

Seperti yang berlaku dalam urusan perantikan Pengerusi Eksekutif BBMB sebelumnya,⁴ rasional di sebalik perantikan Tengku Razaleigh ke jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia itu juga telah dikaitkan dengan persaingan imej di antara beliau dengan tokoh utama PAS Kelantan, Dato' Muhamad Asri Haji Muda. Sehubungan dengan ini, para penyokong beliau terutamanya Dato' Abdullah Ahmad, Setiausaha Politik Tun Abdul Razak telah berjaya menyakinkan Presiden UMNO itu bahawa melalui jawatan Naib Presiden UMNO, Tengku Razaleigh berpeluang mengimbangi kekuatan peribadi Dato' Muhamad Asri, yang juga Presiden PAS, dan Menteri Besar Kelantan pada ketika itu. Tindakan ini dianggap penting kerana ia sekali gus boleh memberi keyakinan kepada rakyat Kelantan bahawa UMNO mempunyai tokoh yang berkualiti untuk menerajui Kerajaan Kelantan sekiranya parti itu diberi peluang membentuk kerajaan di negeri tersebut (Aziz 1983, 289). Justeru, kerana memahami kehendak Tun Abdul Razak, maka Dr. Mahathir tidak keberatan memberi peluang kepada Tengku Razaleigh untuk menduduki jawatan tersebut.

Namun demikian, apabila negara mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1974, Tengku Razaleigh tidak pula diminta bertanding di peringkat negeri, sebaliknya beliau telah dipilih untuk mempertahankan kerusi parlimen Hulu Kelantan yang merupakan kawasan tradisi UMNO. Sungguhpun begitu, perubahan ini tidak mengejutkan kerana pada ketika itu PAS dan UMNO sudah pun bergabung di dalam Barisan Nasional, ekoran penubuhan Kerajaan Campuran pada tahun 1973, dan jawatan Menteri Besar Kelantan secara automatik telah menjadi milik PAS. Ini berdasarkan jumlah kerusi yang dimiliki oleh parti itu jauh lebih besar daripada yang dikuasai oleh UMNO/Perikatan.

Namun apa yang lebih penting, perpindahan Tengku Razaleigh ke kawasan parlimen ini jelas membayangkan bahawa beliau akan diberikan kedudukan yang penting di dalam Kerajaan Persekutuan, selaras dengan kekanannya di dalam parti. Untuk itu, dalam

pembentukan kabinet selepas pilihan raya umum 1974, Tun Abdul Razak telah menawarkan kepada beliau jawatan Menteri Perusahaan Awam,⁵ iaitu kementerian baru yang diwujudkan bagi tujuan menjaga dan mengkoordinasikan perbadanan awam ataupun syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi memajukan ekonomi masyarakat Melayu. Tawaran ini sudah semestinya selaras dengan keterlibatan Tengku Razaleigh sendiri sebagai pemimpin ekonomi yang terlibat dengan pengurusan BBMB dan Pemas.

Walaupun Tengku Razaleigh menolak jawatan tersebut, namun sebagai *protege* yang rapat dengan Tun Abdul Razak, beliau tetap diberikan jawatan lain yang bertaraf menteri. Ini kemudiannya yang telah membawa beliau ke jawatan Pengerusi Eksekutif Petronas. Selain dari itu, imejnya sebagai orang kepercayaan Tun Abdul Razak juga jelas terbayang dengan tindakan diplomatik Tun Abdul Razak berkaitan dengan hubungan Malaysia-China. Sebelum Tun Abdul Razak menemui Chou En Lai, Perdana Menteri China, beliau telah menghantar Tengku Razaleigh terlebih dahulu untuk menemui Pemimpin China itu. Meskipun, pemergian Tengku Razaleigh itu lebih dilihat sebagai misi ekonomi, pemilihannya itu tetap menaikkan imejnya di mata orang ramai (Ranjit 1987, 92).

Dengan berlandaskan kepada keterlibatan Tengku Razaleigh dalam menjayakan matlamat DEB ini, serta kedudukannya sebagai *protege* Tun Abdul Razak yang akrab, maka tidak hairan sekiranya akhbar utama di negara ini telah memberikan liputan berita yang meluas tentang dirinya. Tambahan pula, atas kehendak Tun Abdul Razak, Tengku Razaleigh, selaku Bendahari UMNO telah pun menubuhkan Fleet Holdings sebagai sebuah syarikat pelaburan parti itu. Melalui syarikat ini, beliau telah berjaya membeli dan menguasai penerbitan akhbar kumpulan *Straits Times* yang berpangkalan di Singapura (Ranjit 1987, 156-60). Dengan penguasaannya terhadap penerbitan akhbar tersebut, Tengku Razaleigh dengan sendirinya telah meletakkan akhbar utama negara iaitu *Straits Times* yang kemudiannya berubah menjadi *New Starits Times*, serta *Berita Harian* berada di bawah kawalannya.

Bahkan, akhbar *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* yang diterbitkan oleh Kumpulan Utusan Melayu juga turut berada di bawah pengaruhnya, memandangkan kejayaan Fleet Holdings menguasai RM1.158 juta saham kumpulan akhbar tersebut (Gomez 1990, 53). Sementara itu, pada ketika yang sama, para penyokong setianya yang juga merupakan penasihat kepada Tun Abdul Razak, seperti Dato'

Abdullah Ahmad kemudiannya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Mazlan Nordin kemudiannya dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Akhbar Utusan Melayu. Oleh itu, keadaan ini telah membolehkan Tengku Razaleigh mendapat tempat yang istimewa di dalam akhbar keluaran syarikat tersebut.⁶

Malahan, Tun Abdul Razak juga dikatakan telah mengarahkan Kumpulan Akhbar Utusan Melayu agar memberikan liputan yang lebih meluas kepada Tengku Razaleigh (dan beberapa orang tokoh muda yang lain) supaya ketokohnya sentiasa berada di dalam ingatan masyarakat umum (Abdullah 1989, 108). Tindakan ini dipercayai mempunyai pertalian yang rapat dengan pertandingan merebut jawatan Naib Presiden UMNO yang dijangkakan berlaku pada tahun 1975. Disebabkan Tun Abdul Razak ingin melihat Tengku Razaleigh menjadi salah seorang pemimpin negara pada masa depan, maka beliau mahu putera raja itu berjaya mempertahankan jawatan Naib Presiden yang disandangnya itu.

Oleh yang demikian, dengan pendedahan yang meluas di dalam bidang ekonomi dan politik ini, serta dibantu pula dengan pembinaan imej oleh akhbar tempatan, adalah tidak keterlaluan sekiranya timbul tanggapan bahawa Tengku Razaleigh merupakan tokoh UMNO yang bakal menggantikan Tun Abdul Razak (Aziz 1983, 169). Akhirnya, persepsi yang sedemikian telah mempertingkatkan lagi pengaruh kepemimpinan bangsawan di dalam politik Kelantan, di mana Tengku Razaleigh merupakan aktor utama. Dalam keadaan begini, karismatikinya sebagai pemimpin semakin terserlah, sehinggakan tiada seorang pun tokoh UMNO Kelantan yang mampu menyaingi kekuatan dan pengaruh peribadinya.

Kepemimpinan Bangsawan dan Penerusan Pembinaan Pengaruh

Tengku Razaleigh, Konsolidasi Kuasa dan Kejatuhan Kerajaan PAS

Seperti mana yang dijelaskan, dengan memegang pelbagai jawatan di peringkat kebangsaan, Tengku Razaleigh pada tahun 1970-an muncul sebagai tokoh politik yang cukup kuat di dalam arena politik Kelantan. Dengan perlantikannya sebagai ketua UMNO Kelantan, beliau sebenarnya berada di dalam keadaan yang cukup selesa untuk

membentuk UMNO negeri itu mengikut kehendaknya. Berbeza dengan kepemimpinannya pada tahun 1960-an, di mana ketokohan dan pengaruh peribadi Tun Abdul Razak diperlukan bagi melegitimasi tindakan politiknya, tetapi pada era politik baru ini, keadaan tersebut tidak diperlukan lagi. Sebaliknya, beliau boleh bertindak mengikut kehendaknya, dan Tun Abdul Razak pula yang bakal mengesahkan tindakannya itu.

Keadaan yang hampir sama juga wujud selepas Tun Abdul Razak meninggal dunia pada tahun 1976. Dato' Hussein Onn yang mengambil alih sebagai ketua parti dan kerajaan terus-menerus memberikan sokongan kepada Tengku Razaleigh dalam setiap tindakan politiknya untuk memperkuat UMNO Kelantan. Malahan, Dato' Hussein Onn melantik Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan Malaysia, apabila beliau membentuk kabinet pertamanya pada tahun 1976. Dengan peralantikan ini, ia dengan sendirinya memperkukuhkan lagi kedudukan Tengku Razaleigh di dalam kepimpinan UMNO, khususnya di negeri Kelantan. Dengan kekuatan peribadi ini, maka tidak wujud sebarang halangan baginya untuk berperanan sebagai penaung politik simbolik di dalam UMNO Kelantan.

Pendek kata dalam jangka waktu kedua-dua Perdana Menteri ini (1971-81), UMNO Kelantan berada di dalam keadaan yang cukup stabil. Setiap pihak akur dengan kehendak dan keputusan yang dibuat oleh Tengku Razaleigh. Oleh itu, apabila UMNO Kelantan memasuki pilihan raya umum 1974, 1978 dan 1982, Tengku Razaleigh telah berjaya menghindarkan diri daripada berhadapan dengan masalah yang boleh melemahkan parti itu, terutamanya yang berkaitan dengan pemilihan calon.

Keadaan yang sama juga wujud dalam pemilihan ketua-ketua bahagian ataupun cawangan. Walaupun secara peribadi, Tengku Razaleigh tidak memihak kepada mana-mana calon yang bertanding untuk merebut jawatan tersebut, namun mereka yang terpilih kemudiannya segera menyekutukan diri dengan Ketua UMNO Kelantan ini. Masing-masing mahu mengidentifikasikan dirinya sebagai orang Tengku Razaleigh. Melalui cara ini, kedudukan mereka sebagai pemimpin UMNO, sama ada di peringkat bahagian ataupun cawangan akan bertambah kukuh. Ini kerana, dalam pemilihan pucuk pimpinan parti yang akan datang, kedudukan mereka tidak mungkin dicabar oleh mana-mana pihak memandangkan dirinya sudah pun dikategorikan sebagai orang Tengku Razaleigh.

Oleh yang demikian, pengaruh peribadi Tengku Razaleigh begitu bermakna sekali dalam mengelakkan pertandingan sesama sendiri yang boleh menjerumuskan parti ke kancah perpecahan. Akibatnya, fenomena mati tanpa bertanding sudah merupakan suatu yang lumrah dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO di setiap peringkat. Ringkasnya, kepemimpinan bangsawan, melalui peranannya sebagai penaung simbolik telah berjaya memantapkan UMNO Kelantan.

Sungguhpun suasana yang stabil ini merupakan waktu terbaik untuk UMNO mengembangkan pengaruhnya di kalangan rakyat Kelantan, namun kehadiran gagasan politik baru, khususnya yang berkaitan dengan pembentukan Kerajaan Campuran (Barisan Nasional kemudiannya) telah membantut hasrat parti itu. Meskipun, Tengku Razaleigh telah memberikan komitmennya terhadap tugas yang berkaitan dengan pembaikan ekonomi orang Melayu, sikap yang sama tidak pula ditunjukkan terhadap usaha mengurangkan politiking di antara UMNO dengan PAS.

Sejak dari awal lagi, Tengku Razaleigh tidak begitu ghairah dengan Kerajaan Campuran di Kelantan (Ranjit 1987, 98-99). Namun begitu, disebabkan idea penibuhan Kerajaan Campuran ini merupakan sebahagian daripada strategi politik Tun Abdul Razak, maka Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan terpaksa menerima kehadiran Kerajaan Campuran tersebut, walaupun ia dengan sendirinya telah membantutkan usaha dan harapan UMNO untuk memerintah negeri Kelantan. Ini memandangkan PAS merupakan sekutu dominan dalam struktur Kerajaan Campuran di negeri itu.

Selain itu, gagasan ini juga telah menyempitkan peluang Tengku Razaleigh untuk meneruskan peranannya sebagai penaung politik substantif. Walhal, Tengku Razaleigh penuh yakin bahawa tindakannya mewujudkan gagasan *political party-directed patronage*, dan membawa pembangunan ke negeri itu (sebelum pembentukan Kerajaan Campuran) telah berjaya mendekatkan dirinya dan UMNO Kelantan dengan para pengundi Melayu di negeri tersebut. Namun demikian, dengan kedudukan PAS yang dominan ini, maka Tengku Razaleigh terpaksa menerima hakikat bahawa PAS mempunyai kelebihan berbanding dengan UMNO dalam menentukan pengagihan peruntukan pembangunan di negeri Kelantan, sama ada yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri (Alias 1975, 83-84). Ini sekali gus membawa bererti bahawa PAS mempunyai banyak peluang untuk memperolehi manfaat politik daripada suasana yang wujud itu.

Sebagai tokoh politik yang berwawasan, kewujudan Kerajaan Campuran tidak pula menghalang usaha beliau untuk menghancurkan PAS, dan membebaskan Kelantan daripada gejala kemiskinan dan kemunduran yang sememangnya menjadi tujuan utama penglibatannya di dalam politik berparti. Oleh itu, dalam suasana politik Kelantan yang aman dan tenang ini, Tengku Razaleigh telah meneruskan tindakan politiknya dengan turun ke bawah, iaitu mengunjungi mana-mana kawasan yang selama ini menjadi kubu kuat PAS. Hasilnya melalui perjumpaannya dengan rakyat tempatan, beliau telah berpeluang mengesan kekuatan dan kelemahan PAS pada setiap peringkat. Di samping itu, melalui pertemuan ini juga beliau dapat melihat dan memahami betapa rakyat Kelantan amat berminat dengan isu dan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan. Justeru, politik pembangunan masih lagi dilihat sebagai strategi terbaik untuk UMNO memenangi hati rakyat Kelantan (Aziz 1983, 5).

Sehubungan dengan ini, kegiatan politik Tengku Razaleigh di Kelantan menjadi lebih mudah lagi memandangkan pada ketika yang sama Dato' Muhamad Asri yang selama ini menjadi sumber kekuatan PAS sudah pun meninggalkan negeri tersebut. Ini berikutan dengan perantikan beliau sebagai menteri di dalam Kabinet Persekutuan, ekoran daripada penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat.⁷ Oleh itu, berbeza dengan Dato' Muhamad Asri yang telah mulai hilang kawalannya ke atas Kelantan, Tengku Razaleigh sebaliknya telah menggunakan pula era Kerajaan Campuran ini untuk memperkukuhkan kedudukan UMNO dan dirinya di dalam proses politik tempatan.

Meskipun, kegiatannya yang aktif di kawasan PAS ini mungkin dianggap tidak wajar, memandangkan UMNO dan PAS telah bersekutu dalam Kerajaan Campuran, namun Tengku Razaleigh tetap yakin bahawa PAS juga tidak jujur dalam hal ini. Keyakinan beliau ini jelas terbukti apabila pada waktu yang sama, pengaruh PAS juga telah berkembang di kawasan-kawasan milik UMNO, khususnya di luar Kelantan. Akhirnya, hasrat Tengku Razaleigh hendak melemahkan PAS, dan menjadikan UMNO parti dominan di dalam politik Kelantan kian menjadi nyata, apabila kedua-dua parti itu bergabung di dalam gagasan politik Barisan Nasional (Mauzy 1983, 75-86) dan memenangi pilihan raya umum 1974. Menyedari bahawa UMNO berada di pihak yang lemah sekiranya PAS terus diberi peluang menerajui Kerajaan Negeri, maka Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan tidak mempunyai

pilihan lain, kecuali melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberi keuntungan kepada UMNO tanpa mengubah struktur yang sedia ada.

Berkaitan dengan hal ini, suatu yang perlu dijelaskan bahawa dalam struktur yang sedia wujud itu, UMNO/Perikatan hanya diperuntukkan sebanyak 14 kerusi (termasuk satu untuk MCA) sahaja, manakala PAS pula telah diberikan sebanyak 22 kerusi. Oleh itu, bagi memastikan UMNO mempunyai suara yang kuat dalam Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Kelantan, maka pihak UMNO tidak mempunyai pilihan kecuali memastikan Menteri Besar dari kalangan ahli PAS yang bakal dilantik itu boleh bekerjasama dengan parti tersebut. Bahkan keadaan akan menjadi lebih baik lagi, sekiranya Menteri Besar itu berada di bawah pengaruh UMNO. Jika ini berlaku, maka ia memudahkan lagi tugas UMNO melaksanakan politik pembangunan di negeri itu, dan ini sekali gus mempertingkatkan sokongan masyarakat Melayu Kelantan terhadapnya.

Berasaskan kepada pemikiran ini, UMNO Kelantan telah mendekati dan melobi Istana Kelantan terlebih dahulu, sebelum pihak PAS mengemukakan calonnya kepada Sultan untuk diperkenankan sebagai Menteri Besar. Melalui hubungan kekeluargaan di antara Tengku Razaleigh dan Istana Kelantan, UMNO telah mengemukakan nama Dato' Haji Muhamad Nasir sebagai calon Menteri Besar Kelantan yang baru. Baginda Sultan juga turut dimaklumkan bahawa Tun Abdul Razak telah merestui pemilihan tersebut. Akibatnya, PAS terpaksa bersetuju apabila Sultan menerima calon pilihan UMNO Kelantan itu, dan terpaksa juga berpuas hati dengan perlantikan calonnya iaitu Wan Ismail Ibrahim (Alias 1994, 144) sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Dalam hal ini, pihak PAS, khususnya Dato' Muhamad Asri amat memahami permainan politik UMNO Kelantan. PAS juga melihat tindakan ini merupakan suatu usaha UMNO untuk melemahkannya di Kelantan. Malah, jauh daripada itu, PAS juga melihat perangkap politik ini sebagai suatu strategi jangka panjang Tengku Razaleigh untuk meletakkan dirinya sebagai calon Perdana Menteri Malaysia. Putera raja itu mahu mempertingkatkan populariti dan imejnya melalui kemerosotan pengaruh PAS di Kelantan (Hairany Naffis 1993, 134-136). Namun begitu, kerana didorongi oleh hasrat ingin melihat perpaduan UMNO dan PAS terus berkekalan di dalam gagasan politik baru (iaitu Barisan Nasional), serta sikap malu mata dan malu alah rasa hormat yang tinggi kepada Tun Abdul Razak, maka pihak PAS dan

Dato' Muhamad Asri telah bertolak ansur dalam hal berkaitan dengan perlantikan Menteri Besar ini.⁸

Pada waktu yang sama, pihak UMNO juga menyedari bahawa Dato' Haji Muhamad Nasir bukanlah merupakan pilihan terbaik daripada kalangan pemimpin PAS Kelantan untuk menerajui Kerajaan Negeri yang sedang memasuki arus pembangunan pada waktu itu. Namun begitu, disebabkan betul lurus, serta warak yang ada pada dirinya, maka beliau dilihat sebagai calon yang boleh dan mudah diajak bekerjasama dengan kepemimpinan UMNO negeri, serta bersesuaian pula dengan cita-cita politik Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan sendiri. Akhirnya, sangkaan PAS itu, semakin lama semakin menjadi kenyataan, apabila Menteri Besarnya itu semakin jauh daripada partinya sendiri. Malahan, banyak tindak-tanduk politiknya serta urusan pentadbiran negeri memberikan lebih banyak keuntungan kepada UMNO (Alias 1994, 158-186).

Kemuncak rasa tidak puas hati PAS ini timbul, apabila Tengku Razaleigh menjadi tempat rujukan Menteri Besar tersebut, dan beliau sendiri mahu mengidentifikasikan dirinya sebagai Menteri Besar Barisan Nasional, dan bukannya Menteri Besar PAS. Lanjutan daripada keadaan ini, pihak PAS Kelantan tidak mempunyai pilihan lain, kecuali memaksa beliau meletakkan jawatan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri pada Oktober 1977. Akibatnya, kedudukan Kerajaan Barisan Nasional Kelantan tergugat, apabila pihak UMNO menentang tindakan itu (*Utusan Melayu*, 16 Oktober 1977).

Dalam keadaan begini, Dato' Haji Muhamad Nasir juga tidak mempunyai pilihan, kecuali meminta pihak Istana Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri. Namun begitu, seperti yang dapat diduga, tindakan ini tidak mungkin berlaku, memandangkan UMNO Kelantan belum bersedia untuk terlibat dengan proses pilihan raya yang baru. Ikatan kekeluargaan di antara Tengku Razaleigh dengan Pemangku Sultan Kelantan dilihat ramai sebagai punca yang menghalang pembubaran tersebut.⁹ Sebaliknya, apa yang berlaku, Kelantan telah diisytiharkan darurat oleh Kerajaan Persekutuan (Mohd. Zain 1985, 123-126). Ini berikutan daripada kekacauan yang berlaku, ekoran daripada bantahan rakyat terhadap tindakan PAS ke atas Menteri Besarnya itu. Walau bagaimanapun, kekacauan ini pada tanggapan umum merupakan suatu tindakan yang didalangi oleh pihak UMNO.

Pelaksanaan Undang-undang Darurat yang diikuti dengan penubuhan Kerajaan Ala-Mageran di Kelantan langsung tidak

memberikan kesan kepada UMNO. Sebaliknya, Tengku Razaleigh dan UMNO telah melakukan beberapa *manoeuvre* politik bagi tujuan mempersiapkan diri untuk menghadapi Pilihan raya Dewan Undangan Negeri Kelantan yang baru. Salah satu tindakan yang diambil ialah mendorong Dato' Haji Muhamad Nasir supaya menubuhkan parti politik baru bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh PAS, setelah parti itu meninggalkan Barisan Nasional, berikutan pelaksanaan Undang-undang Darurat tersebut (Means 1991, 148). Akhirnya, pada Disember 1977, Barisan Jamaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa) ditubuhkan, tetapi Tengku Razaleigh tidak pula segera membawanya menjadi kerabat Barisan Nasional. Sebaliknya, Berjasa telah digunakan untuk memecah-belahkan perpaduan di kalangan para penyokong PAS.

Melihatkan perpecahan begitu ketara sekali, maka UMNO Kelantan segera memanfaatkan suasana yang wujud itu bagi kepentingan politiknya. Selepas beberapa bulan berada di bawah pemerintahan al-Mageran, rakyat telah dikejutkan dengan pilihan raya di peringkat negeri yang baru, ekoran daripada pembubaran Dewan Undangan Negeri oleh Pemangku Sultan Kelantan. Walaupun baginda berkuasa penuh dalam hal tersebut, namun pada pandangan umum, terutamanya para penyokong PAS, Tengku Razaleigh dan UMNO berada di sebalik tindakan itu, dan ini dilakukan apabila pihak UMNO yakin bahawa Kelantan boleh jatuh ke tangannya secara legal dan demokratik.

Dalam suasana begini, pihak PAS terpaksa menerima hakikat bahawa tanpa kuasa, maka harapan parti itu untuk memenangi pilihan raya yang diadakan secara mengejut merupakan suatu tugas yang amat sukar untuk dilaksanakan (Alias 1994, 165). Ini terbukti apabila pilihan raya diadakan pada Mac 1978, PAS hanya mampu memenangi dua buah kerusi sahaja daripada 36 kawasan yang dipertandingkan. Kekalahan ini pada penelitian PAS tidak sahaja berpunca daripada perpecahan di kalangan para penyokong PAS sendiri, tetapi juga mempunyai pertalian rapat dengan persoalan *rules of the game* yang berada di bawah kawalan Tengku Razaleigh (Alias 1994, 165).

Dalam hal ini, kemampuan Tengku Razaleigh tidak semata-mata terhad kepada penentuan tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri sahaja. Sebaliknya, beliau juga mampu mengemukakan serta melaksanakan suatu formula yang tidak sahaja memberi peluang kepada UMNO untuk memenangi pilihan raya tersebut, tetapi turut juga menjadikan parti dominan di dalam Kerajaan Campuran yang bakal dibentuk dengan Berjasa. Ini kerana, melalui formula tersebut, pihak Berjasa

hanya dibenarkan bertanding secara satu lawan satu dengan PAS di 12 kawasan sahaja, dan semua kawasan itu merupakan kubu kuat PAS (Alias 1994, 168-175). Oleh itu, sekiranya Berjasa memenangi kesemua kerusi tersebut, parti ini tetap juga merupakan rakan yang tidak berpengaruh di dalam Kerajaan Campuran yang bakal dibentuk. Sebaliknya, jika sebilangan besar kerusi yang dipertandingkan itu jatuh ke tangan PAS, parti itu tetap juga tidak berpeluang untuk membentuk Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, melihatkan kepada sikap dan penerimaan rakyat Kelantan terhadap PAS pada ketika itu, UMNO Kelantan cukup yakin bahawa pilihan raya mengejut ini tidak memungkinkan PAS kembali untuk berkuasa semula. Justeru, UMNO/Barisan Nasional hanya bertanding satu lawan satu dengan PAS di 11 kawasan sahaja (termasuk satu kawasan yang diwakili oleh calon MCA), iaitu kubu tradisinya. Manakala, di 13 kawasan lagi (yang mana PAS mempunyai peluang memenangnya), pihak UMNO Kelantan telah membenarkan Berjasa turut serta di dalam pertandingan tiga penjur.

Melalui strategi ini, UMNO Kelantan percaya bahawa kemenangan di 13 kawasan itu tetap berpihak kepadanya memandangkan perpecahan yang sedang berlaku di kalangan para penyokong PAS.

Akhirnya, ternyata bahawa perhitungan politik Tengku Razaleigh dan UMNO telah memberikan keuntungan kepada mereka. Dengan kemampuannya memeralatkan Berjasa, UMNO telah berjaya memenangi kesemua kawasan yang ditandinginya melalui tiga penjur. Manakala di 11 kawasan lagi, (di mana calon UMNO berhadapan satu lawan satu dengan PAS), parti itu telah tewas di satu kawasan sahaja. Dengan ini, jumlah kerusi yang dimenangi oleh pihak UMNO/Barisan Nasional ialah sebanyak 23 Kerusi. Manakala, pihak Berjasa pula hanya mampu mempertahankan 11 daripada 12 kerusi yang diperuntukkan kepadanya, setelah satu kerusi jatuh ke tangan PAS. Oleh yang demikian, dengan majoriti kerusi yang berpihak kepada UMNO ini, maka Tengku Razaleigh sekali gus telah berjaya meletakkan Kerajaan Kelantan berada di bawah kawalannya.

Sehubungan dengan ini, suatu yang perlu dinyatakan bahawa selaku Ketua UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional Kelantan serta juga Naib Presiden Kanan UMNO, Tengku Razaleigh mempunyai kuasa yang cukup besar dalam menentukan barisan calon UMNO. Dengan itu, sukar untuk dinafikan bahawa kesemua calon UMNO yang terpilih itu merupakan penyokong setia beliau. Malahan, beliau juga

JADUAL 5.2 Pilihan Raya Kelantan 1978: Parti Bertanding dan Jumlah Kerusi/Undi

Parti	Kerusi Tandingi	Kerusi Menangi	Jumlah Undi
UMNO/Barisan Nasional	24	23	88,671
Berjasa	25	11	64,680
PAS	36	2	64,680
Bebas	10	0	79,514

Sumber: Mauzy (1973, 118), Alias (1995, 168-175)

turut terlibat di dalam menentukan calon Menteri Besar Kelantan yang baru. sungguhpun, dalam Pilihan raya 1978 itu, Presiden Berjasa, Dato' Haji Muhamad Nasir telah ikut bertanding, namun beliau bukanlah merupakan pilihan utama untuk memegang jawatan tersebut. Sebaliknya, dalam usaha menjadikan UMNO sebagai sebuah parti dominan dalam Kerajaan Negeri, dan Tengku Razaleigh sendiri tidak menghadapi saingan dan cabaran daripada tokoh politik yang lain, maka Dato' Haji Muhamad Nasir secara halus telah disingkirkan daripada arena politik Kelantan (*New Straits Times*, 24 March 1978).

Bagi memenuhi tujuan yang terselindung itu, Dato' Muhamad Yaacob, Menteri Perusahaan Awam, telah dibawa pulang ke Kelantan, dan dilantik menjadi Menteri Besar yang baru. Beliau juga dilihat memiliki sifat-sifat peribadi yang hampir menyamai Dato' Haji Muhamad Nasir.¹⁰ Akibat daripada itu, dalam banyak hal yang berkaitan dengan pentadbiran negeri, Dato' Muhamad Yaacob telah dilihat sebagai Menteri Besar *de jure* yang peranannya lebih tertumpu kepada melaksanakan agenda politik dan program ekonomi yang dirancangan oleh Tengku Razaleigh untuk rakyat Kelantan.¹¹ Namun begitu, keadaan ini bukanlah merupakan suatu yang luar biasa memandangkan Dato' Muhamad Yaacob sendiri telah direkrutkan ke dalam politik, khususnya UMNO Kelantan oleh Tengku Razaleigh.

Dalam keadaan begini, maka tiada halangan lagi bagi Tengku Razaleigh untuk muncul sebagai pemimpin-penaung yang digeruni dan berwibawa di dalam arena politik Kelantan. Sama ada di peringkat parti atau kerajaan, Tengku Razaleigh, dengan sokongan Dato' Muhamad Yaacob, tidak mempunyai sebarang masalah untuk menggunakan jentera UMNO dan Kerajaan Negeri bagi tujuan memberikan imbuhan dan ganjaran ekonomi kepada mana-mana pihak yang disukainya, khususnya para penyokong setia beliau. Ini dapat dilihat daripada tindakannya (tanpa menunggu Dato' Muhamad Yaacob

dilantik menjadi Menteri Besar secara rasmi rasmi) menghapuskan bayaran tol di Jambatan Sultan Yahya Petra, sebaik-baik sahaja UMNO/Barisan Nasional dan Berjasa berjaya menubuhkan Kerajaan di Kelantan. Walhal pengutipan tol itu merupakan usaha kerajaan Negeri untuk mendapatkan kembali wang yang telah digunakan bagi pembinaan jambatan tersebut yang diperolehinya melalui pinjaman bank. Sebaliknya, bagi Tengku Razaleigh tindakannya itu wajar dilakukan demi memperlihatkan penghargaan UMNO kepada rakyat Kelantan kerana kesediaan mereka memilih parti itu menerajui kerajaan negeri (*Mingguan Malaysia*, 5 Mac 1978).

Malahan, ketika Dato' Muhamad Yaacob sudah pun berada dikerusi Menteri Besar, Tengku Razaleigh tanpa ragu-ragu mengambil tindakan memecat seramai 149 orang penghulu yang didakwa sebagai penyokong kuat PAS (*Utusan Malaysia* 3 Januari 1982). Walaupun tindakan beliau ini telah mengejutkan banyak pihak, namun sebagai pemimpin-penaung kepada ahli-ahli UMNO, tindakannya itu juga bukanlah merupakan suatu yang luar biasa. Sebagai seorang penaung, Tengku Razaleigh menyedari bahawa penghulu merupakan golongan perantara yang amat penting di dalam proses menghubungkan para penduduk di paras lokal dengan kepemimpinan parti dan kerajaan yang berpusat di bandar, khususnya di Kota Bharu. Oleh itu, bagi memastikan golongan ini tidak terus menjadi alat bagi mempertahankan kekuatan dan kepentingan PAS di kawasan luar bandar, maka jawatan penghulu itu dirasakan perlu diagih-agihkan kepada ahli-ahli UMNO yang dinaunginya. Justeru, beliau tanpa ragu-ragu telah mempertahankan tindakannya itu, sekalipun ia mendedahkan Dato' Muhamad Yaacob dan Kerajaan Kelantan kepada tindakan saman di mahkamah oleh para penghulu yang telah kehilangan jawatan itu (*Berita Harian*, 7 Januari 1982).

Daripada kedua-dua peristiwa yang berlaku pada awal penubuhan kerajaan UMNO/Barisan Nasional dan Berjasa ini, maka ia jelas memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh Tengku Razaleigh ke atas UMNO dan Kerajaan Kelantan. Dengan sumber yang ada pada dirinya, sama ada di peringkat negeri ataupun kebangsaan, beliau secara langsung mampu menentukan hala tuju politik dan perkembangan ekonomi di negeri itu. Seandainya, tindakan ini dilihat dalam konteks peranannya sebagai perantara yang menghubungkan UMNO Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan, maka tindakan drastik yang dilakukannya itu bukanlah juga merupakan suatu yang luar biasa. Keakraban

hubungannya dengan Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn membolehkan kesemua tindakan itu dilakukan (*Mingguan Malaysia*, 5 Mac 1978).

Tengku Razaleigh dan Penerusan Politik Pembangunan

Kelantan dalam Pembangunan Ekonomi dan Wilayah

Sekiranya gagasan politik baru Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional yang muncul pada awal tahun 1970-an menjadikan PAS rakan dominan dalam Kerajaan Kelantan, sehingga menuntut Tengku Razaleigh akur kepada kekuasaannya dalam melaksana dan mengaturkan projek pembangunan di negeri itu, tetapi keadaan sebaliknya telah wujud selepas kemunculan Kerajaan Barisan Nasional yang dibentuk bersama Berjasa pada tahun 1978. Melalui kedudukan dan pengaruhnya yang kuat di dalam parti dan Kerajaan Kelantan, beliau tidak lagi berhadapan dengan sebarang halangan dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan di negeri itu. Malahan, tindakan ini perlu disegerakan pula kerana ia merupakan isu utama yang dikemukakan oleh UMNO dalam manifestonya kepada rakyat Kelantan dalam pilihan raya 1978.

Berbeza dengan keadaan yang wujud pada pertengahan 1960-an, di mana pembangunan dipolitikkan mengikut keperluan setempat, iaitu lebih bersifat mikro, keadaan ini sebaliknya telah mengalami sedikit perubahan selepas 1978 apabila politik pembangunan itu diteruskan pelaksanaannya di dalam fasa kedua. Pada peringkat ini, pembangunan yang dirancang itu lebih merupakan suatu yang bersifat makro, yakni dalam erti kata ia lebih mementingkan kesejahteraan rakyat Kelantan seluruhnya. Untuk itu, jentera UMNO Kelantan tidak lagi mampu memenuhi tuntutan pembangunan tersebut. Sebaliknya, jentera yang lebih besar, iaitu agensi kerajaan amat diperlukan bagi mencapai matlamat yang dirancang itu.

Justeru, pelbagai agensi telah ditubuhkan, sehingga menyebabkan peranan perantara yang menghubungkan UMNO, Tengku Razaleigh dan kerajaan dengan rakyat jelata tidak lagi terhad kepada para pemimpin UMNO tempatan, seperti yang wujud sebelum itu. Sebaliknya, perubahan ini meningkatkan kakitangan kerajaan di pelbagai

peringkat. Mereka ini yang mengenal pasti keperluan sesuatu program pembangunan, melalui maklum balasnya pelbagai program pembangunan sosioekonomi telah dirancang untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Dengan perubahan ini, kakitangan kerajaan yang dianggap bersimpati kepada UMNO mempunyai peluang untuk berperanan sebagai perantara. Kebanyakan mereka terdiri daripada anak-anak Kelantan yang bertugas sebagai Pegawai Kerajaan Persekutuan. Dengan kehendak UMNO dan Kerajaan Negeri, mereka ini telah dibawa pulang ke Kelantan bagi menjayakan politik pembangunan tersebut. Tindakan ini perlu diambil memandangkan ketika itu sebilangan kakitangan Kerajaan Negeri masih lagi kuat ikatannya dengan PAS.

Bagi Tengku Razaleigh, isu pembangunan Kelantan selepas pilihan raya 1978 merupakan suatu agenda politik negeri dan nasional yang perlu diberi perhatian yang serius, sekiranya UMNO mahu terus mengekalkan kuasanya di negeri itu. Oleh itu, kemunculan *political party-directed patronage*, ekoran daripada tindakan beliau menggunakan segala sumber yang berada dalam konteks usahanya mewujudkan pertukaran di antara kesetiaan dan sokongan undi rakyat Kelantan dengan kemahuan UMNO untuk mengekalkan kuasanya di negeri itu. Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa tindakan itu pada akhirnya memberikan banyak keuntungan politik kepadanya.

Kesediaan rakyat Kelantan memilih UMNO/Barisan Nasional di dalam pilihan raya 1978, pada tanggapan beliau bukan semata-mata didorong oleh hasrat mereka untuk menolak PAS, tetapi juga merupakan suatu pernyataan harapan bahawa mereka juga mahukan pembangunan, seperti yang dijanjikan oleh UMNO Kelantan di dalam kempen pilihan rayanya. Maka itu, politik UMNO Kelantan selepas pilihan raya 1978 merupakan politik pembangunan untuk membangunkan rakyat, dan bukannya lagi politik untuk menumbangkan PAS, kerana tugas itu telah pun selesai. Tindakan rakyat Kelantan memberikan mandatnya kepada UMNO/Barisan Nasional itu hendaklah dilihat sebagai suatu bentuk gerakan rakyat yang mahu membina nasib baru, serta menikmati kemewahan di atas dasar ekonomi yang kukuh. Jadi, politik pembangunan dalam fasa kedua ini, pada Tengku Razaleigh, seharusnya dilihat sebagai politik menyusun semula ekonomi dan masyarakat Kelantan.

Sebagai ketua parti yang membentuk Kerajaan Kelantan adalah menjadi kewajipan beliau untuk berperanan sebagai penaung dalam memenuhi tuntutan tersebut. Oleh yang demikian, bagi menyelaraskan

tuntutan itu dengan kehendak politik baru iaitu DEB seperti yang terjelma di dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK) dan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) yang sedang dilaksanakan pada ketika itu, Tengku Razaleigh beranggapan bahawa ia memerlukan suatu pendekatan baru dan perubahan, sama ada di peringkat nasional dan negeri. Jika ini gagal dilaksanakan, maka penyusunan semula ekonomi dan masyarakat Kelantan melalui pelbagai program sosioekonomi akan menemui kegagalan.

Pada peringkat nasional, prinsip ekuiti hendaklah diterapkan dalam pengagihan wang negara, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan di setiap negeri. Hanya melalui prinsip ini, negeri-negeri miskin seperti Kelantan berpeluang meninggikan taraf sosio-ekonominya. Oleh itu, apabila beliau terlibat dengan penggabalan RMT pada tahun 1976, Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan tanpa ragu-ragu menggunakan segala kekuatan dan sumber yang ada pada dirinya untuk mempengaruhi pihak Kerajaan Persekutuan agar menerima prinsip tersebut. Kelantan dengan sendirinya merupakan negeri kurang maju yang paling banyak menerima peruntukan pembangunan di bawah RMT (Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980).

Dengan hanya memohon sebanyak RM750 juta, Kerajaan Kelantan tanpa diduga telah diperuntukkan pula sebanyak RM1,018.821 juta. Apa yang lebih menarik, apabila pelaksanaan RMT dikaji semula pada tahun 1979, Kelantan telah diberikan peruntukan tambahan bernilai sebanyak RM725.25 juta. Ini menjadikan jumlah yang diperolehi oleh Kelantan sebanyak RM1,744.07 juta (*Utusan Malaysia* 19 Oktober 1976). Keadaan yang hampir sama juga berlaku apabila Kerajaan Persekutuan melancarkan Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat (RME) pada tahun 1981. Tengku Razaleigh sekali lagi telah memperlihatkan kepada rakyat Kelantan khususnya bahawa beliau merupakan satu-satu pemimpin dari UMNO dari negeri itu yang mampu menebus zaman kegelapan Kelantan, ekoran daripada kegagalan PAS membawa pelbagai projek pembangunan di negeri tersebut, walaupun parti itu telah diberi peluang memerintah Kelantan selama 18 tahun.

Dengan berlandaskan kepada hasrat untuk menerus dan melicinkan proses pembangunan di negeri ini, agar setanding dengan negeri-negeri lain (*Berita Harian* 12 Mei 1980), Kelantan telah diberikan pula sebanyak RM2,847.75 juta. Begitu juga, apabila kajian separuh penggal dilakukan terhadap tahap pencapaian RME, Kelantan telah

diberikan peruntukan tambahan sehingga berjumlah RM2,916.95 juta (*Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*). Pendek kata, bagi tujuan menebus kemunduran dan kemiskinan rakyat Kelantan (bagi jangka masa sepuluh tahun, 1976-85) Tengku Razaleigh, dengan kedudukan pentingnya dalam UMNO dan kerajaan telah berjaya membawa pulang lebih RM4,000 juta untuk membangunkan negeri Kelantan.

Walaupun tidak kesemua wang ini dapat dibelanjakan, ekoran daripada kewujudan beberapa faktor tertentu, seperti zaman meleset dan perubahan politik yang dialami oleh negara pada pertengahan tahun 1980-an, namun daripada segi jumlahnya ia tetap besar dan dianggap luar biasa. Maka itu, tidak menghairankan sekiranya publisiti besar-besaran telah diberikan oleh media massa tempatan terhadap dirinya berhubung dengan pengagihan wang tersebut, sehingga beliau juga dilihat sebagai pemimpin yang hebat dan luar biasa.

Dalam hal ini, peranannya sebagai penaung substantif kepada rakyat Kelantan juga turut terserlah apabila ia dilihat dari sudut bertambahnya peruntukan yang disediakan melalui Pemberian Perlembagaan. Melalui *grant* yang wajib diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun-tahun 1976 hingga 1981 (sewaktu RMT dilaksanakan) menerima peruntukan sebanyak RM73 juta.¹² Peruntukan ini bertambah lagi apabila RME dilaksanakan pada 1981-86. Dalam tempoh 1981-1983 sahaja, peruntukan (melalui Pemberian Perlembagaan) kepada Kelantan meningkat kepada RM107 juta. Ini merupakan suatu perambahan yang melebihi satu setengah kali ganda daripada peruntukan yang diberikan dalam jangka masa lima tahun sebelum itu.

Begitu juga dengan pemberian-pemberian lain, yang diwujudkan di bawah kuasa perlembagaan seperti pemberian yang diasaskan: Pertama, kepada tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup; dan kedua, pemberian berasaskan pertambahan hasil. Selepas tahun 1981, peruntukan yang diberikan kepada Kelantan melalui pemberian ini juga telah meningkat. Bahkan Kelantan merupakan negeri terbesar yang menerima kedua-dua bentuk pemberian ini. Daripada perangkaan yang dipaparkan di atas, ia jelas memperlihatkan betapa Kerajaan Persekutuan dan UMNO, serta Tengku Razaleigh selaku Menteri Kewangan pada ketika itu amat serius dalam usahanya membangunkan Kelantan. Malahan, tidak keterlaluan pula apabila Tengku Razaleigh melihat hubungannya dengan pembangunan

Kelantan ini sebagai *my life-long ambition* (*Berita Harian*, 11 Mei 1979).

Bagi memastikan segala projek pembangunan yang dirancangan itu berjalan lancar, sebuah badan petugas khas telah ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh bagi tujuan mengkaji dan menimbangkan setiap rancangan daripada Kerajaan Negeri yang memerlukan tambahan peruntukan (*Utusan Malaysia*, 4 Mei 1976). Di samping itu, sebuah unit khas ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi mengawal perbelanjaan yang telah diluluskan, dan mengelakkannya daripada sebarang penyelewengan. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga turut menubuhkan sebuah pejabat cawangannya di Kelantan dengan para petugasnya terdiri daripada para pegawai Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk menyusun serta melicinkan lagi jentera rancangan pembangunan agar ia berjalan dengan sempurna (*Bintang Timur*, April 1976).

Manakala di peringkat negeri pula, pendekatan baru pelaksanaan strategi pembangunan Kelantan, pada pandangan Tengku Razaleigh perlu mengambil kira wujudnya dua kawasan yang berlainan di negeri tersebut, iaitu kawasan Kelantan Utara dan Kelantan Selatan. Dikotomi yang sedia wujud ini tidak sahaja memisahkan kedua-dua kawasan itu dari segi fizikalnya, tetapi jumlah penduduk dan taraf hidup rakyat juga turut berbeza, walaupun asas ekonominya sama iaitu kegiatan pertanian. Dengan keluasan tanah yang sempit dan terhad, kepadatan penduduk di Kawasan Utara begitu tinggi sekali. Namun begitu, disebabkan kepesatan pembangunan ekonomi di kawasan tersebut, pendapatan penduduknya jauh lebih baik berbanding dengan mereka yang tinggal di Kawasan Selatan. Oleh itu, apabila kawasan Kelantan Utara didatangi oleh projek pembangunan di bawah RMT, program pembangunannya lebih mengarah kepada pembangunan pertanian (termasuk juga perikanan) yang mampu mempertingkatkan daya pengeluaran dan pendapatan para penduduk di kawasan itu.

Disebabkan kawasan ini seringkali mengalami masalah banjir, beberapa langkah untuk mengurangkan risiko bencana alam itu telah diberikan perhatian yang serius. Dalam memenuhi tujuan tersebut, sebanyak RM32.6 juta telah diperuntukkan (di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara) kepada Kerajaan Kelantan bagi membolehkannya melakukan kerja-kerja mengawal banjir, serta menyediakan perparitan bagi kepentingan 104,000 ekar sawah padi. Di samping itu, tindakan yang berupa pengawalan dan pengurusan air,

seperti pembinaan tali air turut dilaksanakan di bawah RMT ini. Sebanyak 15 tali air kecil yang bernilai RM5.0 juta telah dibina bagi membekalkan air kepada 3,200 ekar sawah (*Bintang Timur*, 19 Julai 1977).

Para petani (khususnya di sektor pekebun kecil) dan nelayan juga telah diperkenalkan dengan pelbagai teknologi moden termasuk penanaman semula dan teknologi menangkap ikan dan sistem pemasaran yang lebih baik, agar mutu dan hasilnya, serta pendapatan mereka turut bertambah. Apa yang menarik, memandangkan Kelantan seringkali mengalami musim tengkujuh, maka golongan nelayan turut diberi peluang untuk ditempatkan semula di dalam sektor ekonomi pertanian dan perkilangan, agar pendapatan mereka sentiasa stabil dan meningkat (*Fokus Negeri Kelantan*, 1985). Selain daripada itu, di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara yang bernilai sebanyak RM122.800 juta, sebanyak RM17.7 juta diperuntukkan bagi tujuan pembinaan jalan raya sepanjang 118 batu di kawasan tersebut.

Walaupun perkembangan sektor perkilangan di Kelantan agak terhad tetapi Tengku Razaleigh dan Kerajaan Kelantan tetap tidak mengabaikan sektor ini. Memandangkan Kelantan merupakan sebuah negeri pertanian, maka industri yang berasaskan kepada penggunaan sumber asli seperti pertanian, perkayuan, dan perlombongan di samping pelancungan telah diberikan penekanan yang lebih. Dalam hal ini, memandangkan wujudnya lebih tenaga buruh yang besar di negeri itu, maka sektor perkilangan yang wujud di Kelantan, khususnya di kawasan Kelantan Utara dengan sendirinya, lebih tertumpu kepada hasrat untuk menyerap tenaga buruh itu ke dalam sektor berkenaan.

Sebaliknya, di kawasan Kelantan Selatan, jumlah dan kepadatan penduduknya jauh lebih kecil berbanding dengan Kelantan Utara.¹³ Taraf hidup penduduknya juga rendah memandangkan perkembangan pembangunan ekonominya yang lembab. Namun begitu, kawasan Selatan ini tetap kaya dengan keluasan tanah dan hasil buminya. Dengan keluasan yang menyamai 3/4 negeri Kelantan, kawasan tersebut memiliki 2.9 juta ekar tanah yang belum lagi diterokai, dan masih diselimuti dengan hutan yang tebal. Ironisnya, walaupun para penduduk di Kawasan Selatan ini mundur dan miskin, namun mereka mempunyai sikap politik yang berbeza dengan sebilangan besar penduduk di Kawasan Utara. Sejak dari pilihan raya umum 1959, majoriti penduduk di kawasan ini, terutamanya mereka yang tinggal di bahagian Hulu Kelantan telah memberikan undi mereka kepada calon UMNO.

JADUAL 5.3 Jumlah Undi Calon UMNO dan PAS di Kawasan Parlimen Hulu Kelantan 1959-78

Tahun	UMNO	PAS
1959	8,770	8,306
1964	12,681	9,108
1969	15,954	12,358
1974	Tengku Razaleigh Wakil Barisan Nasional Menang Tanpa Bertanding	
1978	10, 267	5, 705

Sumber: *Laporan Pilihan raya 1959-78*.

Tengku Razaleigh sendiri sudah pun berada di kawasan Hulu Kelantan sejak tahun 1969 lagi sebagai ahli Dewan Undangan Negeri. Manakala, pada tahun 1974, beliau telah mewakili penduduk kawasan tersebut di Dewan Parlimen. Oleh itu, apabila beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan dan Kelantan pula mendapat layanan istimewa dalam pelaksanaan pelbagai projek pembangunan sosioekonomi di bawah RMT, maka ini merupakan peluang terbaik bagi beliau dan UMNO Kelantan untuk membangunkan kawasan Kelantan Selatan yang tertinggal itu.

Kesempatan ini tidak sahaja digunakan untuk mengimbangi perkembangan serta kemajuan ekonomi yang begitu tertumpu di kawasan Utara, tetapi juga memberikan pembelaan ekonomi kepada para penduduk Kelantan Selatan, yang selama ini merupakan penyokong setia UMNO. Sehubungan dengan itu, adalah tidak mengejutkan apabila Tengku Razaleigh memberikan perhatian yang serius dalam soal pembangunan tanah, yang merupakan aset utama Kawasan Selatan. Ini kerana, melalui pembukaan tanah baru, ia dengan sendirinya memberi banyak peluang ekonomi kepada para penduduk Hulu Kelantan terutamanya yang merupakan pengundi setia beliau untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Selain daripada memberi pembelaan kepada para penduduk yang telah sekian lama mundur, Tengku Razaleigh, secara peribadi berpendapat bahawa penglibatan UMNO dan Kerajaan Kelantan di dalam proses penerokaan tanah baru merupakan strategi terbaik untuk menyakinkan rakyat bahawa kerajaan yang mereka pilih pada tahun 1978 itu merupakan sebuah kerajaan yang sentiasa memenuhi setiap

harapan rakyat (*Utusan Malaysia*, 5 Mac 1978). Ini memandangkan selama 18 tahun memerintah Kelantan, Kerajaan PAS gagal menyempurnakan soal pembangunan tanah di negeri tersebut, sekalipun Tun Abdul Razak, melalui FELDA telah cuba melakukannya.

Oleh itu, bagi tujuan memperolehi keuntungan politik, serta pembinaan imej di mata rakyat bahawa beliau dan UMNO, serta Kerajaan Kelantan merupakan tenaga utama yang berada di sebalik pembangunan Kelantan Selatan ini, maka agensi pusat seperti FELDA tidak diberikan peranan yang besar di dalam program pembukaan tanah baru ini. Agensi ini hanya diperuntukkan tanah seluas di antara 35,000 hingga 40,000 ekar sahaja untuk diterokai, dengan perbelanjaan sebanyak RM38.6 juta daripada RM98.5 juta yang diperuntukkan di bawah RMT (*Berita Harian*, 12 April 1978). Sebaliknya, melalui gagasan pembangunan wilayah yang bertujuan memperseimbangkan kemajuan ekonomi di antara kawasan Kelantan Utara dengan Kelantan Selatan, Tengku Razaleigh sejak zaman Perdana Menteri, Tun Abdul Razak lagi telah mengusahakan penubuhan sebuah agensi pembangunan wilayah yang baru bagi tujuan penerokaan dan pembangunan tanah di kawasan Kelantan Selatan.

Bagi mencapai matlamat politik bersifat peribadi itu, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) telah diperkenalkan untuk membangun sebahagian besar kawasan Kelantan Selatan, yang seluas 2.9 juta (4,532 batu persegi). Secara rasmi KESEDAR dilancarkan penubuhannya oleh Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn pada bulan Mac 1978. Sebagai agensi pembangunan wilayah negara yang terbesar, tugas KESEDAR tidak sahaja terhad kepada pembukaan tanah baru, tetapi juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana program pemindahan penduduk secara tersusun dan teratur dari Kelantan Utara ke Kawasan Selatan. Menjelang tahun 1985, dianggarkan seramai 10,000 orang penduduk Kelantan Utara akan diambil sebagai peneroka, sama ada melalui rancangan pembukaan tanah yang diusahakan oleh KESEDAR ataupun melalui agensi lain seperti FELDA atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) (*Berita Harian*, 20 Mei 1982). Namun begitu, penduduk Kelantan Selatan, terutamanya dari daerah Hulu Kelantan tetap diberikan keutamaan dalam setiap penerokaan tanah baru yang dirancangan, khususnya oleh KASEDAR.

Selain daripada dua tugas utama ini, KESEDAR juga dikehendaki menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur bagi membolehkan Kelantan Selatan muncul sebagai pusat kegiatan ekonomi yang baru di

negeri Kelantan. Untuk mencapai matlamat ini, pada peringkat awal penubuhannya, KESEDAR telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi tujuan pembinaan jalan raya, dan RM21 juta lagi untuk bekalan air (*Utusan Malaysia*, 6 Mac 1978). Di samping itu, KESEDAR juga turut terlibat dengan penyediaan kemudahan kesihatan, sekolah dan bekalan elektrik.

Lanjutan daripada proses pembangunan wilayah ini, tiga buah bandar utama telah muncul di dalam kawasan Kelantan Selatan iaitu Gua Musang, Jeli dan Manik Urai. Menjelang akhir tahun 1990, wilayah Kelantan Selatan ini dijangkakan mampu menampung 200,000 orang penduduk, di samping menyediakan lebih 54,000 peluang pekerjaan (*Fokus Negeri Kelantan 1978*). Memandangkan Tengku Razaleigh adalah wakil rakyat Ulu Kelantan, kemudiannya dikenali sebagai Gua Musang, maka bandar ini dengan sendirinya merupakan bandar yang pesat membangun berbanding dengan bandar baru yang lain. Dalam konteks pembangunan bandar, Gua Musang telah muncul sebagai Bandar Pusat Pembangunan Wilayah (*Berita Harian*, 13 April 1982).

Disebabkan sebelum kehadiran KESEDAR, kampung-kampung tradisional sudah pun wujud di kawasan Kelantan Selatan, maka agensi tersebut turut juga melibatkan diri di dalam proses pembangunan semula kampung-kampung itu. Melalui program ini, lebih kurang 200 buah kampung telah dikenal pasti untuk diberikan pelbagai kemudahan asas, agar kehidupan penduduknya lebih teratur dan moden. Dengan tindakan itu, penduduk tempatan yang kebanyakannya penyokong setia UMNO diharapkan tidak merasai diri mereka tertinggal dalam menikmati hasil pembangunan yang dibawa oleh RMT dan UMNO/ Kerajaan Kelantan. Oleh itu, keadaan ini dapat mengelakkan timbulnya perasaan iri hati, serta rasa tidak adil di kalangan penduduk asal Kawasan Selatan. Ini memandangkan di sekeliling mereka telah pun muncul kawasan penempatan baru yang disediakan dengan pelbagai kemudahan asas, sedangkan mereka sendiri sebagai anak tempatan masih hidup dalam suasana kemunduran.

Sehubungan dengan penyediaan infrastruktur ini, penerokaan kawasan Kelantan Selatan juga telah melahirkan suatu projek raksasa lain, iaitu projek pembinaan Lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang, sepanjang 115KM, yang menelan belanja sebanyak RM105 juta. Lebuhraya ini tidak sahaja mampu menghubungkan Kuala Krai di bahagian utara Kelantan Selatan, tetapi ia juga secara langsung telah membuka

kawasan pedalaman Kelantan kepada pembangunan ekonomi yang selama ini terhalang akibat masalah perhubungan. Dari segi jangka panjang, lebuh raya ini dilihat sebagai nadi utama kepada pembangunan Kelantan seluruhnya. Ini kerana, dengan wujudnya lebuh raya itu, kawasan Kelantan Utara dan Kelantan Selatan telah dihubungi dengan mudah dan cepat.

Sungguhpun terdapat pelbagai projek pembangunan sosioekonomi yang dilancarkan di Kelantan melalui RMT, namun tindakan membangunkan kawasan Kelantan Selatan dan pembinaan Lebuh Raya Kuala Krai-Gua Musang merupakan dua projek utama seringkali dikaitkan dengan Tengku Razaleigh. Tidak keterlaluan kalau dikatakan kemunculan kedua-dua projek ini merupakan sesuatu yang tidak pernah termimpi dan terfikir oleh rakyat Kelantan, khususnya penduduk di Kelantan Selatan sebelum tahun 1978. Ini kerana, pada ketika itu, kawasan Kelantan Selatan boleh dikatakan terpisah dengan Kelantan Utara, memandangkan struktur muka buminya yang diliputi oleh hutan tebal dan bukit-bukau yang tinggi. Oleh itu, apabila lebuh raya itu wujud pada ketika Tengku Razaleigh dilihat sebagai pemimpin yang cukup berkuasa dan berpengaruh dalam Kerajaan dan UMNO Kelantan, maka keyakinan penduduk terhadap keterlibatannya dalam membangunkan Kelantan sukar untuk diketepikan. Ini menjadikan penghormatan rakyat, khususnya ahli-ahli UMNO Kelantan begitu tinggi terhadapnya.

Walhal ketika beliau mengumumkan hasratnya untuk membawa balik peruntukan melebihi RM1,700 juta bagi tujuan membangunkan negeri Kelantan (sewaktu RMT dilancarkan pada 1976), pengumuman itu telah diterima dengan perasaan berbelah bahagi. Di kalangan ahli-ahli UMNO sendiri ada yang kurang yakin dengan pengumuman itu, sehingga memaksa Tengku Razaleigh meyakinkan mereka kemudiannya bahawa jumlah ribuan juta yang dimaksudkan itu bukan merupakan suatu peruntukan di atas kertas semata-mata (*Mingguan Malaysia*, 5 Mac 1978).

Pembangunan Aktiviti Keagamaan

Sungguhpun Tengku Razaleigh telah memberikan perhatian yang serius kepada pembangunan ekonomi Kelantan, tetapi beliau juga tidak mengenenipkan pembangunan di bidang keagamaan. Baginya dalam konteks politik Kelantan, kedua-dua asperk pembangunan ini perlu diseimbangkan, sekiranya UMNO/Barisan Nasional mahu

mengekalkan kuasanya di negeri tersebut (*Berita Minggu*, 5 Mac 1978). Sebagai pemimpin yang berperanan sebagai penaung substantif, beliau telah menyediakan peruntukan yang besar kepada bidang keagamaan ini, agar sokongan masyarakat Melayu Kelantan kepada UMNO terus berkekalan. Dalam usaha memenuhi tuntutan ini, beliau tidak sahaja menjanjikan rakyat Kelantan dengan pelbagai projek dan rancangan ke arah mempertingkatkan syair Islam, tetapi beliau juga menawarkan ganjaran ekonomi kepada mereka yang terlibat dengan urusan keagamaan ini.

Ekoran daripada itu, Jabatan Agama Islam Kelantan telah ditubuhkan oleh pihak Kerajaan UMNO/Barisan Nasional sebaik-baik sahaja selesai pilihan raya 1978. Tanpa mengganggu bidang kuasa MAJLIS yang dinaungi oleh Baginda Sultan, Jabatan Agama Islam telah dipertanggungjawabkan dengan tugas mengendali, merancang dan melaksanakan aktiviti dan projek keagamaan yang berkaitan dengan pembangunan syiar Islam (*Fokus Negeri Kelantan*).

Kegiatan mubaligh merupakan program utama jabatan ini. Melalui gagasan keluarga mubaligh tenaga mubaligh, guru-guru al-Quran telah digerakkan ke arah mempertingkatkan kefahaman rakyat tentang Islam, di samping menerapkan nilai-nilai akhlak yang mulia di dalam kehidupan mereka. Hasilnya, kelas agama dan kelas pengajian al-Quran telah diadakan di masjid, surau, pondok, serta di rumah-rumah tertentu yang dipilih oleh para mubaligh yang dilantik. Sehingga tahun 1984, terdapat 240 orang mubaligh di seluruh negeri Kelantan, dan kesemua mereka ini diberikan elaun keterlibatannya di dalam kegiatan meninggikan syiar Islam itu.

Di samping itu, Kelas Khas oleh Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan, iaitu Kelas Fardu Ain yang khusus untuk kanak-kanak yang berusia 7 hingga 15 tahun juga telah diadakan di masjid di peringkat mukim. Melalui kelas ini, kanak-kanak didedahkan kepada latihan sembahyang secara amali, serta amalan harian yang lain, seperti ke surau atau madrasah. Sehingga tahun 1984, terdapat sebanyak 157 Kelas Fardu Ain di seluruh negeri Kelantan, dengan 500 tenaga pengajar yang berelaun (*Fokus Negeri Kelantan*, 1978). Begitu juga dengan Kelas al-Quran di kampung-kampung telah diberikan sugu hati bulanan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri di atas sumbangan mereka mengajar kanak-kanak membaca al-Quran dengan cara yang betul dan fasih. Selain daripada itu, guru-guru pondok juga turut diberikan ganjaran bulanan di atas sumbangan mereka kepada pengajian pondok.

Begitu juga dengan para pegawai masjid di peringkat mukim, seperti yang dijanjikan oleh Tengku Razaleigh dalam kempen pilihan raya 1978, mereka juga telah diberikan ganjaran bulanan. Imam Tua telah diberikan RM100 setiap bulan, manakala Imam Muda dan Khatib (serta bilal), masing-masing telah menerima sumbangan sebanyak RM70 dan RM60 sebulan. Oleh yang demikian, dengan pemberian sebagai elaun kepada setiap golongan yang terlibat dengan kegiatan mempertingkatkan syiar Islam ini, pada tahun 1978 sahaja, sebanyak RM6.33 juta telah dibelanjakan. Menjelang berakhir RMT, perbelanjaan ini telah meningkat kepada RM13.45 juta. Apa yang menarik, kebanyakan mereka yang mendapat ganjaran ekonomi ini merupakan penyokong setia UMNO.

Dalam keghairahan melaksanakan tradisi pembelajaran ilmu agama ini, politik pembinaan masjid seperti yang dilakukan pada pertengahan kedua tahun 1960-an tetap juga diteruskan. Bermula dari 1978 hingga 1982, sebanyak 100 buah masjid baru telah dibina di seluruh negeri Kelantan. Di samping itu, pembinaan ataupun membaik-pulih beratus-ratus buah surau dan madrasah masih juga dilaksanakan (*Berita Harian* 15 April 1982). Pendek kata, kegiatan ini merupakan fenomena biasa dalam tempoh pelaksanaan RMT dan RME di negeri Kelantan.

Di samping penubuhan Jabatan Agama Islam, beberapa institusi lain juga berkaitan dengan Islam telah diwujudkan. Penubuhan Kompleks Balai Islam dan Yayasan Islam Kelantan (*Fokus Negeri Kelantan* 1978) adalah di antara beberapa institusi baru yang mampu memperlihatkan keseriusan UMNO dan kerajaannya di dalam membangunkan Islam di negeri itu. Malahan, melalui institusi ini juga pelbagai peluang ekonomi, pekerjaan dan kemudahan lain dapat disediakan kepada rakyat Kelantan, khususnya ahli-ahli UMNO.

Pembangunan dan Peningkatan Imej

Dalam menyediakan pelbagai program pembangunan di bawah RMT dan RME, suatu yang tidak dapat dinafikan bahawa ia turut memberikan banyak peluang ekonomi kepada para pemimpin UMNO tempatan, terutamanya mereka yang dekat dengan Tengku Razaleigh. Dalam usaha membekal dan menyediakan keperluan serta perkhidmatan kepada projek-projek yang telah diluluskan (seperti pembinaan jalan raya, jambatan, dan bangunan-bangunan baru), para pemimpin UMNO tempatan telah diberi kesempatan untuk melibatkan diri dengan dunia perniagaan, sama ada sebagai pemborong ataupun kontraktor.

Akibatnya, dalam tempoh sepuluh tahun sahaja (1976-85) segolongan orang kaya baru telah muncul daripada kalangan orang kuat UMNO di dalam masyarakat Melayu Kelantan. Lanjutam daripada itu, adalah tidak menghairankan sekiranya terdapat para pemimpin UMNO di peringkat bahagian dan cawangan tanpa segan silu terus mengidentifikasikan diri mereka sebagai orang Tengku Razaleigh. Dengan cara ini, masing-masing berharap mereka berkesempatan dan berpeluang mendapat habuan ekonomi daripada kedatangan projek pembangunan yang dirancang khusus untuk kawasannya.

Di samping itu, dengan menjadikan mereka sebagai orang Tengku Razaleigh, mereka juga mempunyai peluang yang lebih mudah untuk mendapatkan pelbagai projek pembangunan kecil yang dirancang dan diagihkan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi kawasan masing-masing. Seperti yang pernah berlaku pada tahun 1960-an, keupayaan membawa pulang projek ini tetap memberikan *political mileage* kepada mereka. Sekurang-kurangnya, ia memberi peluang kepada pemimpin terlibat untuk mempertahankan kedudukan masing-masing di dalam struktur kepemimpinan parti di kawasannya.

Justeru, dengan berterusannya sikap seperti ini, ia secara tidak langsung telah mempertingkatkan lagi pengaruh peribadi Tengku Razaleigh. Di kalangan ahli UMNO beliau sudah semestinya terus dilihat sebagai pemimpin yang berkarismatik, apatah lagi pada ketika yang sama, sepanjang pelaksanaan RMT, akhbar-akhbar utama negara yang berada di bawah pengaruhnya tidak putus-putus menyiarkan berita mengenai beliau dengan rancangan pembangunannya di Kelantan. Akhbar *Berita Harian* pada 10 Julai 1979 antara lain telah mengatakan:

Peruntukan besar telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi menebus kembali kemiskinan rakyat akibat ketinggalan pembangunan. Kini Kelantan boleh disifatkan sebagai anak emas kerana tumpuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat...Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, selaku anak Kelantan berkali-kali menggesa rakyat negeri itu supaya menyahut pembangunan.

Beliau sendiri pernah menyuarakan rasa malu untuk balik ke negeri ini kerana tidak ada pembangunan dan rakyat hidup dalam kemiskinan. Sebab itu beliau telah berusaha keras mencari jalan bagaimana Kelantan boleh dimajukan dengan seberapa cepat dan berkesan. Pengorbanan Tengku Razaleigh kepada rakyat Kelantan terlalu besar kerana beliau ingin melihat rakyat negeri ini berada dalam kemajuan, perubahan, dan kemewahan. Hasrat besar (beliau) mendapat simpati pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri Dato' Hussein Onn.

Begitu juga pada tahun 1980, ketika rakyat sedang berpesta menyambut ulangtahun Kemahkotaan Sultan Kelantan, *Berita Harian* pada 30 Mac sekali lagi telah menyiarkan sebuah rencana yang antara lainnya berbunyi:

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kelantan telah mendapat peruntukan yang besar bagi mengimbangi jurang ekonomi rakyat yang 18 tahun ketinggalan pembangunan. Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah kebetulan anak Kelantan yang sangat sayangkan rakyat, nampaknya sanggup berbuat apa sahaja menggunakan kuasa yang ada padanya untuk kepentingan rakyat negeri itu.

Di mana-mana beliau pergi, Tengku Razaleigh tetap menyuarakan hasratnya untuk mengutamakan kepentingan rakyat Kelantan dan banyak usaha telah dibuat untuk mengembalikan negeri ini ke zaman kemajuan.

Manakala, *Berita Harian* pada 12 April 1982, sewaktu memperkatakan tentang Kelantan membangun mengejar kemajuan merujuk kepada pembangunan pesat di Hulu Kelantan antara lain telah mengatakan:

Dalam tempoh tidak sampai empat tahun sahaja Kerajaan Barisan Nasional di Kelantan di bawah kepimpinan Tengku Razaleigh telah memenuhi janji-janji manifesto pilihan rayanya... dan pada masa ini beberapa buah lebuh raya yang menelan belanja berjuta-berjuta ringgit telah dan sedang dibina, lebuh raya Timur-Barat, dan sebuah lagi lebuh raya untuk menghubungkan bandar Kuala Krai dengan Gua Musang... pada masa ini hanya boleh sampai melalui perkhidmatan keretapi sahaja.

Apabila siap kelak lebuh raya itu, sudah pasti Ulu Kelantan di mana Gua Musang terletak bukan lagi sebuah hulu. Dan pembangunan raksaksa bandar Gua Musang yang menelan belanja \$75 juta akan mengubah sepenuhnya wajah bandar itu... untuk menyerikan lagi pembangunan itu... untuk menyerikan lagi pembangunan kawasan Hulu Kelantan yang sebelum ini hanya dipenuhi hutan belantara, KESEDAR... sedang membuka kawasan rancangan tanah untuk menempatkan rakyat yang tidak bertanah... sudah pasti dengan pembukaan tanah oleh KESEDAR, pembangunan raksaksa bandar Gua Musang, Hulu Kelantan akan muncul sebagai sebuah zon pembangunan... setanding dengan kawasan Kelantan Utara...

Ini semua adalah kegigihan Tengku Razaleigh Hamzah yang merupakan ahli Parlimen bagi kawasan Hulu Kelantan untuk membela nasib rakyat yang diwakilinya. Sesungguhnya hanya kewibawaan Tengku Razaleigh sebagai seorang pemimpin agung bukan sahaja bagi negeri Kelantan bahkan negara sudah diakui rakyatnya.

Sebelum itu, sebulan menjelang pilihan raya umum 1974, *TIME* sebuah majalah mingguan antarabangsa yang cukup berpengaruh telah meramalkan beliau bersama dengan rakannya dalam UMNO, iaitu

Dato' Musa Hitam sebagai bakal pemimpin dunia. Dalam pada itu, untuk memperlihatkan bahawa dirinya merupakan seorang pemimpin yang berpengaruh, dan apa yang dirancang itu adalah projek yang *viable*. Tengku Razaleigh secara peribadi telah mengundang Robert McNamara, Presiden Bank Dunia datang melawat Kelantan dan melihat sendiri program pembangunan yang dilaksanakan untuk membangun negeri itu (*New Straits Times*, May 20, 1978).

Kunjungan Robert McNamara ini sekali gus telah mempertingkatkan imej dan kewibawaan Tengku Razaleigh di mata masyarakat umum. Kesediaan tokoh Amerika menerima undangannya itu tidak sahaja memberikan sokongan moral dan politik kepada Tengku Razaleigh, tetapi apa yang lebih penting di dalam konteks politik penuangan, ia juga secara jelas memberikan gambaran kepada rakyat Kelantan bahawa beliau benar-benar ikhlas dan serius dalam usaha negeri itu, sehingga sanggup mendapatkan bantuan dari Bank Dunia.

Ringkasnya, kejayaan Tengku Razaleigh dalam merancang dan melaksanakan politik pembangunan di negeri Kelantan tidak sekadar memberikan sokongan dan kepercayaan orang ramai terhadapnya, sehingga keahliannya melebihi 200,000 orang (*Utusan Malaysia*, 18 Februari 1975), tetapi imej dan pengaruh peribadi beliau juga begitu ketara sekali di mata ahli UMNO, sama ada di peringkat negeri ataupun kebangsaan. Ini terbukti daripada keputusan pemilihan Naib Presiden UMNO yang diadakan pada tahun 1978, di mana Tengku Razaleigh telah berjaya mempertahankan kedudukannya dengan memenangi tempat pertama di dalam pemilihan tersebut.

Dalam hal ini, kejayaan beliau itu telah dikaitkan dengan imejnya sebagai arkitek yang mampu merancang kejatuhan Kerajaan PAS Kelantan, di samping kemampuannya dalam memikul tanggungjawab sebagai Menteri Kewangan. Sedangkan sebelum itu, tidak ada siapa pun pernah membayangkan bahawa terdapatnya tokoh politik Melayu yang mampu memegang portfolio tersebut. Perkembangan ini pada akhirnya telah meyakinkan beliau bahawa jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia bakal menjadi miliknya pada suatu hari nanti.

Catatan

1. BBMB telah ditubuhkan pada 1959 dan Pernas pula pada 1969 sebagai suatu usaha untuk meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu di dalam kegiatan

ekonomi moden, seperti mana yang telah diputuskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera 1 (1965), dan kongres Ekonomi Bumiputera ke-2 (1968). Pengerusi Eksekutif kedua-dua badan ini ialah Mohamed Roslan Abdullah. Apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1970, Tengku Razaleigh yang menjadi Pengarah Eksekutif BBMB telah dilantik mengetuai kedua-dua institusi tersebut.

2. Pada peringkat awal penubuhan, Tun Abdul Razak berharap Pemas lebih menumpukan peranannya sebagai pembekal barangan kepada para peniaga Melayu, agar bekalan mereka tidak terputus sekiranya gagal memperolehi bekalan daripada para peniaga bukan bumiputera yang menguasai bidang perniagaan dan pembuatan pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, selepas setahun berada di bawah kepemimpinan Tengku Razaleigh, dan tanpa mengabaikan hasrat Tun Abdul Razak, Pemas telah berjaya mengambilalih pengurusan dua buah syarikat gergasi British iaitu *London Tin Corporation* dan *Sime Darby*, yang kemudiannya menjadi syarikat kepunyaan Malaysia. *Sime Darby* telah dikekalkan namanya, manakala *London tin Corporation* telah diubah menjadi *Malaysian Mining Corporation*. Keterangan lanjut lihat, Ucapan Profesor Dato' Dr. Mukhzani Abdul Rahim, di malam Sekuntum Bunga Raya Di Tasik Teratai (seperti dipetik oleh Aziz Ahmad, *op.cit.*, hal. 181).

3. Tun Abdul Razak telah mengambil alih jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia daripada Tunku Abdul Rahman pada September 1971.
4. Pada mulanya, Tun Abdul Razak telah membuat keputusan untuk melantik Hanafiah Hussein, Bendahari UMNO Malaysia sebagai Pengerusi Eksekutif BBMB, bagi menggantikan tempat Mohamed Roslan Abdullah yang telah meninggal dunia pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, beliau telah berubah fikiran, dan melantik Tengku Razaleigh, selepas yakin bahawa jawatan tersebut boleh meningkatkan imej putera raja itu dalam usahanya menyekat pengaruh peribadi Dato' Muhamad Asri, pemimpin besar PAS Kelantan. Hal ini, telah didedahkan oleh Dato' Abdullah Ahmad, bekas Setiausaha Politik Tun Abdul Razak.
5. Tengku Razaleigh telah menolak jawatan tersebut dengan alasan bahawa beliau masih boleh memberikan khidmatnya kepada pembangunan ekonomi orang-orang Melayu tanpa berada di dalam kabinet. Walau bagaimanapun, beliau dipercayai tidak berminat dengan kementerian yang baru ini. Sebaliknya, beliau bersedia berada di dalam kabinet kerajaan sekiranya jawatan Menteri Kewangan (termasuk di dalamnya Unit Perancang Ekonomi, yang berada di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri)

Malangnya, Tun Abdul Razak tidak dapat memenuhi kehendak Tengku Razaleigh ini kerana kementerian berkenaan telah diperuntukkan kepada Dato' Hussein Onn yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri. Hal ini telah dimaklumkan oleh Dato' Abdullah Ahmad, bekas Setiausaha Politik Tun Abdul Razak (kemudiannya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri) di dalam temubual tidak formal dengan penulis di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 8 November 1993.

6. Perlantikan kedua-dua tokoh ini dilakukan atas kehendak Tun Abdul Razak sendiri. Hal ini telah disahkan oleh Dato' Abdullah Ahmad dalam temubual tidak

formal dengan penulis di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 8 November 1993.

7. Dato' Muhamad Asri telah dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas, yakni turut bertanggungjawab kepada urusan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam.
Semasa peringkat awal penubuhan Kerajaan Campuran UMNO/Perikatan-PAS, kedua-dua belah pihak dipercayai telah mewujudkan suatu persefahaman untuk tidak menubuhkan cawangan baru di kawasan lawan masing-masing. Walau bagaimanapun, ekoran daripada perlantikan Dato' Asri sebagai Menteri Kemajuan Tanah, PAS ternyata begitu ghairah menubuhkan cawangan barunya di kawasan-kawasan FELDA. Ini telah menimbulkan rasa kurang senang di pihak UMNO, memandangkan kawasan rancangan tanah itu merupakan kubu kuat parti tersebut.
Kemuncak rasa tidak puas hati ini meletus, apabila PAS telah menubuhkan cawangannya di kawasan Seri Gading, Johor, di mana wakil rakyatnya ialah Dato' Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia. Pandangan ini telah diluahkan oleh tokoh-tokoh UMNO Kelantan di dalam temubual tidak formal dengan penulis semasa kajian ini dilakukan.
8. Pandangan ini telah dinyatakan oleh Dato' Muhamad Asri di dalam pertemuan tidak formal dengan penulis semasa beliau bertugas sebagai Karyawan Tamu di Institut Bahasa dan Kebudayaan Melayu pada tahun 1991.
9. Sewaktu krisis PAS-Dato' Haji Muhamad Nasir tercetus, baginda Sultan Kelantan sedang berada di Kuala Lumpur kerana memegang jawatan Yang Dipertuan Agong. Pemangku Raja Kelantan pada ketika itu ialah Tengku Ismail Petra (kini Sultan Kelantan), dan isteri beliau adalah anak saudara kepada Tengku Razaleigh Hamzah.
10. Pemilihan Dato' Muhamad Yaacob sebagai Menteri Besar Kelantan turut juga dilihat sebagai salah satu faktor yang telah menyebabkan UMNO mampu memperolehi kemenangan besar pada tahun 1978. Hal ini telah diakui oleh para penyokong PAS ketika penulis melakukan kajian mengenai pilihan raya umum 1986 Di Kelantan.
11. Kepada para pemerhati politik Kelantan (khusus mereka di negeri itu), Tengku Razaleigh telah dilihat sebagai pemegang kuasa sebenar di dalam pemerintahan kerajaan negeri, dari tahun 1978-1984. Kata-kata yang sering mereka gunakan ialah dengan menekan butang di Kuala Lumpur sahaja, maka jentera Kerajaan Kelantan akan bergerak: Pandangan ini telah diperolehi semasa penulis melakukan kajian mengenai pilihan raya umum 1986 di Kelantan.
12. Lihat, Dato' Baharuddin Samad, *Sejauhmanakah Berjayanya Dasar Ekonomi Baru terhadap Rakyat Kelantan Selaras Dengan Peruntukan Belanjawan Yang Besar Diberikan Kepada Negeri Kelantan untuk Tujuan Tersebut*, kertas kerja Konvensyen Pembangunan ekonomi dan Sosial Rakyat Kelantan, 3 & 4 November 1984, hal. 3.
13. Negeri Kelantan meliputi satu kawasan seluas 5,765 batu persegi (3.7 juta ekar), dan seluas 0.8 juta ekar daripada tanah tersebut terletak di kawasan Kelantan Utara (kira-kira 20% daripada keluasan negeri Kelantan). Kebanyakan tanah di

kawasan Kelantan Utara merupakan tanah pertanian (tanah rata) yang diusahakan secara intensif.

Di kawasan Kelantan Utara ini juga terletaknya 7 daripada 9 buah jajahan pentadbiran. Pada tahun 1978, 90% penduduk Kelantan Utara. Kepadatan penduduk di kawasan ini adalah seramai 500 orang bagi setiap batu persegi. *Kelantan: Tinjauan Ekonomi dan Rancangan Pelaksanaan*, hal. 1-2.

BAB 6

Penaungan: UMNO Kelantan, Kepemimpinan Bangsawan dan Krisis Kepemimpinan UMNO Malaysia

Setelah hampir tiga puluh lima tahun (1946-81) golongan bangsawan Melayu terlibat secara langsung di dalam kepemimpinan UMNO Kelantan, akhirnya pada awal tahun 1980-an, pengaruh dan kekuasaan kepemimpinan bangsawan menemui zaman penghujungnya. Berbeza dengan suasana di masa lalu, keadaan ini bukannya datang dari dalam UMNO Kelantan, tetapi daripada kepemimpinan UMNO di peringkat kebangsaan. Akibatnya, ia tidak sahaja mendedahkan UMNO Kelantan kepada perpecahan yang sukar dibendung, tetapi juga telah mencetuskan krisis kepemimpinan di dalam UMNO Malaysia sendiri, sehingga menyebabkan parti tersebut diharamkan pada Februari 1988.

Segala-galanya telah bermula apabila Tengku Razaleigh merasakan dirinya cukup kuat di dalam barisan kepemimpinan UMNO di peringkat kebangsaan, mahu menggunakan kekuatan itu untuk mewarisi kepemimpinan parti tersebut. Malangnya, dalam perlumbaan untuk menguasai UMNO ini, para pesaingnya telah menggunakan kesempatan untuk melemah dan menghancurkan karier politik beliau. Akibatnya, beliau tidak sahaja tersingkir daripada kepemimpinan UMNO Kelantan, tetapi juga terpinggir dari kepemimpinan UMNO di peringkat kebangsaan. Namun begitu, ini tidak pula bererti bahawa ketokohan pengaruhnya sebagai pemimpin-penaung telah merosot.

Penggantinya, Dato' Muhamad Yaacob, daripada kalangan rakyat biasa, ternyata tidak mampu memainkan peranan yang setanding dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh Tengku Razaleigh, walaupun mendapat sokongan penuh daripada kepemimpinan UMNO di peringkat kebangsaan. Di bawah kepemimpinannya, UMNO kembali ke zaman perpecahan, seperti yang dialami pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Akibatnya, UMNO Kelantan gagal mempertahankan kerajaan yang ditubuhkannya pada tahun 1978, dan terpaksa

menyerahkan kuasa memerintah kepada PAS yang bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) melalui pilihan raya umum 1990.

Bermula Krisis dan Perpecahan Kepemimpinan UMNO

Tahun 1980-an menyaksikan episod baru dalam perkembangan politik negara, khususnya UMNO. Sebagai pemimpin politik kebangsaan, Tengku Razaleigh juga tidak dapat membebaskan dirinya daripada perkembangan tersebut. Justeru, UMNO Kelantan yang diketuainya juga telah turut terseret di dalam senario itu. Implikasinya, kedatangan RME pada tahun 1981 tidak diberikan perhatian yang serius (berbanding dengan RMT) oleh masyarakat Melayu Kelantan, terutamanya daripada kalangan ahli-ahli UMNO, walaupun peruntukan yang diberikan kepada Kelantan jauh lebih besar daripada peruntukan RMT iaitu melebihi RM 2,800 juta.

Meskipun ahli-ahli UMNO Kelantan tahu bahawa Tengku Razaleigh, selaku Menteri Kewangan berada di sebalik peruntukan yang besar itu, namun mereka juga yakin dan percaya bahawa peruntukan itu hanya dapat dipertahankan sekiranya beliau terus kekal sebagai pemimpin yang berpengaruh di dalam parti dan kerajaan, sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan. Oleh kerana itu, perhatian mereka lebih tertumpu kepada usaha untuk mempertahankan kepemimpinan bangsaawan, agar perkembangan yang berlaku di dalam kepemimpinan UMNO di peringkat kebangsaan itu tidak menjejaskan perannya sebagai pemimpin-penaung. Bagi ahli UMNO Kelantan, kepemimpinan Tengku Razaleigh tidak hanya perlu untuk meneruskan kesinambungan proses membangunkan negeri itu, tetapi ia juga penting sebagai benteng dan penaung yang mampu mengelakkan parti itu daripada terjerumus ke dalam perpecahan. Ini kerana mereka menyedari bahawa perpecahan dalaman akan mengundang PAS kembali memerintah negeri Kelantan.

Dari segi sejarahnya, senario ini telah bermula sebaik-baik sahaja Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan kerana masalah kesihatan. Walaupun secara tradisinya, Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad akan mewarisi kekosongan yang bakal ditinggalkan oleh Dato' Hussein

Onn itu sama ada sebagai Presiden UMNO ataupun Perdana Menteri, namun kekosongan tetap wujud di peringkat Timbalan Presiden UMNO yang bakal memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Mengingatkan Tengku Razaleigh pada ketika itu merupakan Naib Presiden UMNO yang paling kanan dan juga merangkap Bendahari UMNO, maka para penyokongnya terutama di Kelantan merasakan bahawa beliau sepatutnya diberi peluang untuk menjadi Timbalan kepada Dr. Mahathir.

Malahan, terdapat juga di kalangan penyokongnya yang mahu beliau menandingi jawatan Presiden UMNO yang bakal dikosongkan oleh Dato' Hussain Onn itu (*Asiaweek*, June 17, 1983). Bagi golongan ini, sekiranya berlaku pertandingan di antara Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir kemenangan telah dilihat lebih berpihak kepada Tengku Razaleigh. Jangkaan ini berdasarkan kepada *popularity* yang wujud pada ketika itu, di mana Tengku Razaleigh selaku Menteri Kewangan dipercayai jauh lebih popular daripada Dr. Mahathir. Di samping itu, kejayaan Tengku Razaleigh merebut tempat kedua dalam pertandingan jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun 1975, seringkali juga dijadikan kayu pengukur kekuatan tokoh tersebut. Dalam pertandingan itu, Dr. Mahathir, selaku Menteri Pelajaran hanya mampu menduduki tempat ketiga, dengan memperolehi undi sebanyak 474 undi sahaja, sedangkan Tengku Razaleigh, tanpa jawatan di dalam kabinet berjaya memperolehi undi sebanyak 642 undi. Ini bermakna, Tengku Razaleigh mendapat kelebihan sebanyak 168 undi, berbanding dengan jumlah undi yang diperolehi oleh Dr. Mahathir. Manakala, Encik Abdul Ghafar Baba, selaku pemenang pertama telah berjaya memperolehi 838 undi (*Sunday Times*, June 22, 1975).

Memandangkan hubungan yang erat di antara Encik Abdul Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh, maka golongan yang mahukan Tengku Razaleigh melawan Timbalan Perdana Menteri yakin dan percaya bahawa Encik Ghafar Baba dan para penyokongnya akan memberikan undi mereka kepada Ketua UMNO Kelantan itu. Jadi, keadaan ini dengan sendirinya membolehkan Tengku Razaleigh memenangi jawatan Presiden parti. Keyakinan ini menjadi bertambah kuat memandangkan dalam pemilihan Naib Presiden UMNO pada tahun 1978, undi yang diperolehi oleh Encik Ghafar Baba sudah pun berkurangan daripada jumlah yang dipungut oleh Tengku Razaleigh. Di dalam pemilihan itu, Tengku Razaleigh muncul sebagai pemenang pertama dengan memperolehi undi sebanyak 763 undi, manakala undi Encik Ghafar Baba

merosot kepada 706 undi, dan tempat ketiga pula telah dimenangi oleh Dato' Musa Hitam dengan memperolehi sebanyak 699 undi (*The Star*, June 25, 1981). Dalam hal ini, pertambahan undi Tengku Razaleigh itu dilihat oleh para penyokongnya sebagai tanda bahawa sebilangan penyokong Encik Ghafar telah beralih dengan memberikan undi mereka kepada Tengku Razaleigh.

Berasaskan kepada logik perkiraan ini, tidak mengejutkan juga apabila terdapat segolongan para penyokong Tengku Razaleigh yang mendesak beliau menentang Dato' Hussein Onn, sekiranya Presiden UMNO itu mahu mengekalkan kedudukannya di dalam perhimpunan agung parti yang diadakan pada tahun 1981 itu. Walau bagaimanapun, Tengku Razaleigh tidak begitu ghairah dengan desakan tersebut. Sebaliknya, beliau lebih berminat dengan jawatan Timbalan Presiden UMNO, yang bakal dikosongkan oleh Dr. Mahathir, sekiranya Dato' Hussein Onn bertindak melepaskan jawatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri (*Utusan Malaysia*, 20 April 1981).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Tengku Razaleigh agak kecewa apabila beliau tidak dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri sewaktu Dato' Hussein Onn membentuk kabinet pertamanya pada tahun 1976, memandangkan kedudukannya yang lebih kanan di dalam hierarki kepemimpinan UMNO, berbanding dengan kedudukan Dr. Mahathir. Namun begitu, disebabkan Dato' Hussein Onn telah memberikan beberapa keistimewaan kepadanya (sekalipun beliau merupakan menteri kabinet yang paling *junior*), maka kekecewaan itu tidaklah berlanjutan. Sebaliknya hubungan Hussein-Razaleigh begitu akrab sekali, sehingga menimbulkan pula rasa tidak senang hati Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri terhadap dirinya (Zakry 1982, 31).

Oleh kerana itu, Tengku Razaleigh tetap bertegas bahawa beliau tidak akan menentang kepemimpinan Dato' Hussein Onn, dengan alasan Presiden UMNO itu lebih *senior* darinya, dan juga merupakan ketua yang dihormati. Alasan yang sama juga diberikan apabila beliau menolak hasrat para penyokongnya yang mahukan beliau menentang Dr. Mahathir, sekiranya Dato' Hussein Onn meletak jawatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri (*Utusan Malaysia*, 20 April 1981). Walau bagaimanapun, Hussein-Mahathir-Razaleigh, pada hakikatnya, sudah pun mencapai suatu persefahaman dalam menentukan hierarki kepemimpinan UMNO, seperti yang telah menjadi tradisi UMNO sebelum itu. Mengikut persefahaman itu, Tengku Razaleigh

menerima Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, manakala beliau sendiri akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menawarkan diri untuk dipilih sebagai Timbalan Presiden parti.

Memandangkan tradisi UMNO tidak begitu mengizinkan pertandingan kedua-dua jawatan penting tersebut, ini bermakna peralihan kuasa di dalam parti itu akan berjalan lancar, dan Tengku Razaleigh pula tidak akan mengalami sebarang cabaran. Melalui persefahaman ini, Tengku Razaleigh yakin dan percaya bahawa jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri akan menjadi miliknya, apabila Dato' Seri Dr. Mahathir berundur daripada politik dan kerajaan. Dengan itu, Tengku Razaleigh telah menyeru serta mengingatkan para penyokongnya, dari masa ke semasa, terutamanya di Kelantan supaya menerima kepemimpinan Dr. Mahathir, dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada tokoh berkenaan.

Malangnya, persefahaman yang memberikan kemenangan percuma kepada Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO pada tahun 1981 itu tidak berlaku pula kepada jawatan Presiden UMNO yang diidamkan oleh Tengku Razaleigh yang bercita-cita mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sebaliknya, selepas sahaja dilantik menjadi Pemangku Perdana Menteri, ekoran daripada perletakan jawatan Dato' Hussein Onn, Dr. Mahathir tidak pula membayangkan hasratnya untuk melantik Tengku Razaleigh sebagai timbalannya. Apa yang berlaku, Dr. Mahathir mahu para perwakilan UMNO yang akan bersidang pada tahun itu menentukan calon yang patut mengisi jawatan Timbalan Presiden UMNO, dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Walaupun Tengku Razaleigh kecewa dengan sikap bakal Perdana Menteri yang baru itu, namun beliau segera menawarkan dirinya sebagai calon Timbalan Presiden. Beliau begitu yakin bahawa tiada di kalangan ahli-ahli UMNO yang bersedia menandinginya (*Straits Times*, Mei 10, 1981). Ini memandangkan reputasinya yang tinggi sebagai arkitek yang telah berjaya menumbangkan Kerajaan PAS Kelantan, serta *popularity* dan prestasinya yang hebat sebagai tokoh korporat dan Menteri Kewangan Melayu yang pertama. Tambahan pula, pengaruh peribadi beliau pada ketika itu tidak sahaja terhad di Kelantan, tetapi beliau juga mempunyai ramai penyokong di Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan juga Perak.

Akibatnya, Ketua UMNO Kelantan itu terperangkap dalam keyakinan yang keterlaluan terhadap dirinya sendiri (*Berita Harian*, 10 Mei

1981). Malang bagi Tengku Razaleigh, pada ketika itu juga Dato' Musa, Menteri Pelajaran telah muncul sebagai saingannya. Justeru, beliau mulai merasakan dirinya telah dipermainkan-mainkan oleh Dr. Mahathir (Ranjit 1988, 184-88). Walaupun Presiden UMNO itu tidak pernah menyatakan sokongan terbuka kepada Dato' Musa, namun kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Dr. Mahathir (sewaktu kempen sedang berjalan) telah memperlihatkan kepada umum bahawa ia berpihak kepada Dato' Musa (Chamil 1988, 15-16).

Keadaan semakin menjadi tidak memihak Tengku Razaleigh, apabila menjelang tarikh pemilihan diadakan, Dato' Musa tanpa diduga telah memperolehi satu kekuatan baru. Ia berlaku, apabila Dato' Hussein Onn, di dalam suatu Majlis Tengku Razaleigh (Ranjit, 1988, 189) telah memberi ucapan yang kemudiannya telah ditafsirkan oleh para perwakilan UMNO sebagai memihak kepada Dato Musa. Tindakan Dato' Hussein ini sudah tentu menimbulkan kekecewaan dan kemarahan pada Tengku Razaleigh dan para penyokongnya. Meskipun terdapat pelbagai andaian berhubung dengan sikap Dato' Hussein Onn, namun Tengku Razaleigh mempunyai andaianya yang tersendiri terhadap perubahan sikap Dato' Hussein Onn itu (*Asiaweek*, June 17, 1983). Akibatnya, apabila pemilihan diadakan pada Jun 1981, Tengku Razaleigh gagal merebut jawatan yang ditandinginya, sekalipun beliau membuat ugutan untuk meninggalkan kabinet dan politik sekiranya gagal di dalam pertandingan tersebut.

Berbanding dengan Dato' Musa yang memperolehi undi sebanyak 722, Tengku Razaleigh hanya mampu memungut 517 undi sahaja. Namun begitu, kejayaan Dato' Musa memperolehi kelebihan undi sebanyak 205 undi tidak dilihat sebagai kemampuannya yang sebenar. Sebaliknya, kemenangan itu telah dilihat sebagai kemenangan Dr. Mahathir, dan Dato' Musa hanya menjadi alat presiden UMNO itu untuk menyingkirkan Tengku Razaleigh daripada kedudukan yang berpengaruh di dalam parti kerajaan (Zakry 1992, 36-38). Dengan itu, Tengku Razaleigh tidak lagi menjadi ancaman kepada masa depan politiknya. Pendek kata, tanpa sokongan dan kekuatan peribadi Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, Dato' Musa telah dilihat amat sukar untuk memenangi pertandingan tersebut. Bahkan Tengku Razaleigh sendiri, secara peribadi, tidak pernah melihat tokoh berkenaan sebagai saingan yang mampu menumbangkannya di dalam pertandingan itu.

Berasaskan kepada faktor yang mendorongkan pertandingan merebut kepemimpinan UMNO pada tahun 1981 itu, maka pertemuan buat kali kedua di antara Tengku Razaleigh dan Dato' Musa pada tahun 1984, sudah tidak dapat dielakkan lagi. Keadaan ini amat membimbangkan Dr. Mahathir kerana jika ia dibiarkan berlaku, UMNO sudah pasti akan berhadapan dengan perpecahan yang amat serius, memandangkan pertandingan kali pertama telah pun mewujudkan dua kem di dalam UMNO, iaitu kem Tengku Razaleigh dan Dato' Musa. Maka itu Dr. Mahathir tidak mempunyai alternatif lain, kecuali membuat pengumuman terbuka bahawa beliau mahukan Dato' Musa terus menjadi Timbalannya dan meminta Tengku Razaleigh tidak terus menandingi jawatan Timbalan Presiden UMNO (Chamil 1987, 87-89).

Permintaan ini tentunya tidak mungkin dipenuhi oleh Tengku Razaleigh dan para penyokongnya lagi. Bagi Tengku Razaleigh, dalam keadaan Presiden UMNO mahu meminggirkannya daripada pusat kuasa, dan menafikan peluangnya untuk terus kekal berperanan sebagai pemimpin-penaung, khususnya di Kelantan, maka beliau tidak mempunyai sebarang pilihan, kecuali membuktikan (kepada Presiden UMNO) bahawa beliau masih berpengaruh dan mempunyai ramai penyokong di kalangan ahli UMNO. Oleh itu, untuk menyelamatkan kedudukannya di dalam parti dan kerajaan, beliau terpaksa menandingi Dato' Musa yang dilihatnya sebagai alat kepada Dr. Mahathir.

Walaupun tewas kali kedua, namun keputusan yang diperolehi daripada pertandingan itu tetap membuktikan bahawa Tengku Razaleigh masih lagi berpengaruh. Dato' Musa yang disokong oleh Presiden UMNO dan Perdana Menteri hanya mampu memperolehi undi sebanyak 744 undi sahaja melebihi 22 undi diperolehi pada tahun 1981, sedangkan Tengku Razaleigh pula terus mengekalkan kekuatannya iaitu dengan memperolehi sebanyak 504 undi, hampir menyamai jumlah undi yang diperolehinya pada 1981. Manakala, Dato' Harun Idris, calon ketiga hanya mampu mendapat 34 undi sahaja (*New Straits Times*, May 26, 1984).

Daripada keputusan ini, ia secara langsung memperlihatkan bahawa Dato' Musa belum cukup kuat menandingi pengaruh Tengku Razaleigh yang hanya merupakan seorang menteri kabinet biasa (*ERA* 1997, No. 2, 13). Walhal dengan kedudukannya sebagai orang kedua di dalam UMNO dan kerajaan, Dato' Musa dijangkakan mampu memperolehi undi yang lebih besar daripada yang dipungutnya pada tahun 1981. Sebaliknya apa yang berlaku, Dato' Musa hanya mampu mengatasi

lawannya (Tengku Razaleigh dan Dato' Harun) hanya sebanyak 209 undi sahaja, sedangkan majoriti beliau pada tahun 1981 ialah sebanyak 205 undi. Ini bermakna pertambahan undi yang diperolehi Dato' Musa ialah sebanyak empat undi sahaja, iaitu dengan purata 1 1/3 undi pada setiap tahun, dari 1981-84.

Dengan pertambahan undi yang kecil ini, ia secara langsung juga merupakan suatu tamparan kepada kepemimpinan Dr. Mahathir yang mahu mempertahankan timbalannya itu. Implikasinya, para penyokong Tengku Razaleigh telah melihat Dr. Mahathir juga tidak kuat pengaruhnya di dalam UMNO. Oleh itu, apa yang penting dalam konteks pemilihan kepemimpinan UMNO pada ketika itu ialah Tengku Razaleigh dengan kejayaannya mengekalkan jumlah undi sebanyak 500 itu mampu memberikan isyarat dan amaran awal kepada Dr. Mahathir bahawa Presiden UMNO itu belum cukup kuat untuk menyingkirkannya dari parti itu, serta terdedah pula kepada cabaran yang lebih hebat daripadanya pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir terpaksa juga mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam kabinetnya, meskipun beliau sedar bahawa Ketua UMNO Kelantan itu akan mencabar kepemimpinannya (Chamil 1987 90-95). Tindakan ini perlu dilakukan demi untuk mengimbangi pengaruh Dato' Musa yang juga bercita-cita tinggi dalam politik.

Dalam hal ini, sikap negatif Dr. Mahathir terhadap Tengku Razaleigh mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia bukannya berasaskan kepada perbezaan ideologi tetapi lebih merupakan konflik peribadi. Adalah dipercayai bahawa konflik ini telah pun bermula sejak pertandingan Naib Presiden UMNO pada tahun 1975 lagi. Dr. Mahathir pada ketika itu dikatakan amat kecewa dengan sikap Tengku Razaleigh yang tidak menyokongnya di dalam pertandingan merebut salah satu jawatan Naib Presiden UMNO. Sedangkan pada tahun 1974, beliau telah mengorbankan peluangnya untuk memegang jawatan tersebut ekoran daripada kekosongan yang ditinggalkan oleh Dato' Hussein Onn kerana mahu memenuhi kehendak Tun Abdul Razak yang lebih berminat dengan Tengku Razaleigh (Ranjit 1987, 184-185).

Sungguhpun Tengku Razaleigh menafikan tuduhan itu, tetapi perbezaan undi yang besar di antara mereka berdua, cukup meyakinkan Dr. Mahathir bahawa pandangannya itu benar. Pada beliau, selaku pemenang ketiga, jurang perbezaan undinya dengan Tengku Razaleigh (pemenang kedua) seharusnya kecil, seperti perbezaan undinya dengan Dato' Harun Idris (pemenang keempat) iaitu sebanyak 47 undi sahaja.

Sebaliknya, apa yang berlaku, beliau berada di belakang Tengku Razaleigh sebanyak 168 undi. Manakala, perbezaan undi di antara beliau dengan Tan Seri Syed Jaafar Akbar, pemenang kelima, ialah sebanyak 500 undi.

Keputusan ini pada tanggapan Dr. Mahathir jelas membayangkan bahawa beliau telah kehilangan undi dari Kelantan, dan undi tersebut (atas arahan Tengku Razaleigh) telah diberikan kepada Tan Seri Syed Jaafar Albar yang sememangnya mempunyai hubungan yang akrab dengan Tengku Razaleigh. Pada Dr. Mahathir, sekiranya para perwakilan Kelantan memberikan undi mereka kepadanya, maka perbezaan undi di antara beliau dengan Tan Seri Syed Jaafar Albar sepatutnya lebih besar, berbanding dengan perbezaan yang wujud di antaranya dengan Tengku Razaleigh.

Justeru, kerana mempercayai perkiraan ini, maka Dr. Mahathir yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Mei 1981 itu merasakan Tengku Razaleigh bukanlah tokoh UMNO yang sesuai untuk berganding bahu dengannya. Sikap Tengku Razaleigh yang dipercayainya menikam dari belakang itu telah mendorong beliau untuk tidak mematuhi persefahaman yang dicapai di antara mereka berdua dengan Dato' Hussein Onn. Tambahan lagi, semasa berada di dalam Kabinet Dato' Hussein Onn, beliau melihat Tengku Razaleigh dalam banyak hal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negara tidak begitu menghormati kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Di samping itu, Dr. Mahathir juga seringkali diingatkan oleh para penyokongnya bahawa Tengku Razaleigh akan terus-menerus menjadi ancaman kepada kepemimpinannya. Ini memandangkan sikap Tengku Razaleigh yang tidak sabar untuk memegang jawatan Perdana Menteri. Oleh itu, beliau tidak seharusnya melantik Tengku Razaleigh sebagai timbalannya (Aziz 1988, 293). Ringkasnya, konflik peribadi di antara Dr. Mahathir yang berkuasa dalam kerajaan dengan Tengku Razalaeigh yang berpengaruh di dalam parti merupakan sebab utama yang telah melahirkan perpecahan dalam pucuk pimpinan UMNO di peringkat kebangsaan. Implikasinya, konflik ini tidak sahaja memberi cabaran kepada keutuhan kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan, tetapi turut juga memberi kesan yang buruk kepada kestabilan dan perpaduan parti seluruhnya.

Pergeseran ini telah sampai ke kemuncaknya apabila Tengku Razaleigh bertindak mencabar kedudukan Presiden UMNO pada April

1987. Walaupun pertandingan ini merupakan suatu yang dijangkakan, namun pada peringkat awalnya, Tengku Razaleigh cuba mengelakkan diri daripada memperlihatkan keghairahannya untuk mencabar kepemimpinan Dr. Mahathir. Walau bagaimanapun, segala-galanya telah berubah apabila Dato' Musa yang bertindak keluar dari kabinet, mengambil inisiatif bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh bagi merangka strategi bersama untuk menentang kepemimpinan Dr. Mahathir yang dilihat sebagai autokratik (*The Asian Wall Street Journal*, April 27, 1987). Melalui persefahaman ini, Tengku Razaleigh telah menawarkan diri sebagai timbalannya. Walaupun terdapat pelbagai tafsiran berhubung dengan pakatan Razaleigh-Musa ini,⁴ namun tindakan kedua-dua tokoh UMNO itu merupakan suatu yang tidak dapat dielak. Ini memandangkan mereka sedang berhadapan dengan proses peminggiran daripada Dr. Mahathir.

Berbeza dengan pertandingan pada 1981 dan 1984, pertandingan 1987 ini telah menonjolkan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin alternatif yang bersedia mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan (Shamsul 1988, 174). Penonjolan ini dibuktikan dengan sokongan yang diberikan oleh hampir separuh Menteri dan Timbalan Menteri Melayu (UMNO) di dalam kabinet Mahathir sendiri (Chamil 1987, 110), bahkan para pegawai kanan kerajaan, serta golongan peniaga bukan Melayu juga dipercayai lebih berminat untuk memberikan sokongan mereka kepada Tengku Razaleigh di dalam pertandingan tersebut. Begitu juga dengan golongan korporat Melayu yang sedang menghadapi masalah kemelesetan ekonomi pada ketika itu.

Kalau sebelumnya, UMNO telah banyak menyediakan dan memberikan peluang perniagaan kepada golongan korporat ini, tetapi dengan berlakunya kemelesetan ekonomi dunia, maka peluang perniagaan menjadi semakin sempit dan berkurangan. Justeru, mereka yang mengasosiasikan dirinya sebagai kumpulan Dr. Mahathir sahaja yang berkesempatan menikmati peluang-peluang perniagaan yang terhad itu, sedangkan mereka yang rapat dengan Razaleigh-Musa telah dinafikan hak tersebut. Oleh yang demikian, dengan didorongi oleh rasa kecewa terhadap kepemimpinan Dr. Mahathir, golongan ini dipercayai telah memberikan sokongan yang kuat kepada kepemimpinan alternatif. Harapan mereka ialah apabila berlaku perubahan pucuk pimpinan di dalam UMNO dan kerajaan, maka mereka berpeluang untuk bergerak cergas semula di dalam kegiatan ekonomi yang telah terbantut itu (Shamsul 1986, 173-174).

Melihat kepada sokongan yang kuat kepada kepemimpinan alternatif ini, maka tidak mengejutkan sekiranya kumpulan Razaleigh-Musa menganggarkan calonnya Tengku Razaleigh mampu meraih undi sebanyak 766, dan Dr. Mahathir pula akan memperolehi sebanyak 713 undi (*Utusan Malaysia*, 27 April 1987). Dalam hal ini, Dr. Mahathir juga tidak menolak kekuatan yang ada pada gabungan Razaleigh-Musa itu. Walau bagaimanapun, sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO yang menguasai pelbagai sumber daya utama, Dr. Mahathir mampu mewujudkan fenomena *political party-directed patronage* di dalam usahanya menyekat kemaraan Tengku Razaleigh dan kumpulannya.

Melalui pemberian pelbagai ganjaran ekonomi, beliau mampu melahirkan satu kumpulan pengikut yang setia, dan sanggup memberikan undi kepadanya di dalam pertandingan itu. Justeru, beberapa penyokong Tengku Razaleigh (terutamanya dari golongan muda) telah didekati dan dijanjikan pelbagai jawatan di dalam parti dan kerajaan sekiranya mereka berjaya menarik penyokong masing-masing agar memberikan undi kepadanya. Akhirnya, strategi penaungan substantif Dr. Mahathir ini telah menghasilkan keputusan yang berpihak kepadanya.

Tengku Razaleigh yang dijangka menang itu tewas dengan 43 undi. Beliau memperolehi 718 undi, manakala Dr. Mahathir mendapat 761 undi (*New Strait Times*, April 24, 1987). Adalah diyakini bahawa 22 daripada 43 undi yang telah memberikan majoriti kepada Dr. Mahathir itu merupakan undi yang berjaya diperolehinya (melalui pujukan) daripada kalangan perwakilan Kelantan. Manakala bakinya sebanyak 21 undi itu dikatakan pula sebagai sumbangan daripada Dato' Najib Tun Razak, Menteri dan Naib Ketua Pemuda UMNO yang telah mengalihkan sokongannya daripada Tengku Razaleigh kepada Dr. Mahathir pada saat-saat akhir menjelang hari pengundian (*The Star*, May 5, 1987).

Malangnya, keputusan ini telah menimbulkan perpecahan yang serius di kalangan ahli-ahli UMNO. Dengan dorongan perasaan terlalu taksab kepada kepemimpinan Putera Raja itu, seramai 12 orang pengikutnya (kemudian 11 orang) telah membawa kes pemilihan ini ke mahkamah, dan meminta badan perundangan itu mengisytiharkan keputusan tersebut tidak sah. Alasannya, daripada jumlah 1,479 orang perwakilan UMNO yang hadir itu, mereka dapati ada perwakilan yang tidak sah (dari enam bahagian) telah ikut serta, dan terlibat di dalam

membuat pemilihan. Malang bagi UMNO, apabila Mahkamah Tinggi membuat keputusan, bukan pemilihan itu yang diisytiharkan terbatal, sebaliknya, kewujudan UMNO pula diisytiharkannya haram mengikut Akta Pertubuhan kerana ia telah dihadiri oleh para perwakilan yang tidak sah (Crouch 1966, 199).

Dengan berlakunya peristiwa ini, Dr. Mahathir mempunyai peluang untuk menubuhkan semula UMNO, yang kemudiannya dikenali sebagai UMNO (Baru). Melalui parti yang baru ditubuhkan itu beliau mempunyai kesempatan untuk menyingkirkan Tengku Razaleigh daripada terus menganggotai UMNO. Akibatnya, Tengku Razaleigh juga telah menubuhkan sebuah parti lain yang didakwa mewarisi UMNO lama, iaitu Parti Semangat 46 (yang kemudiannya dikenali sebagai Parti Melayu Semangat 46) sebagai *platform* politiknya yang baru, demi survival beliau di dalam politik negara.

Oleh itu, dengan kewujudan kedua-dua parti ini, mska perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO Kelantan tidak dapat dielakkan lagi. Akibatnya, keutuhan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional di negeri itu sukar untuk dipertahan memamdangkan majoriti ahli UMNO Kelantan memilih untuk bersama Tengku Razaleigh di dalam Parti Semangat 46. Dalam keadaan begini adalah tidak mengejutkan sekiranya UMNO/Barisan Nasional gagal mempertahankan kerajaannya pada pilihan raya umum 1990, apabila Tengku Razaleigh bergabung tenaga dengan PAS (melalui Angkatan Perpaduan Ummah – APU), dan mengalahkan kesemua calon UMNO/Barisan Nasional pada pilihan raya tersebut.

Kejatuhan Kerajaan UMNO Kelantan

Implikasi dari Krisis Kepemimpinan

Selepas sahaja Tengku Razaleigh mengumumkan hasratnya untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981, ia sebenarnya telah menimbulkan suatu suasana yang tidak menentu di kalangan ahli-ahli UMNO di negeri Kelantan. Sebagai pemimpin yang dianggap berkarisma, kemenangannya amatlah diharapkan oleh para pengikutnya. Ini kerana, dengan kemenangan itu UMNO Kelantan dijangka akan bertambah kukuh lagi. Dalam pada itu, kebimbangan terhadap kekalahannya juga turut dirasai kerana kekalahan Tengku Razaleigh tidak sahaja dikaitkan dengan masa depan pembangunan Kelantan, tetapi juga keutuhan parti dan kerajaan negeri yang dikuasai

oleh UMNO. Sedangkan pada waktu itu, UMNO Kelantan tidak mempunyai tokoh lain yang mampu menggantikannya sebagai pemimpin utama UMNO negeri itu.

Kebimbangan ini semakin dirasakan kerana Tengku Razaleigh juga telah menyatakan hasratnya untuk tidak lagi aktif berpolitik, sekiranya beliau gagal memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO. Walhal kepada ahli-ahli UMNO, tanpa Tengku Razaleigh, Kelantan dilihat bakal terdedah kepada perluasan pengaruh PAS. Selama ini pengaruh peribadi (karismatik) beliau, status sosial dan kedudukannya di dalam parti dan kerajaan merupakan faktor utama yang telah berjaya menarik para pengundi Melayu kepada UMNO, serta mengekalkan perpaduan di kalangan anggotanya (Hairany 1993, 104-147). Dengan kata lain, sehingga tahun 1981, belum lagi muncul seorang pemimpin UMNO yang mampu menandinginya, dan melaksanakan peranan sebagai penaung politik simbolik dan substantif di dalam UMNO Kelantan.

Justeru Dato' Muhammad Yaacob, selaku Menteri Besar Kelantan amat bimbang dengan perkembangan yang berlaku pada tahun 1981 itu. Malahan, kebimbangannya itu jauh lebih mendalam berbanding dengan kekhawatiran yang dirasakan oleh pemimpin UMNO Kelantan yang lain. Pada pengamatan beliau, kekalahan Tengku Razaleigh dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu tidak sekadar mengundang PAS untuk kembali berkuasa di Kelantan, malahan juga di Kedah, Perlis dan Terengganu.

Kebimbangan rakyat Kelantan, khususnya ahli-ahli UMNO tidak dapat dibendung lagi, apabila Tengku Razaleigh ternyata gagal di dalam pertandingan tersebut. Sebaik reaksi, seramai 30,000 rakyat Kelantan telah keluar menyambut kepulangan beliau selepas berakhirnya Persidangan Agung UMNO itu (*Utusan Malaysia*, 9 Julai 1981). Tindakan ini merupakan suatu pernyataan sokongan kepada kepemimpinan Tengku Razaleigh yang dianggapnya sebagai wira. Melalui sokongan ini, ahli-ahli UMNO Kelantan berharap tokoh pujaannya itu akan terus dikekalkan di dalam hierarki kepemimpinan UMNO dan kerajaan. Akhirnya, perasaan bimbang ini telah berjaya dibendung, apabila Dr. Mahathir terus mengekalkan Tengku Razaleigh di dalam parti dan kerajaan (Ranjit 1987, 191-192).

Dengan pengekalannya di Kementerian Kewangan, sekali gus memberi keyakinan kepada para penyokongnya, serta ahli-ahli UMNO yang lain bahawa Kelantan tidak akan tercicir daripada arus

pembangunan negara, walaupun kuasa Tengku Razaleigh dikurangkan. Begitu juga dengan tindakan Dr. Mahathir mengekalkannya di dalam parti sebagai Bendahari UMNO dan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Melalui kesemua jawatan ini, mereka percaya bahawa Tengku Razaleigh masih lagi merupakan pemimpin *senior* di dalam UMNO dan kerajaan. Justeru, beliau masih berpeluang untuk meneruskan peranan sebagai penaung politik, yang mana ia merupakan sebahagian daripada strategi parti itu untuk mengekalkan kuasa pemerintahannya di negeri Kelantan.

Berasaskan kepada perkembangan ini, UMNO Kelantan berjaya menghindarkan diri daripada mengalami sebarang masalah yang boleh menggugat kerajaannya dalam pilihan raya umum 1982. Walaupun ketika itu, bibit-bibit perpecahan mulai muncul di dalam parti tersebut, akibat daripada wujudnya sekumpulan kecil ahli UMNO (yang tidak berpuas hati dengan Tengku Razaleigh), yang cuba mengidentifikasikan diri mereka sebagai kumpulan Dato' Musa. Namun begitu, kekuatan kumpulan yang diketuai oleh Dato' Hussein Ahmad (kemudian tersantik sebagai Ketua Penerangan UMNO Malaysia) ini tidak begitu terserlah. Sebaliknya, Menteri Besar Kelantan, selaku ketua eksekutif kerajaan telah memberikan sokongan yang padu kepada Tengku Razaleigh, dan tidak memihak kepada kumpulan Dato' Musa. Dengan itu, Tengku Razaleigh tidak mempunyai sebarang masalah untuk meletakkan Kerajaan Kelantan yang akan dibentuk selepas pilihan raya umum 1982 itu di bawah pengaruhnya, apatah lagi Dewan Undangan Negeri Kelantan merupakan penyokong setia beliau.

Sungguhpun dalam pilihan raya tersebut, PAS telah berjaya menambahkan kerusinya di Dewan Undangan Negeri Kelantan daripada 2 kepada 10, namun 9 buah kerusi yang dimenangnya itu merupakan kerusi yang ditandingi oleh calon-calon Berjasa, dan secara tradisinya merupakan kerusi milik PAS. Oleh itu, kekuatan UMNO yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh tetap tidak tergugat di dalam pilihan raya 1982 itu. Malahan, kesemua calon UMNO telah berjaya mempertahankan 22 buah kerusi yang di tandinginya. Dalam hal ini, kedudukan dan pengaruh peribadi Tengku Razaleigh tetap merupakan faktor utama yang telah menyelamatkan dan mempertahankan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional di Kelantan.² Walaupun pengaruh Berjasa sudah mulai merosot, namun Barisan Nasional yang turut didukung oleh UMNO dan MCA masih lagi berupaya mendapatkan sokongan sebanyak 51.06% daripada jumlah para pengundi negeri itu.

Dengan kemenangan ini, maka pelaksanaan projek pembangunan di Kelantan dapat berjalan dengan lancar. Walaupun, keaktifan Tengku Razaleigh dalam melaksanakan projek pembangunan yang dirancang melalui RME (yang merupakan isu utama kempen UMNO di dalam pilihan raya umum 1982 tidak sehebat keterlibatannya di dalam RMT, namun beliau tetap meneruskan usahanya membawa pembangunan ke Kelantan. Walau bagaimanapun, disebabkan pesaing politiknya di peringkat kebangsaan lebih berkuasa dalam menentukan agihan projek pembangunan ini, keresahan tetap juga timbul di kalangan ahli-ahli UMNO Kelantan (*Berita Harian*, 12 April 1982).

JADUAL 6.1 Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1982: Bandingan Prestasi di antara UMNO/BN dan PAS

Parti	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kerusi Dimenangi
BARISAN NASIONAL		
UMNO	22	21
Berjasa	13	4
MCA	1	1
PAS	36	10 (2 menang tanpa bertanding)

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan raya Malaysia 1982*, Percetakan Negara Kuala Lumpur, 1983, hal. 172-173. (keputusan di atas tidak mengambil kira hasil Pilihan Raya Kecil yang diadakan selepas Mahkamah menentukan kedudukan kerusi PAS yang dimenangi tanpa bertanding)

Kegelisahan ini semakin meningkat apabila Tengku Razaleigh kalah kali kedua pada tahun 1984, dan kepemimpinan tertinggi UMNO di peringkat kebangsaan tidak mahu lagi memberi peluang kepada beliau untuk terus berada di pusat kuasa (*New Straits Times*, June 16, 1984), serta menafikan peranannya sebagai pemimpin-penaung di dalam parti itu, khususnya di Kelantan. Perkembangan ini telah menimbulkan ketakutan di kalangan ahli-ahli UMNO, khususnya para ketua bahagian, kecuali bahagian Rantau Panjang yang diketuai oleh Dato' Hussein Ahmad. Bagi golongan ini, mereka merasakan bahawa tanpa Tengku Razaleigh di dalam UMNO, parti itu pasti menemui kekalahan di tangan PAS (*The Star*, June 19, 1984). Tambahan pula, parti pembang-

kang itu sudah pun berjaya memulihkan kekuatannya, ekoran daripada kegagalan Berjasa untuk muncul sebagai alternatif kepada parti tersebut.

Berasaskan perkembangan yang wujud ini, maka usaha untuk mengekalkan Tengku Razaleigh, khususnya dalam kepemimpinan UMNO Kelantan tidak lagi dilihat oleh ahli-ahli UMNO di dalam konteks peranannya sebagai penaung politik substantif. Penerusan pembangunan negeri tidak lagi menjadi agenda utama UMNO Kelantan ketika itu. Sebaliknya, imej Tengku Razaleigh telah diperlihatkan sebagai satu-satunya tenaga yang mampu mempertahankan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional Kelantan. Yang jelas pada mereka, UMNO Kelantan sekali lagi akan terjebak dengan krisis dalaman, dan ini memberi peluang kepada PAS untuk mengambil alih pemerintahan negeri itu.

Dalam konteks ini, sikap tidak sehaluan yang ditunjukkan oleh Ketua UMNO Rantau Panjang terhadap UMNO Kelantan, serta kegagalan beliau mempertahankan kerusi Parlimen kawasan itu pada tahun 1982, jelas membuktikan betapa perpecahan dalaman boleh membawa padah yang buruk kepada kestabilan UMNO dan kerajaan dukungannya di negeri itu. Maka itu, mereka terus berkeyakinan bahawa sekiranya Tengku Razaleigh tidak diberikan peranan penting di dalam UMNO Kelantan, perpecahan dalaman akan menjadi lebih ketara lagi, ketika itu UMNO Kelantan juga ketiadaan tokoh yang mampu menandingi kekuatan peribadi Tuan Guru Nik Aziz yang muncul sebagai pemimpin PAS Kelantan yang baru (Mohd. Ali 1981, 114-147).

Oleh itu, menyedari bahawa pilihan raya umum 1986 hampir menjelang, dan perlunya Kerajaan UMNO/Barisan Nasional Kelantan dipertahankan, maka UMNO Kelantan pada akhirnya tiada lagi sebarang pilihan, kecuali mempertahankan kepemimpinan Tengku Razaleigh di dalam parti itu. Dalam situasi begini, seramai 12 orang Ketua Bahagian UMNO Kelantan (termasuk Menteri Besar) telah menyatakan sokongan terbuka mereka kepada kepemimpinan Tengku Razaleigh, dan mahu tokoh berkenaan terus dikekalkan sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, sekalipun tewas dalam pemilihan pucuk pimpinan pada 1984 (*New Straits Times*, June 13, 1984).

Walau bagaimanapun, suatu yang tidak dapat dinafikan bahawa sokongan terbuka mereka kepada Tengku Razaleigh ini juga mempunyai pertalian yang rapat dengan fenomena penaungan yang wujud di dalam UMNO Kelantan sendiri. Sebagai penyokong setia kepada Tengku Razaleigh, mereka juga merupakan golongan pemimpin yang banyak

memperolehi faedah ekonomi dan politik daripada kedudukan tokoh UMNO itu, sama ada di peringkat negeri ataupun kebangsaan. Oleh itu, dengan pengekalan Tengku Razaleigh di dalam parti dan kerajaan, ini sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk terus menikmati pelbagai kemudahan yang wujud hasil daripada kedudukan Tengku Razaleigh itu. Sebaliknya, jika tokoh berkenaan tidak lagi berada di dalam barisan kepemimpinan utama parti, maka dengan sendirinya, kedudukan dan peluang ekonomi mereka turut terancam.

Malangnya, Dr. Mahathir mempunyai percaturan politiknya yang tersendiri dalam menghadapi Tengku Razaleigh yang masih lagi berpengaruh di dalam UMNO, dan Dato' Musa yang terus-menerus membina pengaruh di dalam parti dan kerajaan, yang mana sekiranya dibiarkan ia boleh menjadi ancaman pula kepada keutuhan politiknya. Justeru, untuk meletakkan kedua-dua tokoh ini berada di bawah kawalannya, serta mereka tidak mempunyai kekuatan di negeri masing-masing, maka jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri tidak lagi diserahkan kepada mereka berdua, meskipun kedua-dua tokoh itu berada di dalam kerajaan.

Tindakan ini telah membawa erti bahawa Dato' Musa dan Tengku Razaleigh tidak lagi berpeluang mengetuai UMNO di negeri masing-masing, iaitu Johor dan Kelantan. Sebaliknya, dalam memenuhi percaturan politiknya ini, Dr. Mahathir telah menjadikan jawatan tersebut secara automatik milik Menteri Besar, kecuali UMNO Pulau Pinang. Lebih malang lagi, pada ketika yang sama, Tengku Razaleigh juga tidak dilantik semula memegang jawatan Bendahari UMNO yang disandanginya sejak tahun 1971. Oleh yang demikian, dengan ketiadaan kedua-dua jawatan di dalam parti ini, Tengku Razaleigh dengan sendirinya tidak lagi mempunyai kekuatan untuk mengawal sumber yang mempunyai kaitan secara langsung dengan parti, seperti pemilihan calon di dalam pilihan raya. Akibatnya, ini sekali gus mengecilkkan peluang beliau untuk mewujudkan fenomena *political party-directed patronage*, yang selama ini telah melahirkan sekumpulan pengikut yang setia kepada dirinya, terutamanya di kalangan ahli UMNO Kelantan.

Krisis UMNO Kelantan

Kepada para penyokong Tengku Razaleigh, perlantikan dan pengekalan beliau di dalam kabinet bukan merupakan suatu berita yang cukup menggembirakan mereka. Begitu juga dengan Menteri Besar, Dato'

Muhamad Yaacob sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan pada tahun 1984, ia juga bukan menjadi jawapan kepada kebimbangan yang mereka sedang hadapi ketika itu. Bagi para penyokong Tengku Razaleigh, Dato' Muhamad Yaacob bukanlah tokoh yang sesuai dan berkemampuan untuk menghadapi kebangkitan semula PAS. Sebagai ketua pentadbir negeri, Dato' Muhamad Yaacob, pada persepsi golongan ini (khususnya ketua-ketua bahagian dan cawangan) tidak mempunyai kewibawaan dan pengaruh peribadi yang cukup kuat untuk mempertahankan kelangsungan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional di negeri Kelantan. Malahan kepada mereka, beliau lebih merupakan seorang pentadbir, dan bukan seorang ahli politik.

Walaupun Dato' Muhamad Yaacob mendapat sokongan yang kuat daripada Kuala Lumpur, serta berkeupayaan untuk melaksanakan peranan sosialnya sebagai penaung politik substantif, namun pada tanggapan para penyokong Tengku Razaleigh, UMNO Kelantan juga amat memerlukan seorang pemimpin yang mampu berperanan sebagai penaung politik simbolik. Ini kerana, sejarah UMNO Kelantan sendiri telah membuktikan bahawa parti itu seringkali dilanda perpecahan. Jadi dalam konteks ini, UMNO Kelantan memerlukan kehadiran Tengku Razaleigh yang tidak sahaja berada di dalam kabinet, tetapi juga sebagai pemimpin utama UMNO Kelantan. Pendek kata, di atas rasa kebimbangan ini, UMNO negeri itu terpaksa mempersiapkan diri untuk menghadapi kekuatan PAS dalam pilihan raya yang akan diadakan pada tahun 1986. Malangnya, pada ketika itu, UMNO sudah pun berpecah kepada tiga kumpulan, iaitu mereka yang berpihak kepada Tengku Razaleigh, Dato' Hussein Ahmad dan Dato' Muhamad Yaacob (Mohd. Ali 1981, 120-129).

Bagi para penyokong Tengku Razaleigh, seperti yang dinyatakan, sikap mereka adalah jelas, iaitu UMNO akan dilanda perpecahan, dan PAS akan mengambil alih kuasa memerintah Kelantan, sekiranya tokoh pujaan mereka tidak diberikan peranan di dalam UMNO peringkat negeri. Manakala, kumpulan yang menyokong Dato' Hussein Ahmad pula, mereka ini tidak berkongsi pendapat dengan kumpulan pertama tadi. Sebagai penyokong Dato' Musa yang menjadi seteru politik kepada Tengku Razaleigh, mereka menolak tanggapan yang meletakkan Tengku Razaleigh sebagai faktor utama yang boleh mempertahankan kelangsungan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional di Kelantan. Zaman keagungan Tengku Razaleigh pada mereka sudah pun berakhir. Tanpa sokongan Kuala Lumpur dan kepemimpinan UMNO di peringkat

kebangsaan, Tengku Razaleigh tidak lagi mampu untuk berperanan sebagai penaung politik di Kelantan. Oleh itu, UMNO Kelantan akan terus berkembang, sekalipun tanpa kehadiran tokoh berkenaan.

Sebagai kumpulan yang menyokong Dato' Musa, sikap kritis mereka kepada Tengku Razaleigh memang tidak mengejutkan. Selama ini pun mereka merasakan telah diketepikan daripada menikmati pelbagai peluang ekonomi, serta ganjaran material yang lain. Lazimnya perkara ini terjadi, sama ada disebabkan oleh sikap *overlook* Tengku Razaleigh terhadap diri mereka, ataupun terbit daripada halangan yang sengaja diwujudkan oleh segolongan individu yang berada di sekeliling Tengku Razaleigh, yang tidak mahu berkongsi pelbagai habuan yang boleh diperolehi melalui kedudukan Ketua UMNO Kelantan itu. Sebaliknya, dengan bernaung di bawah Dato' Musa, mereka telah berpeluang menikmati pelbagai ganjaran material. Dalam keadaan begini, mereka dengan sendirinya tidak mempunyai sebarang sebab untuk terus menyokong kepemimpinan Tengku Razaleigh, meskipun mereka menyedari karismatik Tengku Razaleigh itu boleh menjadi benteng utama untuk menghalang kemaraan PAS (*The Star*, June 13, 1984).

Walau bagaimanapun, suatu yang perlu diingat, kumpulan Musa-Hussein ini tidak begitu terserlah selepas pemilihan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981. Ini memandangkan kedudukan Tengku Razaleigh pada ketika itu masih lagi kuat di dalam parti dan kerajaan. Keadaan hanya berubah selepas pemilihan tahun 1984, apabila putera raja itu mulai berkurangan pengaruhnya di peringkat pusat, kecuali kedudukannya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, yang dianggap lebih rendah tarafnya daripada Kementerian Kewangan yang disandang sebelum itu. Pada peringkat ini kehadiran kumpulan tersebut cukup untuk memecahbelahkan UMNO Kelantan. Namun begitu, apabila Dato' Musa meninggalkan kerajaan pada 1986, kumpulan ini tidak begitu menonjol lagi, dan kebanyakan mereka yang kritikal kepada Tengku Razaleigh telah mengambil tindakan menyokong Dr. Mahathir pula selepas kedua-dua tokoh tersebut terlibat dalam pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987.

Bagi mereka yang seringkali tersisih, serta gagal mendekati Tengku Razaleigh semasa beliau menjadi Ketua UMNO Kelantan, dan tidak pula bersedia untuk mengosiasasikan dirinya dengan kumpulan Musa-Hussein, kemunculan Dato' Muhamad Yaacob merupakan peluang terbaik untuk mereka bernaung bagi tujuan memperolehi manfaat

ekonomi dan politik. Justeru, bagi mempertahankan pemimpin-penaung barunya itu, walaupun dalam banyak hal, Dato' Muhamad Yaacob masih lagi gagal menandingi pengaruh peribadi Tengku Razaleigh. Namun, seperti dengan golongan Musa-Hussein, kumpulan Dato' Muhamad Yaacob juga menaruh kepercayaan bahawa selepas tewas kali kedua di tangan Dato' Musa, dan tidak lagi dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, pengaruh Tengku Razaleigh pada peringkat *grass-root* telah beransur-ansur lemah.

Maka itu, pada mereka UMNO Kelantan tidak perlu lagi bergantung kepada ketokohan Tengku Razaleigh. Sebaliknya, Dato' Muhamad Yaacob juga mampu mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh putera raja itu, sekiranya ia diberi peluang membuat jasa kepada rakyat Kelantan (seperti yang telah dilakukan oleh Tengku Razaleigh), serta mendapat sokongan yang kuat dari Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, dengan dikelilingi oleh para pengikut seperti ini, ia secara langsung telah meletakkan Dato' Muhamad Yaacob dalam suatu keadaan yang cukup rumit. Tambahan pula, beliau sendiri tidak pernah memperlihatkan sikap penentangannya terhadap Tengku Razaleigh, namun di dalam suasana perpecahan yang timbul ini, beliau tetap tidak dapat membebaskan dirinya sebagai pemimpin utama UMNO negeri itu.

Akibatnya, UMNO Kelantan terus terdedah kepada perpecahan dan konflik dalaman yang bukan mudah untuk diselesaikan tanpa mempunyai pengaruh peribadi yang kuat. Suasana yang wujud ini, pada akhirnya telah memberikan kekuatan baru kepada PAS. Malahan, kepemimpinan PAS Kelantan yakin bahawa Kelantan pasti jatuh ke tangan parti itu. Sekiranya perpecahan ini terus berlanjutan dan Tengku Razaleigh pula akan terus tersisih daripada kepemimpinan utama UMNO negeri itu. Keyakinan ini menjadi semakin memuncak apabila para penyokong Tengku Razaleigh mengambil sikap memencilkan diri sewaktu kempen pilihan raya 1986 bermula, sekalipun terdapat di kalangan mereka yang telah diberi peluang oleh Dato' Muhamad Yaacob untuk bertanding di dalam pilihan raya tersebut.³

Walaupun bagaimanapun, malang bagi PAS masalah kelemahan jentera UMNO ini telah dapat dikesan oleh Presiden UMNO, Dr. Mahathir. Menyedari bahawa ketokohan Dato' Muhamad Yaacob, selaku Pengarah Pilihan Raya UMNO/Barisan Nasional 1986 tidak mampu menandingi kekuatan peribadi Tuan Guru Haji Nik Aziz (Pesuruhjaya PAS Kelantan), akhirnya beliau melantik Tengku Razaleigh sebagai Pengarah Bersama (*Watan*, 11 Ogos 1986). Ternyata, perlantikan yang dibuat pada saat-

saat akhir menjelang pilihan raya ini memberikan kesan yang mendalam kepada usaha PAS untuk menawan Kelantan daripada UMNO/Barisan Nasional.

Dengan kemunculan Tengku Razaleigh secara tiba-tiba itu, Dato' Muhamad Yaacob tidak lagi bersendirian menghadapi kemaraan PAS. Sebaliknya, dengan bantuan Tengku Razaleigh dan para penyokongnya, tumpuan yang lebih dapat diberikan kepada setiap calon UMNO yang bertanding di kawasan yang dianggap bermasalah dan tidak begitu selamat bagi mereka.⁴ Namun begitu, apa yang penting daripada kehadiran Tengku Razaleigh dan para penyokongnya ini, perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO dapat dielakkan buat sementara waktu kerana semua pihak telah mengekalkan semula perpaduan, demi untuk menjamin kemenangan calon UMNO/Barisan Nasional.

Suatu yang perlu diingat, semasa Pilihan raya Umum 1986 diadakan, golongan Dato' Musa Hitam sudah pun berada di dalam keadaan yang lemah, ekoran daripada tindakannya meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Walaupun beliau kekal sebagai Timbalan Presiden UMNO, tetapi pengaruhnya telah berkurangan. Oleh itu, dengan ketiadaan penaungnya ini, maka tidak ramai daripada golongan Musa-Hussein yang berpeluang menjadi calon di dalam pilihan raya tersebut. Bahkan ketua mereka, Dato' Hussein Ahmad tidak dipilih untuk bertanding di dalam pilihan raya itu. Justeru, kekosongan itu telah diisikan dengan para penyokong Tengku Razaleigh.

Sehubungan dengan ini, Dato' Muhamad Yaacob, walaupun mempunyai kuasa untuk menentukan barisan calon UMNO, namun beliau gagal untuk memanfaatkan peluang yang ada itu. Sebaliknya, disebabkan oleh kepemimpinannya itu masih lagi dibayangi oleh pengaruh peribadi Tengku Razaleigh, dan sebilangan besar pengikut setianya belum lagi terserlah ketokohan mereka, maka peluang yang wujud itu terpaksa juga diberikan kepada pengikut setia Tengku Razaleigh. Akhirnya, gandingan Razaleigh-Muhamad Yaacob berjaya mempertahankan Kerajaan Kelantan daripada jatuh ke tangan PAS pada tahun 1986.

PAS, yang pada mulanya begitu yakin dapat menawan Kelantan hanya mampu mengekalkan kerusi yang telah dimenangnya pada tahun 1982 iaitu sebanyak 10 buah sahaja. Namun begitu, kemenangan UMNO ini pula tidak bermakna bahawa kepemimpinan Dato' Muhamad Yaacob sudah pun diterimai ramai, dan UMNO sendiri berada dalam

JADUAL 6.2 Keputusan Pilihan raya Dewan Undangan Negeri Kelantan 1986: Bandingan Prestasi di Antara UMNO/BN dan PAS

Parti	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kerusi Dimenangi
BARISAN NASIONAL		
UMNO	33	26
Hamim	4	2
MCA	2	1
PAS	39	10

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1988, hal. 88-90.

keadaan yang cukup stabil. Sebaliknya sehingga ke tahun 1990, parti itu tidak putus-putus dilanda masalah, dan Dato' Muhamad Yaacob, selaku Ketua UMNO dan Ketua Kerajaan Kelantan tetap gagal mengatasinya. Walaupun beliau menguasai pelbagai sumber daya utama yang membolehkannya berperanan sebagai penaung politik substatif hasil daripada kedudukannya itu, serta disokong pula oleh kepemimpinan UMNO di peringkat pusat, namun UMNO Kelantan yang dipimpinnnya itu masih gagal berada di tahap kestabilan, seperti yang pernah wujud pada era kepemimpinan Tengku Razaleigh.

Bahkan dalam persepsi sesetengah ahli UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh masih dilihat sebagai Ketua UMNO Negeri (Mohd. Ali 1981, 131-32). Bagi mereka, kejayaan UMNO-Barisan Nasional mempertahankan kuasa, lebih bersandarkan kepada karismatik Tengku Razaleigh, dan kepemimpinan bangsaawan yang sedia wujud di dalam parti itu. Oleh yang demikian, suasana ini dengan sendirinya membenarkan ramalan para penyokong Tengku Razaleigh sebelum itu bahawa tanpa beliau Kelantan pasti jatuh ke tangan PAS.

Kelemahan Dato' Muhamad Yaacob mengekalkan kestabilan yang wujud di dalam UMNO Kelantan jelas terbukti apabila beliau terpaksa berhadapan dengan pelbagai krisis dalaman, sebaik sahaja menerajui kepemimpinan UMNO Kelantan. Tumpat merupakan bahagian pertama yang telah mengganggu kestabilan UMNO Kelantan (*Berita Harian*, 18 Disember 1984). Tanpa mempunyai rasa malu dan hormat terhadap Ketua UMNO Negeri, krisis kepemimpinan telah berlaku di bahagian tersebut. Setiap tokoh yang mempunyai pengikutnya yang tersendiri telah saling jatuh-menjatuh di antara mereka, demi untuk meletakkan

UMNO bahagian itu berada di bawah kawalannya. Ekoran daripada itu, Majlis Kerja Tertinggi UMNO terpaksa campur tangan dan menggantung bahagian tersebut.

Keadaan yang hampir sama juga berlaku di bahagian-bahagian UMNO yang lain seperti Pangkalan Chepa, Nilam Puri dan Pasir Mas. Walaupun nasib bahagian-bahagian ini tidak seburuk yang diterima oleh bahagian Tumpat, namun kehadiran gejala perpecahan merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan lagi kerana perebutan jawatan itu berlaku di kalangan tokoh-tokoh UMNO tempatan sendiri. Yang menariknya, mereka yang terlibat ini merupakan pengikut setia Tengku Razaleigh. Namun begitu, disebabkan putera raja itu tidak lagi mengetuai UMNO Kelantan, maka tugas mendamaikan mereka yang terlibat itu terletak di bahu Dato' Muhamad Yaacob, selaku Ketua Perhubungan UMNO yang baru.

Malangnya, disebabkan Dato' Muhamad Yaacob berbeza dengan Ketua UMNO sebelumnya, iaitu bukan dari keturunan bangsawan, dan tidak pula memiliki sebarang kewibawaan yang boleh menimbulkan rasa malu-mata, segan-silu dan perasaan hormat yang tinggi terhadap dirinya, maka perpecahan di dalam UMNO terus-menerus berlaku dalam era kepemimpinannya. Tambahan pula, situasi politik negara yang wujud pada masa itu, sama ada di peringkat negeri ataupun kebangsaan lebih banyak mendatangkan kesan buruk kepada kestabilan parti, ekoran daripada krisis peribadi di antara Tengku Razaleigh dengan kepemimpinan utama UMNO.

Kepemimpinan Dato' Muhamad Yaacob dalam parti dan kerajaan semakin tercabar apabila krisis peribadi di antara Razaleigh-Mahathir berubah ke dalam bentuk pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO pada April 1987. Walaupun pada ketika itu, Tengku Razaleigh tidak mempunyai sebarang kedudukan yang penting dalam UMNO Kelantan, kecuali Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, namun pengaruhnya terhadap parti itu tidak dapat diperkecilkan begitu sahaja. Oleh itu, apabila beliau menyatakan hasratnya untuk merebut jawatan tersebut, sokongan positif segera diperolehinya daripada semua ketua bahagian, kecuali Bahagian Rantau Panjang (*New Straits Times*, May 11, 1987). Justeru, dalam keadaan begini, Dato' Muhamad Yaacob tidak sahaja terpaksa berhadapan dengan sebilangan besar ahli dan pemimpin UMNO Kelantan yang menyokong Tengku Razaleigh, tetapi beliau juga telah kehilangan sokongan daripada ahli EXCO Kerajaan Negeri yang beliau sendiri lantik (*Utusan Malaysia*, 7 Mei 1987),

apabila kesemuanya secara terbuka menyatakan sokongan mereka kepada putera raja itu.

Tambahan pula pada ketika itu, 'Semangat Kelantan' yang mahu melihat anak Kelantan, iaitu Tengku Razaleigh menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri begitu kuat menguasai fikiran rakyat di negeri itu. Oleh yang demikian, apabila Dato' Muhamad Yaacob mengambil sikap menentang arus dengan penyokong ketuanya, Dr. Mahathir, kerana kedudukannya dalam parti dan kerajaan yang dilantik oleh Presiden UMNO, maka beliau dengan sendirinya telah kehilangan sokongan dan perasaan hormat daripada rakyat Kelantan, khususnya ahli UMNO sendiri (Mohamad Agos 1955, 186-187). Dengan itu, adalah tidak mengejutkan sekiranya mereka sanggup memalukan beliau di dalam pelbagai upacara rasmi parti dan kerajaan (*Berita Harian*, 9 April 1987).

Ini kerana, dari sudut psikologi, mereka masih melihat Tengku Razaleigh sebagai pemimpin-penaung mereka. Manakala, kehadiran Dato' Muhamad Yaacob, khususnya dalam kepemimpinan parti, lebih merupakan proksi kepada Dr. Mahathir sahaja. Akhirnya, apabila Tengku Razaleigh tewas di dalam pertandingan itu, dan kegagalannya dikaitkan pula dengan pembelotan yang dilakukan oleh beberapa perwakilan daripada Kelantan sendiri (yang dianggap oleh para penyokong Tengku Razaleigh telah dibeli oleh pihak Dr. Mahathir), maka kedudukan Dato' Muhamad Yaacob menjadi semakin tersepit. Keadaan ini diperburukkan pula dengan tindakan UMNO dan Kerajaan Persekutuan mengadakan program Gerakan Bersama Rakyat (Semarak) sebagai suatu usaha untuk memperkukuhkan kedudukan Dr. Mahathir dan memberikan legitimasi terhadap kepemimpinannya setelah kemenangan tipisnya (Crouch 1996, 118) dalam pertandingan tersebut dipersoalkan kesahihannya oleh para penyokong Tengku Razaleigh, sehingga membawa kepada pengharaman UMNO oleh Mahkamah Tinggi.

Sungguhpun keputusan ini telah memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk menubuhkan UMNO (Baru) dan menyingkirkan semua penentang beliau, sama ada di dalam parti dan kerajaan, namun ini bukanlah merupakan jawapan atau penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh Dato' Muhamad Yaacob di Kelantan. Dalam keadaan sebilangan besar rakyat Kelantan sedang menangi kekalahan Tengku Razaleigh, kedatangan UMNO (Baru), Semarak dan Dr. Mahathir ke negeri itu bukan merupakan langkah terbaik untuk menyatukan kembali ahli-ahli UMNO yang dilanda perpecahan. Sebaliknya, kedatangan

Semarak khususnya telah menjauhkan lagi UMNO (Baru) daripada rakyat Kelantan, apatah lagi di dalam keghairahan menonjolkan imej Presiden UMNO ini. Dato' Muhamad Yaacob tanpa disedari dikatakan telah menyinggung pula perasaan Istana Kelantan yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang erat dengan Tengku Razaleigh (Chamil 1992, 177-178).

Akibatnya, beliau tidak sahaja berhadapan dengan majoriti ahli UMNO lama, terutamanya golongan veteran yang menolak UMNO (Baru) yang diketuainya, tetapi beliau juga terpaksa berhadapan dengan Sultan yang tidak lagi menghormatinya sebagai Menteri Besar Kelantan. Lanjutan daripada keadaan ini, ia secara langsung memperlihatkan bahawa UMNO (Baru) yang dikatakan mewarisi UMNO lama itu telah ketiadaan pemimpin yang mampu berperanan sebagai penaung simbolik, iaitu dalam erti kata tokoh berkenaan mampu mengumpul dan menyatukan kembali bekas-bekas ahli UMNO (Baru), di samping merapatkan kembali hubungan di antara Menteri Besarnya dengan Baginda Sultan. Oleh itu, melihatkan situasi yang wujud ini, adalah tidak mengejutkan apabila PAS melanjutkan pula masalah yang dihadapi oleh UMNO (Baru) Kelantan ke dalam bentuk undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri Kelantan terhadap Dato' Muhamad Yaacob selaku Ketua Kerajaan pada pertengahan 1988.

Meskipun, jumlah anggota PAS di dewan tersebut hanya seramai 10 orang sahaja, namun memandangkan wakil rakyat UMNO yang juga ahli UMNO lama dan penyokong setia Tengku Razaleigh tidak dapat menerima kepemimpinan Dato' Muhamad Yaacob dan UMNO (Baru), maka PAS yakin bahawa Kerajaan UMNO/Barisan Nasional Kelantan dapat digulingkan. Pihak PAS juga percaya bahawa dengan sokongan wakil rakyat yang berpihak kepada Tengku Razaleigh, maka hasratnya itu akan tercapai (*New Straits Times*, March 7, 1988). Namun begitu, suasana telah menyelamatkan Dato' Muhamad Yaacob dan Kerajaan UMNO/Barisan Nasional Kelantan. Melalui pengaruh peribadinya, Tengku Razaleigh telah mengarahkan para penyokong beliau supaya tidak menyokong tindakan PAS, sebaliknya memper-tahankan kerajaan yang beliau asaskan pada tahun 1978 itu, meskipun pada ketika itu beliau tidak dibenarkan menyertai UMNO (Baru). Keadaan mungkin berubah sekiranya proses penggulingan Kerajaan Kelantan ini berlaku ketika Parti Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh sudah pun ditubuhkan, dan menjalinkan kerjasama yang erat pula dengan pihak PAS.

Sungguhpun kewibawaan Tengku Razaleigh berjaya menyelamatkan Kerajaan UMNO atau Barisan Nasional Kelantan, ini tidak pula bermakna bahawa perhubungan beliau dengan UMNO (Baru) dan kepemimpinannya bertambah baik kemudian. Sebaliknya, perubahan politik yang terus-menerus berlaku di dalam negara ekoran daripada perpecahan dan pengharaman UMNO telah mendekatkan pula hubungan kumpulan Razaleigh-Musa dengan pihak PAS. Melalui beberapa siri pilihan raya kecil yang diadakan pada 1987-1989, kumpulan Razaleigh-Musa (yang juga dikenali sebagai kumpulan UMNO 46),⁵ telah melihat PAS sebagai rakan terbaik untuk menyingkirkan Dr. Mahathir dan UMNO (Baru) daripada arena politik Malaysia. Justeru, dengan berkongsi cita-cita yang sama dengan PAS (iaitu mengalahkan calon-calon UMNO/Barisan Nasional), kedua-dua belah pihak akhirnya telah saling bekerjasama untuk mencapai matlamat tersebut. Walaupun Dato' Musa kemudiannya telah meninggalkan Tengku Razaleigh dan kembali ke pangkuan UMNO (Baru), namun hubungan kumpulan Tengku Razaleigh dengan pihak PAS tidak terjejas, bahkan makin bertambah kukuh.

Di Kelantan, kerjasama yang wujud di antara kumpulan Tengku Razaleigh dengan PAS mendapat sokongan yang meluas daripada para penyokong masing-masing. Meskipun sebelum itu, Tengku Razaleigh merupakan musuh utama PAS Kelantan, namun Semangat Kelantan, serta karisma yang terdapat pada dirinya merobah segala-galanya. Para penyokong PAS tanpa ragu-ragu menerima beliau sebagai pemimpin dan sahabat mereka. Penerimaan ini telah dilakukan dalam konteks penolakan dan kebencian mereka terhadap Dr. Mahathir, serta simpati mereka terhadap Tengku Razaleigh yang dilihatnya sebagai anak Kelantan yang telah menjadi mangsa politik tokoh tersebut, ekoran daripada kejayaannya membeli segelintir ahli UMNO dari Kelantan sendiri.

Ini terbukti daripada kesediaan tokoh PAS Kelantan membantu calon kumpulan Razaleigh-Musa (menentang calon UMNO (Baru)) di dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Johor Bharu yang diadakan selepas sahaja UMNO lama diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi (Chamil 1987, 18-32). Walhal pada ketika itu, persefahaman secara rasmi belum lagi wujud antara Tengku Razaleigh dengan kepemimpinan PAS di peringkat pusat. Malahan, Tengku Razaleigh sendiri belum lagi terlibat ataupun menubuhkan sebarang parti sebagai platform politik beliau yang baru. Walau bagaimanapun, kerjasama tidak rasmi yang ditunjukkan oleh PAS Kelantan ini merupakan faktor

utama yang telah mempercepatkan kerjasama di antara PAS pusat dengan kumpulan Tengku Razaleigh, apabila beliau mengetuai parti Semangat 46 pada tahun 1989.

Tambahan pula, pada masa yang sama, Parti Semangat 46 juga bersedia menerima Islam seperti yang diketengahkan oleh PAS sebagai asas dan matlamat perjuangannya (*Mingguan Malaysia*, 13 Ogos 1989). Persefahaman yang wujud ini akhirnya mendorong kedua-dua parti tersebut menggabungkan diri ke dalam satu gagasan politik yang lebih besar iaitu Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang kemudiannya turut disertai oleh Berjasa dan Hamim. Kehadiran APU ke dalam politik Kelantan dengan sendirinya menyulitkan kedudukan Dato' Muhamad Yaacob dan UMNO (Baru). Dalam jangka masa yang singkat sahaja APU berjaya mendapat sokongan daripada rakyat Kelantan. Ini sekali gus menyebabkan beliau terpaksa berhadapan dengan pengaruh peribadi Tengku Razaleigh yang telah kembali berperanan sebagai penaung politik simbolik, iaitu dalam erti kata sebagai suatu tenaga yang mampu menggabungkan ahli-ahli PAS dan para penyokong UMNO lama ke dalam satu gerakan politik baru.

Dalam keadaan begini tidak banyak tindakan yang boleh dilakukan oleh Dato' Muhamad Yaacob untuk mengukuhkan kedudukan UMNO (Baru) di Kelantan. Sebaliknya, dalam suasana Semangat Kelantan sedang menjadi *liability* pada dirinya, apatah lagi pada ketika itu, beliau telah pun dilihat sebagai proksi Dr. Mahathir, yang sememangnya tidak disenangi oleh rakyat Kelantan, khususnya mereka yang simpati dengan Tengku Razaleigh. Dalam pada itu, hubungan Dato' Muhamad Yaacob, selaku Menteri Besar dengan Baginda Sultan semakin bertambah tegang. Ia tidak sahaja wujud akibat daripada peristiwa Semarak pada tahun 1988, tetapi juga berkait rapat dengan tindakan Dato' Muhamad Yaacob mengasosiasikan dirinya dengan Dr. Mahathir.

Dalam hal ini, perlu dinyatakan bahawa sikap tidak senang hati Sultan Kelantan terhadap Menteri Besar itu telah pun bermula sejak tahun 1983 lagi apabila Dato' Muhamad Yaacob mengambil tindakan menyokong Dr. Mahathir dan Kerajaan Persekutuan yang mahu melakukan pindaan Perlembagaan terhadap kuasa Raja-raja Melayu. Justeru, hubungan ini semakin bertambah buruk apabila Dato' Muhamad Yaacob gagal memberikan sokongan terbuka kepada Tengku Razaleigh di dalam usahanya merebut jawatan Presiden UMNO daripada Dr. Mahathir. Rasa tidak senang hati Sultan kepada Menteri Besar akhirnya sampai ke kemuncaknya apabila baginda bertindak tidak

memperkenankan Dato' Muhamad Yaacob membuat ucapan taat setia pada hari keputeraannya pada tahun 1988 dan 1989.

Lanjutan daripada itu, apabila pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (yang berada di bawah naungan Sultan secara langsung) membuat pertukaran pegawai kanan kerajaan (tanpa merujukkannya kepada Menteri Besar terlebih dahulu), maka baginda telah dituduh campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri oleh pihak UMNO (Baru) Kelantan (Chamil 1987, 86-88). Justeru, peristiwa ini telah memerangkap kedua-dua belah pihak ke dalam krisis yang lebih besar (*New Straits Times*, December 11, 1988). Malangnya, tindakan UMNO (Baru) Kelantan berkrisis dengan Istana Kelantan telah gagal menarik sokongan rakyat jelata, khususnya para anggota UMNO lama. Sebaliknya, krisis Dato' Muhamad Yaacob dengan Istana Kelantan dilihat oleh rakyat jelata sebagai pertelingkahan Razaleigh-Mahathir. Oleh itu, Semangat Kelantan sekali lagi menjadi asas penentangan rakyat terhadap Dato' Muhamad Yaacob dan UMNO (Baru).

Pertentangan di antara UMNO (Baru) Kelantan dengan pihak Istana dilihat oleh sebilangan besar rakyat sebagai suatu tindakan yang didalangi oleh Dr. Mahathir yang juga dilihatnya sebagai antiraja. Jadi disebabkan Tengku Razaleigh mempunyai hubungan erat dengan Istana Kelantan, maka tindakan ini juga dipersepsikan sebagai suatu penentangan terhadap Tengku Razaleigh. Maka itu, ia sekali gus dilihat sebagai suatu usaha untuk melemahkan kedudukan wira mereka dalam usahannya menjadi Perdana Menteri Malaysia. Justeru, dalam keadaan begini, sokongan mereka tidak lagi kepada UMNO (Baru), tetapi telah beralih kepada gabungan Semangat 46-PAS yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh.

Oleh yang demikian, keputusan pilihan raya umum 1990 tidak lebih daripada satu manifestasi yang memperlihatkan bahawa majoriti rakyat Kelantan berdiri teguh di belakang Tengku Razaleigh, walaupun beliau bukanlah merupakan pemimpin nasional dan negeri yang utama pada ketika itu. Malahan, keputusan itu juga merupakan satu pernyataan sikap majoriti rakyat Kelantan bahawa mereka tidak dapat menerima kepemimpinan Dr. Mahathir, serta proksinya. Oleh sebab itu, adalah tidak mengejutkan apabila semua calon UMNO dan calon tunggal daripada MCA telah tewas di setiap kawasan yang ditandinginya, sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri. UMNO/Barisan Nasional hanya mampu memperoleh undi sebanyak 32.9% sahaja.

JADUAL 6.3 Keputusan Pilihan Raya Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Kelantan 1990: Bandingan Prestasi di Antara UMNO/BN dan Angkatan Perpaduan Ummah

Parti	Dewan Parlimen			Dewan Undangan Negeri		
	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kawasan Dimenangi	Peratusan Undi	Jumlah Kawasan Ditandingi	Jumlah Kawasan Dimenangi	Peratusan Undi
BARISAN NASIONAL						
UMNO	13	0	32.73%	38	0	32.94%
MCA				1		
ANGKATAN PERPADUAN UMMAH						
PAS	6	6	32.48%	24	24	42.09%
Semangat 46	7	7	34.19%	13	14	21.99%
Hamim	-	-	-	1*		
Berjasa	-	-	-	1	1	1.79%

* Calon Hamim telah menggunakan lambang parti Semangat 46.

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan raya Umum 1990*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1992, hal. 16, 128 & 160.

Keputusan ini juga secara langsung telah memberikan gambaran bahawa majoriti para pengundi Kelantan bersedia menghancurkan mana-mana calon yang tidak menyokong Semangat Kelantan. Sebaliknya, para pengundi ini juga, pada ketika yang sama, bersedia memberikan undi kemenangan kepada calon yang bukan Anak Kelantan asalkan calon tersebut bersama-sama menyokong Semangat Kelantan dan menerima kepemimpinan Tengku Razaleigh (Mohd Ali 1995, 186-187). Yang penting kepada para pengundi ini, Tengku Razaleigh dan APU yang dipimpinya itu perlu menang dan berjaya mengambil alih pemerintahan negara. Ini kerana, melalui kejayaan itu, Tengku Razaleigh bukan sahaja berpeluang memenuhi janji-janji pilihan raya, tetapi juga mengembalikan semula pembangunan Kelantan yang banyak tertangguh akibat peminggiran beliau daripada kedudukan penting di dalam parti dan kerajaan.

Catatan

1. Tindakan ini lebih dilihat sebagai suatu usaha Dato' Musa mahu melemahkan pengaruh Tengku Razaleigh, agar tidak lagi menjadi ancaman dan saingan terhadap masa depan politiknya. Memandangkan, Dato' Musa masih lagi mengekalkan jawatan Timbalan Presiden UMNO (selepas keluar dari kerajaan) dan berhasrat pula mahu mempertahankan jawatan itu (melalui pemilihan pucuk pimpinan parti pada April 1987), maka tindakannya itu telah menutup peluang Tengku Razaleigh untuk merebut jawatan tersebut. Pilihan yang ada pada putera raja itu ialah menandingi jawatan Presiden UMNO yang disandang oleh Dato' Seri Dr. Mahathir.

Melalui taktik itu, Dato' Musa dapat mencapaikan mesej kepada Perdana Menteri dan Presiden UMNO bahawa tindakan beliau mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet merupakan suatu tindakan yang silap, kerana putera raja dari Kelantan itu pasti mencabarnya pada suatu hari nanti. Di sini, Dato' Musa sekali gus mahu membuktikan bahawa tindakannya membantah perlantikan itu merupakan suatu tindakannya yang betul, walaupun bantahan itu lebih terarah kepada usaha mahu mengekalkan kedudukannya dalam parti dan kerajaan, dan mengelakkan cabaran seterusnya daripada Tengku Razaleigh.

Lagi pun, Dato' Musa sedar bahawa tidak mudah bagi Tengku Razaleigh untuk memenangi jawatan yang ditandinginya itu. Namun, dengan menyokong Tengku Razaleigh, Dato' Musa yakin majoriti kemenangan Dato' Seri Dr. Mahathir dapat dikurangkan. Oleh itu, dengan kemenangan yang tipis, maka mudah baginya untuk memaksa Dr. Mahathir melepaskan jawatan Presiden UMNO. Dalam hal ini, Dato' Musa menjangkakan beliau mampu mempertahankan kedudukannya di dalam pemilihan UMNO pada tahun 1987 itu.

Walau bagaimanapun, perkiraan itu dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai satu kesilapan Dato' Musa kerana Tengku Razaleigh juga (dalam percaturan politik) akan memastikan Dato' Musa juga tewas di dalam pemilihan tersebut. Bagi Tengku Razaleigh, Dato' Musa bukan musuh politiknya yang utama. Krisis peribadi adalah di antara beliau dengan Dr. Mahathir. Oleh itu, dengan sokongan Dato' Musa, beliau yakin Presiden UMNO dapat dikalahkan.

Jadi, dalam keadaan kedua-duanya tewas, Tengku Razaleigh tidak lagi mempunyai ancaman yang kuat di dalam UMNO, apatah lagi Ghafar Baba, yang menandingi Dato' Musa, (dan pada perkiraan Tengku Razaleigh akan memenangi jawatan itu) merupakan sahabat baiknya.

2. Pada 11 April 1987, bertempat di Pulau Pinang, Tengku Razaleigh memaklumkan bahawa keputusannya untuk menentang Dr. Mahathir telah dibuatnya selepas mendapat persetujuan daripada bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Hussein Onn.

Kedua-dua bekas menteri ini dipercayai tidak senang hati dengan gaya kepemimpinan Dr. Mahathir memimpin negara pada waktu itu. Hal yang sama juga telah diulangi oleh Tengku Razaleigh semasa berucap di Kota Bharu pada 8 Mei 1987.

3. Perletakan jawatan Dato' Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri pada awal 1986 telah menyebabkan para penyokong beliau tidak mempunyai tempat di

dalam pilihan raya 1986 di Kelantan. Kekosongan ini telah dipenuhi oleh para pengikut setia Tengku Razaleigh, walaupun ketokohan mereka tidak disenangi oleh ahli-ahli UMNO Kelantan. Di antara mereka yang terpilih ialah Ibrahim Ali (Parlimen Pasir Mas), Dato' Ariffin Salleh (DUN Bonggol), Dato' Mahd Haji, Ali (Parlimen Nilam Puri), Dato' Dr. Nik Hussein Wan Abd Rahman (Parlimen Kuala Krai), Raja Mahmud Raja Mamat (DUN Bandar Pasir Putih), Wan Muhamad Wan Bakar (DUN Selising), Ariffin Said (DUN Manik Urai), dan Mohamad Isa (DUN Guchil)

4. Setelah terlibat secara aktif di dalam kempen pilihan raya 1986, Tengku Razaleigh dan para penyokongnya lebih banyak berada di kawasan yang dianggap bermasalah itu, berbanding dengan kawasan yang ditandinginya iaitu Gua Musang. Di antara kerusi UMNO yang dianggap kurang selamat ialah kawasan Dewan Undangan Negeri Bonggol, Peringat dan Jelawat. Manakala kerusi Parlimen pula ialah Pasir Mas dan Nilam Puri.

Di Pasir Mas, Ibrahim Ali, calon yang mewakili UMNO di dalam satu ceramahnya pada 2 Ogos 1986 antara lain telah memberitahu orang ramai bahawa Tengku Razaleigh yang meminta beliau bertanding di kawasan tersebut. Malahan, beliau juga telah mengatakan, dia hanya mewakili Tengku Razaleigh, yang sebenarnya Tengku Razaleigh yang bertanding di Pasir Mas, dan bukannya Ibrahim Ali. Begitu juga dengan Ahmad Rastom yang menjadi calon UMNO di kawasan Dewan Undangan Negeri Bunut Payung. Para penyokong beliau telah mendedarkan buku kecil yang menceritakan latar belakang peribadinya.

5. Sebelum melibatkan diri dengan Parti Semangat 46, golongan Razaleigh-Musa ini telah dikenali umum sebagai *Team b*. Di samping itu, mereka juga turut mengidentifikasi dirinya sebagai anggota UMNO 46.

BAB 7

Kesimpulan: UMNO Bergantung kepada Kepemimpinan Bangsawan

Penglibatan Tokoh Bangsawan

Sebagai satu kajian sosiologi politik, fokus utama kajian ini ialah melihat hubungan simbiotik di antara kepimpinan bangsawan Melayu dengan jatuh banggunya UMNO Kelantan. Berasaskan kepada pengalaman yang pernah dilalui parti itu, ia jelas memperlihatkan bahawa sejak penubuhannya pada 1946 hingga kepada kejatuhan kerajaan yang dikuasainya pada 1990, UMNO amat bergantung kepada dukungan kepimpinan bangsawan. Hal ini terbukti apabila setiap kali berlaku perubahan pucuk pimpinan UMNO negeri, maka setiap kali itu juga UMNO Kelantan memperlihatkan minat, serta ikatannya dengan kepimpinan tersebut. Jadi, dalam konteks saling berhubungan itu, konsep penaungan adalah wajar untuk digunakan seiringan dengan konsep kepimpinan politik sebagai alat analisis untuk melihat:

1. Apakah sumbangan kepimpinan bangsawan Melayu kepada perkembangan UMNO Kelantan.
2. Mengapa UMNO negeri itu memerlukan tokoh daripada kalangan bangsawan sebagai pemimpinnya.

Daripada pemerihalalan yang telah dibuat, maka dapat diperhatikan bahawa selama UMNO bertapak dan bergerak di negeri Kelantan (1946-90), parti itu telah berkesempatan menubuhkan kerajaan di negeri tersebut. Walau bagaimanapun, pada ketika yang sama sejarah juga menunjukkan bahawa UMNO Kelantan juga berhadapan dengan pelbagai masalah apabila tokoh-tokoh bangsawan menarik diri ataupun disingkirkan daripada menerajui UMNO.

Ini terbukti apabila UMNO Kelantan terpaksa melalui zaman tidak aktif pada tahun 1951-53 apabila ia gagal menahan penghijrahan beramai-ramai golongan bangsawan Melayu ke dalam Parti Kemerdekaan Malaya (kemudiannya Parti Negara) yang dipimpin

oleh Dato' Onn Jaafar, bangsawan Melayu dari Johor. Sebaliknya, UMNO Kelantan juga mampu membuktikan bahawa ia berkeupayaan untuk menyerlah kembali apabila ia dipulih dan dipimpin oleh bangsawan Melayu pada 1953 dan seterusnya. Ini dapat dilihat daripada peningkatan jumlah ahli, serta pertambahan undi yang diperolehinya sewaktu ia berada di bawah kepimpinan Dato' Ismail Mahmud, Tengku Indra Petra, Tunku Perdana Menteri, Dato' Nik Ahmed Kamil, Tun Abdul Razak dan Tengku Razaleigh.

Walaupun UMNO memerlukan masa selama 18 tahun (1959-78) untuk kembali memerintah Kelantan, selepas pertama kali berjaya pada 1955, namun kejayaannya mengalahkan PAS, pada hakikatnya, mempunyai pertalian yang rapat dengan daya kepimpinan golongan bangsawan, khususnya Tengku Razaleigh. Oleh itu, apabila kepimpinan bangsawan diketepikan melalui penyingkiran ke atas dirinya pada pertengahan 1980-an, UMNO Kelantan tidak sahaja berhadapan dengan perpecahan, tetapi kerajaannya juga terlepas ke pihak lawan.

Dalam konteks ini, pengalaman yang diperolehi daripada pilihan raya umum 1986 jelas memberikan pengajaran. Pada waktu itu, UMNO sudah pun hampir menemui zaman penghujungnya apabila ia berjuang menghadapi PAS tanpa kepimpinan bangsawan dan Tengku Razaleigh. Namun begitu, sokongan pada akhirnya telah berpihak kepada parti itu apabila Tengku Razaleigh diberi peluang untuk aktif kembali di dalam arena politik Kelantan, sekalipun tanpa kedudukan yang penting dalam kepimpinan parti. Akibatnya, PAS tanpa segan-silu mengakui bahawa kemunculan semula putera raja itu merupakan faktor utama yang telah menggagalkan cita-citanya untuk merampas kembali Kelantan daripada penguasaan UMNO.

Sejak dua setengah dekad terlibat dengan kepimpinan UMNO Kelantan, (bermula dengan jawatan Setiusaha UMNO Negeri pada 1962, dan berakhir dengan jawatan Ketua UMNO Kelantan pada 1984), Tengku Razaleigh berjaya membuktikan bahawa tanpa beliau dan kepimpinan bangsawan, UMNO Kelantan tidak mampu mempertahankan keutuhannya. Ini jelas dibuktikan melalui keputusan pilihan raya umum 1990, apabila UMNO yang ditinggalkannya pada 1987 itu langsung tidak mempunyai kemampuan untuk menghadapi kemaraan gabungan parti pembangkang yang diketuainya. Melalui pilihan raya itu, undi yang mampu dimiliki oleh UMNO Kelantan termasuk rakan tunggalnya dari MCA hanya sebanyak, 32.94% sahaja, sedangkan pada tahun 1986, sewaktu beliau masih bersama UMNO, parti itu mampu

meraih undi sebanyak 53.44%. Lebih menyedihkan lagi, UMNO juga telah gagal mempertahankan sebarang kerusi, sama ada di peringkat Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di dalam pilihan raya tersebut. Walhal pada tahun 1986, di peringkat negeri, UMNO hanya tewas di 10 kawasan sahaja, manakala 29 kawasan lagi ia tetap menjadi miliknya. Begitu juga dengan kawasan Parlimen, pada tahun 1986, UMNO hanya tewas satu di satu kawasan sahaja daripada 13 kawasan yang ditandinginya.

Kepentingan Penaung Politik

Kepentingan kepimpinan bangsawan dalam UMNO Kelantan jelas menunjukkan bahawa tidak semua tokoh bangsawan mampu muncul sebagai pemimpin yang berkesan dan berjaya membawa UMNO ke pusat kuasa. Namun demikian, masing-masing memiliki kemampuan yang sama yang amat diperlukan oleh UMNO, iaitu keupayaan untuk berperanan sebagai penaung politik.

Sejarah perkembangan masyarakat Melayu dari zaman tradisional hingga ke zaman merdeka jelas menunjukkan bahawa penaungan merupakan suatu peranan sosial yang dijangkakan daripada golongan bangsawan. Tanpa mengira kedudukan seseorang bangsawan itu, sama ada ia raja ataupun pembesar, hierarkinya yang tinggi dalam struktur masyarakat telah memberi peluang kepada mereka untuk menguasai segala sumber daya utama yang terdapat di dalam masyarakatnya. Penguasaan ini, seperti yang pernah dinyatakan oleh Boissevain (1974) begitu penting sekali bagi membolehkan seseorang tokoh itu berperanan sebagai penaung.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, orang biasa ataupun rakyat bawahan langsung tidak berpeluang untuk memiliki dan menguasai sebarang sumber daya utama yang terdapat dalam masyarakatnya. Kehidupan seharian mereka bergantung kepada belas ihsan golongan atasan atau bangsawan. Golongan ini menguasai tanah, sistem percukaian, alat perhubungan dan pelbagai sumber yang lain. Oleh itu, untuk hidup, rakyat bawahan perlu memberikan taat setia tidak berbelah-bahagi kepada golongan bangsawan ini. Sebagai balasannya, mereka akan diberikan pertolongan dan perlindungan oleh pemimpin mereka itu. Justeru, tiada halangan bagi mereka untuk melakukan sebarang kegiatan pertanian ataupun kegiatan ekonomi yang lain di mana sahaja kawasan yang mereka sukai, asalkan mereka bersedia membayar cukai

dan mengabdikan diri apabila tenaga mereka diperlukan, sama ada untuk kepentingan negara atau individu tertentu, raja ataupun golongan pembesar negeri.

Selain daripada menguasai *tangible goods* yang membolehkan golongan bangsawan itu berkuasa, pada ketika yang sama, mereka juga menguasai sumber daya utama yang terbentuk *intangible goods*. Dalam hal ini, status sosial yang tinggi yang diwarisi sejak turun-temurun, serta kewibawaan tradisional yang dimilikinya merupakan sumber utama yang menjadikan mereka diterima sebagai pemimpin. Walaupun pada hakikatnya, mereka mungkin tidak layak berada di jawatan itu. Pendek kata, perhubungan yang tidak setara yang wujud di antara kedua-dua belah pihak telah menjadikan golongan bangsawan sebagai pemimpin-penaung.

Sungguhpun pada hari itu, kewujudan dan penerimaan kepimpinan seperti itu telah dilihat sebagai tidak rasional, namun di dalam masyarakat Melayu tradisional, ia tetap merupakan suatu yang *natural* dan rasional. Ini kerana, proses sosiolisasi telah mengajar mereka bahawa golongan bangsawan yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat dan mempunyai pertalian yang rapat dengan istana merupakan golongan yang layak diberi penghormatan dan diterima sebagai pemimpin.

Yang juga menarik dalam hal ini ialah sikap dan kepercayaan politik itu tidak pernah luput daripada pemikiran dan emosi orang Melayu. Malahan, ia merupakan satu bentuk pertukaran psikologi yang mantap dalam budaya politik Melayu, di mana rakyat memberikan taat setia, dan sebagai balasannya rakyat memperoleh bantuan dan perlindungan. Maka itu, nilai-nilai politik ini tidak pernah mengalami sebarang cabaran dan tentangan, walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai nilai baru melalui proses penjajahan yang berpanjangan.

Sungguhpun, pihak Inggeris mampu menjauhkan golongan bangsawan Melayu daripada menguasai sumber daya utama yang terbentuk *tangible goods*, namun Inggeris gagal mengubah pemikiran politik orang Melayu, agar mereka mengetepikan nilai-nilai politik yang memberi kekuatan kepada golongan bangsawan dan kepimpinannya. Bahkan, pihak Inggeris pula yang memanfaatkan nilai-nilai tersebut bagi tujuan memperkukuhkan proses penjajahannya. Melalui pendekatan pemerintahan secara tidak langsung atau proses adaptasi, struktur masyarakat dan politik tempatan terus dikekalkan, secara disesuaikan dengan keperluan pemerintahan moden.

Jadi, apabila negara dan masyarakat Melayu berhadapan dengan unsur-unsur modenisasi dalam berpolitik yakni dengan pengenalan pelbagai institusi politik moden, seperti parti politik dan sistem pilihan raya, maka nilai-nilai politik tradisi itu, khususnya yang berkaitan dengan aspek kepimpinan telah dibawa bersamanya ke dalam institusi tersebut. Maka itu, UMNO sebagai sebuah pertubuhan dan gerakan politik massa Melayu telah gagal membebaskan dirinya daripada nilai-nilai politik itu, sehingga ia terus dikenali sebagai parti politik feodal Melayu.

Sebagai parti politik ulung masyarakat Melayu, penubuhan UMNO tidak lebih daripada suatu perlanjutan dan pemindahan corak berpolitik atau budaya berpolitik orang Melayu daripada zaman tradisional kepada moden. Dengan itu, dari segi bentuk kepemimpinannya, UMNO terus terjebak dan mewarisi kepimpinan bangsawan. Keadaan ini amat dirasai oleh UMNO Kelantan yang terpaksa menghadapi lawannya, parti politik Melayu kanan yang lain seperti Parti Negara, dan PAS kemudiannya di tengah-tengah masyarakat Melayu yang tidak sahaja mahu mengekalkan ciri-ciri Melayunya, tetapi juga mengidentifikasikan diri mereka sebagai manusia Islam. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada situasi tersebut, maka kajian terhadap perkembangan UMNO Kelantan dan kepimpinannya tidak boleh dilihat sebagai suatu yang bebas daripada perkembangan kepimpinan politik masyarakat Melayu tradisional, khususnya di negeri itu. Ini kerana, corak kepimpinan yang wujud di dalam UMNO Kelantan itu merupakan lanjutan dan transformasi daripada corak kepimpinan tradisional masyarakat Melayu itu sendiri.

Daripada itu, berasaskan paradigma ini, UMNO yang datang ke Kelantan pada 1946 dengan mudah telah diterima oleh masyarakat tempatan. Setiap pertubuhan politik yang sedia ada, sama ada bersifat kedaerahan ataupun kenegerian, tanpa ragu-ragu bersedia membubar diri masing-masing dan menerima UMNO yang dipimpin oleh golongan bangsawan sebagai wadah perjuangannya yang baru. Pendek kata, tidak wujud sama sekali pertelingkahan di kalangan pemimpin pertubuhan itu untuk menguasai pucuk kepimpinan UMNO. Perhubungan tidak setara di antara mereka dengan golongan bangsawan terus-menerus menjadi asas kepimpinan UMNO Kelantan. Justeru, kepimpinan bangsawan telah diterima dengan sepenuh hati. Walaupun ada kalanya UMNO Kelantan dilanda perpecahan, namun kepimpinan bangsawan melalui peranannya sebagai penaung

simbolik terus dilihat sebagai aset berharga untuk mengekalkan kestabilan parti dan menarik sokongan orang ramai, khususnya masyarakat Melayu luar bandar terhadapnya.

Kalaupun UMNO Kelantan terpaksa dipulihkan kembali pada 1953, namun kemerosotan yang dialaminya itu bukan kerana ancaman ataupun penentangan dari luar. Sebaliknya, seperti yang dijelaskan, ia berpunca daripada sikap golongan bangsawan itu sendiri yang memilih untuk bersama-sama dengan Dato' Onn di dalam Parti Negara. Begitu juga dengan kekecohan yang berlaku sewaktu UMNO Kelantan berketuakan Tengku Indra Petra dan Dato' Nik Ahmed Kamil. Ia juga bukan berpunca dari luar, tetapi lebih merupakan suatu reaksi terhadap sikap keras Tengku Indra (dalam usahanya untuk memulihkan UMNO Kelantan selepas tewas mengejut di tangan PAS pada 1959), serta sikap kurang peduli Dato' Nik Ahmed Kamil terhadap parti itu, selepas tewas kali kedua (kepada PAS) pada 1964. Mereka berdua yang mengambil keputusan meninggalkan kepemimpinan UMNO Kelantan selepas merasakan pimpinan mereka tidak lagi diperlukan oleh UMNO negeri itu, sedangkan di pihak UMNO sendiri, parti itu tetap mahu meneruskan kepemimpinan bangsawan. Ringkasnya, UMNO Kelantan tidak pernah terlepas daripada sindrom kebangsawanan.

Jadi dalam konteks ini, tokoh-tokoh bangsawan, bermula dari Dato' Ismail Mahmud (1953) hingga Tengku Razaleigh (1971) yang berjaya muncul dalam kepemimpinan UMNO negeri itu. Dalam hal ini, selain daripada Tengku Razaleigh, tiada sebarang ciri luar biasa yang terdapat pada diri setiap tokoh bangsawan itu. Kelebihan mereka hanya terletak pada ikatan ataupun perhubungan yang rapat dengan Istana Kelantan, yang merupakan asas kepada ketinggian status sosial dan sumber kewibawaan tradisional. Justeru, seperti anggota masyarakat Melayu tradisional, para pendukung UMNO juga (sama ada di peringkat cawangan ataupun bahagian) melihat status sosial dan kewibawaan tradisional itu sebagai faktor yang melayakkan mereka menjadi pemimpin dan sekali gus berperanan sebagai penaung, khususnya penaung simbolik, dengan tujuan untuk memperkukuhkan parti. Pendek kata, UMNO Kelantan mahu melanjutkan suasana pertukaran psikologi di antara anggota masyarakat Melayu (termasuk ahli-ahli UMNO sendiri) dengan kepemimpinan bangsawan, agar UMNO terus menerima sokongan orang Melayu, dan parti itu menjadi wadah perjuangan politiknya.

Walaupun bagaimanapun, berbeza dengan kepimpinan UMNO terdahulu, Tengku Razaleigh tidak mahu lagi menghadkan dirinya berperanan sebagai penaung politik simbolik semata-mata. UMNO Kelantan juga dilihat tidak mahu bergerak jauh, sekiranya ketua parti, di peringkat negeri terus mengekalkan peranan asalnya sebagai penaung politik simbolik. Jadi, sekiranya kuasa dan pemerintahan negeri menjadi matlamat utama UMNO, parti itu perlu mendapatkan undi yang lebih besar daripada orang Melayu, berbanding dengan sokongan yang diterima oleh pihak PAS.

Walaupun status sosial seseorang pemimpin itu merupakan faktor penting dalam usaha menarik minat masyarakat Melayu kepada UMNO, namun Tengku Razaleigh merasakan UMNO juga perlu menawarkan sesuatu ganjaran kepada rakyat Kelantan, sebagai balasan terhadap kesediaan mereka memberikan undinya kepada UMNO, bagi membolehkan parti itu berpeluang kembali memerintah Kelantan. Justeru, memandangkan PAS pada ketika itu gagal membawa kemajuan dan pembangunan kepada masyarakat Melayu Kelantan, maka pembangunan telah menjadi agenda utama perjuangan Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan bagi tujuan mewujudkan suasana saling berbalas keuntungan di antara UMNO dengan orang Melayu di negeri itu. Dengan kata lain, kewujudan gejala penaungan yang berlandaskan kepada perhubungan yang tidak setara semata-mata, iaitu perbezaan status sosial dan kewibawaan di antara pemimpin-pengikut telah dilihat tidak memadai untuk mengembalikan kekuatan UMNO dalam usahanya menghadapi pengaruh PAS.

Tindakan dan strategi yang sama juga, iaitu dalam bentuk pertukaran di antara sokongan dan taat setia dengan pemberian ganjaran material dirasakan perlu di dalam usaha mengurangkan ketegangan, serta konflik di dalam parti. Oleh itu, berbeza dengan kepimpinan terdahulu, Tengku Razaleigh tidak mahu lagi menggantungkan harapan dan masa depan UMNO Kelantan kepada para pemimpin yang sentiasa berkekrisis sesama mereka. Justeru, beliau telah bertekad untuk melaksanakan proses rekrutmen politik yang baru di dalam parti itu bagi tujuan melahirkan barisan kepimpinan UMNO yang baru, serta lebih berwibawa berbanding dengan tokoh-tokoh yang lama.

Melalui tindakan ini, beliau tidak sahaja berpeluang meminggirkan golongan veteran UMNO, tetapi juga meletakkan parti itu sepenuhnya berada di bawah pengaruh dan kawalannya. Dengan ini, ia sekali gus memberi peluang kepada beliau untuk mengurus dan membentuk

UMNO Kelantan mengikut cita rasa politiknya. Namun begitu, melaksanakan proses rekrutmen politik baru melalui pemberian ganjaran material dan ekonomi bukanlah merupakan suatu tugas yang mudah, kecuali UMNO Kelantan sendiri mampu menyediakan pelbagai ganjaran kepada mereka yang bakal mengorbankan diri kerana UMNO, sama ada yang terpinggir ataupun yang baru diserapkan ke dalam parti.

Keadaan yang sama juga wujud dalam usahanya merealisasikan hasrat untuk membawa pembangunan ke Kelantan. Ini kerana UMNO yang diketuainya itu tidak berada di tampuk kekuasaan, dan beliau pula tidak mempunyai sebarang kuasa eksekutif (dalam kerajaan) bagi membolehkannya bertindak memenuhi cita-cita politik itu. Maka itu, sokongan dari Kuala Lumpur amat diperlu bagi menjayakan strategi tersebut. Hanya dengan kerjasama dan bantuan daripada kepemimpinan tertinggi UMNO dan Kerajaan Persekutuan sahaja, beliau mampu bertindak sebagai penaung politik substantif, dan mewujudkan fenomena *political party-directed patronage*, seperti yang pernah disarankan oleh Weingrod (1986, 380-381), iaitu menggunakan segala sumber yang terdapat di dalam organisasi yang diketuainya (serta yang berada di bawah pengaruh dan kawalannya) bagi tujuan menyediakan pelbagai bentuk ganjaran untuk ditukarkan dengan sokongan, taat setia dan pemberian undi.

Pendek kata, dengan sokongan Kuala Lumpur sahaja politik pembangunan dan rekrutmen politik mampu dilaksanakan oleh UMNO Kelantan. Maka itu, pada peringkat awal penglibatan Tengku Razaleigh sebagai penaung politik substantif, sokongan Tun Abdul Razak begitu bermakna kepada perkembangan UMNO Kelantan dan kepemimpinnya. Tun Abdul Razak tidak sahaja menyediakan peruntukan wang yang besar kepada pembangunan Kelantan, tetapi juga menyediakan pelbagai habuan ekonomi dan bantuan kepada mereka yang terlibat di dalam usaha memperkuat dan mengukuhkan UMNO Kelantan.

Selain daripada itu, Tun Abdul Razak juga tidak sekadar memberikan autonomi kepada Tengku Razaleigh untuk menerajui UMNO negeri itu mengikut cita rasanya, malahan beliau juga (kemudiannya diteruskan oleh Dato' Hussein Onn) memberi peluang kepada putera raja itu muncul sebagai pemimpin politik dan ekonomi yang berpengaruh dan berwibawa di peringkat nasional. Oleh yang demikian, dengan bertambah besarnya sumber yang dikuasai oleh Tengku Razaleigh, maka semakin besar kemampuan beliau untuk mewujudkan fenomena *political party-directed patronage*. Ini tidak

hanya memantapkan peranannya sebagai penaung politik substantif, malahan sekali gus telah memperkukuh, serta mempertingkatkan imej kepemimpinan bangsawan.

Jadi berasaskan kepada perkembangan yang berlaku ini, maka adalah tidak luar biasa sekiranya Tengku Razaleigh muncul sebagai pemimpin-penaung yang cukup berjaya dan berkesan di dalam UMNO Kelantan. Apatah lagi dalam tempoh kepemimpinannya itu, beliau telah berjaya merencanakan pembangunan Kelantan, serta mengeluarkan negeri itu daripada kemelut kemunduran. Sedangkan suasana ini semua tidak berlaku semasa UMNO Kelantan berada di bawah kepemimpinan bangsawan sebelumnya. Kehebatannya semakin terserlah apabila UMNO yang diketuainya itu langsung tidak mengalami krisis dalaman.

Dengan itu adalah tidak luar biasa juga apabila beliau dipersepsikan oleh masyarakat umum di negeri Kelantan, terutama ahli-ahli UMNO sebagai pemimpin luar biasa. Dalam keadaan begini, Tengku Razaleigh dengan sendirinya mempunyai sekumpulan pengikut yang taasub dan setia kepada kepemimpinannya. Manakala di kalangan pengikut pula tentu ada di antara mereka yang berpeluang dan berjaya menikmati pelbagai keuntungan ekonomi dan politik daripada kedudukan beliau sebagai pemimpin-penaung di dalam UMNO. Oleh itu, dengan wujudnya gejala ini, ia sudah pun cukup untuk melayakkan Tengku Razaleigh dikenali sebagai pemimpin berkarismatik, seperti yang pernah telah diperkatakan oleh Weber (1964, 358-359).

Dalam hal ini, mereka yang setia dan taksub kepada kepemimpinannya, pada bila-bila masa sahaja bersedia mengorbankan diri untuk mempertahankan tokoh pujaannya itu. Walaupun gejala ini mungkin merupakan suatu tindakan atau fenomena yang tidak rasional, namun ia merupakan suatu ikatan emosi yang tidak mudah untuk dileraikan dalam konteks perhubungan di antara pengikut dengan pemimpin berkarisma. Ini juga pada hakikatnya merupakan salah satu faktor yang telah memperkukuhkan lagi kepemimpinan bangsawan di dalam UMNO Kelantan, terutamanya pada era kepimpinan putera raja itu.

Oleh yang demikian adalah tidak menghairankan sekiranya para penyokong ini tidak bersedia melihat Tengku Razaleigh diketepikan oleh musuh politiknya di Kuala Lumpur. Bagi mereka, sebagai pemimpin yang berkarisma, Tengku Razaleigh merupakan aset yang penting kepada UMNO Kelantan, kerana itu beliau perlu dikekalkan di

dalam kepemimpinan parti dan kerajaan, khususnya sebagai Ketua UMNO Kelantan. Ini perlu dilakukan demi untuk memastikan sokongan majoriti rakyat Kelantan kepada UMNO berterusan, dan pembangunan negeri itu tidak terabai.

Dalam hal ini, tindakan yang boleh disifatkan sebagai *routinization* oleh Weber itu bukanlah merupakan suatu yang luar biasa dalam perkembangan kepemimpinan yang berasaskan karismatik, seperti yang dialami oleh UMNO Kelantan pada ketika itu. Ini kerana, jika hubungan mereka dengan Tengku Razaleigh yang berasaskan ikatan emosi itu terus dikekalkan dalam UMNO, maka hubungan yang sudah mendapat kekuatan legal itu (yakni di antara ketua parti dengan ahli parti) tidak sahaja berkeupayaan memperkuatkan UMNO, tetapi mereka juga (khususnya ahli UMNO yang dekat dengan pemimpin itu) masih berpeluang menikmati pelbagai bentuk keuntungan daripada kedudukan ketuanya.

Walau bagaimanapun, suatu yang perlu diingat, kekuatan Tengku Razaleigh dalam politik Kelantan tidak semata-mata terletak kepada kewibawaan karismatik. Tetapi seperti yang telah dinyatakan, sebelum beliau memperolehi kewibawaan itu, kedudukan dan hubungannya yang rapat dengan Istana Kelantan telah memberikan beliau kewibawaan tradisional. Dengan berbekalkan kewibawaan ini, beliau muncul dan diterima sebagai pemimpin utama UMNO Kelantan, dan dijangkakan berperanan sebagai penaung politik simbolik. Tanpa memiliki kewibawaan tradisional, dan tanpa menduduki status sosial yang tinggi dalam masyarakat Melayu Kelantan, Tengku Razaleigh belum tentu diterima atau diberi penghormatan sebagai pemimpin UMNO pada tahun 1960-an. Namun begitu, memang tidak dapat dinafikan bahawa pada tahun-tahun 1970-an hingga 1980-an, kemunculannya lebih terserlah sebagai pemimpin yang berbekalkan kewibawaan legal-rasional hasil kedudukannya di dalam parti dan kerajaan, serta kewibawaan karismatik hasil daripada sanjungan yang keterlaluan daripada orang ramai.

Pendek kata, gabungan ketiga-tiga kewibawaan itu telah menjadikan Tengku Razaleigh sebagai pemimpin yang disegani dan digeruni di dalam UMNO Kelantan, sehinggakan sesiapa sahaja mahu mengasosiasikan diri mereka dengannya. Ini kerana, dengan memberikan taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada beliau dan menjadikan dirinya sebagai orang Tengku Razaleigh, kedudukan mereka di dalam parti dengan sendirinya terus stabil dan terjamin. Di samping

itu, mereka juga terus berpeluang menikmati ganjaran ekonomi daripada tokoh tersebut. Justeru, berasaskan kepada perkiraan ini, gejala *patrimonialisme* (Weber 1964, 364-369) tidak sahaja wujud di dalam masyarakat Melayu tradisional, tetapi mereka juga merupakan suatu kesinambungan yang *natural*, yang sifatnya berterusan dalam masyarakat Melayu moden masa kini.

Maka itu, tidak mengejutkan juga sekiranya para penyokong ini bersedia mempertahankan kepemimpinan Tengku Razaleigh melalui Parti Semangat 46 (kemudian Parti Melayu Semangat 46) apabila beliau disingkirkan daripada UMNO selepas gagal menyelesaikan konflik peribadinya dengan Dr. Mahathir melalui pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO. Penyingkiran ini merupakan suatu tindakan yang sukar diterima oleh mereka. Tindakan para pengikutnya itu jelas membayangkan kesediaan mereka untuk jatuh bangun bersama-sama dengan pemimpin yang diagung-agungkannya itu. Bagi mereka, masa depan UMNO Kelantan bergantung kepada kekuatan dan pengaruh peribadi Tengku Razaleigh. Tanpa Tengku Razaleigh UMNO Kelantan akan melalui zaman yang malap.

Sekiranya faktor kepemimpinan begini diberikan perhatian serius, tanggapan terhadap kemalapan itu mungkin sukar untuk ditolak. Ini memandangkan UMNO (Baru) Kelantan yang wujud pada era pasca-Tengku Razaleigh masih lagi berada di dalam keadaan yang tidak mantap dan berpecah-belah. Justeru, tidak mengejutkan apabila era ini, terutamanya selepas pilihan raya umum 1990 terus-menerus kedengaran pelbagai ungkapan politik yang membawa maksud bahawa tanpa kepemimpinan bangsawan dan Tengku Razaleigh di dalam UMNO Kelantan parti itu akan terus dilanda masalah serta menghadapi jalan yang sukar untuk kembali memerintah Kelantan.

Penutup

Berasaskan kepada pengalaman yang telah dilalui oleh kepemimpinan bangsawan, khususnya dalam era kepimpinan Tengku Razaleigh, ia jelas memperlihatkan bahawa fenomena penaungan mempunyai kecenderungan untuk melahirkan pemimpin politik yang kuat dan berpengaruh, dan sekali gus menjadikan organisasi yang dipimpin itu lebih kukuh dan dinamik. Oleh yang demikian, UMNO Kelantan yang sering dilanda perpecahan dan menghadapi saingan daripada pihak PAS akan terus kekal ataupun mengikatkan dirinya dengan fenomena

ini, meskipun ia merupakan suatu sifat utama di dalam sistem politik Melayu tradisional.

Namun begitu, kemampuan dan kejayaan seseorang pemimpin politik untuk berperanan sebagai penaung bergantung pula kepada tiga faktor utama iaitu strategi, sumber dan persekitarannya, seperti yang pernah dibincangkan oleh Boissevain (1969, 380). Di samping itu, faktor motivasi tidak boleh diketepikan sama sekali. Ini kerana, tanpa memiliki motivasi, seseorang pemimpin itu tidak akan mengambil sebarang kesempatan di atas peluang yang sedia wujud daripada kedudukan dan peranannya sebagai pemimpin-penaung.

Dalam pada itu, suatu yang perlu diingat, masih terdapat banyak lagi aspek politik dan pergolakan yang melibatkan kepemimpinan bangsawan, khususnya Tengku Razaleigh di dalam UMNO yang boleh diberikan perhatian dan dikaji oleh penyelidik lain pada masa hadapan.

Rujukan

BUKU/TESIS

- Abdul Hamid Othman. 1969. *Inteligentsia Melayu Di Dalam Beberapa Kegiatan Sosial Di Bandar Kota Bharu Tahun-tahun 1920-an Hingga 1945*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Ahmad. 1969. *Bureaucracy Negeri Kelantan: Satu Kajian Perubahan dan Perkembangannya*. Tesis M. A., Universiti Malaya.
- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. 1981. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdullah Ahmad. 1989. *Di Sebalik Jendela Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- A. Ghani Ismail. 1983. *Razaleigh Lawan Musa, Pusingan Kedua 1984*. Taiping: IJS Communications.
- Abdullah Ayob. 1978. *Cara Pemerintahan Tanah Melayu 1957-1963*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nazri Abdullah. 1985. *Melayu dan Tanah, Media dan Intelek*. Petaling Jaya: Alias Mohamed.
- Alias Mohamed. 1975. *Kelantan: Politik dan Dilemma Pembangunan*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- _____. 1977. *Intelijensia Melayu Kelantan: Satu Pandangan Awal*. Kota Bharu: Mohd Nawi Bookstore.
- _____. 1978. *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilemma*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- _____. 1984. *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House.
- _____. 1991. *Malaysia's Islamic Opposition: Past, Present, and Future*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House.
- _____. 1994. *Kelantan Di Bawah Pemerintahan PAS: Masalah Masalah Tanah dan Rasuah*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House.
- _____. 1994. *PAS' Platform: Development and Change 1951-1986*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House.
- Allen, James de V. 1967. *The Malayan Union*, Monograph Series No.10, Yale University.
- Amaluddin Darus. 1977. *Kenapa Saya Tinggalkan PAS*. Kuala Lumpur: Harimau Press.
- Aminuddin Mohd. Yusoff & Mohd. Ali Kamaruddin. 1988. *Kepemimpinan Pemuda UMNO: Antara Personaliti dan Situasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Abdullah. 1971. *Dato' Onn*. Kuala Lumpur: Nusantara.
- Apter, D. E. 1972. *Ghana in Transition*. New Jersey: Princeton University Press.
- Aziz Zariza Ahmad. 1983. *Putera Raja di Hati Rakyat: Tengku Razaleigh Hamzah*. Kuala Lumpur: Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya.

- _____. 1988. *Dr. Mahathir Mohamed: Fasa Kedua*. Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing.
- Bailey, C. 1976. *Broker, Mediator, Patron and Kinsman: An Historical Analysis of Key Leadership Roles in a Rural Malaysian District*. Ohio: Ohio University Centre for International Studies, Athens.
- Bailey, F. G. 1970. *Stratagems And Spoils*. Oxford: Basil Blackwell.
- Banks, D. J. 1976. *Changing Identities in Modern Southeast Asia Societies*. London: Monton.
- Beaglehole, J. H. . *The District: A Study in Decentralization in West Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Blau, P. 1964. *Exchange and Power in Social Life*. New York: John Wiley.
- Blondel, J. 1987. *Political Leadership: Towards A General Analysis*. London: Sage Publications.
- Boestaman Musa, Tan Sri Nik Ahmed Kamil. 1984. Satu Tinjauan Tentang Peranan dan Ketokohnya Dalam Pentadbiran dan Politik Negeri Kelantan, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Boissevain, J. 1974. *Friends of Friends: Networks Manipulator & Coalition*. Oxford: Blackwell.
- Brackman, A. C. 1966. *Southeast Asia's Second Front: The power Struggle in the Malay Archipelago*. New York: Fredrich Praeger.
- Bryman, A. 1992. *Charisma And Leadership in Organization*. London: Sage Publications.
- Burkolter, V. 1976. *The Patronage System: Theoretical Remarks*, Social Strategies Monograph on Sociology and Social Policy, Vol. 4.
- Burn, J. M. 1979. *Leadership*. New York: Harper Colophon Book.
- Chamil Wariya. 1987. *Politik Kompromi*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing.
- _____. 1988. *UMNO Era Mahathir*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- _____. 1988. *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing.
- _____. 1992. *Krisis Sultan-Menteri Besar: Apa Sebenarnya Terjadi*. Kuala Lumpur: Media Indah.
- _____. 1992. *Politik dan Raja*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Chandra Muzaffar. 1992. *Pelindung? Pulau Pinang*: Aliran.
- Coser, L. A. 1967. (ed) *Political Sociology*. New York: Harper & Row Publisher.
- Crouch, H. 1996. *Government & Society in Malaysia*. New South Weles: Allen & Unwin, St Leonards.
- Downtown Jr, J. V. 1993. *Rebel Leadership: Commitment and Charisma in the Revolutionary Process*. London: Collier-Macmillan Publishers.
- Eisenstadt, S. N. , & Lemarchand, R. 1981. (ed) *Political Clientelism, Patronage and Development*. London: Sage Publication.
- _____. , & Roniger, L. 1984. *Patron, Client and Friends: Interpersonal Relations and the Structure of Trust in Society*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Emerson, R. 1987. *Malaysia: Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Enloy, C. H. 1970. *Multi Ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Research Series, Center for Southeast Asian Studies. California: University of California Berkeley.
- Faaland, J., Parkinson, J., Rais Saniman. 1991. *DEB: Pertumbuhan dan Ketakseimbangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firth, R. 1966. *Kelantan: Malay Fishermen - Their Peasant Economy*. London: Routledge & K. Paul.
- Freund, J. 1968. *The Sociology of Max Weber*. Penguin Books.
- Funston, J. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study Of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Geerth, H. H., & Mills, C. W. 1974. (ed) *From Max Weber: Essays in Sociology*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Gellner, E. , & Waterbury, J. 1977. (ed) *Patrons and Clients*. London: Duckworth.
- Goh Cheng Teik. 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gomez, E. T. 1990. *Politics in Business: UMNO's Corporate Investments*. Petaling Jaya: Forum Enterprise.
- Gullick, J. M. 1978. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairany Naffis. 1993. (pynt) *Amalan Politik Malaysia: Esei Pilihan*. Bangi: Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hall, D. G. E. 1971. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. 1993. *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huntington, S. P. , & Nelson, J. M. 1986. *Sukarnya Membuat Pilihan: Penyertaan Politik Di Negara Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussain Yaakub. 1992. *Peribadi Tuan Guru*. Kuala Lumpur: Printers.
- Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ibrahim Saad. 1976. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Shari. 1988. *Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar Di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jackson, K. D. 1990. *Kewibawaan Tradisional, Islam dan Pemberantakan: Kasus Darul Islam Jawa Barat*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- _____. & Johaannes Moeliono. 1973. *Participation in Rebellion: The Dar'ul Islam in West Java*, Monograph Series No. 19. New Haven: Yale University, Southeast Asia Studies.
- Jailani Mohd Dom. 1979. *Sistem Patronage Di Kampung Bagan: Satu Kajian Kes, Latihan Ilmiah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K. S. 1988. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1979.
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1984.

- Kavanagh, D. 1984. *Political Science and Political Science and Political Behavior*. London: George Allen & Unwin.
- Kelantan. *Tinjauan Ekonomi dan Rancangan Pelaksanaan*. 1979. Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan.
- Kellerman, B. 1984. *Leadership: Multi-Disciplinary Perspective*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Kessler, C. S. 1978. *Islam and Politics in Malay State: Kelantan 1939-1969*. Cornell University Press, Ithaca.
- Khasnor Johan. 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.
- _____. 1996. *Educating the Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Khong Kim Hong. 1984. *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya 1945-1957*. Petaling Jaya: INSAN.
- Khoo Kay Kim. 1978. *The Western Malay States 1850-1873*. Singapore: Oxford University Press.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1988. *Thai-Malay Relations*. Singapore: Oxford University Press.
- Lande, C.H. 1965. *Leaders, Faction and Parties: The Structure of Philippine Politics*. New Heaven: Yale University Press.
- Lassey, W.R., & Sashkin, M. 1983. (ed) *Leadership and Social Change*. San Diego: University Associates Inc.
- Linehan, W. 1941. *Relations Between Thailand and the Southern States of the Malay Peninsula*. Published by Authority, Singapore.
- Loh Fook Seng. 1969. *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Dilema Melayu*. Federal Publications, Kuala Lumpur.
- _____. 1991. *UMNO Arah Abad ke-21*. Ucapan Dasar di Perhimpunan Agung UMNO ke-42, November 8.
- Majlis Gerakan Negara Malaysia. 1969. *Laporan Tragedi 13 Mei*. Kuala Lumpur. Malay Reservations Entactments No. 18 of 1930, *Panduan Pentadbiran Tanah*. (tiada penerbit).
- Malaya Merdeka*, 29 September 1955.
- Manifesto PAS Kelantan. 1986. Kota Bharu: Perhubungan PAS Kelantan.
- Marina Yusoff. 1990. *Time for Change*. Kuala Lumpur: The Champ.
- Mauzy, D.K. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia).
- Means, G.P. 1976. *Malaysia Politics*. London: Hodder and Stoughton.
- _____. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Milne, R. S., & Mauzy, K. 1982. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Ali Mohamed. 1976. *Sejarah Perkembangan dan Perjuangan UMNO Kelantan 1955-1959*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 1995. (pynt) *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Yunus Hamidi. 1961. *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara.
- Mohamed Khaiub Ismail. 1978-79. Pola Hubungan Patron-Client: Satu Kajian Kes di Kampung Serenggam, Maran, Pahang. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Salleh Lamry. 1992. *Paya Jejawi: Satu Kajian Antropologi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ali Kamaruddin. 1981. *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Hussin Khalii Haji Awang. 1970. *Kelantan: Dari Zaman Ke Zaman*. Kota Bharu: Pustaka Dian Press.
- Mohd Zain Saleh. 1985. *Sejarah UMNO Kelantan*. Kota Bharu: Jawatankuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan.
- Morais, J. V. 1969. (ed) *Strategy for Action; The Selected Speech of Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Al-Haj*, Malaysian Centre for Development Studies, Prime Minister's Department, Malaysia.
- Nash, M. 1977. *Peasant Citizens: Politics, Religion and Modernization in Kelantan, Malaysia*, Southeast Asia Series, No. 31, Center for International Studies, Ohio University.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1981. *Patani Di Akhir Pemerintahan Wangsa Tuan Besar 1896-1902: Satu Kajian Awal*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (kertas projek yang tidak diterbitkan).
- Nik Mahmud Bin Ismail. 1934. *Ringkasan Cetera Kelantan*, Kota Bharu.
- Norazit Bin Selat. *The Peasant-Client Relationship in Peasant Society*, Thesis M. A., Monash University, 1978.
- Nordlinger, A. E. 1977. *Politics and Society: Studies in Comparative Political Sociology*, New York: Prentice-Hall.
- Paige, G. D. 1977. *The Scientific Study of Political Leadership*, New York: The Free Press.
- Parry, G. 1976. *Power Elite*. London: George Allen & Unwin.
- Penyata Rasmi Perbahasan Dewan Undangan Negeri Kelantan*, Disember 24-26, 1960.
- Penyata Rasmi Persidangan Kali Pertama (Persidangan Belanjawan)*, Negeri Kelantan, 1960.
- Penyata Rasmi Belanjawan Bagi Tempoh Penggal Ke-4, 1966*, Negeri Kelantan, 1966.
- Perlembangan UMNO*, Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur, 1985.
- Phillip Loh Fook Seng. 1969. *The Malay States 1877-1895: Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rahmat Saripan. 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1978. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*. Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store.
- _____. 1993. *Dato' Onn Jafar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1996. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976.
- Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1981.
- Ranjit Gill. 1987. *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*. Petaling Jaya: nPelanduk Publications.
- Ratnam, K. J. 1982. *Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, & Milne, R. S. 1987. *The Malayan Parliamentary Election of 1964*. Singapore: University Malaya Press.
- Roberts, L. R. 1974. *Kelantan 1890-1939: Government in Transition*. Thesis M.A., Universiti Malaya.
- Roff, W. R. 1974. (ed) *Kelantan: Religion, Society and politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rokiah Talib. 1994. *Politik dan Isu Ekonomi Kelantan: satu kajian Sosio-ekonomi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House.
- Rosnah Majid. 1985. *Koleksi Temuramah Khas Tokoh-Tokoh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Sa'ad Shukri haji Muda. 1971. *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Sartono Kartodirdjo (ed). 1984. *Kepemimpinan dalam Dimensi Sosial*. LP3ES, Jakarta.
- Schmidt, S. W. et. al. (eds). 1985. *Friends, Followers and Faction: A Reader in Political Clientism*. New Haven: University of California Press.
- Sejarah Melayu*. 1992, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Shafruddin, B. H. 1987. *The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Shaharuddin Maaruf. 1988. *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Shamsul, A. B. 1986. *From British to Bumiputra Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia*. Institute Southeast Asian Studies, Singapore.
- _____. 1988. *Southeast Asian Affair*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Shaw, W. 1976. *Tan Razak: His Life and Time*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Berhad.
- Simandjuntak, B. 1985. *Federalism Tanah Melayu 1945-1963*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Smith, T. E. 1955. *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Sorauf, F.J. 1976. *Party Politics in America*. Little Brown, Boston.
- Steinberg, et. al. 1981. *Mengenal Sejarah Asia Tenggara Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suruhanjaya Pilihanraya. 1965. *Penyata Pilehanraya-Pilehanraya Umum Parlimen (Dewan Ra'ayat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964*. Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur.
- _____. 1980. *Penyata Pilehanraya Umum Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak, 1978*. Percetakan Negara.

- Suruhanjaya Pilihanraya. 1980. *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri Kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak, 1978*, Percetakan Negara.
- _____. 1983. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1982*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- _____. 1988. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- _____. 1992. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*, Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
- S. Husin Ali. 1978. *Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan*. Petaling Jaya: Karangraf.
- _____. 1982. *Masyarakat dan Kepemimpinan Kampung di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- _____. 1979. *Orang Melayu: Masalah dan Masa dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Adabi.
- Swartz, M. J. 1968. *Local Level Politics: Social And Cultural Perspectives*. London: University of London Press.
- Syed Husin Ali Al-Atas. 1972. *Modernisation and Social Change*. Sydney: Angus and Robertson.
- The Election Commission, Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Kuala Lumpur: Government Press.
- The Land enactment 1938. (tiada penerbit)
- Tunku Abdul Rahman. 1969. *May 13: Before and After*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Press.
- _____. 1981. *As a Matter of Interest*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- _____. 1987. *Political Awakening*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- UMNO, Penyata Tahunan 1961, Kuala Lumpur.
- Vasil, R. K. 1971. *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Vella, W. F. 1957. *Siam Under Rama III*, Locust Valley, New York.
- Wan Hashim Wan Teh. 1978. *A Malay Peasant Community in Upper Perak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Weber, M. 1964. *The Theory of Social and Economic Organization*. London: The Free Press.
- Winzeler, R. L. 1985. *Ethnic Relation in Kelantan*. Singapore: Oxford University Press.
- Yunus Hamidi. 1961. *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*. Kuala Lumpur: Pustaka Anita.
- Yusof Harun. 1991. *Tunku - Idealisme Dalam Kenangan*. Pulau Pinang: Yayasan Bumiputera Pulau Pinang.
- Zainuddin Maidin. 1994. *Mahathir Di Sebalik Tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- _____. 1997. *Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patrio*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zakry Abadi. 1992. *Mahathir Dalam Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Gelanggang Publishing.

Zulkifli Mohd Noor. 1980. Sejarah Pergerakan Politik Orang-Orang Melayu Kelantan Antara Tahun-Tahun 1945 hingga 1957 (Selain Dari PAS). Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

ARTIKEL/KERTAS KERJA

- Abdul Kahar Badar. 1973. Social Rank, Status, Honour and Social Class Consciousness Amongst the Malays. Dalam Hans-Dieter Evers (ed), *Modernization in Southeast Asia*. Oxford Universiti Press.
- Abercrombie, N., & Hill, S. 1976. Patronalism & Patronage. *British Journal of Sociology*, 26, 4.
- Adam, B. N. 1970. Broker and Career Mobility System in the Structure Complex Societies. *South Western Journal of Anthropology*, 26, 4.
- Allen, J. de V. 1968. The Kelantan Rising of 1915: Some Thoughts on the Concept or Resistance in British Malayan History. *Journal Southeast Asia History*, IX.
- Badrudin Samad. 1984. *Sejauhmanakah Berjayanya Dasar Ekonomi Baru Terhadap Rakyat Kelantan Selaras Dengan Peruntukan Belanjawan Yang Besar Diberikan Kepada Negeri Kelantan Untuk Tujuan Tersebut*. Kertaskerja Konvensyen Pembangunan Ekonomi dan Sosial Rakyat Kelantan, 3 & 4 November.
- Barnes, J. A. 1969. Networks and Political Processes. Dalam Swartz, m. j., (ed) *Local-Level Politics: Social and Cultural Perspectives*. London: University of London Press.
- Barth, F. 1977. Political Leadership Among Swat Pathans dalam Schmidt, S. W. . et . al. (eds), *Friends, Followers and Factions: A Reader in Political Clientelism*. Berkeley: University of California Press.
- Bass, B. M. 1990. From Transactional to Transformational Leadership: Learning to Share the Vision. *Organizational Dynamics*, 18.
- Bendix, R. 1968. Reflections on Charismatic Leadership dalam R. Bendix (ed), *State and Society*. Boston: Little Brown.
- Bendix, R. . & Lipset, S. M. 1957. Political Sociology: An Essay and Bibliography. *Current Sociology*, Vol. 2.
- Blok, A. 1969. Peasants, Patrons and Brokers in Western Sicily. *Anthropological Quarterly*, 42.
- Blok, A. 1970. Variation in Patronage. *Sosiologische Gids*, 6.
- Boissevain, J. 1969. Patron as Brokers. *Sosiologische Gids*, 6.
- _____ . 1964. Factions, Parties and Politics in a Maltese Village. *American Political Science Review*, No. 66.
- _____ . 1966. Patronage in Sicily. *MAN*, I, 18.
- Caciagli, M., & Belloni, F. P. 1981. The "New" Clientelism in Southern Italy: The Christian Democratic Party in Cetania dalam Eisenstaet, S. N. . & Lemarchand, R., (eds). *Political Clientelism, Patronage and Development*. London: Sage Publications.
- Chandran, J. 1971. The British Foreign Office and the Siamese Malay States, 1980-97. *Modern Asia Studies*.
- Chandran, J. . Perjanjian 1909 Antara Inggeris dengan Siam serta Latar belakangnya. *JEBAT*, Bil. 1, 1971/74.

- Clifford, H. 1961. Expedition to Terengganu and Kelantan. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, 34.
- Cohen, D. L. 1972. The Concept of Charisma and the Analysis of Leadership. *Political Studies*, Vol. XX, No. 3.
- Corbin, J. 1979. Social Class and Patron-Clientage in Andalusia: Some Problems of Comparing Ethnographics. *Anthropology Quarterly*, 52, 2.
- Cornelius, W. A. 1977. Leaders, Followers and Official Petrons in Urban Mexico dalam Schmidt, S. W., et al., (eds), *Friends, Followers and Fictions: A Reader in Clientism*. Berkeley: University of California Press.
- Crouch, H. 1992. Authoritarian Trends, The UMNO Split and the Limits on States Power dalam Kahn, J. S., & Francis Loh Kok Wah, *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. North Sydney: Allen & Unwin.
- Dion, L. 1968. The Concept of Political Leadership: An Analysis. *Canadian Journal of Political Science*, No. 1, March.
- Dobby, E. H. 1951. The Kelantan Delta. *Geographical Review*, 41.
- Drummond, S., & Hawkins, D. 1970. The Malaysian Elections of 1969: An Analysis of The Campaign and the Result. *Asian Survey*, 10, 4.
- Edinger, L. J. 1964. Political Science and Political Biography: Reflection on the Study of Leadership. *Journal of Politics*, XXVI.
- _____. 1974. The Comparative Analysis of Political Leadership. *Comparative Politics*, 7.
- Eisenstadt, S. N., & Roniger, L. 1980. Patron-Client Relation as a Model of Structuring Social Exchange. *Comparative Studies in Society and History*.
- Fagen, R. R. 1965. Charismatic Authority and the Leadership of Fidel Castro. *The Western Political Quarterly*.
- Flynn, P. 1974. Class, Clientism, and Coercion: Some Mechanisms of Internal Dependency and Control. *Journal of Commonwealth Politics*, Vol. 12.
- Friedland, W. H. 1964. For a Sociological Concept of Charisma. *Sosial Forces*.
- Graziano, L. 1973. Patron-Client Relationship in Southern Italy. *European Journal of Political Research*, III, 34, April.
- _____. 1976. A Conceptual Framework for the Study of Clientelistic Behavior. *European Journal of Political Research*, 4.
- Gellner, E. 1977. Patron and Client dalam Gellner, E., & Waterbury, J. (eds), *Patrons and Clients in Mediterranean Societies*. London: Gerald Duckworth.
- Gilmore, D. 1977. Patronage and Class Conflict in Southern Spain. *Man*, 12.
- Hagiwara, Yoshiyuki. 1972. Political Culture and Communalism in West Malaysia. *The Developing Economics*, Vol. X, No. 3, September.
- Hall, A. 1974. Patron-Client relations: Concept and Term. *Journal of Peasant Studies*, Vol. 1 no. 4.
- Hamdan Hassan. 1985. Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke-20 Masihi dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (pnyt). *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, bil. 3.
- Hanapi Dollah. 1983. Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Suatu Perbincangan Teoritis. *SARI*, 1 (2), Julai.

- Haron Daud. 1987. Konsep Raja dan Kerajaan Daripada Perspektif Historiografi Melayu. *AKADEMIKA*, Bil. 31, Julai.
- Homans, G.C. 1957. Social Behaviour as Exchange. *American Journal of Sociology*, Vol. 63.
- Hussain Mohamed. 1984. Perkembangan Politik Kepartian Mutakhir Di Malaysia: Satu Pemerihal umum Mengenai Tulisan-tulisan Politik Bukan Akademik Masa kini. *Malaysia Masa kini*, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ibrahim Nik Mahmood. 1974. The Tok Janggut Rebellion of 1915 dalam Roff, W.R., (ed), *Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ismail Bakti. 1960. Bunga Mas Golden Flower: Gift or Tribute. *Malaya in History*, vol. VI, No. 1.
- Ishak Tadin. 1960. Dato' Onn and Malay Nationalism, 1946-1951. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1.
- Kamaruddin Jaffar. 1979. Malay Political Parties: An Interperatative Essay. *Southeast Asian Affairs*.
- Kaufman, R. 1974. The Patron-Client Concept and Macro-Politics: Prospect and Problems. *Comparative Studies in Society and History*, 16(3).
- Kenny, M. 1960. Patterns of Patronage in Spain. *Anthropological Quarterly*, Vol. 33.
- Kershaw, R. 1989. Within The Family: The limits of Doctrinal Differentiation in The Malaysian Rulling Party Election of 1987. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, Vol. 23.
- Kessler, C. S. 1972. Islam, Society and Political Behaviour: Some Comparative Implication of the Malay Case. *British Journal of Sosiology*, XXIII.
- _____. 1974. Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan dalam Roff, W. R. (ed), *Kelantan: Religion, Society and a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Klein, I. 1968. British Expansion in Malaya 1897-1902. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. IX.
- _____. 1969. Britain, Siam and the Malay Peninsular. *The Historical Journal*, XII, 1.
- Lande, C. H. 1973. Networks and Groups in Southeast Asia: Some Observations on the Group Theory of Politics. *American Political Science Review*.
- _____. 1977. The Dyadic Basis of Clientelism dalam Schmidt, S. W., et. al. (eds), *Friends, Followers And Factions: A Reader in Political Clientelism*. Berkeley: University of California Press.
- Lemarchard, R. , & Legg, K. 1972. Political Clientelism and Development: A Preliminary Analysis. *Comparative Politics*, No. 2.
- Li Causi, L. 1975. Anthropology and Ideology: The Case of Patronage in Mediterranean Societies. *Critique of Anthropology*, 4:5.
- Littlewood, P. 1980. Patronage, Ideology and Reproduction. *Critique of Anthropology*, 15.
- Marriot, H. 1916. A Fragment of History of Terengganu and Kelantan. *Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society*, No. 72.
- Means, G. P. 1969. The Role of Islam in the Political Development. *Comparative Politics*, No. 1.

- _____. 1970. *Malaysia*. London: Hodder & Stoughton.
- _____. 1991. *Malaysia Politic: The Second Generation*, Singapore: Oxford University Press.
- Mills, L. A. 1960. British Malaya 1824-1866. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 33, Part 3, No. 191.
- Milne, R. S. 1973. Patrons, Client and Ethnicity: The Case of Sabah and Sarawak in Malaysia. *Asian Survey*, 13.
- Mohamed Nik Mohd. Salleh. 1974. Kelantan in Transition: 1891-1910 dalam Roff, W. (ed), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd, Ali Kamaruddin. 1995. Kuala Lumpur dalam Arus Politik Kelantan: Satu Tinjauan Terhadap Kepemimpinan UMNO Negeri dan Kesannya Kepada Kelantan dalam Mohammad Agus Yusoff (pynt) , *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, 1955-1995* Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____. dan Hanapi Dollah. 1993. Personaliti dan Kepemimpinan Politik: Tengku Razaleigh Hamzah dalam Persepsi UMNO dan PAS Kelantan Pilihanraya 1986 dalam Hairany Naffis, *Amalan Politik Malaysia: Esei Pilihan*, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____. 1998. Kepemimpinan Politik: Antara Kedudukan dan Personaliti. *PEMIKIR*, Januari-Mac.
- Mohd Aris Othman. 1983. The Sultanate as the Basis for Malay Political and Cultural Identity from A Historical Perspective. *SARI*, 1 (2) , Julai.
- Mubin Sheppard. 1978. In Grateful Memory of T. S. Dato' Ahmed Kamil bin Hj. Nik Mahmod. *Journal of Malaysia Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 51, Part 1.
- Nush, M. 1996. Tradition in Tension in Kelantan. *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 1.
- Ness, G. D. 1968. Expressive and Instrumental Leadership and The Goals of Government in Malaysia dalam Wijeyewardene, G. . *Leadership and Authority: A Symposium*. Centre for Southeast Asian Studies, University of Singapore.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh. 1974. Bunga Mas di dalam Sejarah Kelantan. *Berita Minggu*, Julai 14 & 21.
- _____. 1986. Tentangan Orang-orang Melayu Kelantan Terhadap Malayan Union. *Warisan Kelantan V*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu.
- Norazit Selat. 1980. The Patron-Client Relationship in Peasant Society: The Need for Patron. *Journal Antropologi dan Sosiologi*, Jil. 8.
- _____. 1981. Konsep Tanah di Dalam Masyarakat Melayu. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 10.
- _____. 1982. Role of Patron in Peasant Society with Special Reference to Malaysia and Philippines. *AKADEMIKA*, Bil. 20 & 21.
- _____. 1983. Penaung di Dalam Masyarakat Melayu: Tradisi dan Moden dalam Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff (ed), *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1984. Penaung dan Perantara di Dalam Masyarakat Melayu: Satu Konsepsualisasi Teoritis. *Rampatan Pengajian Melayu*, Jabatan Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bil. 1.

- Oomen, T. K. 1967. Charisma, Social Structure and Social Change. *Comparative Studies in Society and History*.
- Ozobodu, E. 1981. Turkey: The Politics of Clientism dalam Eisenstadt, S. N. , & Lemarchand, R. , (eds), *Political Clientelism, Patronage and Development*, Sage Publications, London.
- Pelras, C. 1988. Hubungan Ptron-Klien dalam Masyarakat Bugis dan Makasar. *Jurnal Antropologidan Sosiologi*, 16.
- Powell, J. D. 1970. Peasant Society and Clientelist Politics. *American Political Science Review*, 61.
- Radin Soenarno. 1960. Malay Nationalism 1896-1941. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1.
- Rahmat Saripan. 1986. *Tan Sri Nik Ahmed Kamil*. Kertas Kerja Seminar Biografi Malaysia, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, 26-28 April.
- Ratnam, K. J. 1964. Charisma and Political Leadership. *Political Studies*, Vol. XII, No. 3.
- Rentse, A. 1934. History of Kelantan I. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Jil. 12, Bah. 2.
- Robert, L. R. 1973. The Duff Syndicate in Kelantan 1900-1902. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol. XIV, Part I.
- Roberts, N. C. 1985. Transforming Leadership: A Process of Collective Action. *Human Relations*, Vol. 38, No. II.
- Roff, M. 1967. The Politics of Language in Malaysia. *Asian Survey*, Vol. 7, No. 5.
- Roff, W. R. 1974. The Origin and Early Years of the Majlis Agama dalam Roff, W. R. (ed), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rokiah Talib. 1983. The Politics of Land Development in Malaysia. *Manusia dan Masyarakat*, Jil. 4.
- Roth, G. 1968. Personal Rulership, Patrimonialism and Empire-Building in the New States dalam Bendix, R., (ed). *State and Society*. Boston: Little Brown.
- Rustam A. Sani. 1983. Kepemimpinan Dalam Perkembangan Politik Melayu Awal: Aspek Sosial dalam *Isu Ekonomi, Sosial dan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ . 1987. The Malay Ruling Elite in the Post-Colonial State of Malaysia. *Solidarity*, No. 114.
- Rudner, M. 1970. The Malaysian General Election of 1969. *Modern Asian Studies*.
- Sandbrook, R. 1972. Patron, Clients and Fictions: New Dimensions of Conflict Analysis in Afrika. *Canadian Journal of Political Science*.
- Sartori, G. 1969. From the Sociology of Politics to Political Sociology dalam Lipset, S. M., (ed), *Politics and the Social Sciences*. London: Oxford University Press.
- Schweitzer, A. 1974. Theory and Political Charisma. *Comparative Studies in Studies in Society and History*, 16.
- Scott, J. C. 1969. Corruption, Machine Politics and Political Change. *American Political Science Review*, December.
- _____ . 1972. The Erosian of Patron-Client Bond and Social Change in Rural Southeast Asi. *Journal of Asian Studies*, 32.
- _____ . 1972. Patron-Client Politics and Political Change in Southeast Asia. *American Political Science Review*, Vol. 66.

- _____. 1977. Patronage or Exploitation dalam Gellner, E. , & Waterbury, J., (eds), *Patrons and Clients in Mediterranean Societies*, Gerald Duckworth, London.
- Shahril Talib. 1981. Nineteenth Century Kelantan: A Malay Tributary State. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Jil. 9.
- Shamsul Amri Baharudin. 1977. Kepemimpinan Melayu: Jenis, Pola dan Peranan. *Dewan Masyarakat*, Januari.
- _____. 1980. Patron-Client Relationship in Peasant Society: A Theoretical Critique and A Re-Evaluation of Its Application to Malay Peasant Society. *AKADEMIKA*, Bil. 17.
- _____. 1982. The Patron-Client Relations as an Aspect of Peasant Ideology: A Note with Reference to Malay Peasant Society. *AKADEMIKA*, Bil. 20 & 21.
- _____. 1988. The Battle Royal: The UMNO Elections of 1987. *Southeast Asian Affairs*. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Sidhu, J. S. 1971. Kemajuan Pentadbiran Tanah Melayu 1896-1941 dalam Zainal Abidin Abdul Wahid (pynt), *Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Silverman, S. 1965. Patronage and Community-Nation Relationships in Central Italy. *Ethnology*, Vol. IV.
- Skinner, C. 1965. The Civil War in Kelantan in 1839. *Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 2.
- Smith, M. G. 1964. Historical and Cultural Conditions of Political Corruption Among the Hausa. *Comparative Studies in Society and History*, 6:1.
- Sorauf, F. J. 1959. Patronage and Party. *Midwest Journal of Political Science*, Vol.III, No. 2.
- _____. 1961. The Silent Revolution in Patronage dalam Banfield, E. C., (ed), *Urban Government: A Reader in Politics and Administration*, The Free Press.
- Stockwell, A. J. 1979. British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, No. 6, Kuala Lumpur.
- _____. 1977. The Formation and First Years of the United Malays National Organization (UMNO) 1946-1948. *Modern Asian Studies*, 11, 4.
- Stephenson, T. E. 1959. The Leader-Follower Relationship. *Sociological Review*, 7, 2.
- S. Hussain Ali. 1968. Pattern of Rural Leadership in Malaya. *Journal of Royal Asiatic Society*.
- _____. 1976. Political Functionaries in Rural Malaya dalam Banks, D. J., (ed), *Changing Identities in Modern Southeast Asian Societies*, Monton, London.
- Syed Ahmad Hussein. 1975. Structure Kepemimpinan Di Dalam Pembangunan Luar Bandar. *Dewan Masyarakat*, Julai.
- Tennenbaum, A. S. 1972. Leadership: Sociological Aspect. *International Encyclopedia of the Social Sciences*, Vol. 9.
- Tarkowski, J. 1981. Poland: Patron and Clients in a Planned Economy dalam Eisenstadt, S. N., & Lemarchand, R. (eds), *Political Clientelism, Patronage and Development*. London: Sage Publications.
- Theobald, R. 1982. Patrimonialism: Research Note. *World Politics*.

- Thio, E. 1969. Britain's Search for Security in North Malaya 1886-1897. *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 10.
- Tucker, R. C. 1997. The Theory of Charismatic Leadership. *Daedalus*, Summer.
- _____. 1977. Personality and Political Leadership. *Political Science Quarterly*, Vol. 7, No. 3.
- Vasil, R. K. The 1964 General Elections in Malaya. *International Studies*, Vol. VII, No. 1.
- Wang Gang Wu: 1960. An Early Chinese Visitor to Kelantan. *Malaya in History*, Jil. VI, No. 1.
- Wan Mokhtar Ahmad. 1985. UMNO, Islam dan Isu-isu Semasa, Kertas kerja Biro Agama UMNO Malaysia.
- Waterbury, J. 1977. An Attempt to put Patron and Clients in Their Place dalam Gellner, E., & Waterbury, J., (eds), *Patrons and Clients in Mediterranean Societies*. London: Gerald Duckworth.
- Weingroe, A. 1968. Patronage and Political Parties. *Comparative Studies in Society and History*, 10.
- _____. 1977. Patronage and Power dalam Gellner, E., & Waterbury, J., (eds), *Patrons and Clients in Mediterranean Societies*. London: Gerald Duckworth.
- William, V. 1965. Leadership Types Role Differentiation and System Problems. *Social Force*, March.
- Willner, A. R., & Willner, D. 1984. Kebangkitan dan Peranan Pemimpin-Pemimpin Kharismatik dalam Sartono Kartodirdjo (ed), *Kepemimpinan dalam Dimensi Sosial*. LP3ES, Jakarta.
- Winzeler, R. L. 1974. The Social Organization of Islam in Kelantan dalam Roff, W. R., (ed), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- _____. 1975. Tradisional Islamic School. *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Part 1.
- Wolf, E. R. 1966. Kinship, Friendship and Patron-Client Relations in Complex Societies dalam Banton, M. (ed), *The Social Anthropology of Complex Societies*. London: Tavistock Publication.
- Zainal Abidin Wahid. 1971. Munculnya Parti-parti Politik II dalam Zainal Abidin Wahid (pynt), *Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SUMBER ARKIB

UMNO SG86/50. Arkib Negara, Kuala Lumpur.

UMNO/SUA 62/56. Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Election Commission Report on the Parliamentary and State Election, 1959, Government Press K. Lumpur.

Fokus Negeri Kelantan 1978.

SUMBER ISU PEJABAT UMNO

UMNO, *Laporan Tahunan*, dari 1953/54-1984/87

AKHBAR BULANAN/MINGGUAN/HARIAN

Asian Wall Street Journal

Asiaweek

Berita Harian

Berita Minggu

Far Eastern Economic Review

Harakah

Majalah ERA

Majalah Massa

Mingguan Kota

New Straits Times

New Sunday Times

Mingguan Malaysia

Straits Times

The Star

TEMUBUAL

Abdullah Ahmad (Dato'). Mei, 1989. Bekas Setiausaha Politik kepada Tun Abdul Razak dan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Abdul Rahman Sulaiman, 11 April, 1989. Pegawai Penerangan di Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan, 1978 - 87.

Ahmad Shahabuddin Mohd Nor, 9 April, 1989. EXCO Kerajaan Negeri pada zaman Dato' Muhamad Yaacob.

Ariffin Salleh (Dato'), 9 April, 1988. Bekas Setiausaha Perhubungan UMNO Kelantan pada zaman Tunku Abdul Rahman. Bekas Setiausaha Barisan Nasional Negeri Kelantan (1973 - 1984), dan merangkap Pegawai Khas kepada Tengku Razaleigh.

Che Omar Awang Kechik, 22 November, 1987. Bergiat cergas dalam UMNO pada zaman Dato' Nik Ahmed Kamil dan Tengku Razaleigh. Bekas ADUN (1964 - 1986) dan bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tumpat.

Hassan Haji Muhammad, 9 April, 1988. Bekas pengarang *Majalah Pengasuh* dan bekas Ketua Pemuda UMNO Kelantan yang kedua. Bekas Ahli Parlimen dan ADUN PAS (1982 - 1990), bekas Bendahari PAS Pusat dan Setiausaha Agung Hamim pada zaman Dato' Muhamad Asri.

Hassan Haji Yaacob (Dato'), 9 Ogos, 1987. Bekas EXCO Kerajaan Negeri, 1955-1959.

Hussein Mahmood, 10 April, 1989. Bekas Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik kepada Dato' Muhamad Yaacob, sebelum "pulang" ke Kelantan pada 1978 dan bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan (1986-1990).

Ibrahim Mohamad, 9 April, 1989. Bekas wakil rakyat UMNO dan Parti Semangat 46 Kawasan Nilam Puri (1978-1990) dan Ketua UMNO Bahagian Nilam Puri, sehingga 1987.

- Mohd. Noor Rahim (Dato'). Mei 1994. Bekas Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan, Negeri Kelantan, 1990-94.
- Muhamad Asri Haji Muda (Dato'). 5 Julai, 1991. Bekas Menteri Besar Kelantan, Presiden PAS, dan Presiden Hamim. Bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas di dalam Kabinet Tun Abdul Razak.
- Muhamad Bin Idris. 21 November, 1987. Bekas EXCO Kerajaan Negeri Pada Zaman Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional (1973-1982).
- Muhammad Yaakob (Dato'/ Tan Sri), Mei, 1994. Bekas Menteri Besar Kelantan (1978-1990) dan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan (2984-2987), dan UMNO (Baru) dari 1988-1990.
- Nik Aziz Nik Mat. September, 1996. Kini, Menteri Besar Kelantan.
- Nik Hassan Nik Yahya (Dato'). 8 Ogos, 1987. Bekas Setiausaha Penerangan UMNO pada zaman Tun Abdul Razak dan Ahli Dewan Negara, 1960-1978. Beliau juga bekas Setiausaha Penerangan Parti Semangat 46 Kelantan (1989-1996).
- Nik Ismail Nik Hussein. 22 November, 1987. Bekas Setiausaha Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Othman Muhamad Udin. 11 April, 1988. Bekas ADUN dan EXCO Kerajaan Negeri (1955-1959). Beliau juga bekas Pengarah bahagian Penerangan Khas di Kementerian Penerangan Malaysia.
- Raja Mahmud Raja Mamat. 20 November, 1987. Bekas Timbalan Ketua UMNO bahagian Pasir Putih dan ADUN dan EXCO Kerajaan Negeri (1982-1990).
- Sharkhan Abdul Rahman. 27 November, 1987. Bekas Ketua Pemuda UMNO Kelantan dan Naib Ketua Bahagian Bachok pada zaman Dato' Nik Ahmed Kamil.
- Tengku Razaleigh Hamzah (Tan Sri). 25 Julai, 1989. Bekas Ketua Perhubungan UMNO Kelantan (1971-1984). Beliau juga bekas Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (1976- 1987) dan menjadi Ahli Parlimen Hulu Kelantan/Gua Musang dari 1974 hingga kini.
- Wan Lokman Haji Ahmad. 13 April, 1989. Bekas Setiausaha Penerangan UMNO Kelantan dan Ketua Parti Semangat 46 Bahagian Machang. Beliau juga Pengarah Jabatan Agama Islam Kelantan, selepas ditubuhkan pada 1978.

Indeks

- Abu Bakar Al-Ahmadi 79
Angkatan Perpaduan Ummah (APU) 15
ascribed patron-client 28
ascribed status 31
asymmetrical 40
- bangsawan Melayu 22, 67
bangsawan Melayu Kelantan 51
Barisan Nasional 14, 205
- Dasar Ekonomi Baru 21
Dato' Abdullah Mahmud 115
Dato' Ahmed Kamil 18
Dato' Ismail Mahmud 82, 83, 216
Dato' Bentara Kiri 81
Dato' Lela Jasa Abdullah Mahmud 115
Dato' Muhamad Asri 103, 113
Dato' Muhamad Yaacob 204, 206, 207
Dato' Musa 205
Dato' Nik Ahmed Kamil 76, 77, 79, 82, 83, 86, 97, 99, 100, 101, 102, 112, 120
Dato' Seri Setia Raja 97
Dato' Onn Jaafar 13, 76, 77
depersonalized 36
Dr. Mahathir 203, 206, 207
Dr. Nik Hussein Wan Abd. Rahman 125
- elit baru 19
elit neo-tradisional Melayu 97
elit tradisional 19
era kolonialisme 63
- Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan 79
gagasan politik baru 142
gejala *warlord* 90
golongan bangsawan 15
golongan pembesar 59
- Hamzah Ghani 79
Hindu 56
hubungan dyadik 40
hubungan interpersonal 40
Hussein Ahmad 200
- ikatan penaung-dinaung 40
institusi Sultan 54
Islam 56
- Kelantan 51, 162
kepemimpinan bangsawan 75, 81, 104-106, 111, 141, 152
kepemimpinan politik 25
kepemimpinan politik Melayu 19
Kepemimpinan UMNO 75, 181
kepentingan organisasi 45
kepercayaan legitimasi kuasa 36
kepercayaan yang membuta-tuli 34
ke pimpinan 13
kerajaan PAS 152
kerajaan UMNO 205
kewibawaan karismatik 35
kewibawaan legal-rasional 28, 29, 30, 36
kewibawaan tradisional 27, 31, 35
konsep perantara 20

- Majid Tahir 79
 Malayan Union 67, 68, 69
 masyarakat tradisional 26, 27
 model penaung-dinaung 21
 Muhammad Yaacob 202, 206, 207
 Musa Hitam 200
- Nik Aziz 99
 Nik Hassan Nik Yahya 79, 91
 Nik Mohd Amin Ali 79
- orang PAS 20
 orang UMNO 20
- parti Islam 106
 Parti Islam Se-Tanah Melayu 71, 77
 Parti Negara 71, 76, 77, 83, 85, 87, 88, 91
 Parti Semangat 46 14
 PAS 14, 89
 PAS Kelantan 109
 PAS-Semangat 46 15
 pembangunan 173
 pembangunan aktiviti keagamaan 171
 pembentukan imej 146
 pembinaan pengaruh 152
 pemimpin 26
 pemimpin berkarisma 32
 pemimpin hero 32
 pemimpin karismatik 32, 35, 37, 38
 pemimpin patrimonial 37, 38
 pemimpin politik simbolik 28
 pemimpin *transactional* 30
 pemimpin-penyelamat 33
 penaung politik 213
 penaung politik substantif 30
 penaung tradisional 42
 penaung-dinaung 17, 40, 41, 44
 penaung-perantara 43
 penaungan 13, 39, 75, 141, 180
 penaungan dan kepemimpinan politik Melayu 51, 63
 penaungan politik 51, 118
 penerusan politik pembangunan 162
 pengikut bertukar-tukar kepuasan 34
 peningkatan imej 173
 Perikatan 105, 106
 perlakuan 31
 Persatuan Melayu Kelantan 68
 Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan 68, 79
 Persekutuan Tanah Melayu 70
 pertukaran psikologi 17
 pilihan raya umum 1955 85, 87
 pilihan raya umum 1955 85
 pilihan raya umum 1959 15, 91, 92
 pilihan raya umum 1964 95, 99
 pilihan raya umum 1978 14
 pilihan raya umum 1990 15
political party-directed patronage 47, 48, 49
 politik Melayu 19
 politik pembangunan 128, 133
 projek pembangunan 131
 proses berbalas keuntungan 17
 proses *routinization* 37, 38
 protege politik baru 146
pseudocharism 39
- Rahman Akib 79
 Raja Mahmud Raja Mamat 125
 raja-raja Melayu 70
 Razak-Razaleigh 118, 128
routinization 36, 37, 38
- Sardon Jubir 79
Sejarah Melayu 53, 56
 Siam 64
 status sosial 28

sumber daya utama 42

Syed Jaafar Albar 79

Tengku Ahmad Rithauddeen 125

Tengku Ahmad Tengku Abdul
Ghafar 75

Tengku Indra Petra 18, 84, 85, 87,
88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 102

Tengku Mahmud Mahyidin 76

Tengku Noor Asiah 125

Tengku Panglima Raja 75

Tengku Razaleigh 17, 18, 70, 100,
105, 113, 152, 162, 208

tindakan-lapis peranan 42

Tok Kweng 62, 63, 66

Tok Nebeng 62, 66

tokoh bangsawan 211

Tuan Guru Haji Omar Haji Daud
103

Tun Abdul Razak 111, 114, 116,
122

Tunku Abdul Rahman 77, 79, 88,
93, 95, 97, 101, 114, 116

UMNO 67, 105, 106

UMNO Kelantan 13, 18, 75, 77, 85,
104, 141, 180, 191

Wan Abdul Kadir Ismail 115

Yusoff Zaki Yaacob 79